# KOLEKSI YANG QUEE YEE

BAHAGIAN

KERATAN SURATKHABAR

Tentang

# UKM

## Usul di-sidang agong Guru Maktab

# Segerakan Varsiti Kebangsaan

9/8/65

MELAKA, Ahad

KEMENTERIAN Pelajaran Malaysia akan di-desak supaya melaksanakan dengan segera penubohan Universiti Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar.

Desakan tersebut akan di-kemukakan oleh Kesatuan Guru2 Latehan Maktab Persekutuan Tanah Melayu, Chawangan Melaka dalam sidang perwakilan KGLM PTM yang berlangsongkan di - Kuala Lumpur sa-lama tiga hari dari 13 hingga 15 August.

### Masa depan

Setiausaha KGLM Melaka, Che' gu Pit bin Ismail memberitahu Berita Harian bahawa pehak kesatuan-nya mengemukakan usul itu kerana sudah sampai masa-nya Kementerian Pelajaran menubohkan Universiti tersebut untok menempatkan penuntut2 Sekolah2 Menengah Kebangsaan dan pelajar2 yang lulus dalam sijil pelajaran tinggi.

Beliau menerangkan bahawa dengan ada-nya universiti saperti itu, terjamin-lah nasib masa hadapan penuntut2 Sekolah2 Menengah Kebangsaan.

Che' gu Pit berkata kesatuan-nya akan mendesak supaya sidang perwakilan KGLM PTM menentang dengan sa-keras-nya sa-sa-tiap gulongan yang hendak menjadikan lain dari bahasa Melayu sa-bagai bahasa Kebangsaan Rasmi di-negara Malaysia

Chadangan2 lain dalam sidang perwakilan itu ialah:

- Mendesak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menggunakan hanya bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-Sekolah2 Menengah.
- Mendesak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya membatalkan Undang2 Hak Bersara bagi guru2 perempuan kaki-tangan Kerajaan sa-belum masok lengkongan bersara.
- Mendesak Pejabat Pelajaran Negeri supaya memberi tauliah kapada semua guru2 besar yang telah di-lantek sa-telah bertugas sa-lama enam bulan.
- Mendesak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mengakui kelulusan Guru2 Latehan Maktab SITC (MPSI) dan MWTC (MPPM) yang telah bekerja sa-belum 1 January 1957 sa-tarap dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia.

### Milek tanah

Kementerian Pelajaran juga di-desak supaya menarek sa-mula chadangan hendak membuka sekolah pada hari Juma'at, mengechualikan guru2 kaki-tangan Kerajaan dari undang2 memiliki tanah, harta dan lain2, melaksanakan tangga gaji guru pelawat Sekolah2 Rendah dan pengelola2 Sekolah Rendah sa-chepat mungkin, dan menggunakan bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran untok mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Pengantar Melayu.

## [...]ساتوان كيقسان كورو٢ سكوله كيقسان بواة سراتوس كفوتسن
## [...]نتاراث بربا كي٢ جنيس دسقن ترهادف كمنترين فلاجران

12/8/61

# [...]داكن يونيبرسيتي كيقسان

[...] كوالا ترڠكانو ١١ اوكس - كراجان [...]كتوان مليسيا تله دمنتا سفاي برتيندق [...] منوبهكن سبواه يونيبرسيتي كيقسان يغ [...] انتوق منمفوغ فلاجر٢ دري سكوله [...]سان يغ سماكين بسر دان ملواس سكارغ.

[...] اداله داتارا 100 بواه [...]س يغ دبواة اوليه [...]دقن اكورغ كناتوان [...]ان كورو٢ سكوله كيقسان [...]رسيدغ دسيتي سلما امفة [...] اين.

[...]ناتوان اين برفنداقة بهوا [...] اونيبرسيتي كيقسان [...] فرلو دان مستحق دالم [...]ه نكارا يغ مرديكا دان [...] كماجوان سرت [...]وقن.

[...]تان كفوتوسن٢ لاين اياله [...] كراجان مقادكن ففرقسان [...]ك انتوق سيجيل تيغكي [...]ولهن (ايج. ايس. سي.) دقن [...] فقتر بهاس ملايو.

[...]دسق سفاي كمنترين [...]ان مندريكن بالقوتن [...]٢ منقه كيقسان دتمفة٢ [...]وم اد دان مستحق دادكن.

[...]دسق كمنترين فلاجران [...] كورسوس خاص دمكتب [...] كوالا لمفور مقكولاكن [...] فقتر بهاس كيقسان دان دريكن فلواغ لبه لواس كلد كورو٢ ملايو.

منتا كمنترين سفاي درجه ساتو دسكوله٢ جنيس كيقسان يغ مندافة بنتوان فنوه مقكولاكن بهاس فقنتر بهاس كيقسان مولاي تاهون 1967 اين.

فرسيداغ اين جوك مندسق كمنترين فلاجران ليف٢ سكوله رنده دان منقه سرت ستروسن منداڤة ماكني بوكو٢ فلاجران يغ براونسوركن كيقسان.

مريكا دان منتا كمنترين فلاجران مقادكن كورو٢ مقاجر بهاس انكريس دان اڬام دسكوله٢ يغ بلوم اد كوروث.

ميكرا كن مسلقان رنچاڠن منجاديكن كورو٢ اڬام دسكوله٢ كيقسان دان جنيس كيقسان دباوه تدبير كمنترين فلاجران مليسيا سنديري.

كمنترين فلاجران جوك ددسق سفاي براوسها مقادكن بوكو٢ فلاجران اڬام اسلام يغ سام دفرسكتوان باكي سكوله٢ رنده اتو منقه كيقسان.

بوكو٢ تيوس فرچوما يغ منجوكفي انتوق سكوله٢ كيقسان جوك دكتا سفاي كمنترين مقادكن.

كناتوان اين جوك مقهندقكي سفاي كراجان مينيق كبانتوان بوكو فنراتوران فرجوان انتوق دسمڤايكن دقن كلولسن ملالوي بهاس فقنتر كيقسان بكيتو جوك منتا كراجان مبايار كنتريبوسي ترهادف كورو٢ يغ مننكل دنيا كتيك برتوكس.

لاين٢ كفوتوسن لاكي انتاران مقتاي كمودهن اهليڽ٢ دان فرجواغن تقڠك كناجي دان لاين٢. جوك سوال٢ مقنكن كمودهن دان فرجلانن كناتوان اين سنديري.

21/10/61

# فرسوالن يونيبرسيتي كبغسائن

اوله:
يوسف حسين
يونيبرسيتي
ملايا

يونيبرسيتي سبݢيمان يغ كيت سام٢ معلومي اياله سبواه اينستيتوسي فلاجرن يغ ترتيغݢي سكالي دالم سبواه نݢارا يغ ممبريكن كمودهن بوكن ساج انتوق بلاجر دان مغاجر تتاڤي جوݢ انتوق ممبواة سرب ماجم ڤڽليديقن. اي جوݢ مروڤاكن ساتو٢ اينستيتوسي فلاجرن يغ برحق مڠورنياكن اجازه هيڠݢ كڤرينغكت ڤي. ايچ. دي. اتو ڤون دقتورية.

كبغسائن اداله ترجماهن سچارا لڠسوڠ دري بهاس اڠݢريس ناشيونل. انتوق ممبريكن ڤهامن تنتڠ ڤركتاان ناشيونل المنوقله ساي هوراٴيكن اف يغ دمقصودكن دڠن ليشن. ليشن منوروة ڤڠرتين سوسيال ساينس اياله ساتو مشاركة مانسي يغ مڠوباي كسدارن كبغسائن. بهاس كبغسائن دان كبودايائن سام. اهلين٢ مڠوباي لاتر بلاکڠ سجاره يڠ سام دان دنيتجاو دري سݢي كسلوروهن اهلين٢ جوݢ مڠوباي نيلاي٢ هيدوف، سينتيمين كبغسائن، كهيدوڤن ايكونومي دان جوݢ فروانقڽ كبغسائن (ناشيونل كاريكتر) يغ سام.

ناشيونل سباݢاي كات تربيتن دري ليشن برمعني سکل يغ برهوبوغ دان اد كاٴيته مقابلة دڠن ليشن.

برداسركن هوراٴين٢ داتس دانتله دکتاکن بهوا يونيبرسيتي كبغسائن اتو ناشيونل يونيبرسيتي اداله سبواه يونيبرسيتي يغ وجودڽ اداله انتوق توجوان. كفنتيڠن دان چيتا٢ كبغسائن.

انتوق بتول٢ برصفة كبغسائن سبواه يونيبرسيتي هاروس كبغسائن دري سݢي ستروكتور دان جوݢ دري سݢي چيتا٢.

كبغسائن دري سݢي ستروكتور برمعني بهوا تيف٢

دري وركانݢارا ايت سنديري يغ برخدمة انتوق كفنتيڠن نݢارا ايت سنديري. فنشرح٢ اسيڠ هاڽ دفرلوكن خدمتڽ افبيل تيدق اد الڠ نݢري يغ لايق منداڤت جواتن ايت مريك هاروس مروڤاكن سفيشاليس٢ دالم لاڠنڽ اتو تيدق سكالي٢ هاروس دجاديكن كتوا جباتن، دكن٢ فاكولتي، چنسلر اتو ڤون ناٴيب چنسلر.

**بهاس ڤڠنتر دالم سکل فاكولتي- سسترا، ساينس، ڤرتانين، كجوروتراٴن دان ڤراوباتن- سدافتن٢ هاروس مروڤاكن بهاس كبغسائن نݢارا ايت سنديري. سکل ڤرتوبوهن٢ دالم يونيبرسيتي، بايك ڤرساتوان مهاسيسوا، ماوڤون ڤرساتوان بهاس، ايكونومي، سجاره، علمو عالم اتو ڤون ساينس هندقله برݢرق انتوق كفنتيڠن كبغسائن دان تيدق**

**ڤارتي ڤوليتيك يغ انتي- كبغسائن.**

كبغسائن دري سݢي چيتا٢ برمعني بهوا سکل ڤڠاجرن دان ڤڽليديقن يغ دجالنكن هندقله انتوق كفنتيڠن كبغسائن، كبهاݢيان، كماجوان دان ڤرڤادوان كبغسائن. كولياه دان ڤڠاجرن يغ دجالنكن جاڠنله سمات٢ برتوجوان انتوق مڠلواركن مهاسيسوا يغ منتيڠكن ديري سنديري اتو ڤون يغ چوما برچيتا٢ هندق منجادي ڤڬاوي٢ عيم. سي. ايس. تتاڤي هندقله برتوجوان مڠلواركن مهاسيسوا يغ بكرج انتوق چيتا٢ كبغسائن دان جوݢ ڤارا اينتيليكچوال يغ اكن تروس منروس منيمبڠكن علمو ڤڠتهوان انتوق كفنتيڠن كبغسائن ولوڤون سوده برتاهون٢ منيڠݢلكن كمڤوس يونيبرسيتي.

**وركانݢارا**

دري اف يغ ساي كتاكن تادي

ملايا يغ وجود سكارغ اين[illegible]
دانله كيت الڠكف س[illegible]
يونيبرسيتي كبغسائن. دري[illegible]
ستروكتور كيت داڤتي بهو[illegible]
كتوا جباتن ترديري دري ا[illegible]
يغ بوكن وركانݢارا نݢري[illegible]
يغ چيتا كاسيهن ترهاداف[illegible]
اين امة كيت راݢوكن. م[illegible]
كتوا جباتن ڤڠاجين تاميل[illegible]
وركانݢارا ريڤبليك انديا،[illegible]
جباتن ڤڠاجين تيوغهوا ا[illegible]
وركانݢارا جرمن دان اڤ[illegible]
امة مبديهكن اياله ك[illegible]
ڤنشرح٢ جباتن ڤڠاجين
اداله اورڠ٢ يغ بوكن ورك[illegible]
مليسيا. چوما كتوا [illegible]
ڤڠاجين ملايو، ايكونومي،[illegible]
دان علمو عالم ساج ترد[illegible]
دري وركانݢارا مليسيا.

ساي تيدق هندق منتور[illegible]
ڤنشرح٢ فاكولتي ساي[illegible]
ڤراوباتن، ڤرتانين، اتو
كجوروتراٴن كران سودارا٢
دالم مغاكي تتڤا ديريتاو[illegible]

مبوڠن دري موك امڤة ٥

كن ڤنشرح٢ كاٴن فاكولتي
رديري دري اورڠ٢ يڠ
ن وركاناڬارا مليسيا.
دري سكي سترقچر جوڬ
، دافتي بهوا٢ سلاين دري
ن ڤڠاجين ملايو، جباتن٢
ماسيه مڠڬوناكن بهاس
يس سباڬي بهاس ڤڠنترن.
تانه يونيبرسيتي ملايا فول
كن تمڤة يڠ خاص اف لاڬي
ستميوا.

سكارڠ تيمبول سوالن:
سكين كيت موجودكن
بيرسيتي كبڠسان يڠ
تاكن٢ اوله سلوروه مشاركة
و فد زمان اين. دڠن تكنس
كتاكن بوله تنتاڤي دڠن
سلوروه مشاركة ملايو
سوق كراجان هندقنه بتول٢
سها كاره ايت. لڠكه٢ تكنس
فركتيس سفرت يڠ ساي
كاكن دباوه اين هندقله
دڠن سرتمرت.

رتام٢ كيت هندقله
ككن **نيلاي ايكونومي بهاس**
و دان منورڠكن نيلاي
نومي بهاس انڬريس. لڠكه
فرلو دامبيل بوكن ساج
ق مڠكالقكن اورڠ٢ ملايو
ورڠ٢ بوكن ملايو مڠهنتركن
٢ مريك كسكوله ملايو
ي جوڬ اونتوق منداوروڠكن
وله٢ چينا يڠ منريما بنتوان

# ڤرسوآلن يونيبرسيتي كبڠسان

دري كراجان مڠڬوناكن بهاس
ملايو سباڬي بهاس ڤڠنترن
دان تيدق بهاس انڬريس
سفرت سكارڠ اين. ميمڠ تيدق
موڠكين باڬي سكوله٢ منڠه
جينا مڠڬوناكن بهاس ملايو
سباڬي بهاس ڤڠنترن جك
نيلاي ايكونومي بهاس انڬريس
ماسيه لاڬي. سفرت زمان
ڤنجاجه دهولو.

ساتو لڠكه يڠ مستي دامبيل
اوله كراجان سكارڠ اين ايالاه
منجاديكن سكوله٢ كبڠسان يڠ
كيتا ڤكتن دكاواسن٢ لوار
بندر بتول٢ برصفة كبڠسان.
سسواتو يڠ برصفة كبڠسان
سكيمان يڠ سودارا٢ كتهوي
هاروس استيميوا دري سسواتو
يڠ تيدق برصفة كبڠسان. اوله
ايت سوده سواجرڽاله سكوله٢
كبڠسان دڠكري اين هاروس
استيميوا دالم سڬل ڤركارا دري
سكوله٢ يڠ بوكن كبڠسان.
اين برمعني بهوا سكوله٢
كبڠسان يڠ اد سكارڠ اين
هاروس دبريكن باتوان،
كلڠكاڤن، ڬورو دان الة ڤڠاجر
يڠ سام دڠن يڠ دبريكن كڤد
سكوله٢ يڠ بوكن كبڠسان.

سبواه يونيبرسيتي كبڠسان
تيدق دافة دديريكن دڠكارا
اين جك كيت هان مڠوباي
سبواه **سكوله عالم شاه** يڠ هان
دافة مڠلواركن دانتارا 32
هڠڬ 60 اورڠ چالون مهاسيسوا
تيف٢ تاهون. سبواه
يونيبرسيتي كبڠسان دالم
ڤڠرتين يڠ "ايديال" ممرلوكن
سكورڠ٢ 1000 اورڠ مهاسيسوا
بارو تيف٢ تاهون. اين
برمعني مشاركة مليسيا
ممرلوكن ليبيه بڽق لاڬي سكوله٢
منڠه ملايو يڠ ممبريكن ڤلاجرن
هيڠڬ كتيڠكتن اتس. دان اوله
كران 80 ڤراتوس اورڠ٢ ملايو
تيڠڬل دكاواسن لوار بندر
تراوتاماڽ دڠكري٢ كلنتن،
ترڠڬانو، قدح دان ڤرليس مک
سكوله٢ منڠه كبڠسان هندقله
دديريكن دكاواسن٢ لوار
بندر. تيدق برمعني سكالي
جك كيت منديريكن سكوله٢
منڠه كبڠسان دبندر٢ بسر
سفرت كوالا لمڤور، ايڤوه دان
سرمبن دان بيلاڠن اورڠ٢
ملايو يڠ مڠهنتركن انق٢
كسكوله كبڠسان اداله كچيل
سكالي.

افبيل كيت هندق
ممفركوكوهكن سواتو سيستم يڠ
بارو كيت هاروس ملمهكن
سيستم يڠ لام. افبيل كيت
هندق ممفربايقكن سكوله٢
منڠه كبڠسان كيت هاروس
ممبرهنتيكن ڤمبينان٢ سكوله٢
منڠه انڬريس. لڠكه اين فرلو
دامبيل جك كراجان بنر٢
هندق موجودكن سبواه
يونيبرسيتي كبڠسان. تيدق
ڬون كراجان ملاوڠكن٢ هندق
ممفركوكوهكن ڤلاجرن ملايو
جكالو جمله سكوله٢ منڠه
انڬريس يڠ دبينا جاوه
مڠاتسي جمله سكوله٢ منڠه
كبڠسان. مثالڽ فد تاهون
لالو دري ليم بواه سكوله
منڠه يڠ دباڠونكن دسلاڠور
تيڬ دارينڽ اداله سكوله منڠه
انڬريس. جوما دوا بواه ساج
سكوله منڠه كبڠسان. جكالو
كادان سفرت اين برلنجوتن
ساي كواتير سمڤي بيلا٢ ڤون
ڤلاجرن ملايو ڽايت ڤلاجرن
كبڠسان تكري اين تيدق دافة
مڠاتسي ڤلاجرن دالم بهاس
انڬريس.

سكارڠ سمڤيله ساي كڤد
توجوان ڤوكوق. يونيبرسيتي
كبڠسان يڠ فد وقت اين بلوم
لاڬي وجود. انداٴيكات
دتقديريكن توهن يونيبرسيتي
كبڠسان كيت وجود توجوان
اوتماڽ ايالاه مڠوجودكن سبواه

درق اف يڠ ساي كاتاكن
اول٢ تادي جلسله كڤد كيت
بهوا مليسيا سكارڠ اين بوكن
مروڤاكن سبواه "**نيشن**". اي
هاڽ مروڤاكن سبواه "**ستية**".
اين اداله كران دمليسيا سكارڠ
اين تيدق ترداڤة سبواه
"نيشن". سباليكن كيت
مڠوباي تيڬ مشاركة يڠ بسر
يڠ ماسيڠ٢ مڠوباي چارا
هيدوڤ. لاتر بلاكڠ كبوداياٴن
دان نيلاي هيدوڤن يڠ
ترسنديري. اورڠ٢ ملايو
امڤماڽ برتومڤو دكاواسن٢
لوار بندر دان مڠرجاكن
اكتيبيتي٢ ايكونومي ڤرتانين
سدڠكن اورڠ٢ چينا هيدوڤ
دكاواسن٢ بندر دان مڠرجاكن
اكتيبيتي ايكونومي ڤرداڬڠن
دان ڤراوسهان. كيت جوڬ
تيدق دافة مڠتاكن بهوا
مشاركة بوكن ملايو دڠكري
اين سوده منريما بهاس ملايو
سباڬي بهاس كبڠسان يڠ
توڠڬل دالم ارتيكات يڠ
سبنرڽ.

**ساتون٢ جالن باڬي
مڠوجودكن ساتو مشاركة
مليسيا يڠ اوتوه دان جوڬ
ملاهيركن سبواه "نيشن"
ايالاه منروسي ساتو سيستم
ڤلاجرن كبڠسان، يايت
ڤلاجرن منروسي سكوله٢ دان
جوڬ يونيبرسيتي كبڠسان.**

# يونيبرسيتي كبڠسائن

## بوكن توكنس اورڠ٢ ملايو سهاج؟

7/11/65



امين الدين باقي

**[illegible] سئله مڠيكوتي بواه فيكيران درڤد اهل٢ [illegible] ڤروڬرام ''مسئله يونيبرسيتي كبڠسان'' [illegible] مڠكوهن مسئله ايت بوكنله مسئله يڠ تيدق [illegible] بوله دأتسي. جوسترو كيت ترڤقسا بكرج دان [illegible] تيندقن٢ يڠ چڤت دان تڤت سبلوم سسوات [illegible] ڤركارا ايت منيڠكت كڤد ڤريڠكت ''ده ترلمبة'' [illegible] دهشة!**

[illegible] ڬمان بسوق٢ ملايو (مهاسيسوا٢) ڤرلو سنتياس اين؟ ''[illegible] سچيل منونتوق٢ مينتا. ''كالو راماي يڠ ڤرلو٢ ملايو لڤسن يونيبرسيتي اين ماو بربكتي خدمت دالم جابتن ڤلاجران سڤرتي جوڬ يونيبرسيتي كبڠسان، ايبوق بوله كيت دبريكن يونيبرسيتي كبڠسان...... تا فايده لوڠكو سڤولوه تاهون لاڬي''. دمكين ڤولا سبهاڬين درڤد سوارا٢ امين الدين باقي كتوا ڤنسيحت ڤلاجران [illegible] مليسيا يڠ معمور.

تيدق اد

[illegible] ساي ڤيكيركن حال اين، ساي جوب بوات [illegible] جواتنكواس ڤنيمبڠ [illegible] ڤلاجران 1960. ساي جاري باب٢ كالو٢ اد سوال يونيبرسيتي كبڠسان دسنتوه. تا اد [illegible] تولوڠله قول كالو ساي [illegible] يڠ ساي جمڤا [illegible]

دباوه تاجوق: كورو لڤسن يونيبرسيتي دان فنترن باڬي مكتب لاتيهن مولا سورة 34 ڤرڬكن 271 ترتوليس بكيتو:

''انتوق مڠاتسي ككوراڠن كورو٢ لڤسن يونيبرسيتي دان فنترن٢ مكتب لاتيهن، مك دشوروكن سڤاي دادكن ليه باڽق لاڬي هديه٢ ڤلاجران (بورسياريس) كڤد ڤنتوت٢ انتوق ممبنتو مريك دالم ڤلاجران مريك دي يونيبرسيتي. ترواتام سکالي کڤد ڤنتوت٢ يڠ مڠمبيل بهاس ملايو سکورڠ٢ سباڬي مڤلاجرن ڤيليهن (سنداڤري).

272. دان لاڬي كامي مشوروكن ڤولا، سباڬي مڠالقكن لڤسن٢ يونيبرسيتي [illegible] ڤرخدمتن ڤلاجران مك سکورڠ٢ باڬي بيراڤ تاهون يڠ اكن داتڠ، مريك هندقله دامبيل ترس كدالم ڤرخدمتن ڤلاجران سباڬاي٢ ساج مريك مندافة اجازه. [illegible] سئله مولا بكرج سوليهله [illegible]

فتوه انتوق مڠمبيل ديڤلوما ڤلاجران يڠ دواجبكن باڬين ايت.

مان بوكن ملايو

271. كامي جوڬ برڤنداڤة بهوا لڠكه٢ يڠ جرڬس هندقله دجالنكن انتوق مناريق دان مڠكالقكن لڤسن٢ يونيبرسيتي تانه

اوله:

**سري انا**

ملايو مڠمبيل ڤلواڠ يڠ استيميوا انتوق ماجو دالم ڤرخدمتن ڤلاجران يڠ بركمبڠ دڠن ڤستن ايت''.

بكيتوله٢ بوبي [illegible] يڠ تله وجود ليم تاهون يڠ لالو يايت دالم تاهون 1960. سكارڠ [illegible] يڠ [illegible] كيت [illegible] كالو كيت [illegible] يونيبرسيتي.

ساي [illegible] عادل كالو مهاسيسوا٢ ملايو ساج يڠ [illegible] **يونيبرسيتي كبڠسان بوكن توكنس اورڠ ملايو ساج.** مان ڤركين ڤلاجر٢ بوكن ملايو؟ اڤكه سوميتالن يڠ هندق مريك بريكن ترهادڤ ڤركارا مريكا اين؟ سوال٢ يڠ ماچم اين ڤرلو جوڬ دفيكيركن اوله كلوارڬ٢ ڤلاجران دان ڤنوكوه٢ [illegible] كيت.

### ڤركارا ڤنتيڠ

[illegible] هديه ڤلاجران ساي [illegible] اكن [illegible] مهاسيسوا كيت يڠ [illegible] بياسيسوا، ساي [illegible] بياسيسوا٢ ايت كڤد ڤلاجر٢ [illegible] دان [illegible] شرط٢ يڠ [illegible] اين [illegible] بوله [illegible] كيت يڠ [illegible] ايت [illegible] كيت انتوق [illegible] يونيبرسيتي كبڠسان [illegible] دكت.

يونيبرسيتي كبڠسان باڬي مليسيا اداله ڤركارا يڠ مستي دڠن [illegible] يونيبرسيتي كبڠسان باڬي كيت [illegible] دهاركن اڬر [illegible] مشاركة [illegible] يڠ ملاهيركن دان [illegible]

[illegible] باڬي [illegible] كيت. [illegible] جوڬ اكن دافة [illegible] باڬي كيت [illegible] مسئله تكارا كيت يڠ [illegible] منورة چارا٢ كيت [illegible] مسئله يڠ تيمبول دتكارا اين اداله [illegible] دڠن [illegible] اوله اورڠ٢ تكارا اين ترواتام سکالي مريك يڠ [illegible] دڠن [illegible] يڠ سبهاڬين [illegible] يونيبرسيتي. هندق [illegible] اد اورڠ٢ يڠ [illegible] كالو [illegible] يونيبرسيتي كبڠسان يڠ [illegible] ايت [illegible] اكن [illegible] ڤلاجران [illegible] حال يڠ [illegible] اين [illegible] **ڤڠوربانن يڠ سمڤورنا**

[illegible] كيت [illegible] دان [illegible] كبڠسان كيت.

**بكيماناكه كيت ماسيه ڤرچاي مڤلاجرن سوارتڠ، ايكونومي دان لاين٢ مڤلاجرن ''ارتس سودهله بوله دجالنكن دالم بهاس كبڠسان، اڤكه تيدق موڠكين كيت دهولوي ڤنوبوهن يونيبرسيتي كبڠسان اين منجاديكن ''فاكولتي ارتس'' سباڬاي لڠكه ڤرتام، ماس اين جوڬنا؟ فاكولتي يڠ لاين٢ اكن كيت ''كبڠساأنكن'' ادمان٢ يڠ [illegible] بيارله اورڠ يڠ [illegible] دان برسڤاله منجواب سوال٢ اين**

28/3/60

# Universiti khas utk murid2 lepas menengah Melayu



INCHE KHIR

Oleh OTHMAN AHMAD

KUALA LUMPUR, Ahad

MENTERI Pelajaran Inche Khir Johari, telah "bersetuju" dengan chadangan sa-orang anggota Parlemen supaya sa-buah Universiti Kebangsaan untok menampong pelajar2 lepasan Sekolah Menengah Melayu di-dirikan negeri ini.

Usul ini telah di-kemukakan oleh Dato Abdullah bin Abdul Rahman (Perikatan-Kuala Trengganu) dalam Parlemen yang bersidang minggu lalu.

Kata-nya: "Sekolah2 khas patut-lah di-dirikan dengan segera di-kawasan2 luar bandar untok mendidek pelajar2 yang hanya dapat pangkat ketiga dalam pepereksaan Sijil Persekolahan.

"Sa-buah Universiti Kebangsaan dapat di-dirikan dengan segera kalau Kerajaan benar2 berusaha mendirikan-nya, dan jangan di-ambil berat tentang mutu akademi Universiti itu nanti," kata Dato Abdullah.

Inche Khir Johari, ketika di-temui menyatakan: "Saya bersetuju dengan shor itu, tetapi untok mengadakan Universiti Bahasa Kebangsaan kita mesti-lah mempunyai chukup pensharah2."

## Hasrat

Beliau menambah bahawa memang-lah telah menjadi hasrat Kerajaan untok mengatasi kesulitan yang di-hadapi oleh pelajar2 Melayu sekarang ini yang lulus dari Sekolah Menengah Melayu.

Menurut Inche Khir, Kerajaan sekarang belum ber-

## Chita2

Chita2 ini akan dapat di-hasilkan bila telah chukup dan ada guru2 yang berpengalaman dalam Bahasa Kebangsaan.

Inche Khir menambah bahawa ranchangan untok mengadakan dua buah Universiti Kolej ini bergantong kapada keputusan Jawatankuasa Badan Tertinggi Pelajaran yang akan membuat laporan mengenai-nya kapada Kerajaan nanti.

Jawatankuasa ini akan melaporkan pendapat2-nya kapada Kerajaan chara2 menubohkan Universiti Kolej itu.

(Pengerusi Jawatankuasa tersebut ia-lah Menteri Pelajaran Inche Khir Johari).

# KKGSK akan beri derma Universiti Kebangsaan

3/1/68

KESATUAN Kebangsaan Kebangsaan (KKGSK) Selatan akan menderma Universiti Kebangsaan dalam tiga bulan lagi.

MORIB, Khamis. Guru2 Sekolah Kechawangan Selangor kapada tabong Uni-

Wang derma itu akan di-serahkan sa-baik2 wang $400 dari jumlah $1,210, yang di-chadangkan dapat di-kutip dari ahli2 dalam jangka itu.

Ini telah di-nyatakan oleh Enche' Kamaruizzaman bin Idris, Setiausaha KKGSK chawangan ini kapada Berita Harian di-sini baru2 ini.

Kata-nya: "Wang sajumlah $810 untok derma itu telah pun ada dalam simpanan di-Ibu Pejabat KKGSK di-Muar — melalui potongan sharikat PERKASA $10, tiap2 saorang ahli."

"Bila wang $400 terkumpul dari ahli2 di-sini dalam masa tiga bulan itu kemudian di-serahkan kapada Ibu Pejabat di-Muar."

## Sumbangan

"Chara2 hendak menyerahkan wang itu pula kapada Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan terpulang-lah kapada pehak Ibu Pejabat itu sendiri," kata-nya.

Menurut-nya, derma tersebut ada-lah sabahagian daripada yang di-janjikan oleh KKGSK sa-banyak $30,000 untok Presiden KKGSK Enche' Ahmad Abdul Rahman, jika ia di-berhentikan.

Kelmarin KKGSK chawangan Kelantan telah menerima wang sa-jumlah $1,000 sumbangan pertama yang di-janjikan sa-banyak $5,000 — pungutan derma $10 tiap2 sa-orang ahli.

# K'jaan Pahang tawar tanah untok dirikan Versiti K'saan

**KUANTAN 4 OGOS**

KERAJAAN Pahang telah menawarkan sa-keping tanah sa-luas 1,000 ekar untok mendirikan Universiti Kebangsaan di-negeri ini.

Ketika mengumumkan ini hari ini, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Haji Yahaya bin Haji Mohamad Seh menerangkan bahawa terpulang-lah kapada Kementerian Pelajaran sama ada untok di-jadikan tapak pembenaan universiti itu atau lain2 ranchangan, termasok kawasan pertanian.

Pengumuman ini di-buat oleh beliau ketika berochap di-pembukaan meshuarat agong yang ke-5 Dewan Persuratan Melayu Pahang di-Dewan UMNO Temerloh pagi ini.

## FAEDAH

Beliau berkata Kerajaan Pahang ada-lah menggalak2-kan pembenaan universiti itu kerana ia memberi faedah kapada pelajar2 di-Sekolah Menengah Kebangsaan.

Beliau juga mengumumkan Kerajaan Pahang telah pun membuka ranchangan tanah pemuda di-tiap2 daerah dan sa-takat ini daerah2 yang di-laksanakan itu, mendapat kejayaan yang memuaskan.

Kata-nya, "arahan2 telah di-buat kapada tiap2 pegawai daerah supaya mengumtokkan 5,000 ekar tanah pada tiap2 daerah supaya di-jadikan ranchangan untok Tanah Pemuda tersebut.

Menyentoh tentang soal kegiatan2 DPMP Menteri Besar itu berharap akan dapat memupok belia2 di-lapangan penulisan dan persuratan yang berjiwa membena dan positive.

Kata-nya, "peranan yang di-mainkan oleh penulis2 ada-lah besar kalau di-salorkan dengan kegiatan2 yang baik dan bertanggong jawab bagi pembangunan masharakat dan negara.

Mengenai dengan keputusan DPMP untok membena sa-buah dewan perpustakaan dengan peruntokan dari kerajaan sa-banyak $150,000 Tan Sri Haji Yahaya berkata, ranchangan tersebut terpaksa di-tanggohkan dulu untok membolehkan kerajaan melaksanakan ranchangan2 bagi memberi tambahan pendapatan kapada rakyat.

Kata-nya, "Kerajaan tidak menafikan maseh ada rakyat yang perlu di-beri pertolongan segera bagi menampong pendapatan mereka."

Menteri besar itu menambah ,"Sikap yang menyatakan rezeki sa-chupak tidak menjadi sa-gantang hendak-lah di-hapuskan dari kamus penulis dan belia2 yang ingin maju."

Beliau juga menyeru supaya DPMP di-salorkan dengan baik dan tidak di-gunakan oleh sa-gulongan orang2 yang bekerja untok faedah diri tapi ada-lah untok faedah ahli2 keseluroh-an-nya.

Kata-nya, "sejarah menunjokkan belia ada-lah gulongan masharakat yang nakal tapi kenakalan mereka itu kalau di-bimbing dengan baik akan menjadi satu tenaga yang besar bagi membantu masharakat dan negara dalam pembangunan-nya.

# Pahang sedia beri tanah untok Universiti Kebangsaan

5/8/62

Oleh ABU BAKAR YA'ACOB

TEMERLOH, Ahad.

KERAJAAN Pahang sedia memberi lebeh 100 ekar kawasan tanah kapada Kerajaan Pusat untok mendirikan sa-buah Universiti Kebangsaan.

Demikian di-nyatakan oleh Menteri Besar Pahang, Tan Sri Yahaya bin Mohamed Seh, sa-waktu merasmikan meshuarat agong Dewan Persuratan Melayu Pahang di-Dewan UMNO di-sini, pagi ini.

Kata-nya, Kerajaan Pahang senantiasa mengambil berat terhadap usaha2 untok meninggikan mutu pelajaran di-negeri ini.

Kerajaan sedia memberi sa-barang kemudahan yang di-perlukan oleh Kerajaan Pusat untok ranchangan2 pelajaran termasok ranchangan mendirikan sa-buah Universiti Kebangsaan.

Sa-belum ini beliau menyeru penulis2 tempatan supaya lebeh bergiat menulis ranchana2 mengenai pembangunan untok kepentingan seluroh ra'ayat.

Tan Sri Yahaya juga mengharapkan kapada penulis2 supaya berusaha meninggikan imej Pahang sa-bagai sa-buah negeri yang terkaya dengan hasil kayu kayan-nya.

## Puji

Beliau memuji peranan akhbar2 kerana bekerjasama untok memupok bakat2 penulis yang baru munchul.

Pengarang Berita Harian, Enche Abdul Samad Ismail yang turut beruchap dalam sidang itu menyeru penulis2 supaya lebeh bergiat dalam penulisan mereka.

Beliau berjanji bahawa pehak-nya akan memberi peluang sa-luas2-nya kapada penulis2 baru untok mengasah bakat mereka.

Kira2 200 orang hadzir dalam meshuarat itu.

# Tawaran tanah Pahang untok Universiti Kebangsaan di-alu2kan

6/8/68

KUANTAN, Isnin.

DEWAN Persuratan Melayu Pahang mengalu2kan sikap Kerajaan Pahang sedia menghadiahkan tanah sa-luas 1,000 ekar untok mendirikan sa-buah Universiti Kebangsaan.

Keputusan itu di-buat dalam meshuarat agong Dewan Persuratan Melayu Pahang di-Temerloh, semalam.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Yahya bin Haji Mohamad Seh, dalam uchapan-nya merasmikan meshuarat agong itu menyatakan bahawa Kerajaan Pahang sedia memberikan satu kawasan tanah sa-luas 1,000 ekar di-negeri Pahang untok Universiti Kebangsaan itu.

Kawasan tanah itu, sa-takat ini belum di-tetapkan di-mana tempat-nya; tetapi terpulang kapada Kementerian Pelajaran untok menyanggupi-nya atau tidak.

## 'Segerakan'

Enche Ja'afar Husin, Yang di-Pertua DPMP yang baharu berkata: kami berharap Kementerian Pelajaran tidak akan menolak tawaran istemewa dari Kerajaan Pahang itu.

DPMP juga mendesak supaya Kerajaan Pusat menyegerakan pembenaan Universiti Kebangsaan itu.

Jawatankuasa baru yang di-pileh saperti berkut, Yang di-Pertua, Enche Jaafar Husin; naib Ahmad Sujak, dan setiausaha Enche Abdul Rah-

# UMNO Ipoh juga mahu pembentokan Universiti Kebangsaan

IPOH, Isnin. — Umno Bahagian Ipoh menghendaki supaya Kerajaan menubohkan sa-buah Universiti Kebangsaan dengan bahasa pengantar-nya bahasa Kebangsaan.

Ini-lah satu dari ketetapan2 yang di-luluskan oleh Bahagian itu di-dalam meshuarat agong tahunan-nya di-sini semalam.

Satu ketetapan lagi menyeru Kerajaan supaya mengambil aleh pentadbiran sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura bukan saperti sekarang di-tadbirkan oleh Singapura.

Meshuarat ini telah menchalunkan Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Yang di-Pertua Kebangsaan Umno dan Tun (Dr.) Ismail bin Dato Abdul Rahman, bekas Menteri Dalam Negeri, sa-bagai Timbalan Yang di-Pertua.

Yang di-Pertua Umno ia-lah Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri.

Enche Ismail bin Abdul Majid, sa-orang peniaga dan yang di-pertua Dewan Perniagaan Melayu Perak, telah di-pileh menjadi pengerusi Bahagian Ipoh mengalahkan Dato (Dr.) Haji Megat Khas bin Megat Omar, sa-orang ahli Parlimen, yang telah memegang jawatan ini sa-lama empat tahun.

Lain2 pegawai yang di-pileh ia-lah: Enche Mohd. Yunan bin Abdullah Sani, timbalan pengerusi; Wan Man bin Haji Ismail; Enche Baharom Shah bin Sa'ad (pengerusi bahagian pemuda) dan Che Halijah binti Mohd Salleh (pengerusi kaum ibu) sa-bagai naib2 pengerusi.

Enche Azumu bin Tak, Setiausaha; Enche Mohd. Zahari bin Abdul Aziz, Bendahari dan Enche Ahmad Hourmain bin Dato Haji Mohd. Esa, Pegawai Penerangan.

# Pelajar2: Segera tuboh Universiti Kebangsaan aliran Melayu

6/8/68

KUALA LUMPUR, Isnin.

KERAJAAN hendak-lah menubohkan dengan segara sa-buah Universiti Kebangsaan untok menampong pelajar2 aliran Melayu yang berjumlah lebeh 100,000 sek arang.

Demikian salah satu keputusan sidang agong ke-7 Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang berlangsong di-Kolej Islam disini malam tadi.

Sidang tersebut dimulakan Sabtu lalu dan akan berakhir esok. Menteri Muda Dalam Negeri, Enche Hamzah bin Dato Abu Samah akan menutup-nya esok.

Sidang juga mengambil keputusan menyokong pada dasar-nya chadangan Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman untok menaja persidangan negara2 Islam di-dunia.

Sidang negara2 Islam itu, bagaimanapun, hendak-lah:

## Dasar

- Benar2 berasaskan kapada kesedaran yang luhur untok mengembalikan umat Islam dan negara Islam kapada ajaran Islam yang sa-benar-nya; dan
- Perwakilan untok sidang itu hendak-lah pakar2 Islam yang mendapat mendat dari negeri masing2, bukan terdiri dari anggota2 politik atau ketua negara yang sa-chara kebetulan beruga-ma Islam sahaja.

Mengenai Universiti Kebangsaan, sidang berpendapat bahawa Universiti Malaya sekarang telah gagal dalam menesuaikan diri-nya dengan dasar pelajaran Kebangsaan.

Universiti Kebangsaan mesti-lah mempunyai satu dasar pelajaran dengan bahasa Kebangsaan



ENCHE HAMZAH akan menutup sidang pelajar esok.

menjadi bahasa pengantar utama.

Perwakilan2 yang hadhir malam tadi, juga telah menentang penubohan Kolej MCA kerana penubohan itu bertentangan dengan dasar pelajaran national.

Usul2 lain yang di-terima ia-lah:

- Melonggarkan sharat2 kemasokan pelajar2 ka-Institiut Teknoloji MARA dan membuka kapada pelajar2 yang lulus aliran Melayu; dan
- Merayu Kerajaan supaya memperbanyakkan pemberian biasiswa kapada pelajar2 aliran Melayu ka-Seberang Laut untok melanjutkan pelajaran sains dan teknoloji.

## Khemah

Anggota2 yang hadhir ka-sidang agong PKPIM itu hari ini mengadakan khemah kerja di-Kampong Bukit Changgang, Kuala Langat.

Enam ekar tanah di-tanam ubi kayu dalam rangka khemah kerja itu. Pelajar2 itu yang mewakili lebeh 10,000 orang pelajar Islam dari Universiti Malaya, maktab2, pusat2 pengajian tinggi Islam di-Malaysia akan pulang ka-negeri masing2, termasok Sarawak, esok.

# UNIVERSITI KEBANGSAAN USUL AKAN DI-BINCHANG

7/8/68

KUALA LUMPUR, Selasa. — Jawatankuasa Usul UMNO akan berunding pada 17 Ogos ini untok membinchangkan usul yang di-bentangkan oleh UMNO Bahagian Ipoh hendak menubohkan Universiti Kebangsaan dan menggunakan bahasa kebangsaan sabagai bahasa penghantar.

Demikian di-nyatakan hari ini oleh Setiausaha Kerja, Enche Musa Hitam. Beliau juga menyatakan bahawa jika perkara ini di-terima oleh jawatankuasa itu, usul ini akan di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

UMNO bahagian Ipoh telah meluluskan satu usul untok menubohkan Universiti Kebangsaan dalam meshuarat yang di-adakan hari Ahad lalu.

Kata-nya, Universiti Kebangsaan ini kelak akan dapat menolong penuntut2 aliran Melayu melanjutkan pelajaran mereka.

# Kerajaan di-desak tubohkan Universiti Kebangsaan

8/8/65

KOTA BHARU 7 Ogos — Kerajaan Persekutuan akan di-desak supaya bertindak segera menubohkan sa-buah Universiti Kebangsaan sesuai dengan semangat perlembagaan Malaysia dan dasar pelajaran tahun 1956.

Desakan ini akan di-majukan oleh Kesatuan Kebangsaan Guru2 Sekolah Kebangsaan Chawangan Kelantan yang membinchangkan perkara itu dalam persidangan perwakilan-nya di-Kangar Perlis pada 10 Ogos ini.

Setiausaha Chawangan Kelantan, Enche' Alias Harun, memberitahu Utusan Malaysia hari ini bahawa usul ini di-jangka paling hebat akan di-debatkan dalam persidangan itu.

## Keputusan

Sa-lain dari itu kesatuan akan di-desak mengambil keputusan tegas membantah dengan sa-keras2-nya penubohan Kolej anjoran MCA yang sedang sebok di-binchangkan oleh masharakat sekarang.

Bantahan ini akan di-buat dalam persidangan itu juga yang akan di-majukan oleh Chawangan Kelantan kerana memandangkan kepentingan kebangsaan dalam usaha2 untok mengujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu menerusi sistem pelajaran kebangsaan.

# Universiti K'saan: Cherdek pandai di-seru sokong

9/8/68

SELUROH kaum cherdek pandai negeri ini telah di-seru memberikan kerjasama dan sokongan mereka kapada kerajaan dalam usaha menubohkan Universiti Kebangsaan dengan sa-chepat mungkin di-negeri ini.

KUALA LUMPUR 8 OGOS

Seruan tersebut di-buat oleh Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dalam satu kenyataan yang di-tanda tangani oleh Yang di-Pertuanya, Enche' Harun Awal hari ini.

Sambil menyokong kuat pelancharan kempen PKPIM memungut derma untok menubohkan universiti tersebut, kenyataan itu menerangkan bahawa PBMUM juga akan turut melancharkan pungutan derma untok menjayakan ranchangan tersebut.

Di-samping itu, PBMUM juga mengalu2kan langkah Kerajaan Pahang menyediakan kawasan tanah sa-luas 1,000 ekar untok tapak Universiti Kebangsaan itu.

Malah usul UMNO Bahagian Ipoh menyokong penubohan Universiti Kebangsaan itu juga perlu di-sanjong tinggi, kata kenyataan itu.

PBMUM yakin segala usaha untok menjayakan ranchangan tersebut akan mendapat sokongan dan sambutan yang positif dan konkerik dari segala lapisan masharakat yang memperjuangkan chita2 kebangsaan.

## PELUANG

Menurut kenyataan itu, apa yang perlu sekarang Kerajaan Pusat mesti-lah mengkaji usaha penubohan Universiti Kebangsaan kerana usaha ini tidak boleh di-lengah2kan lagi.

Ini memandangkan nasib yang di-hadapi oleh penuntut2 aliran Melayu yang maseh mempunyai peluang terbatas untok melanjutkan pelajaran ka-maktab2 atau universiti2.

Perasaan dan sikap tidak puas hati di-kalangan penuntut2 aliran Melayu mesti-lah di-sedari.

Kenyataan itu berkata, PBMUM berharap Kerajaan Pusat akan bertindak sa-chepat mungkin untok mengatasi perasaan yang di-hadapi oleh penuntut2 aliran Melayu itu

# PBMUM sokong kempen Universiti Kebangsaan

9/8/68

KUALA LUMPUR, Khamis.

PERSEKUTUAN Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) hari ini menyatakan sokongan tegas kapada kempen memungut derma untok menubohkan Universiti Kebangsaan.

Dan ia berharap sokongan yang "lebeh bergema dan berkesan" akan mendatang dari pertubohan2 lain.

Kempen itu di-lancharkan kelmarin oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM).

Enche Harun Awal, Yang di-Pertua PBMUM dalam kenyataan menyokong kempen itu berkata:

"Kami juga akan melancharkan kempen yang sama di-kalangan2 mahasiswa2, bekas2 siswa yang telah bekerja, pensharah2 universiti dan sa-terus-nya mereka yang mempunyai chita2 dan azam teguh untok menubohkan satu Universiti Kebangsaan.

PBMUM juga mengalu2kan langkah Kerajaan Negeri Pahang menyediakan kawasan tanah sa-luas 1,000 ekar untok tapak Universiti Kebangsaan.

Usul UMNO Bahagian Ipoh menyokong penubohan-nya perlu di-sanjong tinggi dan PBMUM berharap sokongan moral dan material yang lebeh bergema dan berkesan dari persatuan2 dan pertubohan2 lain akan bertambah.

## Mengkaji

Apa yang perlu sekarang ia-lah Kerajaan Pusat mengkaji usaha penubohan Universiti Kebangsaan ini ia-itu segala masa'alah yang bersangkut paut dan yang mungkin timbul dalam rangka menubohkan Universiti itu.

Usaha ini tidak boleh di-lengahkan lagi demi memikirkan nasib penuntut2 aliran Melayu yang masih mempunyai peluang terbatas untok melanjutkan pengajian mereka ka-maktab2 dan ka-Universiti.

Kerajaan Pusat perlu sedar tentang perasaan dan sikap tidak puas hati di-kalangan penuntut2 aliran Melayu.

PBMUM berharap Kerajaan Pusat akan bertindak sa-chepat mungkin.

PBMUM menyeru kapada semua chendekiawan dan para cherdik pandai memberikan sokongan dan kerjasama mereka pada Kerajaan dalam usaha menubohkan Universiti Kebangsaan ini."

# Aishah Ghani anjor Kongres untok kaji Universiti Kebangsaan

10/8/68

KUALA LUMPUR, Juma'at.

SENATOR Aishah Ghani hari ini menyeru cherdek pandai mengadakan kongres khas untok membinchangkan masa'alah penubohan Universiti Kebangsaan.

Beliau menyokong langkah Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM) memungut derma untok menyegerakan penubohan universiti itu.

Kata-nya: "Sa-rentak dengan usaha pelajar2 itu, cherdek pandai harus membinchangkan dengan segera dengan fikiran2 yang kongkrit mengenai penubohan Universiti itu.

"Sa-lama ini," kata-nya, "hanya chadangan untok menubohkan universiti sahaja yang timbul, tetapi belum ada fikiran2 yang kongkrit mengenai-nya."

"Kita tidak mahu bila derma2 terkumpol, maka bentok universiti itu belum nyata. Kita tidak mahu sakerat jalan. Biar sa-suatu kehendak itu terchapai dan memuaskan.

"Saya juga mahu melihat bahawa kemahuan untok menubohkan universiti kebangsaan ini bukan kemahuan sa-suatu golongan, tetapi semua golongan dari semua peringkat.

"Saya chadangkan supaya pehak cherdek pandai mengemukakan fikiran2 mereka mengenai bentok universiti itu dan kemudian kemukakan kapada Kerajaan."

Sementara itu, Yang Di-Pertua PERTIWI, Che Nik Safiah binte Haji Abdul Karim; Setiausaha Persatuan Bekas Pelajar Mesir, Enche Ibrahim Yassin, Naib Yang Di-Pertua Persatuan Bekas Pelajar Kolej Islam dan Pemangku Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Enche' Yunus Maaris menyokong pungutan derma untok penubohkan Universiti Kebangsaan.



SENATOR AISHAH

## Galakan

Che Nik Safiah berkata, sudah tiba masa-nya satu Universiti Kebangsaan untok menampong pelajar2 aliran Melayu di-tubohkan.

Beliau berharap, Kerajaan dapat memberikan galakan yang baik terhadap ura2 pungutan derma yang akan di-lancharkan oleh PKPIM ini.

"Saya berharap derma2 nanti datang-nya dari dermawan2 dari bangsa2 yang berada di-Malaysia di-samping itu Kerajaan hendaklah meneruskan ranchangan ini.

"Kerajaan tidak harus diam bagitu sahaja, kerana Kerajaan Pahang sendiri telah menawarkan tanah-nya sa-banyak 1,000 ekar."

Enche Ibrahim Yassin pula menyeru Menteri2 Kerajaan supaya tampil menjadi kepala penubohan Universiti Kebangsaan ini.

"Kalau Kolej MCA itu di-dahului oleh Menteri2 saperti Tan Sri (Dr.) Lim Swee Aun, Tun Tan Siew Sin, kenapa pula Menteri2 lain tidak dapat mengepalai ura2 penubohan Universiti Kebangsaan?" kata-nya.

# UNIVERSITI KEBANGSAAN:

## Shariff huraikan kesulitan wang dan akademik: Menafikan dia menentang projek varsity nasional

11/8/68



**SHARIFF AHMAD**
Sa-benar-nya saya sokong

**Jelebu, Sabtu**

UNIVERSITI Kebangsaan tidak boleh di-bena tanpa memikirkan dua faktor besar — soal kewangan dan soal akademik, kata Enche Shariff Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Pelajaran.

Beliau menyatakan ini dalam upachara merasmikan pembukaan kursus bagi 300 orang peserta di-sini pagi tadi.

Beliau menafikan tudohan bahawa ia anti-Universiti Kebangsaan.

Kata-nya: "Sebenar-nya, saya menyokong Tabong Derma Universiti Kebangsaan.

"Yang perlu ia-lah supaya tabong derma itu berjalan betul dan tidak menemui nasib saperti Yayasan Aminuddin Baki yang di-tubohkan di-Dewan Bahasa pada tahun 1946 dulu dan hari ini tak tahu ka-mana pergi-nya."

Enche Shariff berkata, penubohan Universiti Kebangsaan tidak-lah boleh di-jalankan sa-chara terburu2.

Penubohan-nya mesti-lah dapat memberi sapenoh faedah kapada murid2 yang lulus dari sekolah2 aliran kebangsaan.

Beliau lalu menyentoh soal kewangan bagi menubohkan Universiti itu.

Kata-nya, Hospital Universiti memakan belanja $50 juta dan belanja tahunan-nya antara $7 hingga $10 juta.

### $20 juta

Belanja Universiti Malaya pula antara $17 hingga $20 juta tiap2 tahun. Semua-nya di-beri oleh Kerajaan.

Mengenai soal akademik pula, Enche Shariff berkata, pada masa ini hanya dua orang professor Melayu ia-itu Professor Ungku Aziz dan Professor Hamzah Sendut.

Kata-nya: "Kita tidak-lah boleh ikut jejak langkah sa-buah negara Afrika. Pada tarikh kemerdekaan-nya, seluroh askar berpangkat Major di-naikkan pangkat General. Private pula naik pangkat corporal.

"Dengan langkah itu maka negara tersebut tidak mempunyai sa-orang pun askar private."



**UNGKU AZIZ**
Salah sa-orang Professor Melayu

Dengan demikian, tidak-lah boleh di-naikkan pangkat pensharah2 kapada taraf professor.

"Kita tidak mahu taraf Universiti Kebangsaan itu rendah dari taraf Universiti Malaya sekarang," tegas-nya.

Enche Shariff kemudian menyatakan hal2 berikut:

- Jumlah murid2 aliran kebangsaan yang masok peperekaaan SPM tahun lalu sa-ramai 8,000 orang. Yang mendapat grade satu hanya 211 orang saja.

  Jumlah yang masok peperiksaan SC/MCE kira2 25,000 orang, yang mendapat grade satu hanya 3,500 orang.

- Chalun2 dari sekolah aliran Melayu yang mempunyai sharat yang chukup tidak ada sa-orang pun yang tidak mendapat tempat dalam tengkatan enam aliran Melayu.

### 'Dropout'

Bagitu juga mereka yang chukop sharat dalam peperekaaan HSC boleh di-katakan semua-nya dapat tempat dalam aliran Melayu di-Universiti Malaya.

- Masa'alah yang di-hadapi ia-lah jumlah murid2 yang tidak chukop sharat untok masok tengkatan enam dan "dropouts" (yang gagal) dari SRP.

"Itu-lah sebab-nya Kerajaan hempas pulas hendak mengadakan pusat2 pengajian teknik dan vokechenal serta politeknik," kata Enche Shariff.

## Tawaran tanah, wang untok Universiti Kebangsaan

# Sa-juta $ dari Pahang

13/8/66

Oleh A. BAKAR YAACOB
KUANTAN, Isnin

**KERAJAAN Pahang sedia menawarkan bantuan $1 juta kira-nya Kerajaan Pusat memikirkan perlu di-tubohkan Universiti Kebangsaan.**

Tawaran itu di-buat oleh Menteri Besar Pahang, Tan Sri Yahaya bin Mohamed Seh sa-waktu merasmikan kursus guru2 ugama di-Sekolah Menengah Rahman Talib di-sini, pagi ini.

### *Tanah 1,000 ekar*

Minggu lalu Tan Sri Yahaya juga mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri sanggup menyediakan satu kawasan 1,000 ekar di-Pahang untok tapak bangunan universiti tersebut.

Kata Tan Sri Yahaya, bantuan wang dan kawasan tanah yang di-tawarkan oleh Kerajaan Pahang ada-lah bokti hasrat ra'ayat negeri ini yang inginkan sa-buah Universiti Kebangsaan.

### *Seruan derma*

Beliau menyeru Kerajaan2 Negeri lain supaya turut memberi bantuan dan galakan bagi menjayakan ranchangan tersebut.

Kata-nya lagi, Kerajaan Pahang sanggup menyediakan kemudahan2 yang di-perlukan bagi meninggikan mutu pelajaran anak2 Bumiputra lebeh2 lagi ranchangan mendirikan Universiti Kebangsaan.

Kerajaan Pahang, tegas beliau, senantiasa menitek beratkan soal2 pelajaran kerana ia ada-lah faktor penting yang akan menjamin masharakat di-masa depan.

Menurut beliau, tahun ini Kerajaan Pahang akan membelanjakan $2.7 juta untok pelajaran ugama. Ini tidak termasok sa-banyak $1 juta bagi membaiki surau2 dan masjid2.

Sa-ramai 300 orang guru ugama hadhir da-

# LAPORAN UNIVERSITI NASIONAL UNTOK KERAJAAN

KUALA LUMPUR, Isnin. — Sa-buah laporan mengenai ranchangan penubohan Universiti Kebangsaan akan di-susun dan di-jangka siap akhir bulan ini untok di-sampaikan kapada Kerajaan.

Ini berikutan dengan satu pertemuan minggu depan antara cherdek pandai, ahli2 pendidekan dan pertubohan2 yang bersimpati dengan penubohan Universiti Kebangsaan yang di-shorkan oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM).

Setiausaha Agong PKPIM, Enche Zakaria Hashim memberitahu hari ini bahawa pertemuan ini di-adakan sa-chara tidak rasmi untok meninjau pendapat cherdek pandai Melayu untok membentok rangka2 Universiti yang di-kehendaki itu.

Soal mengadakan sa-buah kongres khas mengenai Universiti Kebangsaan akan di-binchangkan juga dalam pertemuan itu, kata-nya.

"Kami akan terus membuat rayuan kapada sagenap lapisan masharakat untok memungut derma kapada tabong Universiti Kebangsaan itu," kata-nya.

Beliau menyatakan kesal-nya terhadap kenyataan Enche Sharif Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Pelajaran "yang sa-olah2 mahu mematahkan semangat kami memungut derma dan mematahkan semangat orang lain untok menderma."

Kata-nya, seluroh penduduk Malaysia dari berbagai bangsa hendak-lah mensifatkan penubohan Universiti Kebangsaan ini bukan-lah untok orang2 Melayu sahaja tetapi untok semua."

# Universiti Kebangsaan boleh tampong 1,000 pelajar

14/8/68

**K. LUMPUR, Selasa**

KALAU Universiti Kebangsaan di-tubohkan sekarang, sa-kurang2-nya 1,000 orang pelajar Melayu akan mendapat peluang belajar, kata Enche Zainal Abidin Wahid, Pensharah Sejarah di-Universiti Malaya hari ini.

Dua fakulti — fakulti sastera dan ekonomi — dapat di-kendalikan dengan segera untok peringkat awal. Fakulti2 lain boleh di-lancharkan dari sa-masa ka-semasa, kata-nya.

Enche Zainal menyatakan ini ketika mengalu2-kan langkah Kerajaan Pahang menawarkan $1 juta dan 1,000 ekar tanah untok Universiti Kebangsaan.

Kata-nya, ramai pelajar2 Melayu yang berkelulusan baik dari tingkatan lima dan enam tetapi tidak mendapat tempat di-Universiti Malaya.

## Tahniah

Tahun ini sahaja sa-kurang2-nya 60 orang tidak mendapat tempat di-Universiti dan tahun lepas pula sa-kurang2-nya 60 orang.

"Ini tidak termasok anak2 Melayu yang memasoki peperiksaan sa-chara persendirian—private," kata-nya.

Mengikut-nya, masa'alah kekurangan pensharah atau professor tidak timbul kerana "kita dapat mengatasi dengan segera saperti umpamanya kita mengatasi ketika Universiti Malaya mula di-tubohkan dulu."

Enche Zainal menguchapkan tahni'ah kapada Kerajaan Pahang atas usaha-nya membantu menyegerakan Universiti Kebangsaan tertuboh.

Langkah Kerajaan Pahang, kata-nya, sangat kena pada tempat-nya kerana penggubal2 penyata2 pelajaran (Tun Razak dan Rahman Talib) juga berasal dari Pahang.

Penderma pertama dari Menteri Kerajaan Pusat, juga Menteri dari Pahang — Enche Hamzah bin Dato Samah, Menteri Muda Dalam Negeri.

## Harapan

"Besar-lah harapan ra'ayat Malaysia agar Menteri2 Besar dan Ketua2 Menteri lain memberi sumbangan yang sa-timbal atau lebeh lagi kapada usaha menubohkan Universiti Kebangsaan ini," kata-nya.

Mengikut-nya, Universiti Kebangsaan amat perlu segera di-tubohkan kerana pelajar2 sekolah menengah aliran Melayu ia-lah 128,060 orang berbanding dengan pelajar2 sekolah menengah China yang sa-ramai 22,221 orang sahaja — satu perlima dari jumlah aliran Melayu.

Kata-nya: "Kalau pelajar2 aliran China mendapat layanan yang sabagitu segera (pengakuan untok mengi'tiraf sijil Kolej MCA) dan lumayan (bantuan $10 juta) dari Kerajaan, maka sudah tentu-lah pelajar2 aliran Melayu patut dan berhak menerima layanan yang lebeh segera dan lebeh lumayan, kerana mereka chuba mengisi dasar Kerajaan Perikatan sendiri yang telah di-persetujukan oleh UMNO, MCA, MIC."

## Universiti Kebangsaan: Dorongan meluas

14/8/68

# 3 negeri sokong Pahang

**Oleh HARUN TAIB**
**K. LUMPUR, Selasa**

**MENTERI2 Besar Johor dan Perlis serta Ketua Menteri Melaka hari ini menyokong dan berjanji untok membantu ranchangan membena Universiti Kebangsaan.**

Mereka menyatakan sokongan itu sa-telah Menteri Besar Pahang, Tan Sri Yahaya bin Mohamad Seh menawarkan $1 juta dan 1,000 ekar tanah.

Sementara itu, Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari hari ini memberitahu bahawa ia akan mengumumkan pendirian-nya mengenai Universiti Kebangsaan itu pada 7 September manakala merasmikan seminar anjoran Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM) di-sini.

**KETUA MENTERI MELAKA,** Dato Haji Taib Karim, ketika di-hubongi hari ini berkata, pehak-nya juga sedia menawarkan tanah untok di-dirikan universiti tersebut.

Kerajaan Melaka, kata-nya, sentiasa mengalu2kan sa-barang usaha untok menubohkan pusat pengajian tinggi kebangsaan di-negeri ini.

Pehak-nya sedia menimbangkan bantuan wang yang di-perlukan untok ranchangan tersebut.

### *Faedah*

**MENTERI BESAR PERLIS,** Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohamad Hashim pula berkata: "Insha'allah, kami akan bantu. Ranchangan mendirikan Universiti Kebangsaan patut di-sokong oleh semua pehak."

Kata-nya, Perlis tidak dapat menawarkan tanah kerana negeri-nya kechil.

"Tetapi kalau bantuan wang, sadikat sa-banyak akan kami usahakan," kata-nya.

Beliau berharap ranchangan mendirikan universiti itu akan menjadi kenyataan dan "tidak tinggal ura2 saja".

### *Politik*

**MENTERI BESAR JOHOR,** Dato Haji Othman Sa'at, di-samping menyokong ranchangan itu berharap universiti yang di-ranchangkan itu "tidak berbau politik."

Kata-nya, ia merasa senang hati kalau ranchangan itu dapat di-laksanakan dengan jaya-nya.

"Tetapi jangan-lah pula ranchangan itu saperti "hangat2 tahi ayam", kata-nya.

Kata Dato Haji Othman, pehak-nya akan menimbangkan perkara bantuan untok menubohkan universiti itu kalau benar2 mendatangkan faedah kapada ra'ayat negeri ini khas-nya pelajar2 Melayu.

# Kesatuan guru menderma $30,000 untok Universiti Kebangsaan

**KOTA BHARU, Rabu** 15/8/68

### 'TRAJEDI SAPERTI KEJATOHAN KERAJAAN MELAYU TAHUN 1511'

KESATUAN Kebangsaan Guru2 Sekolah Kebangsaan (KKGSK) mahu menderma $30,000 kapada Tabong Derma Universiti Kebangsaan yang sedang di-chadangkan sekarang.

Ini di-umumkan oleh Presiden KKGSK, Enche Ahmad Abdul Rahman sebelum satu majlis foram atas tajok "Pelaksanaan dasar pelajaran hari ini dan kesan2-nya terhadap masharakat," di-sini kelmarin.

Peserta2 foram itu ia-lah: Enche Atan Long, pensharah dari Universiti Malaya; Enche Sanusi Othman, siswa Universiti dan Enche Alias Harun dari Kelantan.

ENCHE ATAN LONG, antara lain, menyeru kaum guru Melayu supaya mengumpulkan wang untok menubohkan Universiti Kebangsaan.

"Kurangkan chakap dan banyakkan kerja," kata-nya.



ENCHE AHMAD ... "Kurangkan chakap, banyakkan kerja."

## Penting

Beliau mengingatkan bahawa salah satu faktor penting ia-lah pengi'tirafan sijil atau ijazah Universiti itu oleh pehak2 lain.

Kata-nya: "Pengakuan ijazah itu bergantong kapada kelayakan yang mengajar dan sukatan serta nilai pelajaran-nya."

Enche Atan mengeshorkan supaya di-adakan satu senarai guru2 siswazah Melayu dari sekarang juga.

ENCHE SANUSI OTHMAN pula tidak bersetuju dengan senarai siswazah2 Melayu saja.

Kata-nya, siswazah2 lain [illegible] boleh memberi kuliah [illegible] Bahasa Kebangsaan.

## Dasar

"Dasar pelajaran tidak [illegible] siapa yang [illegible] bertambah2.

ENCHE ALIAS HARUN menimbulkan ketawa kira2 500 orang yang menghadhiri foram itu manakala dia mengeshorkan supaya Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari menghantar anak2-nya ka-sekolah kebangsaan.

Kata-nya, orang2 yang berkemampuan menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 Inggeris.

Majlis foram itu berpendapat, pelaksanaan dasar pelajaran sekarang tidak lagi mengikut Dasar Pelajaran Razak 1956 dan kajian Dasar Pelajaran Rahman Talib tahun 1960.

Enche Atan Long menafsirkan pelaksanaan dasar pelajaran sekarang saperti "trajedi kejatohan Kerajaan Melayu Melaka 1511."

Kata-nya, trajedi kejatohan dasar pelajaran kebangsaan berpuncha dari kegagalan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan "kejatohan ini boleh menyebabkan kita tidak akan bangkit lagi."

"Sebelum jatoh kali akhir satu2 usaha mesti di-jalankan dan pertama-nya ia-lah dengan menubohkan Universiti Kebangsaan."

# 4 negeri lagi sambut chadangan Universiti Kebangsaan

15/8/68

**Oleh MUES JABAL K. LUMPUR, Rabu**

EMPAT buah negeri lagi — Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Kelantan — hari ini menyambut baik shor penubohan Universiti Kebangsaan.

Dan Selangor akan memberi bantuan lebeh besar dari yang telah di-tawarkan oleh Pahang "jika Kerajaan Pusat menyokong dan meminta bantuan Kerajaan2 Negeri."

**MENTERI BESAR SELANGOR**, Dato Harun Idris ketika menyokong penubohan Universiti Kebangsaan itu hari ini berkata:

"Universiti Kebangsaan perlu kita dirikan sekarang untok menampong jumlah anak2 Melayu yang lulus dari sekolah2 menengah. Universiti Malaya sahaja tidak dapat menampong semua mereka."



**DATO HARUN**
Tawaran lebeh dari Pahang

## Bantuan

Jika Kerajaan Pusat meminta bantuan kapada Kerajaan2 Negeri untok membiayai-nya, maka Kerajaan Selangor akan memberi bantuan yang lebeh besar dari yang telah di-tawarkan oleh Kerajaan Pahang," kata Dato Harun.

Kerajaan Pahang telah menawarkan tanah saluas 1,000 ekar untok tapak Universiti Kebangsaan itu dan wang sabanyak $1 juta untok penubohan-nya.

**MENTERI BESAR PERAK**, Dato Haji Ahmad bin Said pula berkata: "Perkara menubohkan Universiti Kebangsaan itu ada-lah masa'alah kebangsaan yang besar.

"Oleh itu kita harus membinchangkan dengan teliti dan mendalam dari segi kebangsaan juga."

Beliau menyatakan bahawa perkara penubohan Universiti Kebangsaan itu akan di-bawa ka-dalam sidang Menteri2 Besar dan Ketua2 Menteri Malaysia akan datang.

Dato Haji Ahmad menambah: "Dari situ nanti kita harus pula membinchangkan-nya dengan Kementerian yang berkenaan."

Kata-nya: "Kerajaan Perak akan memberi sokongan sa-bagaimana Kerajaan2 Negeri Melaka, Johor, Perlis dan Pahang terhadap penubohan Universiti Kebangsaan itu.

**MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**, Tan Sri Dr. Mohamed Said berkata: "Penubohan Universiti Kebangsaan patut di-lakukan oleh Kerajaan Pusat kerana dasar pelajaran negeri ini ada-lah di-bawah tadbir Kerajaan Pusat.

"Bagaimana pun penubohan Universiti Kebangsaan itu harus di-teliti dengan mendalam lebeh dulu. Banyak masa'alah yang mungkin di-hadapi untok melaksanakan-nya sa-lain dari kewangan."

Tan Sri Dr. Mohamed yang juga menjadi saorang anggota Majlis Universiti Malaya berkata bahawa salah satu dari masa'alah besar yang tak dapat tidak akan timbul kelak ia-lah untok menchari mahaguru2 bagi Universiti Kebangsaan itu.

Kata-nya: "Universiti Malaya sendiri sentiasa menghadapi kesulitan untok mendapatkan mahaguru2 untok menjadi pensharah2.

**MENTERI BESAR KELANTAN**, Dato Mohamed Asri bin Haji Muda berkata: "Kerajaan Kelantan menyokong penoh penubohan Universiti Kebangsaan itu."

Kata-nya lagi: "Dengan tertuboh-nya Universiti itu nanti akan dapat-lah di-tampong jumlah anak2 Melayu yang lulus dari sekolah2 menengah.

"Kerajaan Kelantan akan memberi sokongan kewangan dengan apa chara yang terdaya untok penubohan Universiti Kebangsaan tersebut."

## Semua bangsa

Sementara itu, Enche Fahim bin Haji Ya'akub, Naib Yang di-Pertua Luar Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM) hari ini berkata bahawa pehak-nya sedang tertunggu sikap Kementerian Pelajaran terhadap penubohan Universiti Kebangsaan itu—sama ada menolak atau menerima.

"Kalau menerima, jawatankuasa pembentokan Universiti Kebangsaan itu perlu di-tubohkan. Kalau ada chadangan untok menubohkan jawatankuasa seperti itu, kami harap projek Universiti Kebangsaan itu benar2 akan menjadi projek nasional, bukan bagi orang2 Melayu sahaja."

"Kami chadangkan tokoh2 pendidikan dari segala bangsa duduk dalam jawatankuasa itu, seperti Prof. Ruth Wong, Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Dr. Tan Chee Khoon, sa-orang tokoh pendidikan yang juga pengerusi Majlis Universiti Malaya.

Ketua Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka, Enche Hassan Ahmad menyatakan bahawa negara yang sedang membangun tidak boleh terikut2 seperti negara2 yang maju untok menubohkan universiti.

"Kalau mahu tunggu professor2, pensharah2, bila-kah lagi Universiti akan di-tubohkan. Dan kita sendiri barangkali tidak dapat merdeka kerana mahu tunggu ada kapal terbang dulu.

"Universiti Kebangsaan bukan Universiti Melayu dan jawatankuasa penubohan Universiti itu hendak-lah mengandongi semua bangsa dan mereka hendak-lah benar2 tahu tentang Universiti dan pendidekan."

Gerakan Belia 4 B Malaysia juga menyokong usaha penubohan Universiti Kebangsaan itu. Yang di-Pertua Agong-nya, Enche Mohamed Kassim Shah hari ini berkata: "Saya akan meminta kira2 3,000 orang ahli gerakan ini di-Pahang untok membersehkan tapak Universiti itu kelak."

UMNO Damansara pula berikrar akan membawa kira2 300 orang pemuda-nya bekerja menyediakan tapak Universiti yang akan di-berikan oleh Kerajaan Pahang itu.

# PBMUM menyambut sokongan kapada varsiti kebangsaan

16/8/68

K. LUMPUR, Khamis

PERSEKUTUAN Bahhasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) hari ini mensifatkan sokongan yang di-berikan oleh Kerajaan2 Negeri untok penubohan Universiti Kebangsaan sabagai menchermin-kan kehendak ra'ayat Malaysia seluroh-nya.

Yang di-Pertua Persekutuan tersebut, Enche Haron Awal dalam satu kenyataan kapada Berita Harian petang ini berkata:

## Bangga

"PBMUM merasa bangga dan mengalu2kan sokongan dan sumbangan kongkrit yang di-janjikan oleh Kerajaan2 Negeri Pahang, Johor, Melaka, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan Perak dan Kelantan terhadap penubohan Universiti Kebangsaan itu."

Sumbangan Kesatuan Kebangsaan Guru2 Kebangsaan sa-banyak $30,000 itu serta sumbangan2 persaorangan yang lain patut di-sanjong tinggi.

"Ada-lah di-harapkan banyak lagi pertubohan lain serta orang2 persaorangan, khusus-nya yang berkemampuan memberi sumbangan terhadap projek ini."

Enche Haron berkata bahawa kalau kerajaan boleh mempersetujui Kolej Tengku Abdul Rahman yang bertujuan untok memupok nasib sabahagian penuntut dari aliran jenis kebangsaan, mengapa pula Kerajaan Perikatan mesti menunggu untok menyatakan sakongan terhadap Universiti Kebangsaan,

## Mustahak

"Ada-kah Kolej Tengku Abdul Rahman lebeh mustahak dan lebeh memberi faedah kapada seluroh ra'ayat dari Universiti Kebangsaan?" tanya beliau.

Yang di-Pertua PBMUM itu menyesalkan kenyataan Enche Shariff Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Pelajaran yang mengatakan negeri ini hanya ada dua orang saja professor Melayu.

"Penubohan Universiti Kebangsaan bukan perlukan pensharah2 Melayu tetapi pensharah2 yang boleh memberikan kuliah dalam bahasa Kebangsaan.

"Yang hendak di-tubohkan bukan satu Universiti Melayu tetapi Universiti Kebangsaan yang boleh menampong semua penuntut," kata-nya.

Beliau menambah lagi: "Kalau pasokan Sukarelawan Keamanan (Peace Corps) Amerika boleh dihantar ka-kawasan luar bandar dan menyebarkan ilmu pengetahuan kapada penuntut2 aliran kebangsaan dengan menggunakan bahasa kebangsaan, di-mana-kah timbul-nya kesulitan pensharah2 Malaysia memberikan kuliah2 mereka dalam bahasa kebangsaan?"

Enche Haron menyatakan bahawa usaha bagi menggalakkan pensharah2 Universiti Malaya memberi kuliah2 mereka dalam bahasa Kebangsaan mesti-lah di-perluskan lagi.

# UNIVERSITI: SARDON MENYOKONG

17/8/68

TAIPING, Juma'at.

MENTERI Pengangkutan, Tan Sri Sardon Haji Jubir menyambut baik sokongan Kerajaan2 Negeri mengenai penubohan Universiti Kebangsaan.

Kata-nya, sa-buah universiti berchorak kebangsaan perlu di-dirikan di-negeri ini bagi menampong pelajar2 sekolah menengah yang tidak berjaya masok Universiti Malaya.

"Mendirikan universiti memang bergantong besar kapada wang, tetapi tentang guru2 boleh kita ambil dari mana2 negeri pun.

"Lagi banyak universiti di-negeri ini lagi bertambah baik untok melahirkan ramai lagi kaum cherdek pandai," tegas-nya.

Tan Sri Sardon berkata demikian dalam satu perjumpaan dengan kira2 60 orang pemimpin2 UMNO Larut dan Matang di-sini petang semalam.

## Soal pokok

Beliau kemudian berkata bahawa dalam keadaan sekarang tidak menjadi perkara pokok tentang pehak mana-kah yang akan mendirikan Kolej Tengku Abdul Rahman atau Universiti Kebangsaan.

Sementara itu dalam satu perjumpaan petang semalam, sa-ramai 70 orang cherdek pandai tempatan telah bersetuju penoh tentang penubohan Universiti Kebangsaan itu dan mereka mendesak supaya ranchangan itu di-segerakan.

ujudkan. Jangan kita salah langkah bagi kali kedua-nya. Mari-lah kita gunakan "kepala" dan jangan-lah ikutkan detekan "dada".

Universiti Kebangsaan untok simbol? Ini sangat senang. Yang sa-benarnya Universiti Malaya hari ini pun sudah berchorak kebangsaan. Ini dapat di-buktikan oleh pengeluaran degree2 yang di-iktiraf oleh semua negeri dalam Malaysia.

Kalau universiti kita hari ini berchorak kedaerahan atau "provincial" maka sudah tentu ada antara negeri kita tidak mengiktiraf-nya.

Kelantan, mithal-nya, sudah tentu tidak mengakui-nya kerana kedudokan politik-nya berlainan dengan Kerajaan Pusat. Apa yang kita boleh iktiraf sa-bagai "provincial" ia-lah "Universiti Nilam Puri," Kelantan. Kelulusan Nilam Puri ini hanya "laku" di-Kelantan sahaja dan tidak laku di-negeri2 lain.

Bagi Universiti Malaya maka kedudokan-nya hari ini sudah berchorak kebangsaan. Apa yang di-perlukan ia-lah samata2 untok menukar nama-nya dari Universiti Malaya kapada Universiti Kebangsaan. Ini hanya memerlukan pindaan dalam perlembagaan-nya sahaja yang tidak memerlukan kekechohan politik.

Universiti Kebangsaan untok sekolah2 aliran kebangsaan: Ini tidak boleh menolong anak2 Melayu 100% dari segi jangka panjang dengan arti kata yang sa-benar2-nya.

## MATLAMAT

Kedudokan sekolah2 kebangsaan hari ini bukan-lah bermakna 100% untok anak2 Melayu.

Sekolah2 kebangsaan kita ia-lah di-tujukan kapada semua anak2 dari semua keturunan di-negeri ini. Ini ada-lah matlamat dasar pelajaran kebangsaan supaya bahawa pengantar Melayu itu di-jadikan bahasa pengantar utama di-sekolah2 kita. Sekolah2 aliran Melayu sudah mula menarek minat ibu bapa bukan Melayu.

Mithal-nya di-Universiti Malaya sendiri. Kita telah mempunyai saloran Melayu semenjak 1965. Gulongan pelupor dari Alam Shah ia-itu dalam tahun 1965 seramai 29 orang.

Kemasokan dalam tahun 1966 seramai 100 orang dan dalam tahun 1967 seramai 150 orang dan tahun ini lebeh kurang 170 orang.

nanamkan Bahasa Kebangsaan kapada anak2 kita di-sekolah2 rendah sudah berjaya. Anak2 kita yang bukan Melayu di-sekolah2 kita sudah dapat menguasai bahasa Kebangsaan.

Mithal-nya dalam peperekaaan MCE tahun lalu. Jumlah murid2 yang bukan Melayu yang lulus dalam peperiksaan MCE ia-lah 89 peratus (sharat untok mendapatkan MCE ia-lah lulus dalam Bahasa Kebangsaan); manakala murid2 Melayu yang mengambil SPM yang lulus dalam bahasa ibunda-nya sendiri hanya 91 peratus ia-itu perbezaan hanya 2 peratus sahaja.

Dengan chara ini maka penubohan Universiti Kebangsaan yang berchorak dan bentok ini tidak boleh di-katakan untok murid2 Melayu 100 peratus.

Universiti Kebangsaan untok orang2 Melayu: Dalam tahun 1966 Kerajaan Pusat telah mengambil aleh Kolej Islam dan terta'alok kapada undang2 pelajaran.

## PERSEDIAAN

Dalam tahun 1967 kelas Tingkatan VI atau kelas persediaan ka-universiti di-bentok dan tahun 1970 kursus tiga tahun peringkat universiti akan di-jalankan. Kerajaan Pusat membelanjakan wang berjuta2 ringgit untok menyediakan Kolej Islam di-Petaling Jaya.

Kemasokan ka-Kolej Islam kita semua tahu. Dari mana mereka datang dan siapa yang boleh masok. Persiapan2 untok meninggikan taraf pelajaran di-Kolej Islam hingga ka-peringkat universiti sedang berjalan.

Pensharah2-nya sudah ada dan yang di-perlukan sa-mata2 untok mensesuaikan kedudokan pensharah2 itu ka-peringkat universiti sahaja. Apa yang di-perlukan di-buat di-Kolej Islam itu hanya membuka beberapa fakulti lagi sa-lain daripada apa yang ada sekarang ia-itu (i) sastera penoh, (ii) ugama dan (iii) sains.

Yang di-kehendaki sangat2 ia-lah fakulti perubatan; engineering; pertanian dan yang lain itu boleh di-buat sachara beransor2. Kita tidak boleh mengadakan kursus2 atau universiti2 sa-mata2 hendak mengeluarkan ahli2 sastera sahaja.

Orang2 Melayu mesti ramai menjadi doktor supaya orang2 Melayu

jaan, kerana kerajaan terpaksa menumpukan pembenaan Universiti Pulau Pinang.

Kalau di-bena oleh derma orang ramai maka itu terpulang kapada kemungkinan dalam usaha kita. Barangkali kerajaan hanya sanggup mempelupori sa-buah lagi universiti, sa-lepas selesai projek di-Pulau Pinang.

Pembenaan sa-buah lagi universiti tidak-lah boleh di-buat bergopoh gapah.

Katakan-lah projek Universiti Kebangsaan ini di-jalankan sa-lepas saja projek Pulau Pinang dan mungkin tahun 1973, maka pengambilan pertama mungkin hanya boleh dalam tahun 1975 atau 1976. Ini juga lambat jika di-bandingkan dengan kedudokan Kolej Islam yang boleh mengeluarkan ijazah-nya dalam tahun 1972 atau 1973.

Dengan asas yang sudah ada maka apa yang patut di-beri keutamaan hari ini ia-lah Kolej Islam.

Kalau dulu-nya kerajaan2 negeri menderma kapada Kolej Islam sabanyak yang boleh saja maka pada hari ini tiap2 kerajaan negeri p/tut menderma sa-banyak $1 juta bagi tiap2 tahun.

Ini ada-lah jalan yang sa-chepat2-nya untok menolong anak2 Melayu. Kalau tiap2 negeri menderma $1 juta pada tiap2 tahun maka kita mempunyai 11 negeri dalam Malaysia Barat dan dua buah negeri dalam Malaysia Timor.

## MENGUTIP

Kalau Malaysia Timor tidak bersetuju pun ta' mengapa kerana kita boleh dapat $11 juta dari Malaysia Barat.

Kalau Pulau Pinang dan Melaka tidak mahu pun ta' mengapa kerana kita ada sembilan buah negeri Melayu dan kita boleh mengutip pada tiap2 tahun sa-banyak $9 juta.

Dengan derma tetap dari kerajaan2 negeri itu dan Kementerian Pelajaran, serta juga derma orang ramai maka kita akan dapat meletakkan kedudokan Kolej Islam itu sa-bagai sa-buah pengajian tertinggi yang "powerful" di-dunia.

Memandang kapada kedudokan di-sekeliling-nya khas-nya dari segi ada-nya pusat2 pengajian untok anak2 Melayu di-perengkat universiti, soal akademik staff; "supply" murid2 sekarang dan kemampuan kerajaan serta "peractisal approach"-nya maka

tan sahaja dan tidak la-
ku di-negeri2 lain.

Bagi Universiti Malaya maka kedudokan-nya hari ini sudah berchorak kebangsaan. Apa yang di-perlukan ia-lah samata2 untok menukar nama-nya dari Universiti Malaya kapada Universiti Kebangsaan. Ini hanya memerlukan pindaan dalam perlembagaan-nya sahaja yang tidak memerlukan kekechohan politik.

Universiti Kebangsaan untok sekolah2 aliran kebangsaan: Ini tidak boleh menolong anak2 Melayu 100% dari segi jangka panjang dengan arti kata yang sa-benar2-nya.

## MATLAMAT

Kedudokan sekolah2 kebangsaan hari ini bukan-lah bermakna 100% untok anak2 Melayu.

Sekolah2 kebangsaan kita ia-lah di-tujukan kapada semua anak2 dari semua keturunan di-negeri ini. Ini ada-lah matlamat dasar pelajaran kebangsaan supaya bahawa pengantar Melayu itu di-jadikan bahasa penganfar utama di-sekolah2 kita. Sekolah2 aliran Melayu sudah mula menarek minat ibu bapa bukan Melayu.

Mithal-nya di-Universiti Malaya sendiri. Kita telah mempunyai saloran Melayu semenjak 1965. Gulongan pelopor dari Alam Shah ia-itu dalam tahun 1965 seramai 29 orang.

Kemasokan dalam tahun 1966 seramai 100 orang dan dalam tahun 1967 seramai 150 orang dan tahun ini lebeh kurang 170 orang.

Untok pengetahuan kita maka kumpulan pertama ia-itu yang masok dalam tahun 1965, sa-orang daripada-nya ia-lah anak Malaysia keturunan China.

Bagitu juga dengan sekolah2 saperti Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh; Sekolah Dato' Razak Tanjong Malim dan Sekolah Tun Fatimah Johor Bharu ada menampong anak2 Malaysia dari keturunan yang bukan Melayu kerana mereka itu bermula dari sekolah2 rendah kebangsaan.

Bagitu juga dengan sekolah2 kebangsaan yang lain di-mana jumlah anak2 yang bukan Melayu sudah sa-makin tertarek kapada-nya.

Soal kita hendak mengambil aleh Kolej Islam dan terta'alok kapada undang2 pelajaran.

## PERSEDIAAN

Dalam tahun 1967 kelas Tingkatan VI atau kelas persediaan kauniversiti di-bentok dan tahun 1970 kursus tiga tahun peringkat universiti akan di-jalankan. Kerajaan Pusat membelanjakan wang berjuta2 ringgit untok menyediakan Kolej Islam di-Petaling Jaya.

Kemasokan ka-Kolej Islam kita semua tahu. Dari mana mereka datang dan siapa yang boleh masok. Persiapan2 untok meninggikan taraf pelajaran di-Kolej Islam hingga ka-peringkat universiti sedang berjalan.

Pensharah2-nya sudah ada dan yang diperlukan sa-mata2 untok mensesuaikan kedudokan pensharah2 itu ka-peringkat universiti sahaja. Apa yang diperlukan di-buat di-Kolej Islam itu hanya membuka beberapa fakulti lagi sa-lain daripada apa yang ada sekarang ia-itu (i) sastera penoh, (ii) ugama dan (iii) sains.

Yang di-kehendaki sangat2 ia-lah fakulti perubatan; engineering; pertanian dan yang lain itu boleh di-buat sachara beransor2. Kita tidak boleh mengadakan kursus2 atau universiti2 sa-mata2 hendak mengeluarkan ahli2 sastera sahaja.

Orang2 Melayu mesti ramai menjadi doktor supaya orang2 Melayu dapat "menchochok" orang2 lain dan tidak saperti sekarang ini orang2 lain sahaja yang "menchochok" o r a n g 2 Melayu.

Dengan itu maka pembenaan sa-buah Universiti Kebangsaan dengan serta merta dan terburu2, sa-lain daripada menghadapi soal kewangan, akademik staff dan supply murid2 yang hendak masok, maka ia-nya juga berupa "rival" kapada Kolej Islam.

Ada-kah ini tujuan pejuang2 Universiti Kebangsaan? Kalau-lah berlaku maka timbul-lah soal apa kata orang "yang di-kejar tak dapat dan yang di-kendong chichir".

Pembenaan Universiti Kebangsaan, kalau di-bena oleh kerajaan, terlalu berat kapada kerajaan ... an hari ini ia-lah Kolej Islam.

Kalau dulu-nya kerajaan2 negeri menderma kapada Kolej Islam sabanyak yang boleh saja maka pada hari ini tiap2 kerajaan negeri patut menderma sa-banyak $1 juta bagi tiap2 tahun.

Ini ada-lah jalan yang sa-chepat2-nya untok menolong anak2 Melayu. Kalau tiap2 negeri menderma $1 juta pada tiap2 tahun maka kita mempunyai 11 negeri dalam Malaysia Barat dan dua buah negeri dalam Malaysia Timor.

## MENGUTIP

Kalau Malaysia Timor tidak bersetuju pun ta' mengapa kerana kita boleh dapat $11 juta dari Malaysia Barat.

Kalau Pulau Pinang dan Melaka tidak mahu pun ta' mengapa kerana kita ada sembilan buah negeri Melayu dan kita boleh mengutip pada tiap2 tahun sa-banyak $9 juta.

Dengan derma tetap dari kerajaan2 negeri itu dan Kementerian Pelajaran, serta juga derma orang ramai maka kita akan dapat meletakkan kedudokan Kolej Islam itu sa-bagai sa-buah pengajian tertinggi yang "powerful" di-dunia.

Memandang kapada kedudokan di-sekeliling-nya khas-nya dari segi ada-nya pusat2 pengajian untok anak2 Melayu di-perengkat universiti, soal akademik staff; "supply" murid2 sekarang dan kemampuan kerajaan serta "peractisal approach"-nya maka kita kena-lah meletakkan perjuangan kita kapada dua perengkat:

i. Menumpukan segala usaha dan pertolongan kapada pembenaan taraf Kolej Islam supaya kedudokan-nya bukan sahaja sa-taraf dengan kedudokan Universiti Malaya tetapi juga Universiti2 dunia dan, kalau perlu, di-tukar nama-nya untok mensesuaikan semangat orang2 Melayu kapada "UNIVERSITI ISLAM KEBANGSAAN."

ii. Jadikan projek Universiti Kebangsaan ini sa-bagai satu projek jangka panjang supaya pembenaan-nya tidak berupa "rival" kapada Kolej Islam serta benar2 memberi faedah kapada anak2 bumiputra.

# KKGMMB sedia bantu penubohan Universiti Kebangsaan



TAN SRI YAHYA ... menawarkan bantuan yang $1 juta dan 1,000 ekar tanah.

21/8/68

KESATUAN Kebangsaan Guru2 Melayu Malaysia Barat (KKGMMB) Chawangan Perak hari ini telah menyatakan sokongan-nya, dan berjanji akan membantu ranchangan untok membena Universiti Kebangsaan.

Demikian Enche' Nordin bin Haji Mahmud, Setiausaha Sementara KKGMMB Chawangan Perak, yang juga menjadi jawatankuasa agong KKGMMB, memberitahu Berita Harian dalam pertemuan-nya di-sini.

Kata-nya, "Kami bagi pehak guru2 Melayu sangat merasa bangga, dan mengalu2kan serta menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada Menteri Besar Pahang, Tan Sri Yahya bin Mohd. Seh, yang telah menawarkan bantuan $1 juta, dan 1,000 ekar tanah untok membena Universiti tersebut."

**IPOH, Selasa**

"Ranchangan atau usaha2 hendak membena sabuah Universiti Kebangsaan dalam negeri ini, sudah sa-wajar-nya mendapat sokongan sa-tiap golongan ra'ayat," kata beliau.

Enche' Nordin menjelaskan bahawa beliau akan membawa satu chadangan dalam meshuarat agong tahunan KKGMMB Chawangan Perak, yang akan di-langsongkan tidak lama lagi.

Tiap2 ahli KKGMMB di-wajibkan men derma sa-banyak 1% dari jumlah gaji mereka untok bantuan projek mendirikan Universiti tersebut.

Kata-nya, "Saya yakin chadangan saya itu akan mendapat sokongan yang kuat dari kalangan ahli2, dan kira-nya usul itu lulus, maka chadangan yang sama akan di-kemukakan dalam persidangan agong perwakilan KKGMMB yang akan datang."

## *Merasa*

"Saya juga merasa yakin chadangan untok memungut derma 1% dari gaji guru2 yang menjadi anggota KKGMMB akan di-terima dengan sa-bulat suara, kerana memandang semangat yang di-utarakan oleh guru2 Melayu hendak menubohkan kursi pengajian Melayu di-Universiti Malaya dalam masa penjajahan dahulu."

"Derma yang di-pungut untok membiayai kerusi pengajian Melayu di-Universiti dalam tahun 1952 dahulu guru2 Melayu telah menunjokkan semangat-nya yang kuat, dan dalam masa sa-tahun sahaja sa-banyak $300,000 telah dapat di-pungut," tegas beliau.

"Tetapi malang-nya, hasrat untok mengadakan kerusi Pengajian Melayu di-Universiti tidak dapat di-laksanakan, kerana negara telah menchapai kemerdekaan, dan kerajaan telah mengadakan Jabatan Pengajian Melayu di-Universiti Malaya."

"Walau bagaimanapun wang yang telah di-pungut itu telah di-gunakan untok derma pelajaran tinggi Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjong atau ringkas-nya KPGMS, yang sekarang ini mempunyai modal sa-banyak $128,000," tegas beliau lagi.

"Saya perchaya kira-nya usul untok memotong 1% gaji guru2 Melayu untok bantuan mendirikan Universiti Kebangsaan, dalam masa sa-tahun sahaja kumpulan wang derma itu boleh meningkat lebeh $1 juta, kerana bilangan guru2 Melayu sekarang ini bertambah ramai, dan tangga gaji mereka lebeh tinggi jika di-bandingkan dengan masa yang lampau."

## *Wakil2*

Menurut beliau, KKGMMB berchadang akan menganjorkan satu perjumpaan antara wakil2 badan kesatuan Guru2 Melayu seperti KKGSK dan KKGUMB untok membinchangkan tentang ranchangan bagi menubohkan Universiti Kebangsaan itu.

"Kami yakin kira-nya pehak KKGSK dan KKGUMB memberikan sokongan, dan sambutan yang baik di-atas chadangan mengadakan perjumpaan tersebut, sudah pasti ranchangan bagi membena Universiti itu dapat di-laksanakan dengan saberapa segera."

Jumlah guru2 Melayu dalam negeri ini lebeh kurang sa-ramai 30,000 orang, kira-nya mereka sanggop memberikan derma 1% dari jumlah gaji-nya, maka wang yang di-perlokan itu akan dapat di-pungut dengan jumlah yang besar."

Enche' Nordin menyatakan rasa dukachita-nya berhubong dengan ranchangan penubohan Kolej MCA yang akan di-beri nama Kolej Tengku Abdul Rahman.

## *Negeri*

Menurut beliau, Kolej yang akan di-dirikan oleh MCA itu bukan sahaja akan menyekat pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini, tetapi sa-balek-nya Kolej itu nanti akan memberi persaingan yang hebat dengan keluluasan Kolej2 yang ada sekarang, terutama yang beraliran Melayu.

Menyentoh lebeh jauh tentang ranchangan penubohan Universiti Kebangsaan itu, Enche' Nordin mengeshorkan supaya Universiti yang ada sekarang ini di-tukar chorak-nya menjadi sabuah Universiti Kebangsaan.

Beliau menekankan, kira-nya sa-buah Universiti Kebangsaan di-dirikan dalam negeri ini, sudah tentu ia-nya akan menghadapi persaingan yang hebat dengan Universiti Malaya yang ada sekarang.

# Universiti Kebangsaan: Kerajaan Pusat akan di-desak

21/8/68

TELOK ANSON, Selasa. — Kerajaan Pusat akan di-desak supaya membentok dengan segera sa-buah jawatankuasa peranchang penubohan Universiti Kebangsaan di-negeri ini.

Desakan itu akan dibinchangkan dalam meshuarat perwakilan UMNO Bahagian Kawasan Hilir Perak yang akan di-adakan pada 8 September depan di-Dewan M.C.A. di-sini.

UMNO Chawangan Sungai Lampam dalam meshuarat agong-nya baharu2 ini telah meluluskan satu chadangan supaya mendesak Kerajaan Pusat membentok dengan segera sa-buah jawatankuasa peranchang penubohan Universiti Kebangsaan di-negeri ini.

Setiausaha UMNO Chawangan itu, Enche Mohd. Khairi bin Abdul Karim yang juga menjadi ketua penerangan UMNO Bahagian Kawasan Hilir Perak berkata:

Kerajaan Pusat patut-lah jangan berlengah2 lagi bagi menjayakan penubohan Universiti Kebangsaan itu.

"Sebarang kelambatan menubahkan Universiti Kebangsaan itu hanya akan menambah kerugian orang2 Melayu di-negeri-nya sendiri," kata beliau.

UMNO Chawangan itu juga menchadangkan supaya tiap2 kakitangan Kerajaan daripada sa-tinggi2-nya hingga ka-serendah2-nya mendermakan satu peratus gaji mereka tiap2 bulan hingga terlaksana Universiti Kebangsaan itu.



ENCHE ABU BAKAR BIN MAT, pegawai UMNO Bahagian Telok Anson.

# BENA SEGERA UNIVERSITI KEBANGSAAN: UMNO TELOK ANSON DESAK KERAJAAN PERIKATAN

21/8/68

TELOK ANSON, — Selasa. — Sa-buah lagi Bahagian UMNO di-negeri ini membuat keputusan mendesak supaya Kerajaan menubohkan Universiti Kebangsaan dengan segera di-negeri ini.

UMNO Bahagian Telok Anson dalam meshuarat jawatankuasa - nya disini baharu2 ini telah meluluskan satu chadangan mendesak Kerajaan Pusat supaya menubohkan Universiti Kebangsaan dengan segera.

Setiausaha UMNO Bahagian itu, Enche Baharuddin Zamani bin Haji Yusof berkata, "Kerajaan hendak-lah segera menubohkan Universiti Kebangsaan itu supaya anak2 Melayu tidak ketinggalan lebeh jauh dari anak2 bangsa lain dalam bidang pelajaran tinggi.

"Dengan ada-nya Universiti Kebangsaan itu anak2 Melayu dari sekolah2 Menengah Kebangsaan akan dapat meneruskan pelajaran-nya ka-Universiti dan tidak terpaksa melalui sekolah2 Menengah Jenis Kebangsaan saperti pada masa sekarang ini," kata beliau.

## Benaan jambatan

SUNGAI SIPUT, Selasa. — Sa-buah jambatan berharga $15,000 sedang di-selenggara pembenaan-nya oleh kerajaan di-kampong Ulu Kuang, 18 batu dari sini untok kemudahan kira2 1,000 orang pendudok satempat.

## Terima pingat

BALING, Selasa. — Sa-ramai 20 orang anggota Polis di-Raja dan lima orang awam telah menerima Pingat Peringatan Merdeka (PPM) di-Padang Jam Merdeka Baling pada hari Juma'at kelmarin.

# Universiti Kebangsaan: Dorongan dari Persatuan Melayu

21/8/58

IPOH, Selasa. —
PERSATUAN Melayu Larut dan Matang, Taiping menyokong penoh penubohan Universiti Kebangsaan dan sa-bagai pendahuluan, Yang di-Pertua-nya, Enche Abu Bakar bin Mat menderma lima ringgit untok tabong pembenaan Universiti tersebut.

Derma itu telah disampaikan oleh Yang di-Pertua-nya kapada pemberita Berita Harian, Mokhtar Petah untok disampaikan ka-Balai Berita Berita Harian di-Kuala Lumpur.

Enche Abu Bakar berkata "Wang sa-banyak ini ada-lah wang dari saku saya sendiri, tetapi wang ini sa-bagai langkah pertama Persatuan saya membantu usaha membena universiti kebangsaan yang menjadi chita2 kami sejak lama lagi."

## Kechil

"Wang ini kechil jumlah-nya, tetapi kami harap wang sa-banyak ini menjadi pendorong kapada orang2 Melayu untok membantu pembenaan universiti kebangsaan" kata-nya.

Beliau memberitahu, pehak-nya akan membantu apa sahaja kapada pembenaan universiti tersebut dan hendak-nya badan2 lain akan menurut jejak mereka.

Enche Abu Bakar telah berikrar di-hadapan Enche Abu Bakar Hamid dari Universiti Malaya yang tiba di-Taiping untok memberi penerangan tentang 'perlu-nya pembenaan universiti kebangsaan', bahawa beliau akan memberi sokongan dari satu masa ka-satu masa.

# Universiti Nasional: Persatuan Guru2 China sokong

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Persatuan Guru2 China Malaysia telah menyokong ranchangan penubohan sa-buah Universiti Kebangsaan negeri ini.

Pengerusi persatuan itu, Enche' Sim Mok Yee, ketika menyatakan sokongan tersebut memberitahu bahawa Malaysia perlu mempunyai banyak universiti bagi mendidek pemuda pemudi yang berguna kapadi-masa hadapan.

Beliau mensifatkan ranchangan untok menubohkan Universiti Kebangsaan itu sa-bagai suatu chadangan yang baik dan akan dapat memperkembangkan hasil kebudayaan beranika ragam.

Enche' Lim walau bagaimana pun menyatakan dukachita-nya terhadap tindakan kerajaan menutup sekolah2 private China, yang telah banyak membuat jasa kapada masharakat dan pembangunan negara.

"Sa-kira-nya ada penuntut2 atau guru2 yang terlibat dalam gerakan sabersif komunis mereka sahaja yang sa-patut-nya di-ambil tindakan, tapi tidak dengan sa-chara menutup semua sekolah2 itu," kata-nya.

Beliau sa-balek-nya menyatakan bahawa kerajaan patut memberi sokongan moral dan kebendaan kapada sekolah2 tersebut.

Beliau juga menyatakan kesal terhadap penentangan MCA terhadap ranchangan untok menubohkan sa-buah Universiti Merdeka yang menurut-nya telah hampir berjaya di-laksanakan.

Kata-nya jawatankuasa untok menubohkan Universiti Merdeka itu telah da kemajuan negara kita pun di-bentok di-satiap negeri ini.

# Sardon sokong penubohan Varsiti Kebangsaan

27/8/68

PULAU PINANG 26 Ogos — Menteri Pengangkutan, Tan Sri Sardon bin Haji Jubir berkata hari ini bahawa beliau menyokong penoh penubohan Universiti Kebangsaan.

Tan Sri Sardon berkata demikian sa-waktu merasmikan Meshuarat Agong Perwakilan UMNO Bahagian Seberang Prai Tengah, di-Permatang Pasir, 15 batu dari sini semalam.

"Malaysia ada-lah sabuah negara yang luas, sabuah universiti sahaja tentu tidak menchukupi," kata beliau.

Tan Sri Sardon juga berkata beliau ingin melihat Malaysia mempunyai tiga atau empat buah universiti sa-kurang2-nya.

Pada masa ini, tegas Tan Sri Sardon, beribu2 pelajar2 Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di-universiti2 seberang laut hingga ada yang pergi sajauh Benua Amerika untok menyambongkan pelajaran mereka.

Sa-buah Universiti Malaya saja tentu-lah tidak mampu hendak mengadakan tempat sa-chukup2-nya bagi semua pelajar2 negeri ini.

Tan Sri Sardon mengucharkan tahniah kapada Menteri Besar Pahang kerana janji-nya bahawa kerajaan negeri itu akan memberikan 1,000 ekar tanah dan $1 juta bagi menjayakan Universiti Kebangsaan.

Beliau juga berharap samoga semua negeri2 dan pehak yang telah berjanji akan memberi derma mereka supaya menunaikan janji itu bila telah di-kehendaki nanti.

## NILAI

Tapi Tan Sri Sardon mengingatkan, bahawa sabarang langkah terburu2 untok mendirikan universiti ada-lah merbahaya.

Sa-sabuah universiti baru yang hendak di-bena di-negeri ini hendak-lah mempunyai nilai yang sama atau lebeh baik lagi dari yang sedia ada, kata beliau.

Tan Sri Sardon juga berkata beliau menyokong penubohan Fidder College yang di-pelupori oleh MCA dan beliau menafikan kolej itu ada-lah kepunyaan MCA saperti yang di-dakwa oleh PAS.

Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin sendiri telah berulang2 kali menyatakan bahawa tiada sa-barang wakil MCA yang akan di-benarkan dudok dalam jawatankuasa kolej itu nanti.

Beliau juga mengingatkan bahawa walau berapa pun universiti hendak di-dirikan dalam negeri ini, maka universiti tersebut hendak-lah berjalan sesuai dengan dasar pelajaran kebangsaan kita.

Kemudian Tan Sri Sardon menyebutkan bahawa apa yang menjadi masaalah sekarang ini ia-lah untok menjalankan sa-sabuah universiti baru itu dan untok menjadikan-nya benar2 akademik serta boleh di-akui sijil2-nya sa-jajar dengan Universiti Malaya sekarang ini.

## TERDIRI

Beliau berkata sa-sabuah universiti yang tidak mempunyai mutu akan memalukan dan merugikan anak2 bangsa sendiri.

Menyebut tentang Pass Kerja, Tan Sri Sardon berkata banyak orang bersungut bahawa terlalu ramai pekerja keretapi Tanah Melayu terdiri dari bukan warga Malaysia.

"Saya tidak menafikan kenyataan itu" kata Tan Sri Sardon dan beliau menyambong: "Tetapi harus di-ingat sejak Malaysia beroleh kemerdekaan kita telah dapat mengurangkan jumlah mereka dari 10,000 lebeh kapada tidak sampai 2,000 sahaja lagi pada masa ini.

"Walau bagaimana pun kita tidak akan membuang sa-barang pekerja dengan membuat tuli sahaja.

"Kita tidak harus berlagak sa-bagai diktator dan berlaku kejam sa-sama manusia," kata-nya.

Bilangan pekerja2 asing itu akan di-kurangkan beransor2 dan dengan timbang rasa, lambut laun akan habis juga, tambah Menteri itu lagi.

27/8/68

# J-kuasa penaja Universiti Nasional di-bentok

## 50 chendakiawan Melayu hadhir

**KUALA LUMPUR, 26 Ogos. — Sa-buah Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan telah di-bentok dalam suatu perjumpaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini semalam.**

Kira2 50 orang cherdek pandai Melayu yang hadhir dalam perjumpaan menubohkan Jawatankuasa tersebut telah sa-bulat suara melantek Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja itu.

Lain2 anggota yang di-pileh ia-lah: Naib Pengerusi, Dr. Mahathir Mohamad dan Enche' Zainal bin Abdul Wahid; Bendahari Tan Sri Syed Jaafar Albar, Setiausaha Bersama, Enche' Abu Bakar Hamid dan Tengku Shamsul Bahrin.

Ahli Jawatakuasa ia-lah Professor Hamzah Sendut, Dr. Syed Naguib Al-Attas, Enche' A. Samad Ismail, Enche' Mohd Zain Majid, Dr. Rais Sariman, Enche' Mansor Othman, Enche' Yunos Maris dan Enche' Atan Long.

Tujuan membentok jawatankuasa itu ia-lah untok memusatkan kegiatan2 mengenai penubohan Universiti Kebangsaan.

### Konsep

Jawatankuasa ini juga akan menyelenggarakan satu kongres untok membinchangkan hal2 yang berhubong dengan konsep pelaksanaan universiti ini.

Syed Nasir dalam uchapan-nya menegaskan bahawa usaha hendak menubohkan Universiti Kebangsaan bukan-lah suatu tindak balas terhadap Kolej Tunku Abdul Rahman yang di-taja oleh pehak MCA.

Kata Syed Nasser Kolej Tunku Abdul Rahman itu bukan-lah sa-buah kolej untok orang China, tetapi ia-lah sa-buah kolej yang akan di-tubohkan untok mengatasi masaalah pelajaran pendudok2 Malaysia seluroh-nya.

"Kalau ini-lah dasar kolej itu dan tidak pula bertentangan dengan dasar Pelajaran Kebangsaan kita tidak ada sebab mengapa kita mesti membantah penubohan-nya," kata beliau.

### Sistem

Universiti Kebangsaan juga merupakan suatu chara hendak mengatasi masaalah pelajaran yang di-hadapi oleh penuntut yang lahir dari sistem Pelajaran Kebangsaan, kata-nya.

Kata-nya Universiti Kebangsaan juga bukan sa-buah Universiti Melayu, tetapi ia-lah universiti untok semua pendudok Malaysia yang mendapat pelajaran melalui Bahasa Kebangsaan.

Menurut beliau sa-makin banyak universiti sa-makin baik untok Malaysia. Persaingan antara universiti2 akan membuah mutu pelajaran tinggi yang lebeh baik di-negeri ini.

Beliau sa-terus-nya menyatakan kegembiraan-nya terhadap sambutan2 penubohan Universiti Kebangsaan, termasok sokongan dari tokoh2 MCA dan Menteri Tan Sri (Dr.) Lim Swee Aun sendiri.

# Naguib keluar dari J-kuasa Penaja Varsiti

Oleh Harun Taib

KUALA LUMPUR, Selasa.—Dr. Syed Naguib Al-Attas dari Universiti Malaya hari ini menarek diri dari Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan kerana beliau churiga itu satu "projek sulit Kerajaan".

Jawatankuasa Penaja itu di-bentok dalam satu perjumpaan antara cherdek pandai Melayu di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini malam kelmarin.

Pengerusi-nya ia-lah Tuan Syed Nasir Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Bertentangan

Dr. Syed Naguib, dalam satu sidang akhbar pagi ini berkata ia keluar dari jawatankuasa itu kerana universiti yang di-ranchangkan itu bertentangan dengan tujuan asal-nya.

Kata-nya, dalam perjumpaan pada malam itu ia telah menentang shor supaya Universiti yang di-ranchangkan itu harus mendapat bantuan Kerajaan.

"Tetapi alasan2 yang saya kemukakan telah di-tolak oleh perjumpaan itu."

Menurut Dr. Syed Naguib, perjumpaan pada malam itu sedar bahawa masa'alah utama untok menubohkan universiti itu ia-lah soal kewangan.

Kerana itu perjumpaan tersebut telah mengambil keputusan untok mendapat persetujuan dan bantuan dari Kerajaan.

"Saya membantah keputusan itu. Ini ia-lah kerana Kerajaan boros membelanjakan ... yang tidak faedah ka-



SYED NAGUIB

Dr. Syed Naguib, salah sa-orang ahli jawatankuasa **GERAKAN** berkata bahawa parti-nya telah pun menyusun ranchangan dasar untok mengatasi masa'alah universiti kebangsaan.

Perkara ini akan di-umumkan tidak lama lagi, kata-nya.

Kata-nya lagi, pada malam itu ia telah memberitahu Tuan Syed Nasir bahawa ia akan menarek diri sa-kira-nya ranchangan itu merupakan satu projek "sulit" Kerajaan.

Juga jika pehak jawatankuasa memutuskan untok meminta apa juga bantuan Kerajaan atau jawatankuasa itu sendiri di-jadikan alat "memanching undi."

"Sa-telah membacha akhbar hari ini saya dapati tersiar berita bahawa Kerajaan akan di-minta membantu Universiti tersebut.

## Dua tokoh

"Sa-lain dari itu tersiar juga nama dua orang tokoh UMNO — Dr. Mahadhir dan Tan Sri Syed Jaafar — sa-bagai ahli jawatankuasa.

"Ini pada hemat saya jelas-lah bahawa ranchangan mendirikan Universiti itu di-libatkan dengan Kerajaan.

"Dan ketetapan yang di-ambil dalam perjumpaan itu ada-lah bertentangan dengan tujuan asal mendirikan universiti itu," kata-nya.

Beliau menjelaskan perjumpaan malam itu juga mengambil keputusan bahawa Universiti itu kelak ada-lah terbuka kapada semua kaum.

Kalau-lah begitu tujuan-nya mengapa pehak penganjor pada malam itu tidak mengundang cherdek pandai dari kaum lain untok turut sama berbinchang?, kata Dr. Syed Naguib.

Di-tanya bagaimana beliau menerima penchalunan untok di-pileh menjadi ahli jawatankuasa sedangkan ia tidak bersetuju dengan keputusan-nya, Dr. Syed Naguib berkata:

"Pada malam itu saya tidak di-beri peluang untok berchakap panjang memberi penjelasan.

Beliau juga menyatakan bahawa Universiti Malaya yang

# Perletakan Syed Naguib di-luluskan jawatankuasa

29/8/68

KUALA LUMPUR, 28 Ogos,—Jawatankuasa kerja penubohan Universiti Kebangsaan hari ini telah menerima perletakan jawatan Dr. Syed Naguib sa-bagai ahli jawatankuasa kerja universiti tersebut.

Penerimaan Jawatankuasa Kerja itu telah di-nyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail dalam satu kenyataan-nya disini hari ini.

## PROJEK

Syed Naguib ketika mengumumkan perletakan jawatan-nya dari Jawatankuasa itu menegaskan bahawa projek penubohan universiti itu sa-bagai projek anjoran kerajaan dan bersifat perkauman.

Syed Nasir dalam kenyataan-nya hari ini mensifatkan penarekan diri Syed Naguib itu sa-bagai 'malang' kerana beliau mengumumkan penarekan itu hanya melalui akhbar2 bukan melalui Jawatankuasa Kerja.

Beliau berkata, bagaimana pun sa-telah mengadakan perbinchangan dengan ahli2 jawatankuasa kerja yang lain perletakan jawatan Syed Naguib ada-lah di-terima.

# Sokong penubohan Universiti Kebangsaan

28/8/68

JOHOR BHARU 28 Ogos — UMNO Chawangan Bandar Barat telah mengambil keputusan menyokong kuat chadangan hendak membena sa-buah Universiti Kebangsaan dinegara ini.

Keputusan itu di-buat oleh chawangan tersebut dalam meshuarat jawatankuasa-nya yang berlangsong di-Rumah UMNO di-sini malam kelmarin.

Ketua UMNO chawangan tersebut, Enche' Elias Udin, yang juga sa-orang Anggota Dewan Negeri bagi Kawasan Tampoi berkata bahawa betapa penting-nya sa-buah Universiti Kebangsaan di-dirikan di-negara ini sa-laras dengan chita2 national.

Beliau memberikan pandangan-nya ada lebeh baik jika Universiti Kebangsaan itu di-bena di-Pantai Timor, kerana di-sana banyak bahan2 penyelidekan yang boleh di-buat oleh bakal2 mahasiswa itu untok membangunkan rakyat bumiputra yang tidak berapa maju.

Kata-nya, dengan ujudnya sa-buah Universiti Kebangsaan kerajaan akan dapat melaksanakan dasar2 pelajaran yang berchorak kebangsaan untok menyatu padukan seluroh bangsa di-negeri ini.



*Syed Nasir*

## Universiti Kebangsaan terbuka kapada semua kaum

# Langkah2 ka-arah penubohan di-ator

27/8/68

**Oleh Suhaimi Mokhtar**
**Kuala Lumpur 28 Ogos**

JAWATANKUASA Kerja Penubohan Universiti Kebangsaan akan mengadakan meshuarat-nya yang pertama di-sini pada 2 September ini bagi menentukan langkah2 ka-arah penubohan universiti tersebut.

Dalam meshuarat itu nanti beberapa buah jawatankuasa kechil akan di-bentok.

Jawatankuasa2 itu akan menguruskan soal2 kewangan, pentadbiran, keanggotaan pensharah, penentuan konsep universiti, kongres dan lain2 bagi mengembelingkan tenaga ka-arah penubohan segera universiti itu.

Demikian Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penubohan Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail, memberitahu Utusan Malaysia dalam satu interbiu di-pejabat-nya di-sini hari ini.

Syed Nasir menyatakan bahawa dalam meshuarat pertama-nya itu akan di-pileh sa-orang anggota baru bagi memenohi tempat yang di-kosongkan oleh Syed Naguib yang telah berhenti dari menjadi ahli jawatankuasa.

### ALIRAN

Menurut-nya, Universiti Kebangsaan akan menampong pelajar2 aliran Melayu yang bagitu besar jumlah-nya dan tidak mendapat tempat dalam Universiti Malaya.

Beliau bagaimana pun menyatakan bahawa pelajar2 aliran jenis kebangsaan saperti aliran Inggeris boleh memasoki universiti itu sa-kira-nya memenohi sharat2 yang akan di-tentukan oleh pehak universiti itu nanti.

"Tetapi keutamaan akan di-berikan kapada pelajar2 aliran Melayu yang merupakan aliran Sekolah2 Kebangsaan," kata-nya.

Syer Nasir menyatakan bahawa universiti itu nanti akan terbuka kapada semua kaum saperti juga sekolah2 kebangsaan sekarang yang terbuka kapada semua kaum.

"Universiti Kebangsaan yang telah di-binchangkan bagitu lama ia-lah merupakan kemunchak dari sistem pelajaran kebangsaan saperti juga Universiti Malaya merupakan kemunchak sistem pelajaran Inggeris," ujar-nya.

Di-tanya sama ada penubohan universiti itu akan dapat di-jalankan dengan segera beliau berkata bahawa ia bergantong kapada sokongan kerajaan di-samping sokongan rakyat yang telah mulai sedar.

### HANCHOR

"Dari sokongan2 yang di-terima sa-takat ini dari 10 buah kerajaan2 negeri dan 35 buah badan2 serta orang ramai saya menjangkakan kesulitan2 awal telah dapat di-atasi," kata-nya.

"Sa-siapa yang menentang arus kebangkitan semangat ini akan menerima nasib-nya kerana kesedaran rakyat telah timbul tentang nasib masa depan bangsa-nya," tegas Syed Nasir.

"Akan hanchor-lah harapan rakyat khusus-nya orang2 Melayu sa-kira-nya Universiti Kebangsaan tidak di-tubohkan," ujar-nya lagi.

Menurut-nya, jawatankuasa2 yang akan di-lantek dalam meshuarat 2 September ini akan menemui pehak Kerajaan Pusat meminta sokongan dari kerajaan di-samping bantuan yang di-perlukan.

Syed Nasir menegaskan betapa nasib 719,829 orang pelajar2 aliran kebangsaan yang mempunyai kelayakan tetapi tidak mempunyai tempat di-Universiti Malaya.

# Universiti Kebangsaa Wawanchara khas de Syed Nasir

31/8/64

*Oleh Suhaimi Mokhtar*

TERLALU banyak orang memper-...kan masalah penubohan Universiti Kebangsaan sejak akhir2 ini dan penyataan yang di-buat membayangkan satu sikap positib masharakat terhadap persetujuan untok menubohkan-nya.

Dari para menteri, ahli2 politik, pakar2 pendidek sa-hingga-lah kapada orang biasa telah m e m binchangkan perkara ini yang tentu-nya mereka ini dengan pendapat2 yang tertentu pula.

Tetapi satu keadaan yang dapat di-timba dari perbualan2 dan polemak2 yang telah timbul ia-lah apa-kah orang2 Melayu dengan sistem pelajaran kebangsaan sekarang sudah sampai masa-nya untok mempunyai sa-buah Universiti Kebangsaan.

Mereka menimbulkan apa-kah masharakat Melayu di-Negara Malaysia yang berbilang bangsa ini perlu menubohkan sa-buah universiti untok menampong pelajar2 aliran kebangsaan.

## LAYAK

Tidak dapat di-nafikan bahawa sistem pelajaran sekarang mahu atau tidak mahu, di-akui atau tidak ada-lah tidak sa-ratus peratus mengikut Penyata Rahman Talib dan Penyata Razak.

Tetapi saya bukan mahu menimbulkan hal ini, apa yang perlu di-bentangkan di-sini apa-kah layak atau tidak-nya orang Melayu mempunyai sa-buah Universiti Kebangsaan-nya sendiri untok menampong aliran kebangsaan yang sa-chara tegas membenarkan semua kaum belajar di-dalam-nya.

Sa-buah Universiti Malaya tidak chukup untok menampong 10 juta rakyat, tambahan pula ada faktor2 lain lagi yang timbul.

Orang2 Melayu yang merupakan lebeh dari sa-paroh rakyat negeri ini memerlukan sa-buah universiti yang bersaingan dari universiti yang ada sekarang untok menampong pelajar2 aliran Melayu.

Untok mendapatkan kepastian yang lebeh tepat saya telah membuat satu wawanchara khusus dengan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penubohan Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail mengenai penubohan universiti itu.

## LANGKAH

**Penulis:** Tuan, Jawatankuasa Kerja Penubohan Universiti telah di-tubohkan di-anggotai ramai oleh chendiakiawan Melayu, sa-telah itu apa-kah langkah2 sa-lanjut-nya yang akan di-jalankan ka-arah mengujudkan sa-buah Universiti Kebangsaan itu?

**Syed Nasir:** Sa-buah Universiti Kebangsaan ada-lah satu kemestian yang tidak dapat di-elakkan, langkah2 sa-lanjut ka-arah penubohan universiti itu sedang berjalan lanchar. Jawatankuasa Kerja akan memanggil satu sidang pada hari Isnin ini untok membentok beberapa jawatankuasa kechil bagi meneruskan penubohan universiti itu.

**Penulis:** Apa2-kah jawatankuasa2 kechil yang tuan maksudkan?

**Syed Nasir:** Maksud saya Jawatankuasa2 Kewangan, Pentadbiran, Lateban, Konsep, Keanggotaan Penshorah Kongres dan lain2 yang akan meneruskan ka-arah penubohan universiti yang di-ura2kan itu.

**Penulis:** Apa2-kah tugas jawatankuasa itu nanti?

**Syed Nasir:** Jawatankuasa2 ini akan menjalankan kerja2 mereka mengikut jurusan yang di-bentok, mithal-nya menemui pehak kerajaan meminta sokongan, bantuan dan pengiktirafan kapada Universiti Kebangsaan yang tentu akan ujud juga akhir-nya.

**Penulis:** Tuan, ada sa-tengah2 golongan memikirkan bahawa tidak ada faedah-nya mengadakan kongres kerana kita terlalu banyak berkongres dan hasil-nya tidak sa-berapa, apa-kah tidak lebeh baik menjalankan sa-chara diam2 saperti Kolej Tunku Abdul Rahman tajaan MCA?

**Syed Nasir:** Saya faham maksud saudara, tetapi biar-lah perkara ini saya binchangkan dengan rakan2 saya apabila pertemuan kedua akan di-adakan pada 2 September akan datang ini.

## MENAMPONG

**Penulis:** Tuan, tujuan Universiti Kebangsaan ini ia-lah untok menampong pelajar2 aliran Melayu (Kebangsaan) yang sekarang berjumlah 719,629 di-sekolah2 rendah dan menengah?

**Syed Nasir:** Benar, tujuan utama ia-lah mengadakan penampongan yang menyeloroh supaya pelajar2 Melayu dapat menandingi orang lain dalam bidang pelajaran. Tujuan ini ada-lah baik kerana kita takut nanti ka-mana pelajar2 ini hendak pergi.

**Penulis:** Apa-kah universiti ini nanti juga akan menampong pelajar2 aliran jenis kebangsaan, mithal-nya aliran Inggeris?

**Syed Nasir:** Memang, universiti ini tidak menyekat pelajar2 aliran Inggeris asalkan mereka mempunyai sharat2 tertentu untok mengikuti kuliah dalam Bahasa Kebangsaan, bahkan universiti ini terbuka kapada semua kaum asalkan mereka datang-nya dari aliran Kebangsaan.

**Penulis:** Apa-kah pendapat tuan mengenai Kolej Tunku Abdul Rahman yang di-taja oleh MCA?

**Syed Nasir:** Kolej itu sa-kira-nya benar2 mengikuti Sistem Pelajaran Kebangsaan, tidak ada masaalah yang membenarkan kita menentang-nya.

**Penulis:** Tuan, apa-kah benar tudohan bahawa Universiti Kebangsaan bersifat perkauman saperti yang di-tudoh oleh sa-tengah2 golongan dan ia-nya ada-lah anjoran kerajaan untok kempen Perikatan di-pilehanraya akan datang?

**Syed Nasir:** Tidak benar tudohan mengatakan perkauman kerana Universiti Kebangsaan terbuka kapada semua kaum saperti juga sekolah kebangsaan terbuka kapada semua orang. Tentang universiti ini anjoran kerajaan, biar-lah saya nyatakan bahawa sa-kira-nya kerajaan mahu mengambil aleh kerja2 ini ada-lah lebeh baik, soal menjadi kempen politik atau tidak, itu tidak timbul. Kita mahu sa-buah Universiti Kebangsaan.

**Penulis:** Apa-kah beza-nya Universiti Malaya dengan Universiti Kebangsaan ini nanti?

**Syed Nasir:** Tidak mempunyai perbezaan yang terlalu luas, chuma kuliah2 pengantar saja yang berlainan — satu Inggeris, satu lagi Bahasa Kebangsaan — dan Universiti Malaya boleh-lah di-anggap kemunchak Sistem Pelajaran Inggeris dan Universiti Kebangsaan ia-lah kemunchak Sistem Pelajaran Kebangsaan.

**Penulis:** Jangka-nya bila-kah universiti ini akan dapat di-tubohkan?

**Syed Nasir:** Bergantong kapada Kerajaan Pusat dan saya menjangkakan bahawa oleh kerana sokongan rakyat dan Kerajaan Negeri2 sa-takat ini, penubohan Universiti Kebangsaan ada-lah tidak dapat di-elakkan.

**Penulis:** Sa-takat ini berapa buah badan2 dan Kerajaan2 Negeri dan orang2 ramai yang me-

nyokong penubohan Universiti Kebangsaan?

**Syed Nasir:** Sa-takat ini tidak ada sa-orang pun yang menentang penubohan Universiti Kebangsaan. 10 buah Kerajaan Negeri telah menyatakan sokongan-nya dan berjanji akan memberi bantuan, dan 35 buah badan2 telah memberikan sokongan-nya saya rasa tidak ada siapa yang menentang bahkan Kerajaan Pusat juga.

**Penulis:** Bagaimana sa-kira-nya chadangan2 ini gagal? Apa-kah yang akan terjadi?

## ARUS

**Syed Nasir:** Saya rasa tidak akan gagal sa-telah melihat arus sokongan yang bagitu besar, tetapi kalau gagal juga saya tidak tahu-lah nasib bangsa kita di-masa akan datang, kita telah banyak berundor dari apa yang kita ada, orang ka-depan dan tetap mahu ka-depan, kita maseh berundor dan terus berundor.

**Penulis:** Apa-kah Tuan bersetuju dengan pendapat supaya Kolej Islam di-jadikan Universiti Kebangsaan?

**Syed Nasir:** Kolej Islam perlu menjadi sa-buah Universiti Islam memandang negara ini mempunyai ugama rasmi Islam dan dari segi jumlah penduduk kita bukan patut mempunyai sa-buah universiti. Universiti Kebangsaan ia-lah untok mengukohkan Sistem Pelajaran Kebangsaan dan kemunchak dari sistem itu.

**Penulis:** Ada-kah sa-barang masaalah yang akan timbul untok penubohan ini, mithal-nya buku2, pensharah2 dan lain2 lagi.

**Syed Nasir:** Masaalah memang ada bahkan terlalu banyak, tetapi perchaya-lah kita dapat atasi segala2-nya sa-kira-nya kita benar2 jujor untok membela bangsa kita. timbulkan dulu keadaan dan perkara2 lain akan berikut.

Masaalah pensharah boleh di-selesaikan melalui berbagai2 chara, pertama mengadakan kursus2 kapada pensharah2 bukan Melayu supaya menguasai sharahan dalam Bahasa Kebangsaan, mengambil pensharah2 dari Indonesia.

## FAKULTI2

Keadaan penubohan sekarang sa-rupa sa-masa kita akan menchapai kemerdekaan, banyak orang bertanya boleh-kah bangsa kita merdeka, mana ada jurutera, mana ada itu mana ada ini, tetapi sekarang keadaan bukan-kah berlainan.

**Penulis:** Apa-kah fakulti2 yang akan di-buat sa-bagai langkah pertama nanti?

**Syed Nasir:** Fakulti2 itu belum-lah lagi di-putuskan. Ini hanya perkara2 detail saja, tetapi kita tentu dapat menubohkan fakulti2 seperti Pengajian Melayu, Pengajian Islam, Ekonomi, Sejarah, Ilmu Alam, Kajian Kemasharakatan dan lain2 seperti yang berlaku sekarang di-Universiti Malaya di-mana fakulti2 ini di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan.

**Penulis:** Bagaimana pula fakulti2 dalam Jurusan Sains?

**Syed Nasir:** Masaalah ini ada-lah rumit, tetapi ia-nya dapat di-atasi sa-kira-nya di-adakan kursus2 kapada pensharah2 itu untok memberi sharahan dalam Bahasa Kebangsaan dan buku2 itu di-ambil dari Indonesia dan pakar2 kita mengadakan-nya sendiri.

**Penulis:** Apa-kah maksud tuan pakar2 kita mengadakan-nya sendiri?

**Syed Nasir:** Kita boleh mengadakan latehan kapada pemegang2 Ijazah Honours supaya melanjutkan pelajaran M.A. dan PHD di-seberang laut untok balek nanti memberi sharahan dalam Bahasa Kebangsaan.

**Penulis:** Berbalek kapada penubohan universiti ini, mungkin-kah penah penaja ini akan mengadakan kempen besar2an untok memungut derma universiti ini nanti?

**Syed Nasir:** Mungkin pungutan besar2an akan di-jalankan ka-seluroh negara bagi memungut derma itu tetapi ini akan di-putuskan nanti.

**Penulis:** Tuan memandang sokongan rakyat bagitu besar ada-kah besar kemungkinan tanpa bantuan kewangan kerajaan universiti ini akan dapat di-tubohkan?

**Syed Nasir:** Saya rasa tidak mungkin kerana bantuan kerajaan amat-lah di-perlukan bagi penubohan segera Universiti Kebangsaan ini.

**Penulis:** Baik tuan, terima kaseh banyak.

**Syed Nasir:** Sama2.

Dan bilek yang dingin itu saya tinggalkan sa-telah memang-nya saya tidak merasakan kedinginan bilek itu lagi kerana kehangatan akan apa yang di-bicharakan oleh Syed Nasir yang juga menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Badan penaja Varsiti Nasio di-daftarkan

## *Jawatankuasa-nya akan menemui Khir Johari*

4/9/68

**KUALA LUMPUR 3 SEPTEMBER**

EMPAT buah Jawatankuasa Kechil untok menguruskan pembentokan sa-buah Universiti Kebangsaan telah di-lantek di-sini semalam.

Jawatankuasa2 kechil itu ia-lah Jawatankuasa2 Kechil Konsep dan Ekademik, Kewangan, Pertadbiran dan Staf serta Latehan.

Pembentokan Jawatan kuasa2 Kechil telah di-chapai dalam meshuarat pertama Jawatankuasa Kerja Penubohan Universiti Kebangsaan yang di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini malam tadi.

Menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail, bahawa jawatankuasa2 kechil yang di-bentok akan mengkaji soal2 yang mengenai penubohan universiti itu dari sudut2 yang di-tentukan.

Syed Nasir menegaskan bahawa laporan jawatankuasa2 kechil itu nanti akan di-bentangkan dalam satu kongres yang akan di-adakan pada bulan November bagi membinchangkan penubohan universiti itu.

### KEPUTUSAN

Dalam meshuarat yang di-adakan itu keputusan2 lain juga di-ambil ia-itu memutuskan akan mendaftarkan badan Penaja Universiti Kebangsaan itu dengan sa-berapa segera.

"Jawatankuasa ini juga akan menemui Menteri Pelajaran, Enche' Mohd. Khir Johari untok membinchangkan soal penubohan Universiti Kebangsaan itu pada satu tarikh yang akan di-tetapkan oleh Menteri Pelajaran sendiri," kata kenyataan itu.

Ahli2 jawatankuasa kerja itu telah memutuskan akan mendermakan sa-banyak $1,000 sa-orang bagi membiayai penubohan Universiti Kebangsaan itu.

Sa-lanjut-nya, Jawatankuasa itu menyeru orang ramai yang mempunyai kesedaran dan semangat supaya beramai2 menderma kempen penubohan universiti itu dan menyokong usaha2 yang di-jalankan ka-arah pembentokan-nya.

Orang ramai di-nasehatkan menghantarkan derma2 mereka kapada Tan Sri Syed Jaafar Albar, beralamat Malayawata di-alamat Bank Bumiputra, Kuala Lumpur.



Syed Nasir

Dalam meshuarat itu juga keputusan telah di-ambil melantek Pengetua Maktab Pertanian Serdang, Dr. Rashdan bin Baba bagi menggantikan tempat Pensharah Universiti Malaya, Dr. Syed Naguib yang meletakkan jawatan-nya baru2 ini.

Syed Nasir ketika di-hubongi hari ini menyatakan bahawa jawatankuasa2 kechil yang di-bentok itu belum lagi di-putuskan akan di-ketuai oleh sa-siapa tetapi beberapa orang intelek Melayu yang tidak termasok dalam jawatankuasa kerja seperti Dr. Agoes Salim dan Dr. Zain telah di-lantek sa-bagai anggota2 jawatankuasa kechil itu.

# PUTUSAN UMNO: J-KUASA VARSITI GEMBIRA

5/9/68



BAKAR HAMID
Setiausaha

**JAWATANKUASA** penaja Universiti Kebangsaan hari ini mengalukan2 persetujuan Jawatankuasa Siasah UMNO Malaysia dengan ranchangan menubohkan universiti itu.

K. LUMPUR, Rabu

Sementara itu Dato Sulaiman Ninam Shah, ahli perniagaan dari Muar hari ini berjanji akan menderma $1,000 untok Universiti Kebangsaan.

Sa-orang peguam bukan Melayu di-Kuala Lumpur, Enche Lawrence Huang pula menyokong kuat dan menawar jasa baik-nya untok bekerjasama dengan jawatankuasa tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa itu, **TUAN SYED NASIR ISMAIL** sambil mengalukan2 sikap UMNO itu berkata:

"Kira-nya benar berita tersebut ia akan memudah dan melichinkan lagi usaha serta kegiatan yang akan di-tumpukan terhadap Universiti Kebangsaan.

"Kami gembira dan menyambut baik sikap itu dan ia memang kita tunggu2 sa-lama ini."

Tuan Syed Nasir berkata ia hari ini telah menerima panggilan talipon dari Dato Sulaiman Ninam Shah yang berjanji akan mengirimkan derma-nya sa-banyak $1,000 sa-berapa segera.

## Kerjasama

Enche Lawrence Huang juga bersedia memberi kerjasama-nya untok melaksanakan penubohan Universiti Kebangsaan itu, tegas-nya.

"Jawatankuasa amat berterima kaseh dan sedia menerima sumbangan tenaga dan moral dari siapa sahaja.

"Kami juga berharap orang ramai yang benar2 berminat dalam pendidik-

an mereka," kata Tuan Syed Nasir lagi.

Setiausaha Agong PAS, **ENCHE ABDULLAH ZAWAWI** yang enggan mengulas perkembangan baru terhadap ranchangan tersebut, sa-kadar berkata:

"Tunggu-lah dulu. Dato Asri sendiri akan membuat pengumuman mengenai-nya kelak."

Setiausaha Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat, **ENCHE KASIM HARUN** sambil mengalu2kan sikap UMNO itu berpendapat:

## Menguntongkan

"Sapatut-nya UMNO bukan sa-kadar menyokong sahaja usaha itu, malah harus mengambil aleh tugas tersebut kerana UMNO merupakan parti terbesar di-negeri ini."

Timbalan kapada Pengerusi MARA, **DATO MUSTAPHA JABAR** setuju kongres itu di-adakan dan ia yakin Kerajaan akan menimbangkan ranchangan menubohkan universiti tersebut kerana projek-nya baik dan menguntongkan.

Pengarah Radio Malaysia, **ENCHE DOL RAMLI** berharap kongres itu nanti akan mengkaji sadalam2-nya usaha tersebut sa-belum ia di-lancharkan.

**SENATOR SAIDON KECHUT** pula bertanya mungkin-kah peluang anak bumiputera akan

**KERTAS KERJA**

Di-bawah ini di-siarkan sa-penoh-nya kertas kerja yang di-sediakan oleh Jawatankuasa Penganjor Pertemuan Universiti Kebangsaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka sadikit hari yang lalu.

**J-KUASA PENGANJOR**

# Mengapa Universiti Kebangsaan di-perlukan?

*Hanya 330 dapat memasoki universiti dari 128 ribu pelajar menengah aliran Melayu*



SYED NASIR.... Pengerusi Jawatankuasa Penaja.

5/9/68

KEPERLUAN-NYA Sa-buah Universiti Kebangsaan pada masa ini ada-lah satu keperluan pelajaran dan politik.

Dari segi politik pembentokan sa-buah Universiti Kebangsaan sa-bagai kemunchak sistem pelajaran kebangsaan ada-lah musttahak untok memperkokohkan sistem itu sendiri.

Sistem pelajaran kebangsaan yang lengkap serta kokoh dan sesuai dengan kehendak2 pembangunan negara dan perpaduan serta keperibadian bangsa hendak-lah sa-tapak demi satapak menggantikan pelajaran aliran Inggeris yang kuat pengaroh-nya pada masa ini.

Dari segi pelajaran, Universiti Kebangsaan menjadi kemestian untok menampong bilangan penuntut2 menengah, terutama dalam aliran Melayu, yang bertambah dengan bagitu chepat.

**KEPERLUAN DARI SEGI PELAJARAN**—Satiap penuntut yang mempunyai kelayakan untok masok Universiti mesti di-berikan tempat dalam Universiti, terutama dalam negeri ini.

Pada masa ini peluang memasoki Universiti dalam negeri sangat terbatas, kerana ada-nya satu saja Universiti.

Peluang untok memasoki universiti2 luar negeri pula terbatas juga oleh faktor2 ekonomi, pelajaran dan bahasa.

Oleh kerana itu ramai sekali penuntut2 yang mempunyai kelayakan tetapi tidak berpeluang mendapat tempat di-Universiti.

Dalam aliran Melayu ada 719,621 penuntut, dan 128,069 daripada-nya berada pada peringkat menengah manakala hanya lebeh kurang 330 orang mendapat tempat di-Universiti.

Dalam aliran Inggeris ada 604,273 penuntut, dan daripada jumlah ini 312,-083 berada pada peringkat menengah; lebeh kurang 15,000 orang mendapat tempat di-universiti2 dalam dan luar negeri.

## PELUANG2

Dalam aliran Tionghua terdapat kira2 382,176 penuntut dan dari jumlah ini kira2 22,221 di-peringkat menengah manakala kira2 5,000 orang mendapat tempat di-universiti2 luar negeri.

Bilangan penuntut dalam aliran Tamil ia-lah 79,931 dan mereka bertumpu pada peringkat permulaan saja.

Peluang yang terbaik sekali untok sampai ka-Universiti ia-lah dari penuntut2 aliran Inggeris.

Sa-lain daripada Universiti Malaya dan universiti2 luar negeri mereka dapat juga memasoki Maktab2 MARA, Pertanian, Teknik dan Perguruan.

Pintu pusat2 pengajian ini sama sekali tertutup untok penuntut2 aliran Melayu. Sa-bilangan kechil sahaja daripada penuntut2 aliran Melayu berpeluang memasoki Universiti Malaya, yang sa-benar-nya merupakan kemunchak sistem pelajaran Inggeris.

Mereka ini terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan bahasa pengantar dan ini-lah yang menjadi sebab besar mengapa ramai dari mereka terkorban pada permulaan atau pertengahan jalan terutama sekali dalam jurusan2 sains.

Universiti Malaya memang tidak memadai untok menampong penuntut2 yang bagitu ramai bertambah. Universiti kedua sedang di-ranchangkan di-Pulau Pinang, tetapi pada hakikat-nya universiti ini pun akan merupakan kemunchak bagi sistem pelajaran Inggeris, saperti Universiti Malaya.

Di-timbang dari sudut bilangan penuntut2 menengah yang bertambah dan bilangan mereka yang keluar negeri, sabenar-nya maseh perlu sa-buah universiti lagi. Sa-wajarnya-lah Universiti2 itu Universiti Kebangsaan.

## KEMUNCHAK

**Konsep Universiti Kebangsaan** — Pada pokok-nya Universiti Kebangsaan ia-lah kemunchak bagi sistem pelajaran aliran kebangsaan. Perkara2 lain yang menjadikan-nya universiti itu berchorak kebangsaan ia-lah:

- Bahasa pengantar yang utama ia-lah Bahasa Kebangsaan dan bahasa2 lain di-ajar dan di-pelajari hanya sa-bagai alat untok mendapat ilmu pengetahuan.
- Kursus2 dan penyelidekan2 yang di-utamakan ia-lah dalam lapangan2 yang memberi untong besar kapada pembangunan negara.
- Pelajar2 yang di-terima ada-lah warga negara dari semua suku bangsa dalam negeri ini.

asalkan mereka tertaklok kapada segala kehendak universiti itu.

Dengan terdiri-nya Universiti Kebangsaan ini tidak berma'na bahawa Universiti Malaya atau yang di-Pulau Pinang nanti di-biarkan berterusan dalam chorak-nya yang ada sekarang.

Pehak Kerajaan dan pehak Universiti itu perlu menjalankan segala usaha dan ikhtiar supaya Universiti Malaya itu bertukar menjadi sa-buah Universiti berchorak kebangsaan juga.

**Tujuan Universiti Kebangsaan** — Tujuan utama Universiti Kebangsaan hendak-lah memberi latehan dan membuat penyelidekan dalam bidang sains dan teknoloji, dan bidang2 ilmu kemasharakatan (social science) yang mustahak bagi pembangunan negara.

## ILMU SAINS

Oleh kerana sekarang ini ada kekurangan2 peluang mempelajari sains di-kalangan kanak2 miskin terutama sekali dari kawasan2 kampong, maka sa-bagai usaha sementara perlu juga Universiti Kebangsaan itu mengadakan kursus2 pra-universiti untok menampong pelajar2 ini.

Dalam bidang ilmu2 kemasharakatan tidak bagitu perlu di-adakan kursus2 pra-universiti itu, sebab bilangan yang mempunyai kelayakan dalam bidang ini sudah agak besar jumlah-nya.

**Hubongan dengan Kolej Islam dan Maktab2 lain**—Universiti Kebangsaan ada-lah di-perlukan untok memenohi keperluan tersendiri. Tidak perlu di-pakaakan pemilehan di-antara Universiti Kebangsaan dengan Kolej Islam yang akan di-naikkan taraf-nya menjadi Universiti Islam.

Dalam hubongan dengan Kolej Islam ini ada dua kemungkinan yang timbul.

## KOLEJ ISLAM

Pertama, Kolej Islam menjadi Universiti dan bertujuan sa-bagai pusat pengajian tinggi Islam di-negeri ini. Jika ini berlaku, Universiti Kebangsaan maseh perlu sa-bagai pusat pengajian tinggi yang mengutamakan bidang2 sains, teknoloji dan ilmu2 kemasharakatan.

Kedua, Kolej Islam itu boleh di-naikkan taraf-nya menjadi sa-buah jabatan dalam Universiti Kebangsaan itu. Ada-lah mustahak Universiti Kebangsaan itu di-bentok dengan tidak mengaitkan-nya dengan masa'alah menjadikan Kolej Islam sa-bagai pusat pengajian tinggi.

Tentang keperluan maktab2 "vocational" atau pun maktab2 penyalur ka-Universiti, memang di-akui bahawa penting sekali maktab2 saperti ini di-perbanyak dan di-perluaskan untok memberi sa-baik2 peluang kapada penuntut2 menengah yang bertambah ramai itu.

Tetapi tidak lojik di-katakan bahawa sa-kira-nya usaha2 ini di-jalankan maka usaha2 untok mendirikan Universiti Kebangsaan itu hendak-lah di-berhentikan.

## BERTAMBAH

Bukan-kan dengan bertambah-nya maktab2 ini, dengan sendiri-nya akan bertambah mendesak pula keperluan untok menubohkan Universiti Kebangsaan?

**Masa'alah2 yang di-hadapi**—Memang banyak masa'alah untok membentok sa-buah Universiti Kebangsaan, saperti masa'alah2 kewangan, guru dan buku yang sering di-sebut itu.

Masa'alah2 ini harus di-halusi dengan tujuan untok mengatasi-nya dan bukan untok di-jadikan alasan bagi menolak pembentokan universiti itu.

Wang derma yang boleh di-kutip dari orang ramai tentu terbatas. Puncha daripada kerajaan2 negeri yang telah memberi sokongan kuat kapada pembentokan Universiti Kebangsaan itu perlu di-gunakan sapenoh-nya.

## SA-LARAS

Lebeh penting, oleh kerana Universiti Kebangsaan itu ada-lah sa-laras dengan pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, maka sudah pasti-lah Kerajaan bertanggongjawab ka-atas pembentokan-nya.

Mengenai tenaga pengajar pula, yang sangat perlu sekali ia-lah membuat ranchangan yang tersusun untok memberi kesempatan sa-berapa ramai siswazah untok mendapat ijazah2 tinggi di-dalam dan di-luar negeri dalam masa yang sa-singkat-nya.

Tentang buku2 pula, kesulitan ini dapat di-atasi sa-kira-nya ada galakan untok mempelajari bahasa2 lain, supaya pengetahuan daripada buku dapat di-perolehi dalam apa bahasa saja.

## TERJEMAH

Dalam pada itu, usaha2 menulis dan menterjemah buku2 hendak-lah di-jalankan dengan lebeh giat dan tersusun.

**Langkah2 yang perlu di-ambil**—Sa-bagai langkah permulaan untok melaksanakan chita2 menuboh Universiti Kebangsaan ini, perlu sekali ada sa-buah badan yang boleh memusatkan usaha2 mendapatkan sokongan semua pehak, memungut derma, mengkaji segala aspek daripada Universiti Kebangsaan, membuat kajian tentang masa'alah dan chara2 menghadapi-nya.

Badan saperti ini perlu mempunyai kuatkuasa untok menubohkan jawatankuasa2 kechil untok melaksanakan segala ini.

Oleh sebab itu-lah pertemuan malam ini harus menyokong bulat chita2 menubohkan Universiti Kebangsaan itu, dan sa-terus-nya membentok Jawatankuasa Pengasas Universiti Kebangsaan.

# Varsiti Nasional terima derma $1,000 dari bukan Melayu



ENCHE LAWRENCE

6/9/68

BAGI kali pertama sa-orang bukan Melayu telah menderma $1,000 untok penubohan Universiti Kebangsaan. Deramawan tersebut ia-lah Enche Lawrence H. C. Huang, sa-orang peguam di-Kuala Lumpur.

K. LUMPUR, Kha.

Wang tersebut telah di-sampaikan-nya terus ka-pada pengerusi Jawatan-kuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail, semalam.

Enche Huang memberi-tahu Berita Harian hari ini: "Saya menyokong penubohan Universiti Ke-bangsaan ada-lah kerana bahasa kebangsaan ba-hasa kita.

Kita harus memupok-nya dari sekarang supaya bahasa itu terus menerus subor dan berkembang. Jalan untok meninggikan bahasa kebangsaan ia-lah dari pelajaran tinggi ba-hasa kebangsaan melalui Universiti."

## Meragukan

Jika penubohan Uni-versiti Kebangsaan tidak di-lakukan sekarang maka kemajuan bahasa kebangsaan di-masa de-pan ada-lah meragukan."

Enche Huang yang be-lajar bahasa Melayu se-jak tahun 1954, yakin ba-hawa bahasa Melayu su-dah boleh di-gunakan dalam mata2 pelajaran tinggi di-Universiti.

Beliau memberi chon-toh beberapa kuliah sa-perti ekonomi, artis, seja-rah dan pengajian Me-layu yang boleh meng-gunakan bahasa kebang-saan.

## Penghalang

"Kalau pun bahasa Me-layu belum dapat di-gunakan dalam jurusan sains dan teknik, maka ini jangan-lah hendak-nya di-jadikan pengha-[illegible] Univer-

bagai "tanda sokongan" ia-lah Enche Omar bin Idris, sa-orang anggota Askar Melayu di-Raja dari Batalion ke-5 yang memberi $1/-.

Pengerusi Jawatan-kuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail hari ini me-nyeru penderma2 dan orang ramai yang ingin menderma supaya me-ngalamatkan derma ka-pada:

Bendahari Universiti Kebangsaan, Peti Surat 475, Kuala Lumpur.

Chek2 hendak-lah di-pangkah (cross cheque).

# Universiti Nasional harus lengkap menjelang tahun 70

9/9/68

Oleh HADZRAMI A.R. K. Lumpur, Ahad

KERAJAAN hendak-lah melengkapkan serta merta keperluan2 Universiti Kebangsaan sa-belum ia di-ishtiharkan wujud dengan rasmi tahun 1970.

Kerajaan juga hendak-lah kembali ka-Dasar Pelajaran Razak dan Rahman Talib (10 tahun lalu) dalam meneruskan sistem pelajaran sekarang untok lebeh menjamin kedudokan dan nilai Universiti Kebangsaan.



KHIR JOHARI

Demikian dua dari kira2 18 usul yang di-luluskan dalam Bengkel Latehan Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini petang ini.

Bengkel itu membinchangkan kertas kerja Enche Mansor bin Othman, Pengarah Bahagian Latehan MARA, bertajok: "Latehan Bumiputera."

Dato (Dr.) Ungku Omar bin Ahmad, Pengarah Pusat Latehan Perubatan yang juga Pengerusi Majlis Kolej Islam, mempengerusikan sidang bengkel itu.

## Tahniah

Usul itu di-kemukakan oleh Enche Nik Mustafa bin Shafie dari Dewan Perniagaan Melayu Kelantan dan di-sokong oleh Raja Mukhtaruddin bin Dain, sa-orang pensharah di-Universiti Malaya.

Usul itu akan di-kemukakan dalam sidang pleno Kongres Ekonomi Bumiputera di-Dewan Tunku Abdul Rahman esok.

Sa-belum itu, satu keputusan menguchapkan tahni'ah sa-tinggi2 kapada Kerajaan kerana mengumumkan penubohan Universiti Kebangsaan, oleh Enche Khir Johari, di-luluskan.

Sidang juga mengambil keputusan supaya Kerajaan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan dalam usaha mendapatkan sokongan sa-luas2 dan sa-baik2-nya.

Beberapa perkara yang boleh di-laksanakan oleh Kerajaan dengan serta merta ia-lah saperti melantek pendaftar, burser atau pembantu kewangan, pegawai2 peranchang kedudokan dan sa-bagai-nya, hendak-lah di-lakukan dari sekarang.

## Usul gagal

Satu usul meminta Kerajaan jangan lagi membenarkan atau menubohkan pusat2 pengajian tinggi — peringkat maktab atau universiti — yang menggunakan bahasa pengantar bukan Melayu, di-tolak oleh sidang.

Pengerusi sidang, Dato Dr. Ungku Omar berkata, masa'alah pengakuan dan penilaian terhadap Universiti Kebangsaan tidak timbul kalau ada sokongan penoh dan tidak kurang "sa-titek" pun dari apa yang di-buntukan kapada Universiti Malaya sekarang.

Masa'alah pembangunan bangsa dan penanaman semangat yang sesuai dengan kehendak2 negara dapat di-jalankan sa-chara leb'h berkesan jika Universiti Kebangsaan sudah ada, kata-nya.

Sidang berpendapat bahawa Kerajaan harus melantek serta merta pakar2 untok bertugas sa-belum Universiti itu wujud.

# Varsiti K'saan: Pahang tetap tunaikan janji

9/9/68

KUANTAN 8 Sept. — Menteri Besar Pahang, Tan Sri Hj. Yahya bin Hj. Mohd. Seh, menyatakan Kerajaan Negeri akan menunaikan janji2-nya dengan sa-berapa segera mengenai bantuan untok membena Universiti Kebangsaan.

Kata-nya, "Kerajaan Negeri Pahang tetap akan menunaikan segala kata2-nya dan bukan hangat2 tahi ayam bagaimana yang di-katakan oleh sa-tengah2 pehak."

Menteri Besar itu berkata demikian sawaktu beruchap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Bentong di-Dewan Majlis Tempatan, Karak, 115 batu dari sini hari ini.

## BANGGA

Bagaimana yang di-umumkan oleh Kerajaan Negeri Pahang akan menderma $1 juta dan 1,000 ekar tanah kapada Tabong Universiti Kebangsaan itu tetap akan di-tunaikan, kata-nya.

Kapada kira2 200 orang perwakilan di-meshuarat agong itu, Tan Sri Haji Yahya menyatakan rasa shukor dan bangga-nya atas pengumuman Menteri Khir Johari tentang penerimaan kerajaan untok mendirikan universiti tersebut.

Menteri Besar itu menambah, Kementerian Pelajaran harus juga memandang kepentingan pelajar2 sekolah menengah kebangsaan di-negeri2 Pantai Timor saperti Pahang, Trengganu dan Kelantan.

Beliau menyebut Kampong Janda Baik di-Pahang yang tidak jauh dari Ibu Kota Kuala Lumpur, dan sempadan antara Pahang dengan Selangor sabagai tempat yang sesuai untok di-bena universiti itu, sa-kira-nya pehak kerajaan hendak mendirikan di-Pantai Timor.

Beliau menchabar pemimpin2 Parti Rakyat, DAP dan PAS supaya membuktikan sokongan mereka terhadap pembenaan universiti itu dengan menghulorkan bantuan2 kewangan dengan sa-berapa segera.

Sementara itu UMNO Bahagian Bentong dan Bahagian Pahang Barat yang mengadakan persidangan perwakilan yang berasingan hari ini dan semalam telah menyokong pengumuman Menteri Khir dan usul sa-umpama itu akan di-buat oleh seluroh bahagian2 UMNO dalam Negeri Pahang.

# PBMUM gesa k'jaan dirikan Varsiti Kebangsaan dalam tempoh 2 tahun

9/9/68

KUALA LUMPUR, 8 Sept. — Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM), di-samping mengalu2kan pengumuman kerajaan untok menubohkan sa-buah Universiti Kebangsaan, telah menggesa kerajaan supaya penubohan tersebut di-laksanakan sa-lewat2-nya pada tahun 1970.

Kata2 aluan dan gesaan ini terkandong di-dalam satu siaran akhbar yang di-keluarkan oleh PBMUM hari ini.

Menurut siaran itu, pehak PBMUM berasa gembira kerana segala desakan dan laungan yang di-suarakan oleh semua lapisan masharakat sa-lama ini untok penubohan sa-buah Universiti Kebangsaan akhir-nya mendapat perhatian dari pehak kerajaan.

"Masaalah Universiti Kebangsaan ini ada-lah masaalah negara dan memang-lah kena pada tempat-nya kerajaan mengambil daya utama di-dalam melaksanakan penubohan universiti tersebut," tekan siaran itu.

Bagaimana pun PBMUM telah menyatakan kesal-nya kerana Menteri Pelajaran, Enche' Mohd. Khir Johari, yang mengumumkan langkah kerajaan itu tidak pula mengumumkan bila-kah universiti tersebut akan di-dirikan.

"PBMUM tidak dapat hendak menerima pengumuman yang tidak konkrit saperti itu dan mungkin pengumuman itu merupakan satu janji untok melegakan hati gulongan saja," tambah siaran itu.

"Oleh itu, pehak PBMUM mendesak kerajaan supaya Universiti Kebangsaan yang di-harap2kan itu akan di-dirikan dengan sa-chepat mungkin, sa-lewat2-nya pada tahun 1970," tekan siaran itu akhir-nya.

# Harapan rakyat kapada Universiti Nasional, menurut Syed Nasir

9/9/68

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sa-kali lagi menegaskan hari ini bahawa penubohan Universiti Kebangsaan ada-lah merupakan lanjutan dari sistem pelajaran Sekolah2 Menengah Kebangsaan untok melanjutkan pelajaran murid2 lebeh tinggi lagi.

Kata-nya, tujuan yang penting ia-lah untok menampong keperluan pelajaran pendudok2 negeri ini dan penubohan-nya memang tidak ada kena mengena dengan soal2 politik dan kepartian.

Beliau menyatakan demikian ketika berchap dalam meshuarat agong perwakilan Persekutuan Guru2 Melayu Selangor yang telah menderma sabanyak $1,000 kapada Jawatankuasa Penaja universiti tersebut di-sini hari ini.

Syed Nasir kemudian-nya menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Menteri Pelajaran, Enche' Mohd Khir Johari atas pengumuman beliau untok menubohkan universiti itu bagi melengkapkan sistem pelajaran negeri ini.

Pengumuman beliau itu ada-lah sangat2 besar ertinya kapada ibu bapa dan murid2 di-negeri ini, yang sa-lama ini mengharapkan kemajuan dalam bidang pelajaran sa-telah negeri ini menchapai kemerdekaan-nya.

## Berminat

Rakyat negeri ini berharap dengan pelajaran yang ada pada mereka itu maka dapat-lah mereka berkhidmat untok kerajaan dalam mana2 bidang dan lapangan yang terbuka bagi mereka, tambah beliau.

Yang kedua harapan mereka, tegas Syed Nasir, ia-lah untok memasoki mana2 pusat pengajian bagi melanjutkan pelajaran mereka ka-peringkat yang lebeh tinggi lagi.

Berchakap tentang pekerjaan, kata-nya, sa-tiap tahun beribu2 orang pemuda pemudi di-negeri ini keluar dari sekolah menchari pekerjaan yang tidak ada bagi mereka.

Ini semua di-sebabkan tentu ada satu2 kesalahan yang terdapat dalam sistem pelajaran negeri kita ini, tegas beliau.

Menyentoh tentang soal guru2, beliau menambah, tugas mereka sangat-lah penting bagi melateh murid2 yang ada sekarang menjadi para intelek yang bertanggong jawab dalam proses pembangunan ekonomi, sosial, politik untok bangsa kita seluroh-nya.

Beliau menambah kata dalam lima atau sa-puloh tahun yang akan datang bila negara kita ini sudah benar2 kerkemajuan maka masaalah menubohkan Universiti Kebangsaan tidak akan timbul lagi.

Tapi buat masa ini ketika negara kita sedang bergiat dalam pembangunan-nya penubohan Universiti Kebangsaan ada-lah satu keperluan bukan lagi satu kemewahan, tegas beliau.

Beliau kemudian-nya, menegaskan, kejayaan kita dalam sistem pelajaran kebangsaan bukan-lah samata2 terletak atas sokongan kerajaan dan rakyat seluroh-nya.

# Universiti Nasional: MCA PJ sokong usul Dr. Ungku Omar

11/9/68

KUALA LUMPUR, Selasa. — MCA chawangan Maju di-Petaling Jaya hari ini mengalu2kan pengumuman Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari mengenai penubohan Universiti Kebangsaan.

Dan ia menyokong kuat chadangan Dato Dr. Ungku Omar supaya Maktab Teknik, Kolej Pertanian Serdang dan Institut Teknoloji MARA menjadi sa-bahagian dari Universiti Kebangsaan itu.

Kata-nya: "Ada-lah menjadi kelaziman untok menubohkan sa-buah universiti atas asas maktab2 pengajian tinggi yang sedia ada. Dengan itu sa-bahagian besar dari belanja permulaan akan berkurang dan kerumitan2 awal dapat di-elakkan.

"Universiti Kebangsaan akan berjalan lanchar kalau chadangan Dato Dr. Ungku Omar itu di-terima oleh Kerajaan."

Chawangan Maju MCA itu juga menyambut baik



DR. UNGKU OMAR

pengumuman Enche Khir mengenai Kolej Islam menjadi sa-bahagian dari Universiti itu, dengan bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama serta bahasa Inggeris bahasa pengantar kedua.

Tegas-nya, oleh kerana Universiti itu bersifat Universiti Kebangsaan, maka langkah2 harus di-ambil supaya tidak timbul unsor2 perkauman.

Pelajar2-nya mesti-lah dari segala bangsa sesuai dengan masharakat pelbagai bangsa negeri ini.

## Kelayakan

Ia mengeshorkan supaya kelayakan masok Universiti Kebangsaan itu di-asaskan kapada Sijil Pelajaran Tinggi (HSC) bahasa pengantar Melayu, atau pun HSC pengantar Inggeris dengan kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan, ia-itu untok kuliah2 mendapat ijazah.

Untok kuliah2 mendapat diploma pula ia mengeshorkan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) pengantar Melayu atau pun Sijil Sekolah (School Certificate) bahasa pengantar Inggeris, dengan kelulusan dalam bahasa kebangsaan.

Dengan jalan ini, kata-nya, lebeh ramai pelajar2 Malaysia dari sa-genap lapisan masharakat dapat masok Universiti Kebangsaan itu.

Dan ini akan mengelakkan bahaya satu2 golongan ra'ayat negeri ini terpenchil dari kaum2 lain, kata-nya lagi.

J-KUASA UNIVERSITI MINTA KERAJAAN

# Segera lantek V.C. dan Pendaftar

11/9/68

KUALA LUMPUR, Selasa.

JAWATANKUASA Penaja Universiti Kebangsaan hari ini menyeru Kerajaan melantek sa-orang Naib-Chancellor dan sa-orang pendaftar untok membuat persiapan bagi penubohan Universiti itu.

Ini ia-lah antara beberapa langkah kongkrit oleh Kerajaan yang di-shorkan oleh Jawatankuasa itu.

Chadangan itu dibuat dalam satu kenyataan yang di-tandatangani oleh Pengerusi-nya, Tuan Syed Nasir bin Ismail.

## Perogram

Syed Nasir berkata: "Suatu perogram yang intensif bagi melateh staff pengajar untok Universiti itu harus-lah mulai di-jalankan dari sekarang."

Jawatankuasa itu mengalu2kan pengumuman Enche Khir Johari, Menteri Pelajaran bahawa Kerajaan akan menubohkan Universiti tersebut.

Jawatankuasa itu, kata-nya, akan meneruskan usaha2-nya saperti yang di-ranchangkan.

Jawatankuasa2 kechil yang telah di-lantek mengenai Universiti Kebangsaan ini akan membuat laporan2 untok dibentangkan dalam Kongres yang akan di-adakan dalam bulan November nanti.

## Derma

Dalam pada itu usaha2 pemungutan derma akan di-perhebatkan lagi.

Untok melaksanakan usaha tersebut sa-buah jawatankuasa kechil yang di-pengerusikan oleh Tan Sri Syed Ja'afar Albar telah di-bentok.

Syed Nasir menegaskan: "Sekarang sudah sampai-lah waktu-nya untok mereka yang berjanji menderma sumbangan2 mereka."

Jawatankuasa tersebut menguchapkan sa-tinggi terima kaseh kapada orang2 yang telah berjanji memberikan sumbangan mereka terhadap Universiti tersebut dan menyeru mengirimkan segara derma mereka kapada:

Bendahari, Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Peti Surat 475, Kuala Lumpur.

Cheke2 hendak-lah di-pangkah.

# Varsiti Nasional: MCA alu2kan pengumuman Khir

11/9/68

KUALA LUMPUR 10 Sept. — MCA Maju Wad hari ini mengalu2kan pengumuman Menteri Pelajaran meletakkan Kolej Islam sa-bagai sa-bahagian dari Universiti Kebangsaan, dengan menggunakan bahasa penghantar Melayu dan meletakkan Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua untok mendapatkan ijazah seberang laut dan ijazah tertentu.

MCA juga telah memberikan sokongan penoh terhadap chadangan Pengarah Pusat Penyelidekan Perubatan, Dr. Ungku Umar, supaya Kolej Teknik, Kolej Pertanian Serdang dan Maktab Teknoloji MARA di-gabongkan ka-dalam Universiti Kebangsaan.

Satu Kenyataan Maju Wad menyatakan, ada-lah menjadi perkara biasa mendapati sa-sabuah universiti menguasai maktab2 pelajaran tinggi kerana dapat mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan kesukaran2 yang akan di-hadapi.

Kenyataan itu berharap Universiti Kebangsaan akan dapat di-laksanakan segera jika chadangan Dr. Ungku Umar itu di-terima oleh kerajaan.

## Perkauman

Bagaimana pun MCA mengingatkan agar pelaksanaan universiti itu kelak tidak berbentok sa-barang perkauman kerana ia-nya merupakan Universiti Kebangsaan negeri ini.

"Universiti Kebangsaan hendak-lah di-gunakan untok murid2 berbilang kaum mengikut bilangan pendudok negeri ini."

MCA juga telah menchadangkan bahawa kelulusan memasoki Universiti Kebangsaan berdasarkan Sijil Pelajaran Tinggi bahasa pengantar Melayu atau Sijil Pelajaran Tinggi bahasa pengantar Inggeris dengan lulus Bahasa Kebangsaan di-peringkat Sijil Persekolahan untok kursus2 ijazah.

Untok kursus2 diploma pula MCA menchadangkan dengan kelulusan sama ada Sijil Pelajaran Malaysia bahasa pengantar Melayu atau Sijil Persekolahan bahasa pengantar Inggeris dengan lulus Bahasa Kebangsaan.

Menurut kenyataan itu, dengan ada-nya kedua2 pilehan sa-bagai sharat kelulusan lebeh banyak rakyat Malaysia dari semua gulongan masharakat dapat peluang masok ka-Universiti Kebangsaan.

Dengan chara ini akan mengelakkan bahaya sasuatu kaum menguasai kaum2 yang lain.

# Universiti Kebangsaan penting untok bahasa — Tun

14/9/68

KUALA LUMPUR 13 SEPTEMBER

TIMBALAN Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berkata bahawa penubohan Universiti Kebangsaan yang mendapat sokongan dari kerajaan akan menjadi sa-besar2 alat untok menchapai matlamat dasar Bahasa Kebangsaan di-negeri ini.

Universiti Kebangsaan dengan sendiri-nya akan menjadi alat perpaduan negara dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar utama, kata Tun.

Beruchap ketika merasmikan pembukaan Persidangan Agong Pergerakan Pemuda dan Kaum Ibu UMNO bersama di-Dewan Bahasa dan Pustaka pagi ini, beliau menegaskan bahawa penubohan Universiti Kebangsaan ini ada-lah merupakan perkara penting bagi kemajuan dan masa depan orang Melayu.

## DI-TERIMA

"Penubohan-nya telah di-terima oleh kerajaan," tambah Tun.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan kagum-nya kerana Menteri Pelajaran, Enche' Khir Johari telah bekerja sa-chara diam2 untok membuat persiapan2 bagi menjayakan penubohan Universiti Kebangsaan itu.

Universiti Kebangsaan ini, tambah Tun, akan di-jadikan sa-benar2-nya sa-buah Universiti Kebangsaan di-negeri ini.

"Ia juga akan menjadi sa-besar2 alat untok menchapai matlamat dasar Bahasa Kebangsaan yang menjadikan Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal," kata Tun.

Menurut Tun, Kerajaan Perikatan sentiasa berdamping dengan hasrat dan chita2 rakyat dan sa-kira-nya menasabah dan perlu bagi kemajuan dan keselamatan negara akan di-jadikan kenyataan.

Universiti Kebangsaan itu, ujar Tun lagi akan di-dirikan tidak lama lagi dan sa-rentak dengan itu perubahan2 tentu akan berlaku di-Universiti Malaya.

Beliau berharap dengan ada-nya perubahan itu kemajuan yang lebeh pesat akan dichapai di-Universiti Malaya supaya ia benar2 menjadi sa-buah institusi kebangsaan di-negeri ini.

Di-samping itu, Universiti Kolej di-Pulau Pinang juga akan dijadikan sa-buah Pusat Pelajaran Tinggi yang akan benar2 menchermінkan kehendak rakyat Malaysia untok mendapatkan pelajaran tinggi.

Kolej Tunku Abdul Rahman juga, kata Tun akan memainkan peranan penting dengan mengambil penuntut2 dari semua bangsa.

## *Universiti Nasional*

# Wakil2 gesa tubohkan segera

14/9/68

KUALA LUMPUR 15 September — Penubohan Universiti Kebangsaan di-negeri ini telah bergema lagi di-Perhimpunan Agong UMNO Ke-21 bagi hari akhir di-Dewan Rothmans, kawasan MAHA hari ini.

Perkara tersebut ditimbulkan dalam masa perbahathan atas usul terima kaseh kapada uchapan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dipembukaan perhimpunan semalam.

Keseluruhan anggota2 yang berchakap mengenai-nya telah menggesa kerajaan bukan saja bersikap tegas, tetapi juga menyegerakan penubohan universiti itu salewat2-nya tahun 1969.

Di-samping itu beberapa orang wakil2 yang turut beruchap telah menghangatkan perhimpunan itu apabila mereka mengecham kelewatan kerajaan melaksanakan kehendak Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Wakil Negeri Sembilan Selatan, Enche' Abu Kassim Yusof berkata bahawa Universiti Kebangsaan itu amat-lah penting bagi kepentingan pelajaran bumiputra.

"Memandangkan pentingnya universiti itu, maka sudah sa-patut-nya kerajaan melaksanakan penubohan-nya tahun depan," kata-nya.

Dato' Abdullah Abdul Rahman, wakil dari Kuala Trengganu menyeru Kementerian Pelajaran supaya mengambil perhatian atas kekurangan yang maseh di-hadapi oleh anak bumiputra dalam bidang pelajaran tinggi, termasok di-luar negeri.

Enche' Sairan Sabtu, wakil dari Muar menyesali penggunaan Bahasa Kebangsaan tidak mendapat sambutan yang sa-luas2-nya hingga surat2 dari Jabatan Kerajaan pun maseh ada yang menggunakan Bahasa Inggeris.

Beliau berkata, apa-kah guna-nya kenyataan dalam talivishen: "Dalam tulisan dan pertuturan, amalkan-lah Bahasa Kebangsaan."

## Undang

Dengan keadaan yang demikian, ada undang2 yang sudah sa-patut-nya di-terjemahkan ka-Bahasa Kebangsaan maseh belum di-terjemahkan.

Bagaimana pun, beliau yakin dengan pemansohan pepereksaan Cambridge ini, kedaulatan Bahasa Kebangsaan akan bertambah2 gemilang.

Beliau juga menyeru kerajaan supaya Universiti Kebangsaan itu menjadi satu benteng untok mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.

Enche' Saidin Mat Piah, wakil dari Ulu Perak telah mengecham Penyata Pelajaran Razak yang di-sifatkan oleh di-chipta macham kereta api, tetapi berjalan macham kereta lembu.

Di-satu ketika beliau menudoh pemimpin2 kerajaan hanya berani membuat keputusan tetapi takut melaksanakan-nya.

Menurut beliau, kalau menurut penyata Rahman Talib tahun 1968 sudah tidak ada lagi Sekolah2 Menengah Jenis Kebangsaan di-negeri ini.

Bagaimana pun beliau memuji langkah kerajaan menubohkan Universiti Kebangsaan yang oleh-nya di-sifatkan sa-bagai jalan keluar yang bijak dan radikal.

Untok mengatasi kekurangan pensharah2 di-Universiti Kebangsaan ini, beliau mengingatkan kerajaan supaya jangan sa-mata2 berpaling ka-London untok mendapatkan-nya tetapi banyak universiti2 negara lain yang tidak di-akui oleh dunia tetapi kemajuan yang di-chapai-nya mengkagumkan.

Enche' Abdullah Affendi Haji Ismail, wakil dari Kedah Utara mengeshorkan kapada kerajaan supaya mengiktiraf kelulusan Universiti Gajah Mada Indonesia bagi menolong pelaksanaan Universiti Kebangsaan.

## Moral

Dengan pengiktirafan Universiti Gajah Mada itu, beliau yakin masaalah kekurangan pensharah akan dapat di-atasi.

Wakil dari Hilir Perak, Enche' Abdul Rahman Yeob Shaidan menyeru orang ramai bukan saja memberikan sokongan moral tetapi mesti-lah juga memberi semangat material.

Beliau berkata: "Orang ramai yang benar2 jujor untok memberikan sokongan di-atas penubohan universiti ini mesti-lah sanggup menghulorkan bantuan kerana penubohan-nya memerlukan wang yang banyak.

Enche' Shoib Haji Ahmad yang mewakili Pergerakan Pemuda UMNO mendesak kerajaan menjalankan tindakan2 tegas dalam usaha melaksanakan dasar2 kerajaan di-samping menguatkan lagi asas2 demokrasi yang kita amalkan.

Beliau mendesak kerajaan memperolehi faedah2 yang sama untok Malaysia daripada Sharikat Penerbangan Malaysia — Singapura kerana mengikut perjanjian kedua2 Kerajaan Malaysia dan Singapura mempunyai hak sama banyak dalam mentadbirkan sharikat itu.

"Malang-nya apa yang berlaku sekarang Kerajaan Singapura memperolehi faedah yang banyak dalam soal pekerjaan dan tender2 MSA sa-hingga merugikan Malaysia lebeh 3,000 orang untok mendapatkan pekerjaan," kata-nya.

# UNIVERSITI KEBANGSAAN: MUTU MESTI DI-PERTAHAN

KOTA BHARU, Juma'at

21/9/68

UNIVERSITI Kebangsaan bukan untok "menyumbat" tiap2 pelajar dari sekolah2 aliran kebangsaan dengan mengorbankan mutu pelajaran di-negeri ini, tegas Menteri Pelajaran Enche Khir Johari hari ini

Beruchap dalam sidang agong perwakilan Kesatuan Guru2 Melayu Kelantan pagi tadi, beliau menegaskan dua perkara:

● Taraf Universiti Kebangsaan jangan rendah dari Universiti Malaya. Kejayaan-nya bergantung kapada guru2 dan pensharah2-nya — tegas-nya bergantung banyak kapada cherdik pandai Melayu.

## Kerja chuai

● Sebanyak 90 peratus dari guru2 yang berpolitik datang-nya dari sekolah2 rendah kebangsaan.

Ada sa-tengah2 guru yang terlampau banyak berpolitik hingga kerja-nya di-chuaikan.

Hendak-nya mereka menchurahkan 15 peratus tenaga untok politik dan 85 peratus untok tugas mereka sebagai guru

Enche Khir telah menyebut tentang "academic stigma" yang menyebabkan ibubapa2 takut menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 kebangsaan.

Tegas-nya, taraf rendah sekolah2 kebangsaan itu mesti menjadi chabaran kapada guru2 yang mengajar di-situ.

Kata-nya: "Kalau polisi-nya salah maka boleh-lah di-salahkan Kerajaan, tetapi kalau taraf pelajaran-nya rendah, maka sebahagian besar tanggongjawab di-tangan guru2."

## Mutu tinggi

Mutu sekolah2 kebangsaan mesti sama tinggi dengan sekolah2 Inggeris.

Beban itu mesti-lah di-anggap sebagai chabaran lebeh2 lagi selepas Kerajaan mengumumkan penubohan Universiti Kebangsaan, kata-nya lagi.

Enche Khir menyebut tentang taraf tinggi "London School of Economics" dengan nama saperti sekolah biasa saja dan Massachusets Institute of Technology dengan nama saperti Institut saja.

Dengan demikian Universiti Kebangsaan mesti-lah di-jadikan universiti dalam artikata sebenar-nya dan bukan endah dari segi nama saja.

"Kita tidak boleh lagi berpegang kapada emosi atau uchapan berapi2. Bekerja lebeh dan kurangkan berchakap," tambah beliau.

# Varsiti K'saan: Ehya Al-Shariff buat persiapan

## BUKA KELAS SIJIL PELAJARAN TINGGI

21/9/68

IPOH 20 Sept. — Sekolah Ugama Ehya Al-Shariff Gunong Semanggol tidak lama lagi akan membuka kelas Sijil Pelajaran Tinggi pengantar Melayu dalam jurusan sastera dan ekonomi.

Demikian di-nyatakan oleh pengetua sekolah itu, Ustaz Abu Bakar Bakir, dalam satu pertemuan khas dengan pemberita kita di-sini kelmarin.

### PEREKSA

Beliau memberitahu, pelajar2 sekolah itu yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia tidak lama lagi akan dapat mengikuti kelas baharu itu untok membolehkan mereka itu memasoki Universiti Kebangsaan.

Menurut-nya, Universiti Kebangsaan yang sedang di-chadangkan penubohan-nya sekarang ini mungkin akan dapat di-buka sa-lewat2-nya dua tahun lagi.

Beliau menyatakan juga bahawa seramai 84 orang pelajar sekolah itu akan mengambil Pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini.

Pelajar2 ini, kata-nya lagi, apabila lulus dalam pepereksaan itu nanti boleh-lah mengikuti Kelas Sijil Pelajaran Tinggi yang akan di-buka nanti di-sekolah itu.

Beliau memberitahu juga bahawa pehak sekolah itu sekarang ini sedang berikhtiar untok mendapatkan beberapa orang guru dari Indonesia untok mengajar di-sekolah itu.

Sa-kira-nya usaha yang sedang di-jalankan itu gagal maka pehak-nya akan meminta bantuan dari Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, tegas-nya lagi.

# KHIR SERU INTELEK MELAYU JAYAKAN UNIVERSITI NASIONAL

21/9/68

KOTA BHARU, 20 Sept. — Menteri Pelajaran, Enche' Khir Johari menegaskan bahawa kejayaan Universiti Kebangsaan bergantong banyak kapada cherdek pandai Melayu.

Beliau berkata, Kerajaan hanya dapat mengujudkan universiti itu, tetapi kejayaan-nya bergantong kapada pehak yang bertanggong jawab mengenai-nya.

"Ini termasok-lah guru2, pensharah2 dan professor2-nya," tambah-nya.

Enche Khir menyatakan demikian ketika beruchap di-upachara pembukaan meshuarat agong perwakilan yang ke-11, Kesatuan Guru2 Melayu Kelantan di-sini hari ini.

## JENTERA

Mengujudkan Universiti Kebangsaan itu, kata Enche' Khir sama-lah saperti Kerajaan mengadakan jentera, tetapi driver-nya hendak-lah dari cherdek pandai Melayu sendiri.

Beliau mengingatkan perwakilan itu bahawa langkah meninggikan taraf pelajaran di-sekolah2 kebangsaan mesti-lah diterima oleh kaum cherdek pandai Melayu sa-bagai chabaran, tambahan pula dengan pengumuman kerajaan menubohkan Universiti Kebangsaan itu.

Penubohan Universiti Kebangsaan itu tidak ada maana sa-kira-nya taraf pelajaran di-universiti itu rendah dari taraf universiti sekarang.

Menteri itu menjelaskan bahawa penubohan sa-



Enche' Khir

buah universiti tidak-lah berarti boleh di-sumbatkan tiap2 orang anak dari sekolah aliran kebangsaan dengan mengorbankan mutu pelajaran negeri ini.

Enche' Khir menegaskan, soal taraf pelajaran sama ada di-sekolah Inggeris atau sekolah kebangsaan tidak-lah boleh di-ringan2kan.

Ijazah2 yang di-keluarkan, kata-nya, bukan saja di-akui oleh negara ini tetapi juga oleh dunia.

"Kita jangan-lah mengambil satu2 perkara itu dari segi nama-nya saja tetapi perlu-lah di-pandang dari segi isi dan hasil-nya," ujar-nya.

Beliau menyebut London School of Economics dan Massachuset Institute of Technology yang nama-nya kurang menarek tetapi ijazah-nya di-akui seluroh dunia.

Dengan yang demikian Universiti Kebangsaan itu mesti-lah di-jayakan dengan arti kata yang sa-benar2-nya bukan saja dari segi nama tetapi juga nilai dan taraf-nya, kata Enche' Khir.

Beliau juga menyeru guru2 supaya berusaha sadaya upaya bagi menjayakan tanggongjawab untok meletakkan Bahasa Kebangsaan di-tempat yang wajar.

Tanggongjawab ini ialah meletakkan sekolah kebangsaan di-atas landasan yang wajar di-samping berusaha meninggikan mutu pelajaran-nya.

## BERAT

Usaha ini, kata Enche' Khir amat berat dan mesti di-jalankan kerana salagi taraf sekolah2 kebangsaan tidak dapat di-tinggikan, maka sa-lama itu-lah sukar untok meyakinkan rakyat terhadap-nya.

"Ini-lah yang menyebabkan timbul-nya akedemik stigma yang menyebabkan ibu2 bapa takut menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 kebangsaan," kata-nya.

Enche' Khir juga mengingatkan guru2 supaya melebehkan masa mereka kapada profession dari lapangan politik.

Beliau berkata, kalau dulu guru2 memberikan 100 peratus tenaga dan masa kapada politik, tetapi sekarang untok kegiatan politik memadai-lah 15 peratus sementara 85 peratus lagi untok profession.

# Universiti K'saan: Memorandam penaja telah di-kirim

26/9/68

KUALA LUMPUR 25 Sept. Memorandam Jawatankuasa Penaja bagi Universiti Kebangsaan telah pun di-serahkan kapada pehak Majlis Pelajaran Tinggi pada 20 hari bulan yang lalu.

Bagaimana pun memorandam yang telah di-hantarkan itu hanya-lah merupakan garis2 kasar saja.

Demikian di-umumkan oleh Pengerusi Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir bin Ismail, kapada Utusan Malaysia ketika di-hubongi di-pejabatnya di-sini hari ini.

Menurut Pengerusi Penaja Universiti Kebangsaan itu, segala butir2 lanjut dan lengkap mengenai memorandam itu akan di-binchangkan dalam suatu kongres terbuka yang akan di-adakan di-sini pada pertengahan bulan November depan.

Sa-terus-nya beliau menyatakan bahawa pada masa ini empat buah jawatankuasa telah pun di-tugaskan untok menyiapkan segala kertas kerja yang akan di-binchangkan dalam kongres tersebut.

Ketika di-tanya, Syed Nasir memberitahu bahawa di-antara isi2 memorandam itu ia-lah:

* Konsep penubohan Universiti Kebangsaan itu dan mengapa ia-nya di-di-perlukan.
* Tujuan dan langkah2 yang perlu di-ambil dengan segera untok memperchepatkan penubohan universiti itu.

## TENAGA

* Peratoran2 pelajaran yang akan di-adakan di-universiti itu nanti, dan juga tenaga pelajar dan latehan yang di-perlukan.
* Pentadbiran dan soal2 kewangan yang timbul di-dalam pembentokkan Universiti Kebangsaan itu.

Apabila di-tanya jumlah kutipan derma yang telah di-kumpul sa-takat ini, beliau menyatakan bahawa perkara itu terpulang kapada bendahari, tetapi sa-takat yang di-ketahui-nya, kebanyakan daripada penyokong2 Universiti Kebangsaan itu chuma memberikan janji2 mereka saja.

"Pehak kami sedang menjalankan usaha bagi menyonsong segala janji2 yang telah di-buat itu," tegas Syed Nasir lagi.

# Universiti Kebangsaan: Mungkin di-dirikan di-Melaka

30/9/68

SEREMBAN 29 SEPT.

PENYIASATAN akan di-jalankan di-Terendak Camp, Melaka bagi kemungkinan menjadikan-nya tapak Universiti Kebangsaan.

Demikian di-umumkan oleh Menteri Pelajaran, Enche' Khir Johari di-sini malam tadi ketika mengulas chadangan Pengerusi Jawatan Kuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail baru2 ini.

Ketika beruchap di-Kuala Trengganu Syed Nasir telah meminta kerajaan supaya sabahagian dari kawasan Terendak Camp di-jadikan tapak Universiti Kebangsaan.

Menurut beliau, Terendak Camp mempunyai kemudahan yang di-perlukan oleh sa-buah universiti dan perbelanjaan untok menambah bangunan-nya tidak banyak di-perlukan.

Enche' Khir menerangkan bahawa sa-buah jawatankuasa yang di-ketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zahiruddin telah di-bentok untok menjalankan penyiasatan ka-atas Terendak Camp itu.

## SIASATAN

Penyiasatan tersebut, kata-nya akan di-jalankan bersama dengan pehak tentera dan pehak2 berkuasa di-Terendak Camp itu.

"Sama ada Universiti Kebangsaan itu akan di-dirikan di-Terendak Camp atau tidak terpulang-lah atas penyiasatan yang di-jalankan itu nanti," kata Enche' Khir.

Beliau juga mengumumkan bahawa Laporan Suruhanjaya Aziz akan di-serahkan kapada kerajaan bulan depan.

Menyentoh tentang pengambilan guru2 baru berjumlah lebeh dari 1,000 orang beliau menerangkan bahawa sesuai dengan dasar kerajaan keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang berkelulusan Bahasa Kebangsaan.

Pada masa depan, pengambilan guru2 akan di-ambil hanya dari mereka yang berkelulusan Melayu dan Inggeris saja.

# Universiti Kebangsaan: 1,000 siswa chari derma

3/10/68

"SOKONG - LAH unibersiti kebangsaan," bagitu-lah bunyi kalimat yang tertulis di-pelekat2 kereta, petanda2 buku dan sampul2 surat yang sedang di-edarkan oleh hampir 1,000 orang mahasiswa Melayu di-sekitar Malaysia Barat dan Brunei.

Barang2 itu di-sebarkan kerana memungut derma Unibersiti Kebangsaan anjoran Badan Bertindak Unibersiti Kebangsaan, Persekutuan Bahasa Melayu Unibersiti Malaya, Kuala Lumpur.

Menurut pengerusi jawatankuasa itu sa-banyak 80,000 petanda2 buku, 12,000 pelekat2 kereta dan 16,000 sampul surat telah di-tempah dan akan di-jual oleh mahasiswa2.

## Kumpul

"Jika terjual semua-nya kelak, kami akan dapat mengumpulkan paling sadikit $10,000 saperti yang di-anggarkan oleh jawatankuasa ini," kata saudara Azman Wanchik.

Untok menjayakan kerja2 ini, kami telah melantek 10 orang ketua negeri terdiri dari saudara2 Muhamad Safar, (Perlis) Hanafiah Muhammad, (Kedah) Ibrahim Sa'ad, (Pulau Pinang dan Seberang Perai), Muhammad Noor Long (Perak), Yusof Ibrahim (Selangor), Abdul Aziz Idris (Negeri Sembilan), Umar Ja'afar (Melaka), Abdul Rahman Kasbon (Johore), Marlizan Muhammad (Kelantan, Trengganu dan Pahang) dan Awangku Badaruddin Bruai.

## Maksud

Melalui ketua negeri ini-lah barang2 yang di-maksudkan itu di-serata pelusok tanah ayer," tegas saudara azman selanjut-nya.

Ketika menjawab satu pertanyaan yang saya majukan kapada setiausaha agong PBMUM yang juga menjadi ketua gerakan bagi negeri2 Kelantan, Trengganu dan Pahang, beliau menyatakan.

"Saya akan mengumpulkan seramai2 yang boleh mahasiswa dari ketiga2 negeri itu bagi menembusi seluroh tempat di-negeri itu. Kami akan pergi ka-sekolah2, pejabat2, masjid2 serta ka-rumah2 masharakat bangsa kita bagi menyampaikan maksud ini." kata-nya.

Sambil membalek2kan pelekat2 kereta yang maseh berbungkus di-tangan-nya, saudara Marlizan menyatakan bahawa pelekat2 itu bukan sahaja di-tampalkan pada kereta2 tetapi boleh juga di-tampalkan di-pintu2 pejabat, di-dinding2 rumah atau di-muka meja tulis dan lain2.

Saudara Marlizan kemudian menunjokkan kapada saya beberapa keping petanda buku bermacham2 warna. Ada yang merah, biru, kuning, puteh dan hijau. Tiap2 keping bertulis 'sokong-lah unibersiti kebangsaan' dan di-salek-nya bertulis kata2 hikmat yang di-petik dari kata 2 pemimpin2 besar saperti Nabi Mudari kata2 pemimpin2 besar saperti Nabi Muhammad s.a.w., John F. Kenneday, ayat2 Kur'an dan lain2.

## Anggap

Antara lain berbunyi: "Tidak sa-orang dari kamu di-anggap beriman sekira-nya kamu hanya mengisi perut-mu sahaja, sedang jiran-mu tinggal kelaparan' dan 'Nesahaya Allah mengangkat orang2 yang beriman dari kamu, dan orang2 berpengetahuan ka-darjat yang lebeh tinggi."

"Berapa pula harga?" saya ingin tahu. "Hanya lima sen," jawab-nya rengkas, "tetapi jika murid2 sekolah membeli lima keping sekali, kami akan masokkan ka-dalam sampul surat dan menjual-nya dengan harga 20 sen," jawab setiausaha agong PBMUM itu dengan bersemangat.

—Oleh WAN AHMAD NASIR

# Universiti Kebangsaan: Baru $8,000 di-kumpul

4/10/68

KUALA LUMPUR, Khamis. — Hanya $8,014 terkumpul untok derma Universiti Kebangsaan sa-takat ini, kata Pengerusi Penaja Universiti Kebangsaan, Tuan Syed Nasir bin Ismail hari ini.

Berikut dengan itu beliau akan pergi ka-Pahang pada 26 Oktober untok memberi cheramah dan menemui Menteri Besar Pahang, Tan Sri Haji Yahya bin Mohamed Seh yang berjanji untok menderma $1 juta dan 1,000 ekar tanah.

Tuan Syed Nasir juga akan memberi cheramah dan kempen mengenai Universiti Kebangsaan di-beberapa tempat lain, termasok di-Kluang, Johor dan Kuala Kangsar, Perak.

Beliau menyatakan bahawa derma2 yang diterima itu tidak termasok $14.000 dari 14 orang anggota jawatankuasa penaja; $30.000 yang di-janjikan oleh KKGSK dan janji2 dari Kerajaan2 Negeri

Sementara itu Bendahari Penaja Universiti, Tan Sri Syed Jaafar Albar menyeru Kerajaan supaya projek Universiti Kebangsaan di-dukong terus dengan segera oleh Kerajaan.

Kerajaan, kata-nya, harus melantek pegawai2 penting Universiti itu, termasok Vice-Chancellor atau Pendaftar untok memperlihatkan bahawa perkara itu benar2 Kerajaan mendukong-nya.

Beliau menyeru kaum guru dan murid2 sekolah dan Kerajaan khusus-nya; pegawai2 Kerajaan, yayasan2 tempatan baik yayasan yang di-mileki oleh orang2 Melayu atau yang bukan Melayu supaya sama2 membantu penubohan Universiti Nasional ini.

# Varsiti: UMNO Seremban lanchar kutipan derma

4/10/68



ENCHE MOHAMED... melantek beberapa orang ahli jawatan-kuasa.

SEREMBAN, Khamis.

UMNO Bahagian Seremban, sekarang sedang melancharkan kutipan derma untok Universiti Kebangsaan.

Demikian di-nyatakan oleh, Ketua UMNO bahagian Seremban, Enche Mohamed bin Ujang, kapada Berita Harian, sa-lepas mengadakan satu sidang dengan ahli2 jawatankuasa bahagian tersebut, di-Dewan UMNO Bahagian itu di-Jalan Lemon di-sini petang kelmarin.

Kata-nya, beberapa orang ahli jawatankuasa, untok mengutip derma itu telah pun di-lantek dalam sidang jawatankuasa itu.

Mereka yang telah di-lantek ia-lah Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan merangkap Setiausaha UMNO Bahagian Seremban, Setiausaha Politik kapada Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap ketua UMNO Chawangan Rasah, Enche Darulaman bin Mohd. Ali, Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian Seremban, Che' Asmah binti Haji Abdul Rahman, Naib ketua Kaum Ibu Bahagian, Che' Fatimah binti Haji Ibrahim, Che' Maharani binti Abdul Aziz dan Che' Raja Azizah binti Raja Hamzah, Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Seremban, Enche Abdul Rashid bin Mohamad, Naib Ketua Pemuda Bahagian merangkap Penyelia Pelajaran Dewasa Daerah Seremban 'B', Enche Abdul Majid bin Baba; Naib Ketua UMNO Chawangan Rasah, Enche Ismail bin Ahmad dan Enche Abdul Rahman bin Haji Mohamad.

## Menyokong

Menurut Enche Mohamad, Pergerakan Kaum Ibu UMNO akan mengadakan jualan bunga.

Bahagian ini mempunyai sa-banyak 15 buah chawangan dan mempunyai ahli sa-ramai 2,773 orang sa-takat ini.

"UMNO Bahagian Seremban menyokong penoh Universiti Kebangsaan," kata beliau.

Beliau menyeru anggota2 UMNO dan orang ramai supaya menghulurkan derma kapada mereka yang telah di-lantek itu dengan sa-berapa ikhlas-nya.

Segala derma itu akan di-sampaikan melalui akhbar Berita Harian di-Kuala Lumpur.

# Varsiti Nasional: Parti Rakyat sokong

5/10/68

PULAU PINANG 4 Okt. — Ketua Umum Parti Rakyat Malaya, Enche' Kassim Ahmad hari ini menegaskan bahawa Parti Rakyat ada-lah menyokong penoh pada prinsip-nya terhadap ranchangan penubohan Universiti Kebangsaan.

"Kami akan menulis surat sa-chara rasmi kapada Jawatankuasa Penubohan Universiti Kebangsaan dan juga pemerentah untok mengemukakan beberapa chadangan terhadap ranchangan penubohan universiti itu," kata-nya kapada Utusan Malaysia.

Enche' Kassim Ahmad menerangkan bahawa Parti Rakyat Malaya akan mengadakan Sidang Agong Dewan Harian Pusat pada 5 Oktober ini di-Kuala Lumpur.

Dalam Sidang Dewan Pusat itu nanti beberapa masaalah akan di-binchangkan dan akan mengambil beberapa ketetapan mengenai kepartian dan chara menghadapi Pilehanraya Kebangsaan tahun depan.

Parti Rakyat Malaya telah mengambil keputusan pada prinsip-nya untok menyertai dalam Pilehanraya Kebangsaan tahun depan, kata Enche' Kassim.

—DI-BENTOK SA-LARAS DENGAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

# Universiti Kebangsaan bukan kerana perjuangan emosi

6/10/68



MENTERI Penerangan dan Penyiaran, Enche Senu bin Abdul Rahman, petang kelmarin telah menerima Piala Pertandingan Antara Jabatan bagi Perlumbaan Jalan Kaki Angkasapuri dari Yang di-Pertua Kesatuan Kebangsaan Pekerja2 Yang di-Satukan, Enche Abdul Aziz Wok, di-Kementerian-nya di-Angkasapuri.

Gambar menunjokkan Enche Abdul Aziz (kiri) sedang menyampaikan piala tersebut kapada Menteri itu.

Oleh SHAFIE NOR

UNIVERSITI Kebangsaan di-bentok BUKAN kerana perjuangan emosi kebangsaan atau kerana soal Bahasa Kebangsaan yang di-perjuangkan.

Tetapi ia di-bentok dengan hasrat untok mendorongkan pusat2 pengajian tinggi di-negeri ini menggunakan Bahasa Kebangsaan sabagai bahasa pengantar yang utama.

Demikian pendapat dua orang anggota Jawatan-kuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Enche Zainal Abidin Wahid dan Enche Abu Bakar Hamid malam tadi.

Mereka berchermah kapada pelajar2 Institut Teknoloji MARA di-Petaling Jaya.

Turut memberi cheramah ia-lah Pengetua Institut itu, Enche Arshad bin Ayub yang berpendapat bahawa Universiti Kebangsaan tidak akan memberi ma'ana kalau pelajar dan ra'ayat Bumiputera di-luar bandar maseh tidak mahu mengubah sikap mereka.

Kata Enche Arshad, revolusi mental Bumiputera luar bandar wajar di-ubah demi untok menjamin kejayaan Universiti Kebangsaan.

Enche Zainal kemudian menegaskan bahawa Universiti Kebangsaan di-bentok sa-laras dengan dasar pelajaran kebangsaan.

Ia akan menjadi alat penghubong untok menchapai dasar Bahasa Kebangsaan yang dapat di-gunakan dengan sa-luas2-nya kelak.

Universiti Kebangsaan juga akan chuba membangkitkan moral pelajar2 aliran Melayu supaya mereka dapat memberi faedah kapada diri sendiri dan negara.

Beliau lalu menerangkan bahawa alang-kah molek-nya penubohan Universiti Kebangsaan ini di-kendalikan dengan sa-penoh-nya oleh Kerajaan.

## Masa'alah

"Ini-lah masa'alah besar yang sedang kita hadapi sekarang kerana Kerajaan belum dapat memberi kata pemutus mengenai penubohan-nya," tegas-nya.

Enche Zainal berkata Jawatan-kuasa Penaja Universiti itu merasa terkejut kerana sikap Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari yang begitu senang sa-kali mengiktirafkan Kolej MCA, walau pun ia belum terbentok.

Beliau lalu bertanya: Kenapa Kerajaan sanggup memberi $10 juta kapada Kolej MCA itu, sedangkan Enche Khir enggan merayu tenang mengenai pembentokan Universiti Kebangsaan.

K. LUMPUR, Sabtu

"Kita amat kesal dengan kenyataan Enche Khir bahawa sekiranya Universiti Kebangsaan terletak kapada kesanggupan cherdek pandai Melayu," kata-nya lagi.

## Ta' chukop

Enche Zainal menyebut bahawa tidak chukop Kerajaan hendak membantu Kolej MCA, tetapi telah chuba pula menggunakan sa-bahagian dari Maktab Teknik di-Cheras kapada kolej tersebut.

"Bukan-kah ini satu penyerahan lagi yang dapat kita lihat sa-chara terang2?" tanya beliau.

Enche Zainal berkata: "Ra'ayat Bumiputera harus sedar dasar pelajaran kita masih tiga kali ganda chondong ka-aliran Inggeris."

Beliau berikrar kalau kebolehan Bahasa Kebangsaan dapat di-jadikan sharat utama untok sa-saorang mendapat pekerjaan, "saya akan dan bersedia menyokong Enche Khir Johari."

Hadhirin ketawa dan bertepok.

## Tudohan

Enche Bakar Hamid, dalam cheramah-nya telah menyentoh tudohan Enche Khir Johari kelmarin bahawa cherdek pandai Melayu sekarang chuba jadi batu api menghina sekolah aliran Melayu.

"Tudohan seperti itu tidak perlu di-jawab kerana kita tahu cherdek pandai itu telah berusaha sa-daya upaya membantu pelajar2 aliran Melayu," tegas-nya.

Enche Bakar kemudian kesal mengapa baru timbul sikap tidak puas hati dan tidak perchaya terhadap istilah2 yang di-chipta oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kata-nya, Kerajaan patut memikirkan mulai sekarang bahawa hanya sa-buah badan sahaja untok menchipta istilah2 itu supaya tidak timbul kekeliruan lagi.



# Universiti Nasional: Derma dari Sekolah Izzuddin

KUALA LUMPUR, Isnin.—Derma sa-banyak $101.75 di-terima lagi hari ini untok Universiti Kebangsaan dari pelajar2 dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan di-Ipoh.

Derma itu ia-lah dari pelajar2 Sekolah Menengah Kebangsaan Ipoh $70 dan pelajar Sekolah Izzuddin Shah sa-banyak $31.85 sen.

Persatuan Ibubapa Melayu Johor (PIBMP) pula ber-janji akan memberi derma permulaan sa-banyak $1,000 untok Universiti Kebangsaan.

Keputusan ini di-ambil dalam meshuarat khas-nya di-Johor Bahru minggu lalu.

Dalam surat-nya kapada Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Tuan Syed Nasir Ismail hari ini ia berjanji akan meneruskan kutipan derma $2 sa-orang dari 12,000 orang ahli-nya.

Derma permulaan $1,000 itu akan di-sampaikan sendiri kapada Tuan Syed Nasir bila pergi ka-Johor tidak lama lagi.

Beliau dan beberapa orang anggota Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan akan pergi ka-Pahang dua hari mulai 26 Oktober ini untok memberi penerangan lanjut mengenai dasar menubohkan universiti itu.

Mereka akan hadhir dalam satu perjumpaan di-Kuantan pada hari pertama-nya dan berada di-Temerloh esok-nya.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Yahya Mohamed Seth akan hadhir dalam perjumpaan di-Kuantan itu nanti.

Gambar menunjokkan Tuan Syed Nasir sedang menerima derma $100 dari wakil pelajar Sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Kelang bila mereka melawat ka-Dewan Bahasa dan Pustaka hari Sabtu kelmarin.—Gambar DBP

# KKGUMB sokong Universiti

7/10/68

SG. SIPUT, Ahad

PENUBOHAN Universiti Kebangsaan di-Malaysia telah mendapat sokongan penoh dari Kesatuan Kebangsaan Guru2 Ugama Malaysia Barat (KKGUMB).

"Penubohan Universiti tersebut ada-lah merupakan satu ilham baharu kapada perkembangan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita," kata Setiausaha Agong KKGUMB, Enche' Nadjmuddin Haji Ahmad, dalam satu kenyataan-nya kapada Berita Harian

Beliau berkata bahawa KKGUMB mengalukan2 pengumuman Menteri Pelajaran, Enche' Muhammad Khir Johari, mengenai perlaksanaan Universiti tersebut.

"Kesatuan kita sangat berbangga, dan kita harap ia akan segera menjadi kenyataan demi kepentingan penuntut2 aliran Melayu seluroh tanah ayer."

"Kesatuan kita bersedia memberi bantuan kapada-nya walau dengan apa chara pun, agar hasrat kita sa-lama ini segera wujud", tambah-nya.

# Universiti Kebangsaan tidak harus jadi alat politik

8/10/68

Oleh Drs. Ismail Hussein
Universiti Malaya



● Suatu teks ulasan tentang penubohan Universiti Kebangsaan yang di-sampaikan dalam simposium mengenai dasar pelajaran di-Universiti Malaya pada 28 dan 29 September lalu. (Sambongan semalam).

APABILA Menteri Pelajaran mengumumkan di-Dewan Maktab Bahasa baru2 ini bahawa kerajaan beliau akan membentok satu Universiti Kebangsaan terdapat tepok sorak yang rioh.

Tetapi apabila Menteri Pelajaran itu mengumumkan bahawa universiti itu akan mengajarkan antara lain, bahasa2 moden, terdapat ejekan dan kelohan yang kuat.

Saya mengerti bahawa sa-belum perjuangan Bahasa Kebangsaan kita belum terchapai kita tidak harus berbichara terlalu banyak tentang bahasa2 lain, apa lagi tentang Bahasa Inggeris.

Tetapi dalam ejekan dan kelohan terhadap kenyataan Menteri Pelajaran itu, saya rasa ada terkandong satu kekeliruan dan satu penyakit yang merbahaya yang harus kita perbaiki dari sekarang.

Kekeliruan tentang peranan bahasa di-dalam universiti ini sa-sunggoh-nya bukan sahaja terdapat di-kalangan rakyat jelata yang emosional, malah terdapat pada Setiausaha Politik Menteri Pelajaran sendiri, sa-orang tokoh yang selalu-nya tenang walau pun agak lantang suara-nya.

Saudara Shariff Ahmad pernah berkata tidak berapa lama dulu bahawa kita tidak mungkin membentok sa-buah Universiti Kebangsaan kerana buku2

## INGIN

Saya ingin membentok mereka menjadi orang2 yang confident di-dalam lapangan ilmu-nya, dan orang2 yang dapat menghadapi segala anchaman dan tentangan masharakat-nya dan masharakat dunia luar.

Apa alat yang saya harus gunakan untok menchapai matlamat itu tidak akan bagitu saya perdulikan, sa-kurang2-nya pada tingkat permulaan ini, asal sahaja matlamat itu terchapai

Jikalau saya ingin membentok sa-ratus orang ahli sains angkasa, maka saya tidak peduli sama ada bahasa yang saya gunakan itu Bahasa Melayu atau Bahasa Russia, asal sahaja ahli2 sains angkasa itu terbentok.

Hanya apabila mereka itu terbentok maka baru saya akan bicharakan akan kemungkinan penggunaan Bahasa Melayu untok melateh ahli2 sains angkasa kita yang lain.

Dan di-dalam dunia ini tidak ada satu bahasa pun yang lengkap untok segala ilmu.

Betapa megah pun Bahasa Inggeris itu sa-bagai bahasa ilmu dan bahasa dunia, tetapi jikalau sa-kira-nya saudara ingin menjadi specialist di-dalam lapangan kebudayaan Indonesia, maka Bahasa Inggeris itu hampir2 tidak berguna sama sa-kali. Lebeh daripada 80 peratus dari karya2 ilmiah yang terpenting tentang kebudayaan Indonesia tertulis di-dalam Bahasa Belanda.

Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi universiti tidak harus di-kelirukan dengan keutohan kemungkinan bahasa itu atau keutohan penggunaan bahasa itu, ia-itu kita tidak harus hubongkan-nya dengan konsep bahawa melalui bahasa itu maka mungkin bagi kita untok mendapat segala2-nya.

Kita mesti dan perlu gunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-dalam universiti ini, kerana ini ada-lah baha-

saya rasa ada terkandong satu kekeliruan dan satu penyakit yang merbahaya yang harus kita perbaiki dari sekarang.

Kekeliruan tentang peranan bahasa di-dalam universiti ini sa-sunggohnya bukan sahaja terdapat di-kalangan rakyat jelata yang emosional, malah terdapat pada Setiausaha Politik Menteri Pelajaran sendiri, sa-orang tokoh yang selalu-nya tenang walau pun agak lantang suara-nya.

Saudara Shariff Ahmad pernah berkata tidak berapa lama dulu bahawa kita tidak mungkin membentok sa-buah Universiti Kebangsaan kerana buku2 teks di-dalam Bahasa Kebangsaan tidak ada atau belum menchukupi.

## MASAALAH

Jadi mengikut istilah-nya kita harus terjemahkan semua buku2 ilmu di-dunia ka-dalam Bahasa Kebangsaan, kita harus terjemahkan semua renchana2 ilmiah dunia ka-dalam Bahasa Kebangsaan, sa-belum kita mendirikan sabuah Universiti Kebangsaan.

Bagi saya masaalah bahasa ada-lah masaalah secondary, masaalah yang kedua, di-dalam masaalah Universiti Kebangsaan ini. Universiti Kebangsaan ini tidak harus di-jadikan alat untok memuaskan sentimen dan emosi yang terpendam di-dalam perjuangan politik atau pun di-jadikan eksperimen politik yang merbahaya.

Saya tidak mahu membentok Universiti Kebangsaan ini hanya kerana saya ingin memperlihatkan kapada dunia luas bahawa Bahasa Melayu itu dapat di-gunakan sa-bagai bahasa ilmu.

Bagi saya masaalah yang primary, yang paling utama, ia-lah membentok beratus2 dan beribu2 pelajar kita dari Sekolah Menengah Kebangsaan menjadi manusia moden saperti yang saya bayangkan tadi.

di-Universiti Malaya pada 28 dan 29 September lalu. (Sambongan semalam).

## INGIN

Saya ingin membentok mereka menjadi orang2 yang confident di-dalam lapangan ilmu-nya, dan orang2 yang dapat menghadapi segala anchaman dan tentangan masharakat-nya dan masharakat dunia luar.

Apa alat yang saya harus gunakan untok menchapai matlamat itu tidak akan bagitu saya perdulikan, sa-kurang2-nya pada tingkat permulaan ini, asal sahaja matlamat itu terchapai.

Jikalau saya ingin membentok sa-ratus orang ahli sains angkasa, maka saya tidak peduli sama ada bahasa yang saya gunakan itu Bahasa Melayu atau Bahasa Russia, asal sahaja ahli2 sains angkasa itu terbentok.

Hanya apabila mereka itu terbentok maka baru saya akan bicharakan akan kemungkinan penggunaan Bahasa Melayu untok melateh ahli2 sains angkasa kita yang lain.

dari karya2 ilmiah yang terpenting tentang kebudayaan Indonesia tertulis di-dalam Bahasa Belanda.

Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi universiti tidak harus di-kelirukan dengan keutohan kemungkinan bahasa itu atau keutohan penggunaan bahasa itu, ia-itu kita tidak harus hubongkan-nya dengan konsep bahawa melalui bahasa itu maka mungkin bagi kita untok mendapat segala2-nya.

Kita mesti dan perlu gunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-dalam universiti ini, kerana ini ada-lah bahasa ibu kapada sa-bahagian besar mahasiswa-nya. oleh itu bahasa yang paling gampang buat menyampaikan atau mendapat ilmu.

Kita harus gunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dan baha-

## *"Dalam dunia ini ada satu bahasa pun yang lengkap untok segala ilmu."*




1. Biro Penterjemahan dan University Press untuk menterjemahkan dan menerbitkan bahan ilmiah dalam Bahasa Kebangsaan. Mungkin bekerjasama dgn DBP.
2. Jurusan Ilmu2 Persediaan sebagian besar akan terlibat dgn Fakulti Sains Murni

# *Kerajaan di-harap biayai sa-penoh Varsiti Nasional*

9/10/68

Oleh
SHAFIE NOR

KUALA LUMPUR, Selasa. — Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Tuan Syed Nasir Ismail berharap Kerajaan akan membiayai sa-penoh-nya belanja penubohan Universiti Kebangsaan.

Kata-nya, Kerajaan wajar memikirkan masa'alah itu dengan teliti kerana pembentokan Universiti Kebangsaan akan menguatkan sistem pelajaran kebangsaan.

Tuan Syed Nasir menyebut bahawa langkah segera yang boleh di-ambil sekarang ia-lah memberi latehan kapada siapa jua yang layak untok menjadi pensharah2-nya kelak.

Tenaga pengajar tidak sahaja harus terdiri dari gulongan cherdek pandai Melayu, malah gulongan yang bukan Melayu juga perlu di-beri kesempatan untok menguasai bahasa Melayu.

Beliau berkata, ra'ayat sahaja tidak chukup untok membantu projek penubohan universiti itu. "Mereka hanya sa-bagai tanda penyertaan dan sokongan terhadap projek yang di-ranchangkan," tegas-nya.

Kata-nya, usaha tersebut mendapat sokongan dari orang ramai, terutama dari gulongan guru, pelajar, persatuan ibubapa dan kesatuan2 guru dan lain2.

"Tetapi, apa yang di-kesalkan belum ada sa-buah sharikat perniagaan pun yang mahu menyuarakan sokongan, tambahan pula bantuan.

"Memikirkan ini perlu rasa-nya Kerajaan menchari jalan untok membiayai sa-penoh-nya penubohan Universiti Kebangsaan ini yang taraf-nya kelak tidak akan rendah dari Universiti Malaya," kata-nya lagi.

## Terima derma

Tuan Syed Nasir hari ini menerima $100.90 derma untok universiti tersebut dari Port Dickson dan Tapah Perak.

Derma itu ia-lah dari Persatuan Ibubapa Tapah Road sa-banyak $67.30 yang di-kutip dalam satu perjumpaan baru2 ini.

Guru2 Sekolah Kebangsaan Si-Rusa, Port Dickson menderma sa-banyak $33.60.

Guru Besar-nya, Enche Mohamad Tainor bin Taha dalam surat-nya kapada Tuan Syed Nasir berjanji bahawa guru2 di-sekolah-nya sedia menderma lagi sa-banyak satu peratus dari gaji mereka sa-lama 12 bulan.

Tuan Syed Nasir berkata pehak-nya juga telah menerima banyak permintaan dari seluroh negara supaya ia hadhir dalam perjumpaan yang mereka hendak adakan berhubong dengan Universiti Kebangsaan.

# Syed Hussein: Universiti Kebangsaan Universiti UMNO

11/10/68

KETUA Umum Parti Gerakan Syed Hussein Al-Attas dalam uchapan-nya telah menyatakan bahawa Universiti Kebangsaan ada-lah sa-bagai "Universiti UMNO" dan penubohan-nya ada-lah "sia2 belaka."

**KAPAR, Khamis**

"Tidak ada sebab mengapa universiti itu mesti di-dirikan sedangkan Universiti Malaya yang ada sekarang telah pun menchukupi segala-nya dan mempunyai mahaguru2 yang berkelayakan sa-ramai 200 orang," kata-nya.

Syed Hussein berchap demikian di-hadapan kira2 800 orang yang menghadhiri rapat umum memperkenalkan parti-nya di-perhentian kereta sewa Port Swettenham pada malam Ahad yang lepas.

## *Pemboros*

Kata-nya, "Kerajaan Perikatan ada-lah sa-buah kerajaan yang pemboros, membelanjakan wang ra'ayat pada projek2 yang membazirkan dan tidak memberi faedah kapada ra'ayat."

"Menteri2-nya juga tidak tahu bekerja dan tidak bertanggong jawab terhadap wang negara. Mereka menggunakan wang itu dengan tidak ada sekatan dan sentiasa berkunjong keluar negeri memimpin rombongan itu dan ini.

"Jika di-minta satu2 projek yang baik untok ra'ayat, Kerajaan tidak ada wang tetapi melanchong ka-sana dan berkunjong ka-sini dengan memimpin rombongan, ada wang."

Kata-nya, Enche' Mohd. Khir Johari ada-lah "sa-orang menteri yang tidak bekerja."

Beliau telah di-kecham sa-bagai sa-orang menteri yang "membazirkan wang kerana selalu sahaja berkunjong keluar negeri memimpin rombongan itu dan ini."

Syed Hussein juga telah mengecham, Menteri Besar Selangor Dato Haji Harun Idris kerana meluluskan sa-banyak lima juta ringgit untok projek kawasan sukan di-Batu Tiga. Ini, kata-nya, "membazirkan wang negara sahaja."

Beliau telah menggesa ra'ayat supaya "mengubah sikap dan fikiran mereka menggantikan kerajaan yang membazir itu kapada kerajaan yang benar2 dapat memberikan faedah kapada ra'ayat."

"Sudah sampai-lah masa-nya bagi ra'ayat negeri ini bertukar baju yang lama itu kapada baju baru," ujar-nya.

# Murid2 sekolah menderma kapada Varsiti Kebangsaan

11/10/68

KUALA LUMPUR, Khamis. — Saramai 34 orang murid darjah 3A, Sekolah Kebangsaan Pekan Jabi, Segamat, Johor telah menderma sa-banyak $7.95 dari wang saku mereka kapada Tabong Universiti Kebangsaan.

Langkah murid2 itu ada-lah sa-bagai menurut jejak murid2 Sekolah Kebangsaan Segambut, di-Selangor, yang telah menderma kapada Tabong Universiti tersebut baharu2 ini.

Ketua pungutan derma itu, Mohamad Farid bin Sudin, dalam surat-nya kapada Berita Harian berkata, ia dan rakan2-nya tertarek hati dengan langkah murid2 Sekolah Kebangsaan Segambut itu.

"Kami telah berunding dan dengan galakan guru kami, Che'gu Hassan bin Muhamad, kami telah bersetuju memberikan sadikit dari perbelanjaan sekolah kami untok di-dermakan ka-tabong penubohan Universiti Kebangsaan.

"Sumbangan yang sadikit ini sa-moga jadi penokok yang ada. Dan kami berdo'a kapada Tuhan moga2 segera akan terlaksana Universiti itu," kata Mohamad Farid.

Sa-orang petani dari Batu Kurau, Taiping pula telah menderma sa-ringgit.

Beliau menyeru wakil2 ra'ayat dari UMNO dan PAS di-Parlimen dan Dewan2 Negeri supaya menderma sa-bulan elaun mereka kapada tabong Universiti Kebangsaan.

"Saya sendiri berjanji akan menderma sa-bahagian dari hasil padi Mulinja dan Mahsuri yang sedang saya tanam sekarang," kata-nya.

Berikut ia-lah murid2 darjah 3A, Sekolah Kebangsaan Pekan Jabi Segamat yang telah menderma untok Universiti Kebangsaan itu:

Md. Farid bin Sudin, 25 sen; Hashimah binti Mustaffa, 35 sen; Abu Bakar bin Omar, 25 sen; Azizah binti Esa, 25 sen; Sulaiman bin Ahmad, 25 sen;

Shamsir bin Osman, 25 sen; Zaharah binti Rainal, 25 sen; Zaini binti Montel, 25 sen;



## Guru2, tukang kebun turut menderma sa-hari gaji, elaun

Ramli bin Madon, 25 sen; Rosnah binti Montel, 25 sen; Zainudin bin Ali 25 sen.

Shamsiah binti Ismail, 25 sen; Rohani binti Osman, 25 sen; Jamalidan bin Sham, 25 sen; Fauziah binti Talib, 25 sen; Md. Ali bin Omar, 25 sen; Abdul Ghani bin Ismail, 25 sen;

Rahmah binti Latif, 25 sen; Rafiee bin Hamzah, 25 sen; Robaya binti Rahim, 15 sen; Rasman bin Abdul Razak, 10 sen; Azhari bin Yusof, 25 sen; Norishikin binti Halim, 25 sen;

Sharsiah binti Bujang, 25 sen; Abu Bakar bin Ismail, 25 sen; Fatimah binti Jani, 25 sen; Norsiah binti Ali, 25 sen; Hamidah binti Cholan, 10 sen;

Farizah binti Yusof, 25 sen; Kalik binti Ahmed, 25 sen; Zairah binti Salleh, 25 sen; Umikalsom binti Ismail, 25 sen; Ramaniah binti Md. Yasin, 5 sen; dan Zabedah binti Md. Aris, 20 sen.

### Ibu murid

Sementara itu sembilan orang guru, sa-orang tukang kebun dan sa-orang ibu murid di-Sekolah Kebangsaan Seri Jong, Batu 11 Jalan Abdul Rahman, Muar telah menderma sa-jumlah $101.15.

Guru2 tersebut, telah menderma sa-banyak sa-hari gaji masing2 termasok elaun sewa rumah.

Guru Besar sekolah itu Che'gu Hashim bin Haji Hamzah, dalam surat-nya kapada Berita Harian telah menyatakan sedeh dan hiba-nya bila membacha berita bahawa derma tabong Universiti Kebangsaan baharu terkumpul sa-banyak $8,000 sa-takat ini.

"Kami berharap rakan sa-jawat kami yang ada berpuloh2 ribu di-Malaysia Barat ini akan bersama2 dengan kami menyumbangkan derma bakti-nya kapada Universiti Kebangsaan yang menjadi punchak sistem pelajaran kebangsaan untok menampong pelajar2 dari aliran kebangsaan," kata beliau.

Berikut nama guru2 yang telah menderma itu: Che'gu Hashim bin Haji Hamzah $16.00; Che'gu Haji Montel bin Mohamad Noh $10.60; Che'gu Haji Mohamad Said bin Haji Abdul Majid $16.60; Che'gu Mustapha bin Yusof $8.72.

Che'gu Mariam binti Abdul Rahman $11.35; Che'gu Maksam bin Pirman $5; Che'gu Halijah binti Mohamad Salleh $5; Che'gu Haji Abdul Wahab bin Abdul Hamid $6; Che'gu Othman bin Abdul Rahman $3.

Tukang kebun yang turut menderma itu ia-lah Enche Othman bin Mohamad $3 dan ibu murid ia-lah Che Tek binti Ahmad $1.

● Gambar menunjokkan wakil pelajar2 Sekolah Tun Perak Melaka sedang menyampaikan derma kapada Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan.

# Derma Universiti Kebangsaan dari murid2 sekolah

14/10/68

BUKIT MERTAJAM, Ahad.

SA-RAMAI 25 orang murid darjah enam Sekolah Kebangsaan Bukit Tambun yang kebanyakan terdiri dari anak2 nelayan di-sini telah berjaya mengumpul wang sa-banyak $10 untok di-dermakan kapada tabong derma Universiti Kebangsaan.

Demikian di-nyatakan oleh guru darjah tersebut Che'gu Hasan bin Ghani kapada Berita Harian.

Che'gu Hasan memberitahu Berita Harian: "Kebanyakan murid2 saya terdiri dari anak nelayan yang berpendapatan kechil. Sunggoh pun bagitu mereka telah berjaya mengumpul wang sa-banyak $10 untok tabong Universiti Kebangsaan dengan menjimatkan wang sekolah yang di-berikan oleh ibu bapa mereka."

"Usaha mereka menjimatkan wang untok tujuan yang mulia ini sunggoh mengharukan saya," kata Che'gu Hasan.

Sementara itu guru besar Sekolah Kebangsaan Bukit Tambun, Che'gu Ismail bin Sharif dalam satu pertemuan dengan Berita Harian berkata:

"Saya terharu bila mendapat tahu murid2 darjah enam telah berjaya mengumpul wang sabanyak $10 untok di-dermakan kapada jawatan-kuasa Universiti Kebangsaan. Langkah mereka patut-lah di-chontohi oleh murid2 darjah lain pula."

## Hartawan

Che'gu Ismail berseru kapada hartawan2 dalam negeri ini dan kaum cherdek pandai di-bandar2 hendak-lah juga menderma supaya penubohan Universiti Kebangsaan itu dapat di-laksanakan segera.

**CHATATAN:** Tidak lama yang lalu Sharikat Aman Jaya Seberang Perai telah menderma sa-banyak $30.50 sen untok Universiti Nasional ini, sharikat tersebut menurut pengerusi-nya Enche Mohamad Nor Mahmud sedang meneruskan derma bulanan-nya sa-banyak $15.

Sementara itu sa-orang juruchakap Kesatua, Enche Abdullah bin Ismail berkata sunggoh kami telah berjaya mengumpulkan derma untok universiti nasional sa-banyak $38.05 tetapi kami akan meneruskan lagi usaha2 untok mengumpul derma tersebut dari satu masa ka-satu masa.

# Syed Nasir jelaskan tujuan menubohkan Universiti Kebangsaan

28/10/68

UNIVERSITI Kebangsaan di-bentok dengan maksud untok melahirkan ra'ayat Malaysia yang professional dan praktikal serta rasional dan saintifik.

Tujuan pembentokan-nya ia-lah untok menghadapi masa'alah sosial dan ekonomi serta lain2 pembangunan negara dengan tenaga nasional yang maju dan kuat.

Demikian menurut Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail ketika beruchap dalam majlis derma universiti itu anjoran Persatuan Kebajikan Belia Beserah di-sini malam tadi.

## Taraf tinggi

Kata-nya, penubohan Universiti Kebangsaan bukan-lah sa-mata2 kerana hendak memberi taraf yang tinggi kapada Bahasa Kebangsaan.

"Dan jauh sa-kali untok mengambil perjuangan bahasa sa-bagai satu tempat melepaskan diri daripada tekanan2 sosial dan ekonomi yang kita tidak sanggup menghadapi-nya," tegas-nya.

Menurut-nya, Bahasa Kebangsaan satu chiri dari aspek kebudayaan dalam pembentokan nasionalisma.

KUANTAN, Ahad

"Kita tidak dapat menafikan chiri lain dari aspek ilmu pengetahuan untok kepentingan sosial dan ekonomi yang juga menjadi asas kekuatan dan keutohan nasionalisma kita.

"Sejarah pembentokan dan kebangkitan negara kebangsaan di-Eropah yang menggantikan empayar Kristian yang akhir-nya melemahkan negara2 empayar Islam dalam zaman pertengahan juga berasal antara-nya dari chiri2 nasionalisma bahasa.

"Sa-terus-nya dalam zaman moden, zaman perdagangan penjajahan yang berpusat di-Barat, nasionalisma Barat itu maseh juga mempunyai chiri2 nasionalisma bahasa," kata-nya lagi.

Syed Nasir lalu menegaskan lagi bahawa Universiti Kebangsaan bukan-lah universiti yang khusus untok orang Melayu sahaja, tetapi untok semua bangsa di-Malaysia.

***'WALAU PUN DI-BAWAH SA-BUAH BANGSAL . . .'***

# Varsiti Nasional mesti di-asas segera

13/11/68

"WALAUPUN usaha2 menubohkan Universiti Kebangsaan telah di-serahkan kapada kerajaan, tetapi pehak jawatankuasa penaja universiti tersebut tetap mengikut dan meneliti sa-tiap perkembangan yang akan di-jalankan oleh kerajaan."

Demikian di-tegaskan oleh Enche Atan Long, salah sa-orang jawatankuasa penaja Universiti Kebangsaan itu.

**KELUANG, Selasa**

Ketika berchakap kapada lebeh 300 orang pendudok Keluang, dalam majlis cheramah yang di-anjorkan bersama oleh Persatuan Bulapa dan KKGSK chawangan Keluang, di-Dewan Sekolah Menengah Inggeris di-sini Juma'at lalu, Enche' Atan berkata:

"Bukan-lah bermakna dengan penyerahan kuasa kapada kerajaan untok melaksanakan Universiti Kebangsaan itu maka jawatankuasa penaja telah berlepas tangan langsong."

"Ini sama sekali tidak," tegas Enche Atan sambil memberi pengakuan, bahawa jawatankuasa penaja "tetap mengikuti dan meneliti sa-tiap perkembangan yang akan di-jalankan oleh kerajaan."

"Sa-kira-nya segala kehendak bagaimana yang di-ranchangkan oleh jawatankuasa penaja tidak di-tunaikan oleh kerajaan maka kita akan 'ganchang' lagi," tegas Enche Atan dengan di-sambut tepok gemuroh dari hadhirin.

Tugas menubohkan Universiti Kebangsaan dan memungut derma telah di-serahkan kapada kerajaan oleh jawatankuasa penaja pada hari Rabu 6 November lalu, sa-telah satu perundingan bersama dengan Enche Khir Johari di-adakan.

Enche Atan Long juga dalam cheramah-nya itu telah mengingatkan kerajaan supaya jangan melaksanakan Universiti Kebangsaan itu mengikut kehendak satu dua orang sahaja.

"Yang kita mahu Universiti yang akan tertuboh akan mengikut kehendak2 orang ramai."

Beliau juga telah menyatakan rasa kesal-nya kerana maseh ramai lagi pegawai2 kerajaan yang menyambut dingin ranchangan menubohkan Universiti Kebangsaan itu.

"Ini terbukti dari sumbangan derma yang telah di-terima," kata-nya.

Sementara itu ketika menjawab di-manakah Universiti Kebangsaan itu akan di-dirikan?

## Tidak kira

Enche Atan menjelaskan: "Kita tidak kira di-mana Universiti Kebangsaan itu akan di-tubohkan, walaupun di-bawah sa-buah bangsal.

"Tetapi apa yang kita mahu Universiti Kebangsaan itu hendak-lah di-asaskan mulai tahun 1969 dengan tidak menyentoh kedudokan Kolej Islam yang ada sekarang."

Turut memberi cheramah di-majlis tersebut ia-lah Enche Yunos Maria, salah sa-orang jawatankuasa penaja Universiti Kebangsaan itu juga.

Dalam majlis tersebut Enche Yunos telah menerima derma Universiti Kebangsaan sa-banyak $803.88 sen yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Keluang, Enche' Othman bin Abdul Wahid.

Derma2 tersebut ia-lah dari hasil pungutan yang di-janjikan oleh jawatankuasa bersama yang menganjorkan majlis tersebut sa-banyak $375.00, Persatuan Derma2 Melayu Keluang $40.00, PENKASA $50.00, guru2 dan murid2 Sekolah Kebangsaan Kampong Melayu $50.00 dan murid2 Sekolah Kebangsaan Bandar Rengam $8.00.

# Unibersiti Nasional: Pelajar2 menderma

18/11/68

DALAM usaha menubohkan Universiti Kebangsaan yang sedang di-taja sekarang, bukan sahaja dari kalangan ibubapa dan orang2 kenamaan yang telah menghulorkan derma, tetapi tidak ketinggalan juga murid2 sekolah sendiri.

Walaupun sumbangan yang di-berikan oleh murid2 sekolah itu tidak besar, tetapi ada-lah besar erti-nya.

Dengan chara tu mereka dapat menunjokkan kapada kerajaan bahawa penubohan Universiti Kebangsaan itu di-kehendaki oleh seluroh lapisan ra'ayat.

Pada 7 November lalu, murid2 Sekolah Kebangsaan Bandar Rengam, telah menyumbangkan derma sa-banyak $8.20 untok Universiti Kebangsaan itu.

# Dr. Mahathir: Kita ta' mahu Varsiti Nasional jadi macham varsiti P. Pinang

17/11/68

ALOR SETAR, Sabtu. Naib Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Dr. Mahathir bin Mohammed, berkata, "Kita tidak mahu apa yang berlaku kapada Universiti Pulau Pinang berlaku pula kapada Universiti Kebangsaan. Ura2 untok menubohkan-nya sejak beberapa tahun yang lalu sa-hingga sekarang belum dapat dilaksanakan lagi."

Beliau membuat ingatan itu ketika merasmikan penubohan badan bertindak jawatankuasa derma Universiti Kebangsaan, di-Rumah Persatuan Belia Bimbingan, Lorong Liku, Bakar Bata, di-sini.

Kata-nya: "Laungan bagi menubohkan Universiti Kebangsaan itu sudah pun ujud sejak 30 tahun dahulu tetapi orang2 Melayu sendiri menentang penubohan Universiti tersebut."

Dr. Mahathir, berkata bahawa penubohan sa-buah Universiti memang senang tetapi melaksanakan-nya amat-lah sukar sa-kali.

"Perbelanjaan tahunan Universiti Malaya berjumlah sa-banyak $20 juta satahun tetapi perbelanjaan untok melaksanakan sabuah Universiti ada-lah besar dari perbelanjaan tatahunan itu," kata-nya.

"Jika ra'ayat sendiri sanggup memberikan sumbangan moral dan material mereka bagi penubohan Universiti Kebangsaan maka baharu-lah Kerajaan tahu bahawa ra'ayat ada-lah benar2 berkehendakan sa-buah universiti yang bahasa pengantar-nya "Bahasa Kebangsaan" kata Dr. Mahathir.

Ahli jawatankuasa badan bertindak derma Universiti Kebangsaan yang telah ditubohkan itu ada-lah saperti berikut:-

Pengerusi—Enche Mansor Bin Haji Ahmad. Naib-nya—Enche Sofian Bin Abdul. Rahim, Setiausaha—Enche Yusoff Bin Saad, naib-nya—Enche Ab. Latiff Bin A. Kadir. Bendahari—Enche Abu. Bakar Bin Kassim dan Pemereksa kira2 —Enche Ghazali Bin Yahaya.

Ahli2 Jawatankuasa-nya: Enche Ab. Rahman Bin Othman, Enche Ibrahim Bin Mustaffa, Senator Wan Sulaiman Bin Wan Tam, Enche Ismail Bin Hj Said, Enche Zainol Abidin Bin Johari dan Nazril Bin Mohd. Zain.

# Derma Varsiti Kebangsaan: Khir lantek wakil2-nya

28/11/68

KUALA LUMPUR 27 Nov. — Menteri Pelajaran Enche' Mohd. Khir Johari hari ini telah melantek semua Ketua Pegawai Pelajaran Negeri di-Malaysia Barat dan Pengarah2 Pelajaran di-Malaysia Timor sa-bagai wakil-nya bagi mengutip dan menerima derma untok Tabong Universiti Kebangsaan.

Dalam satu pertemuan hari ini Enche' Khir menyatakan bahawa langkah ini di-buat bagi menyenangkan penderma2 untok menyampaikan derma mereka.

Enche' Khir juga berchadang untok meminta kerjasama dari Kerajaan2 Negeri supaya tiap2 Pegawai Daerah di-benarkan menjadi wakil-nya bagi mengutip dan menerima derma tersebut dalam daerah masing2.

Beliau mengingatkan orang ramai yang mahu menggunakan nama 'Universiti Kebangsaan' untok mengadakan "Pasar Ria" atau "Fun Fair" atau apa juga jenis jualan bagi mengutip wang, hendak-lah terlebeh dahulu mendapat kebenaran dan persetujuan dari-nya atau wakil-nya yang tertentu.

## MENERIMA

Enche' Khir mengumumkan bahawa sa-lepas Bulan Puasa ini beliau akan pergi sendiri ka-tiap2 negeri bagi menerima wang yang telah di-janjikan oleh negeri2 itu untok derma Tabong Universiti Kebangsaan.

Menurut-nya, beliau telah mula menerima derma dari orang ramai yang terdiri dari berbagai bangsa untok Tabong Universiti Kebangsaan itu.

Enche' Khir menyatakan bahawa beliau tidak bertanggong jawab di-atas derma yang di-sampaikan kapada sa-siapa pun yang tidak mempunyai tauliah bertulis daripada-nya.

Kata-nya: "Jika derma maseh juga di-berikan kapada sa-siapa pun sama ada di-perjumpaan ramai atau pun menerusi iklan atau pun penjualan pelekat2 dan sa-bagai-nya, maka segala itu ada-lah di-luar pengetahuan saya."

"Dan jika berlaku sasuatu perkara yang tidak di-ingini maka penderma2 itu saja-lah yang akan bertanggongjawab."



Enche Khir Johari

Enche' Khir menambah bahawa langkah-nya mengambil aleh dengan sapenoh-nya tanggongjawab mengutip derma Tabong Universiti Kebangsaan, ia-lah untok mengelakkan salah faham di-kalangan orang ramai mengenai kutipan wang derma Tabong Universiti itu.

Menurut-nya, masaalah wang ini boleh menimbulkan salah faham dan menimbulkan berbagai2 tudohan kemudian hari.

Beliau berkata, sa-takat ini beliau telah menerima banyak pertanyaan mengenai kedudokan pengutip2 derma yang menjelajah kasana ka-mari untok menerima wang daripada orang ramai.

"Dan ada di-antara mereka yang menjelma sabagai itu dan ini," tegas Enche' Khir lagi.

Enche' Khir menambah bahawa orang ramai boleh juga terus menghantar derma2 mereka kapada-nya di-Kementerian Pelajaran.

Kapada penderma2 Melayu khas-nya orang2 yang dari cherok rantau tanah ayer mereka boleh juga menghantar derma masing2 kapada Akhbar Utusan Melayu.

"Dan segala derma yang di-sampaikan itu akan di-siarkan di-dalam akhbar tersebut," kata-nya lagi. — Bernama.

# $1,000 dari MCA Maju utk Varsiti Kebangsaan

1/12/68

K. LUMPUR, Sabtu

MCA Chawangan Maju, Petaling Jaya, hari ini telah menderma $1,000 kapada Tabong Universiti Kebangsaan.

Pengerusi Chawangan itu, Enche Liew Siy Hon, telah menyampaikan chek derma tersebut kapada Pengerusi Jawatan-kuasa Penaja Universiti tersebut, Tuan Syed Nasir Ismail, di-Dewan Bahasa dan Pustaka, pagi tadi. (Lihat gambar di-muka belakang).

Enche Liew dalam uchapan-nya berkata, Chawangan-nya ada-lah menyokong penubohan Universiti Kebangsaan kerana ia di-tubohkan atas Dasar Pelajaran Kebangsaan dan untok menampong penuntut dari berbagai bangsa.

"Sa-bagai bukti sokongan itu maka itu-lah kami menderma sa-banyak $1,000 ini," kata beliau.

Menurut-nya, derma tersebut ia-lah hasil derma sukarela dari ahli2 chawangan-nya yang berjumlah tidak kurang dari derma chawangan ini kapada Kolej Tengku Abdul Rahman.

Tuan Syed Nasir pula berkata, bahawa ini-lah pertama kali sa-buah badan bukan Melayu menderma kapada Universiti Kebangsaan.

## Jadi ikutan

"Kami berharap ini akan menjadi ikutan kapada badan2 bukan Melayu yang lain menderma kapada Universiti tersebut," kata-nya.

Beliau mensifatkan derma ini sa-bagai satu penghargaan kapada Jawatankuasa Penaja Universiti itu.

Kata-nya, sa-lama ini hanya orang2 yang tidak berada sahaja yang telah menderma kapada Universiti Kebangsaan.

Turut dalam rombongan menyampaikan derma itu ia-lah Enche Robert Loh, Setiausaha Chawangan itu yang juga menjadi Setiausaha Kerja Perikatan, Enche Chek Tan, Pengerusi Penerangan dan Dr. Cheng Kok, Timbalan Pengerusi.

Tuan Syed Nasir hari ini telah juga menerima derma $300 dari Sekolah Menengah Merliman — $180 dari guru2 dan $120 dari murid2-nya.

Beliau memberitahu bahawa Dewan Bahasa telah dapat memungut $6,143.35 dari pertunjokan Rombongan Kesenian Minangkabau untok Universiti Kebangsaan baharu2 ini.

# Laporan Universiti Kebangsaan di-jual kpd ramai — S. Nasir

5/12/68

KUALA LUMPUR 4 Dis — Sa-buah laparan penoh mengenai penubohan Universiti Kebangsaan telah pun siap di-gubal dan akan di-chetak untok di-jual kapada orang ramai awal tahun depan.

Laporan yang di-sediakan oleh Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan ini akan di-serahkan kapada kerjaan dan Majlis Tinggi Pelajaran untok di-kaji.

Laporan itu akan di-chetak sa-banyak 10,000 naskhah untok di-jual kapada orang ramai.

Ini telah di-umumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penaja Univeriti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail sa-lepas beliau menerima chek2 bagi derma universiti tersebut sa-jumlah $2,641 di-pejabat-nya hari ini.

Derma2 tersebut telah di-dermakan oleh Persatuan Pelajar2 Maktab Perguruan Bahasa sa-banyak $2,432, Persatuan Sejarah Pelajar2 Maktab Perguruan Bahasa sa-banyak $176 sementara $33.52 dari murid2 darjah enam Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar di-sini.

Beliau memberitahu bahawa derma yang di-terima-nya hari ini ia-lah yang paling besar dan jumlah semua derma2 yang di-terima sa-takat ini ia-lah yang berjumlah hampir $40,000.

Menurut-nya, sumbangan dari orang ramai tidak putus2 datang-nya dan ia merupakan satu gambaran chita2 rakyat yang besar untok menubohkan Universiti Kebangsaan.

# LAPORAN UNIVERSITI KEBANGSAAN DI-BUKU

5/12/68

K. LUMPUR, Rabu

LAPORAN mengenai Universiti Kebangsaan akan diterbitkan pada tahun depan.

Demikian Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Tuan Syed Nasir Ismail menyatakan hari ini sa-telah menerima derma dari Persatuan Pelajar2 dan Bahagian Sejarah Maktab Perguruan Bahasa sa-banyak $2,708 pagi tadi.

Kata-nya: "Laporan itu akan di-jadikan buku dan di-chetak sebanyak 10.000 naskhah.

"Harga-nya belum di-tetapkan lagi sekarang tetapi orang ramai akan terdaya membeli-nya," kata-nya.

Menurut-nya, laporan itu akan di-serahkan kapada Kerajaan dan Jawatankuasa Pelajaran Tinggi terlebeh dahulu sa-belum di-chetak.

## Penjelasan

"Laporan itu akan menjelaskan kapada orang ramai sebab2 universiti itu mesti ditubohkan" kata-nya.

Tuan Syed Nasir berkata, setakat ini hampir $40.000 wang derma Universiti Kebangsaan itu telah terkumpul.

Ini ada-lah menunjokkan minat orang ramai terhadap Universiti Kebangsaan bertambah yakin.

Tuan Syed Nasir pagi ini mengalu2kan pendapat Tengku Abdul Rahman, terhadap persamaan ejaan Malaysia-Indonesia.

Tengku menyatakan di-Alor Setar semalam bahawa persamaan ejaan antara Malaysia dan Indonesia ada-lah mustahak untok kegunaan bersama dua buah negara.

Tuan Syed Nasir kemudian-nya mengharapkan supaya persatuan KAPPI di-Indonesia dapat menimbangkan semula sikap-nya terhadap persamaan ejaan itu.

## Salah faham

"Saya perchaya mereka mungkin salah faham dan masa'alah menchabol sejarah pemuda di-Indonesia tidak timbul langsong dalam soal persamaan ejaan itu," kata-nya.

Gambar menunjokkan Tuan Syed Nasir menerima chek berharga $33.52 hasil kutipan murid2 darjah enam dari Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar yang di-sampaikan oleh Azizah Nordin, ketua murid untok derma Universiti Kebangsaan itu.

# Universiti Nasional: Warga Indonesia menderma

9/12/68

KUALA DUNGUN, Ahad.

SA-ORANG warga negara Indonesia, Enche Masli Arman, 32 tahun, yang bertugas sa-bagai pegawai Kaji Bumi di-Sharikat Lombong Emmco Bukit Besi, 21 batu dari sini, telah menderma sabanyak $100 kapada Tabong Universiti Kebangsaan.

Derma tersebut telah di-hantar kapada Pengerusi Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail baru2 ini.

Enche Masli menyatakan bahawa walau pun derma itu tidak sa-berapa, "tetapi ini-lah satu sumbangan kechil dari saya sa-orang warganegara jiran tetangga yang ingin melihat ujud-nya sa-buah Universiti Kebangsaan sa-chepat mungkin."

Beliau merupakan sa-orang warganegara Indonesia yang pertama menderma kapada Universiti Kebangsaan itu.

## Penggunaan

"Penubohan sa-buah Universiti Kebangsaan ada-lah sesuai sekali dengan chita2 untok memperluaskan penggunaan bahasa Melayu ka-arah terchipta-nya satu bahasa Malindo yang moden dan kaya," kata-nya.

Sa-bagai bangsa yang merdeka, tambah-nya "Jangan-lah hendak-nya kita memandang tinggi kapada bahasa Inggeris."

Enche Masli telah bertugas di-sini kira2 sa-tahun sa-tengah. Sa-belum itu beliau belajar di-Universiti New South Wales Australia sa-lama 11 tahun dan di-Italy sa-lama sa-tahun.

Beliau berkelulusan B.A. (Hons).

*FAKULTI2 PERTANIAN DAN VARSITI KEBANGSAAN...*

# Kelantan tawarkan kawasan 392 ekar

9/12/68

**KOTA BAHARU, Ahad**

SATU Chadangan supaya bekas lapangan terbang British di-Gong Kedak, Pasir Puteh Kelantan — sa-luas 392 ekar di-jadikan fakulti2 Pertanian dan Haiwan Universiti Kebangsaan akan di-buat oleh Majlis Pelajaran Melayu Kelantan (MPMK) nanti.

Kata-nya: "Kawasan bekas lapangan terbang itu amat sesuai sa-kali untok di-jadikan kedua2 fakulti universiti itu."

Yang di-Pertua MPMK Dato Wan Mohammed bin Yusoff memberitahu Berita Harian bahawa chadangan tersebut akan di-kemukakan melalui sa-buah memorendam kapada Naib Chenselor Universiti Kebangsaan sa-baik2 sahaja kerajaan membuat perlantekan.

"Ini ia-lah kerana Kelantan merupakan nombor dua di-bidang pertanian — sa-lain daripada Kedah."

"Bagitu juga di-bidang kehaiwanan negeri ini paling sesuai sa-kali."

Menurut keterangan Dato Wan Mohammad lagi pehak-nya sekarang sedang menyusun memorendam itu.

"Sa-belum di-hantar kapada Naib Chenselor Universiti itu — kami membuat tinjauan dan mendengar pandangan2 dari beberapa orang pakar pertanian dan haiwan yang sekarang berkhidmat di-Universiti Malaya dan mengetuai jabatan2 haiwan di-negeri2 lain."

## Menyokong

"Pakar2 itu — semua-nya berasal dari Kelantan berijazah seberang laut."

"Mereka faham dan mengetahui sa-genap aspek kedua2 bidang itu dan akan memberi pertolongan besar untok menyokong chadangan kami itu," kata-nya lagi.

"Sa-lain daripada itu," beliau menambah kata, "badan2 gabongan MPMK juga di-beri peluang mengemukakan pandangan2 dalam memorendam itu."

Beliau menekankan bahawa penubohan universiti itu lebeh praktikal dan ekonomik jadi kalau chadangan-nya — fakulti2 Pertanian dan Haiwan itu di-adakan di-Kelantan yang sa-bilangan besar terdiri dari Bumiputera sendiri.

Sekarang kawasan bekas lapangan terbang Gong Kedak itu telah di-serahkan oleh pehak yang berkuasa tentera British kapada Kerajaan Kelantan.

Dato Wan Mohammad yang juga menjadi Setiausaha Sulit Sultan Kelantan memberitahu bahawa soal penubohan kedua2 fakulti itu telah pun di-bawa ka-dalam Seksi Pelajaran Kongeres Ekonomi Bumiputera di-Kuala Lumpur.

## MPMK akan lanchar pungutan derma untok Universiti Kebangsaan

Menurut Yang di-Pertua MPMK pehak-nya akan melancharkan pungutan derma untok mengisi tabong penubohan Universiti Kebangsaan awal tahun hadapan.

Kata-nya: "Pungutan derma itu mungkin akan di-jalankan bersama dengan sa-buah akhbar tempatan."

Di-minta mengulas persoalan yang timbul hari ini — ada-kah patut badan2 atau kesatuan2 guru yang mempunyai tabong biasiswa-nya sendiri di-serahkan kapada Yayasan Pelajaran MARA atau tidak, Dato Wan Mohammad berkata:

## Serahkan

"Badan2 atau kesatuan2 guru itu sendiri lebeh baik mengendalikan tabong biasiswa-nya sendiri — kalau berdaya berbuat demikian."

"Tetapi kalau tidak boleh — lebeh baik serahkan sahaja kapada tabong Yayasan Pelajaran MARA."

Beliau menegaskan bahawa soal pungutan yuran bulanan boleh di-uruskan kemudian.

"Misal-nya," ujar beliau lagi," kalau ahli2 kesatuan guru boleh memotong gaji tiap2 bulan untok biasiswa kesatuan-nya — maka tidak ada sebab kenapa tidak boleh berbuat demikian sa-telah di-serahkan kapada yayasan itu pula."

**CHATATAN:** Lapangan terbang Gong Kedah terletak di-dalam daerah Pasir Puteh dan berhampiran dengan sempadan Trengganu.

# Murid2 Sekolah Rendah menderma $300 kapada Universiti Kebangsaan

11/12/68



KUALA LUMPUR, Selasa. — Murid2 Sekolah Rendah Kebangsaan Teruntum, Kuantan, hari ini telah menderma sa-banyak $300 kapada Universiti Kebangsaan.

Derma tersebut telah di-kumpulkan oleh murid2 itu dari hasil jualan "Titian Pelangi" — chenderamata tahunan yang di-uruskan oleh Badan Persuratan dan Kebudayaan sekolah itu.

Dua orang murid sekolah itu — Rosli bin Abdul Malek dan Abdul Halim bin Abdul Rahman, mewakili rakan mereka telah menyerahkan chek derma tersebut kapada Pengarang Berita Harian, Enche A. Samad Ismail yang juga menjadi ahli Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, pagi tadi.

"Kami mahu Universiti Kebangsaan di-bena segera," kata Rosli dan Halim bersunggoh2.

Murid sa-darjah — darjah enam dan sabaya — sama2 12 tahun ini menyeru murid2 sekolah2 lain turut menderma kapada universiti itu "sa-moga nasib kita dari sekolah2 kebangsaan tidak terus malang".

Gambar atas menunjokkan Rosli diperhatikan oleh Halim sedang menyampaikan chek derma itu kapada Enche Samad Ismail, di-Pejabat Berita Harian. — Gambar Berita Harian.

# Persatuan Belia turut bantu Varsiti Kebangsaan

13/12/68



PONDOK TANJONG, Khamis. — Persatuan Belia Jaycees, Taiping, turut menderma $10.60 untok tabong derma Universiti Kebangsaan.

Wang tersebut di-pungut dari murid2 sekolah dalam majlis peraduan berbalas pantun dan menduga akal antara sekolah2 di-Taiping di-dewan Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping hari Khamis kelmarin.

Majlis berbalas pantun itu anjoran Persatuan Belia, Jaycees, Taiping.

• Gambar kelihatan Enche Mohamad Fadzlan Nasution sa-orang ahli jawatankuasa persatuan itu sedang menyerahkan chek tersebut kapada pemberita Berita Harian di-sini Enche Yusoff Bakar untok di-hantar ka-Kuala Lumpur.

Sedang memerhati, pengerusi persatuan itu, Enche Mohamad Shahidan bin Darus.

# Kongres Universiti Kebangsaan tetap di-adakan

8/1/69

KUALA LUMPUR, Selasa.

JAWATANKUASA Penaja Universiti Kebangsaan akan mengadakan meshuarat pertama tahun ini hari Ahad ini bagi mengator perkara mengadakan Kongres Universiti Kebangsaan.

Pengerusi Jawatankuasa itu, Tuan Syed Nasir bin Ismail memberitahu hari ini bahawa persiapan2 untok mengadakan Kongres tersebut telah selesai.

Kertas2 kerja untok dibentangkan dalam Kongres sekarang dalam perchetakan dan akan di-jual kapada orang ramai. Hasil jualan itu akan di-dermakan kapada Universiti Kebangsaan, kata-nya.

Tuan Syed Nasir memberitahu bahawa Jawatankuasa-nya akan mula memberikan cheramah2 di-beberapa tempat sa-belum 20 Januari.

Cheramah pertama tentang Universiti Kebangsaan akan di-adakan di-Kampong Kuantan, pada hari Sabtu ini jam 7.30 malam.

## H.B. Jassin

Sa-lepas itu pada 18 Januari cheramah akan di-adakan di-Melaka dan 19 Januari pula di-Banting, Selangor.

Sementara itu Tuan Syed Nasir memberitahu bahawa pengkritik kesusasteraan Indonesia yang terkenal, Enche H. B. Jassin tidak dapat berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka, kata-nya, telah menawarkan kapada Enche H.B. Jassin untok berkhidmat di-bahagian penyelidekan-nya sa-lama dua tahun

Kata-nya: "Saya telah menerima jawapan dari H.B. Jassin tentang tawaran itu. Lembagai Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia tidak dapat melepaskan-nya ka-Malaysia."

# J-kuasa gubal undang2 Varsiti Nasional di-bentok

15/1/67

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Menteri Penerangan dan Penyiaran Enche' Senu bin Abdul Rahman hari ini memberitahu Dewan Rakyat bahawa satu jawatankuasa yang bertanggong jawab untok menggubal perlembagaan Universiti Kebangsaan telah di-bentok.

Walau bagaimana pun penggubalan perlembagaan itu belum lagi dapat di-jalankan kerana pengerusi jawatankuasa itu belum di-lantek.

Enche' Senu telah berkata demikian bagi pehak Menteri Pelajaran kerana menjawab satu soalan dari **Haji Mokhtar bin Haji Ismail** (Perikatan Perlis Selatan).

Menjawab satu lagi soalan dari ahli yang sama, Enche' Senu menerangkan bahawa kerajaan tidak berchadang hendak mengadakan pengajian tentang sistem pentadbiran dan perlembagaan Universiti India, Pakistan, Amerika Sharikat dan lain2 negeri.

Haji Mokhtar bertanya sama ada kerajaan akan menghantar satu perwakilan yang mengandongi ahli2 jawatankuasa peranchang dan pakar2 penyelidek untok membuat kajian di-universiti2 tadi.

Mengenai derma yang telah terkumpul untok pembenaan Universiti Kebangsaan itu, Enche' Senu berkata bahawa jumlah-nya belum lagi di-ketahui hingga sekarang.

Tapak untok membena universiti itu juga belum lagi dapat di-tetapkan, tambah Menteri Penerangan dan Penyiaran itu.

# Perlembagaan Universiti Kebangsaan 2-3 hari lagi: Khir

18/4/69

KUALA LUMPUR, Juma'at. — Sa-orang pengerusi bagi Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Universiti Kebangsaan akan di-pileh dalam masa "dua tiga hari lagi" walaupun usaha menchari-nya menghadapi kesukaran.

Demikian Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari, ketika menggulong debat belanjawan dalam Parlemen hari ini. Beliau menjawab tegoran2 dan kechaman dari pehak pembangkang dan penyokong Kerajaan.

Enche Khir berkata, "kelambatan untok melantek anggota2 jawatankuasa menggubal perlembagaan Universiti Kebangsaan tidak dapat di-elakkan.

## *Hakim bijak*

"Kita perlukan sa-orang hakim, bukan sahaja bijak dalam kehakiman tetapi juga mesti tahu hal ehwal universiti2 di-dalam dan luar negeri".

Enche Khir sa-lanjut-nya mengumumkan bahawa:

- Mulai tahun ini sijil2 vocational yang pertama kali akan di-keluarkan oleh sekolah2 vocational. Sa-banyak 11 buah sekolah vocational di-tubohkan tahun ini.
- Kerajaan pusat tidak dapat menubohkan sekolah2 anika jurusan di-Sarawak kechuali Kerajaan Negeri Sarawak menerima dengan penoh dasar2 pelajaran Kerajaan Pusat.
- Kerajaan tidak akan menambah lagi kemudahan2 kapada murid2 yang tidak lulus LCE dan SRP tahun ini.

Enche Khir berkata, kelonggaran yang di-buat sekarang "sudah liberal."

UNIVERSITI KEBANGSAAN DI-TAJA BULAN MEI?



# Rayuan 'bantu' penoh dari Mahathir

Oleh SALIM KASSIM

MELAKA, Isnin. — Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi, Dr. Mahathir bin Mohamad, menyeru sa-tiap ra'ayat Malaysia menyokong penubohan Universiti Kebangsaan.

Sokongan perlu di-berikan, kata beliau, ia-lah kerana universiti itu melambangkan perpaduan kebangsaan Malaysia.

Dr. Mahathir membuat seruan demikian sa-laku Naib Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan di-majlis perjumpaan Majlis Pelajaran Melayu Melaka di-Dewan UMNO di-sini malam tadi.

Menurut beliau, universiti tersebut akan menampong bukan sahaja penuntut2 Melayu tetapi juga penuntut2 bukan Melayu dalam negeri ini.

"Universiti Kebangsaan juga merupakan jaminan memberi nilai yang lebeh tinggi kapada Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negara kita.

## 113 siswa

Dr. Mahathir kemudian mengemukakan pertanyaan:

"Kalau Pemerentah Indonesia boleh melahirkan sarjana dan mengadakan universiti2 dengan menggunakan Bahasa Indonesia, apa pula bezanya dengan Bahasa Melayu untok tujuan itu di-Malaysia?"

Terdahulu dari itu, Enche Zainal Abidin Wahid, salah sa-orang ahli jawatankuasa penaja universiti itu, menyatakan bahawa universiti tersebut di-harap dapat di-taja dalam bulan Mei tahun ini.

Bagi permulaan, universiti itu akan menampong sa-ramai 113 orang bakal mahasiswa.

Enche Zainal menyatakan juga bahawa beberapa kesulitan akan di-hadapi mengenai penubohan universiti itu.

Satu daripada kesulitan itu ia-lah mengenai buku2 teks untok kegunaan-nya.

"Perkara itu dapat di-atasi dengan menggunakan buku2 teks ataupun sebahagian-nya dari Indonesia," kata beliau.

# Varsiti Nasional: Derma kilat $1,219

24/1/69

KAPAR, Khamis.

MAJLIS keshukoran Kampong Kuantan Kelang telah berjaya memungut derma kilat sabanyak $1,219 untok Universiti Kebangsaan yang telah di-adakan di-Dewan Orang Ramai Kampong tersebut baru2 ini.

Majlis itu ada-lah anjoran bersama Jawatankuasa Kemajuan Kampong Kuantan dan tiga orang kenamaan di-Kelang Dr. Jaafar Thani Jamaludin, Syed Hasan Al-Jefri sa-orang peguam dan Enche' Ahmad Mustafa bekas pegawai MARA di-situ.

Dr. Jaafar telah memberikan pengakuan akan menderma sa-banyak $1,000 kapada tabong Universiti itu.

Beliau ada-lah sa-orang doktor private yang membuka perusahaan-nya sendiri di-Kelang.

Antara yang telah hadhir di-majlis itu ia-lah Menteri Buroh Enche' Manickavasagam, Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Universiti Kebangsaan dan wakil ra'ayat serta ahli2 majlis meshuarat bandaran Kelang.

Dalam uchapan-nya tentang penubohan Universiti Kebangsaan Syed Nasir berkata bahawa beliau telah mendapat sambutan yang hangat dari pendudok2 dalam 32 kawasan yang telah di-lawati dengan perbelanjaan sendiri berhubong dengan penubohan Universiti Kebangsaan.

## Banchi

"Kalau-lah orang2 Melayu sendiri dari pendudok yang kaya raya sudah tentu kami sudah menerima berjuta2 ringgit derma kerana sokongan terhadap penubohan Universiti tersebut," jelas-nya.

"Dalam banchi yang telah di-buat Pejabat Pelajaran dalam tahun 1967 sa-ramai 330 orang dari pelajar aliran Melayu sahaja yang dapat melanjutkan pelajaran-nya ka-Universiti Malaya berbanding 5,000 orang pelajar dari aliran Inggeris," kata-nya.

Pada hal kata Syed Nasir lagi, pada masa itu pelajar2 aliran Melayu telah meningkat sa-ramai 176,000 orang dan sekolah menengah Inggeris 323,000 orang. Mungkin jumlah tersebut bertambah pada tahun2 berikut-nya.

## Perubahan

"Apa-kah yang akan terjadi sa-kira-nya keadaan yang sama itu di-biarkan begitu saha-ja tanpa mendapat perubahan apa2 terhadap kemampuan pelajar2 Menengah Melayu melanjutkan pelajaran mereka ka-Universiti?" tanya-nya.

Sa-belum itu Enche' Manickavasagam Menteri Buroh dalam uchapan-nya telah menyatakan masa'alah pengangguran di-negeri ini.

Sa-orang ahli majlis undangan negeri Enche' S.S. Murugesu, Wakil Ra'ayat kawasan Damansara dalam uchapan-nya pula menyatakan bahawa beliau menerima banyak pengaduan dari pemuda2 daerah itu yang tidak dapat bekerja di-kilang2 kawasan perusahaan baru di-Sungai Renggam kira2 6 batu dari Kelang.

Majlis yang di-hadhiri oleh kira2 200 orang telah di-tamatkan dengan jamuan nasi sa-telah Syed Nasir menerima sa-batang tongkat chendera mata lawatan-nya yang pertama kali ka-kampong itu dari Haji Saleh Ketua Kampong Kuantan, Kelang.

# Khir: 1970 Universiti Kebangsaan akan lahir

25/1/69

KUALA LUMPUR, Juma'at.

UNIVERSITI Kebangsaan akan di-dirikan tahun 1970, demikian di-umumkan oleh Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari dalam Parlemen petang ini.

Kata-nya: "Sa-buah Jawatankuasa Bersama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertahanan sedang menimbangkan chara2 yang sesuai menggunakan Kem Terendak sa-lepas pengunduran Tentera Commonwealth tahun 1971."

Berchakap ketika membentangkan peruntokan bagi Kementerian-nya berjumlah $433.7 juta tahun ini, Enche Khir mengumumkan:

- Kolej Tunku Abdul Rahman akan di-buka dalam tahun ini juga dengan bantuan Kerajaan. Kegiatan2-nya kelak di-bawah kawalan Kementerian Pelajaran;

## BIASISWA

- Maktab Universiti Pulau Pinang, yang juga akan di-tubohkan tahun ini, akan memulakan kursus pengajian sains; dan
- Peruntokan biasiswa sahaja berjumlah $7.9 juta tahun ini.

Sa-belum itu Enche Khir menyebut tentang usaha2 untok memajukan Universiti Malaya di-Lembah Pantai, Kolej Islam Malaya di-Petaling Jaya, Maktab Pertanian di-Serdang dan Maktab Teknik di-Kuala Lumpur.

Enche Khir berkata, lebeh banyak lagi tempat akan di-sediakan tahun ini untok memenohi keperluan mahasiswa di-Universiti yang akan meningkat 7,000 orang dalam penggal pengajian 1969-70.

Bilangan kelas2 Tingkatan Enam yang di-mulakan tahun lalu di-Kolej Islam Malaya, di-tambah lagi tahun ini dan Kerajaan menambah peruntokan-nya $834,600 berbanding dengan-nya $360,000 tahun lalu.

## PINJAMAN

Maktab Pertanian Serdang pula akan mengambil kira2 1,000 orang penuntut dan mengeluarkan kira2 300 orang siswazah sa-tahun mulai tahun 1970.

Maktab Teknik akan menambah dua kursus lagi — Kursus Diploma dan Kursus Ikhtisas — dan usaha untok menjadikan-nya sa-buah Maktab Teknoloji sedang di-kaji dengan teliti.

Enche Khir menambah bahawa Kementerian-nya berchadang untok mengadakan satu tabong pinjaman penuntut2 mulai tahun 1970 bagi menggantikan ranchangan biasiswa dan dermasiswa.

Enche Khir berkata, Kementerian Pelajaran telah dapat mengurangkan perbelanjaan sa-banyak $18 juta hasil jimat chermat yang di-jalankan oleh Jawatankuasa Khas yang di-bentok tahun 1967.



# TAN SRI SUFFIAN KETUAI J-KUASA PERLEMBAGAAN U-KEBANGSAAN

24.1.67

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari hari ini mengumumkan lantekan Hakim Tan Sri Suffian sa-bagai Pengerusi Lembaga Jawatankuasa untok menggubal Perlembagaan Universiti Kebangsaan.

Tambah be'iau, Kerajaan juga mempunyai chukup wang untok membena universiti tersebut apabila tiba masa-nya nanti.

Enche Khir berkata demikian ketika berúchap menggulong debat anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran berjumlah $433.7 juta di-Dewan Ra'ayat hari ini.

Enche Khir juga menyatakan hal berikut:

- Jawatankuasa khas yang di-lantek untok mengkaji sebab2 maha-guru2 Universiti Malaya meletakkan jawatan sudah hampir menyiapkan laporan-nya:
- Kerajaan tidak berchadang hendak mengenakan bayaran masok ka-Universiti Malaya;
- Sharat lulus Bahasa Kebangsaan untok memasoki Universiti Malaya ada-lah sesuai dengan tindakan memansohkan pepereksaan School Certificate Seberang Laut mulai tahun depan dan
- Sa-buah jawatankuasa sekarang sedang mengkaji soal pelajaran sex sa-bagai chabang pelajaran sains di-sekolah2.

Anggaran perbelanjaan itu kemudiuan di-luluskan.

*PERLEMBAGAAN VARSITI MALAYA AKAN DI-JADIKAN PANDUAN*

# Shor2 untok Universiti Nasional: Kirim sekarang

30/1/69



TAN SRI SUFFIAN
Ketua Penggubal Perlembagaan

**Oleh HAMIDON BAHARI**

KUALA LUMPUR, Rabu.

PERLEMBAGAAN Universiti Kebangsaan nanti akan di-gubal dengan berpandukan Perlembagaan Universiti Malaya dan juga shor2 yang di-kemukakan oleh orang ramai.

Demikian menurut Pengerusi Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan itu, Hakim Tan Sri Suffian yang juga mengumumkan bahawa beliau telah pun melantek lima orang menjadi anggota dalam Jawatankuasa-nya itu.

Perlantekan Tan Sri Suffian sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Universiti Kebangsaan telah di-umumkan oleh Menteri Pelajaran Enche Khir Johari, dalam sidang Parlimen hari Sabtu lepas.

Lima orang yang telah di-lantek menjadi anggota dalam Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan itu terdiri dari: Tan Sri Abdul Aziz Yeop, Professor Chin Fung Kee, Professor Hamzah Sendut, Dato Dr. Ungku Omar bin Ahmad dan Dato Saleh bin Abas (peguam).

Enche Ahmad Zabri bin Ibrahim, sa-orang pegawai kanan di-Kementerian Pelajaran menjadi Setiausaha Jawatankuasa itu.



PROF. HAMZAH SENDUT . . . antara lima yang di-lantek

## Tinjauan

Dalam satu pertemuan dengan Berita Harian hari ini, Tan Sri Suffian berkata bahawa tugas Jawatankuasa-nya hanya menggubal Perlembagaan Universiti Kebangsaan dalam urusan pentadbiran sahaja.

Jawatankuasa-nya akan menggunakan Perlembagaan Universiti Malaya dan juga shor2 dari orang ramai sa-bagai panduan untok menggubal Perlembagaan Universiti Kebangsaan nanti.

"Kami akan membuat tinjauan ka-tiap2 negeri di-Malaysia untok mendapatkan shor2 sa-belum menggubal Perlembagaan itu.

"Satu 'iklan juga akan di-keluarkan melalui akhbar tidak lama lagi untok meminta orang ramai memberikan shor2 mereka," kata beliau.

Tan Sri Suffian berkata, orang ramai boleh juga mengirimkan shor2 mereka dari sekarang.

Shor2 tersebut hendak-lah di-kirimkan kapada Setiausaha Jawatankuasa ini, Enche Ahmad Zabri, di-Kementerian Pelajaran, Bangunan Persekutuan, Kuala Lumpur.

# DO2 di-izinkan pungut derma Varsiti

31/1/69



ENCHE KHIR

KUALA LUMPUR, Khamis.

SEMUA Pegawai2 Daerah di-Malaysia Barat sadikit masa lagi akan di-beri kuasa oleh Kementerian Pelajaran untok memungut derma Universiti Kebangsaan.

Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari akan menghubongi Kerajaan2 Negeri agar pegawai2 daerah itu di-benarkan bertindak bagi pehak Menteri Pelajaran untok menerima derma2 itu.

Enche Khir telah pun melantek semua Ketua2 Pegawai Pelajaran Negeri dan Pengarah2 Pelajaran di-Sabah dan Sarawak di-Malaysia Timor untok maksud tersebut.

Demikian di-nyatakan oleh Menteri Muda Pelajaran, Enche Lee Siok Yew di-Dewan Ra'ayat hari ini ketika menjawab pertanyaan Enche Ahmad Arshad (Per: Muar Utara) atas perkara itu.

## ISI SAKU

Sementara itu, Enche Lee juga memberi nasihat kapada orang2 yang hendak menderma kapada Universiti Kebangsaan.

"Ada orang2 yang chuba mengambil kesempatan untok mengisi dompet sendiri dalam kempen derma ini," kata beliau.

Enche Ahmad kemudian bertanya mengapa Kementerian Pelajaran mesti mengambil aleh usaha mengutip derma itu.

Enche Lee berkata: "Tujuan Menteri Pelajaran mengambil aleh pengutipan derma itu ia-lah untok melichinkan lagi kempen2 kutipan derma serta pentadbiran wang yang di-kutip."

## TUGAS SAMA

Setakat ini, kempen mengutip derma itu di-jalankan oleh Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan.

Wang2 yang di-kutip oleh jawatankuasa tersebut belum lagi di-serahkan kapada Menteri Pelajaran.

Tuan Haji Abu Bakar Hamzah (PAS-Bachok) kemudian bangun bertanya sama ada Universiti Kebangsaan ini satu projek Kerajaan atau badan persendirian.

Enche Lee menjawab: "Universiti ini di-sokong oleh Kerajaan tetapi memerlukan kerjasama dari orang ramai. Oleh itu kedua pehak sama2 bertanggongjawab menjayakan Universiti itu".

# DERMA VARSITI KEBANGSAAN MAKIN TAMBAH

KUALA LUMPUR, Ahad. — Derma Universiti Kebangsaan bertambah sa-banyak $603.50 sen lagi sumbangan Sekolah Menengah Puteri Temerloh dan Angkatan Kajian Sains (ANGKASA) Universiti Malaya.

Sekolah Menengah Puteri, Temerloh menderma sa-banyak $300 dari kutipan pasaria sekolah itu baru2 ini.

## Sumbangan

Angkatan Kajian Sains Universiti Malaya, pula menderma sa-banyak $303.50 sen sumbangan ahli2-nya.

Badan itu dalam satu kenyataan-nya hari ini mendesak Kerajaan mengambil langkah yang tegas supaya Universiti Kebangsaan menjadi kenyataan dengan sa-berapa segera.

Ia berharap universiti itu nanti tidak akan di-jadikan alat untok kepentingan politik.

Menurut-nya, keutamaan patut di-beri kapada bidang2 sains supaya lebeh ramai pelajar2 Bumiputera berpeluang mencheburkan diri mereka dalam bidang tersebut.

Badan tersebut lalu menyokong usaha2 Kementerian Pelajaran tentang penggunaan istilah "liberal" mengenai sains.

"Langkah tersebut sunggoh praktik kira-nya hendak menchapai mutu pelajaran sains yang tinggi," tegas kenyataan itu.

# UNIVERSITI KEBANGSAAN TETAP TAHUN DEPAN

10/2/69

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi, Dr. Mahathir Mohamad menerangkan bahawa Universiti Kebangsaan akan tetap di-tubohkan tahun depan.



Dr. Mahathir

Butir2 mengenai penubohan universiti tersebut akan di-timbangkan dalam meshuarat majlis itu pada 7 Mach akan datang.

Ketika membentangkan belanjawan Kementerian Pelajaran di-Dewan Rakyat baru2 ini, Enche' Mohd. Khir Johari berkata bahawa matalamat Universiti Kebangsaan ia-lah tahun 1970.

Beliau juga mengumumkan perlantekan Hakim Tan Sri Suffian Hashim, Pro-Chancellor Universiti Malaya sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Penggubal Perkembangan Universiti Kebangsaan itu.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa jawatankuasa itu akan menyampaikan laporan mengenai ranchangan penubohan universiti tersebut kapada Enche' Khir.

Menteri Pelajaran itu kemudian akan memajukan laporan tersebut kapada pehak Majlis Pelajaran Tinggi, kata Dr Mahathir.

## Laporan

Shor2 mengenai Universiti Kebangsaan itu akan di-kemukakan pula kapada Menteri Pelajaran kemudian-nya sa-telah menimbangkan laporan tersebut.

Bagaimana pun menurut Dr Mahathir sa-takat ini tempat untok menubohkan universiti itu dan pengajian2 yang akan di-adakan belum di-tentukan.

Kata-nya, Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Universiti Majlis Pelajaran Tinggi, Professor Hamzah Sendut akan menimbangkan jenis pengajian yang hendak di-adakan di-Universiti Kebangsaan itu nanti.

Mengenai Universiti Pulau Pinang, beliau berkata universiti tersebut akan memulakan kursus-nya pada bulan Mei tahun ini.

Universiti tersebut, kata-nya berasingan dari Universiti Malaya.

Kursus2 yang akan di-jalankan di-universiti itu ia-lah pengajian tambahan serta lain2 sa-bagaimana yang terdapat di-Universiti Malaya.

Bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat bagi Universiti Pulau Pinang itu akan di-berikan tidak lama lagi.

Di-tanya ada-kah kemudahan2 di-Universiti Malaya akan di-perluaskan, Dr. Mahathir berkata perkara ini terpulang kapada pehak universiti itu sendiri.

Beliau menambah kata, "Majlis Pelajaran Tinggi tidak menchampori hal ehwal universiti itu sendiri".

Jawatankuasa 'Am dan Kewangan Majlis Pelajaran Tinggi lebeh menitek beratkan tentang kewangan universiti baru, kata-nya.

Mengenai pelajaran peringkat kolej, Dr. Mahathir berkata usaha2 telah di-jalankan bagi menubohkan sekolah politeknik di-Ipoh.

Beliau menyatakan bahawa majlis itu maseh belum menerima laporan tentang peluang2 dan tujuan2 Kolej Tunku Abdul Rahman dan Kolej Genting Heights dan tidak tahu apa-kah kolej2 itu sa-laras dengan chorak pelajaran tinggi negeri ini.

Dr. Mahathir berkata ada juga chadangan supaya Maktab Teknik di-Kuala Lumpur di-jadikan Maktab Teknoloji.

Tetapi faktor2 kewangan dan akademik maktab itu perlu di-pertimbangkan dulu sa-belum sa-barang shor di-kemukakan kapada Menteri Pelajaran, kata-nya.

Beliau menambah kata "majlis2 ini menyedari peri mustahak-nya meluaskan asas pelajaran di-negeri ini untok mengeluarkan lebeh banyak pekerja di-bidang teknik". — Bernama.

# Universiti Nasional pelawa fikiran

KUALA LUMPUR, Isnin.— Jawatankuasa Perlembagaan Universiti Kebangsaan mempelawa orang ramai memberi shor dan fikiran mengenai hal2 yang berkait dengan tugas-nya.

Shor2 dan fikiran itu di-kehendaki, jika boleh, di-buat dalam tujoh salinan.

Dan di-hantar kapada Setiausaha jawatahkuasa itu; Enche Ahmad Zabri bin Ibrahim, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur.

Selinan2 itu di-minta supaya di-hantar selwat2-nya 31 Mei, 1969.

Orang ramai di-ingatkan bahawa jawatankuasa itu tidak ada kena mengena dengan apa yang patut di-ajar, jenis guru, masaalah kewangan dan di-mana universiti tersebut patut di-dirikan.

# Kongres Universiti Kebangsaan 15 Mach

14/2/69

KUALA LUMPUR 13 Feb. — Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan akan mengadakan satu kongres di-sini pada 15 Mach depan.

Demikian di-umumkan oleh pengerusi jawatankuasa tersebut, Syed Nasir bin Ismail, dalam satu kenyataan-nya hari ini.

Syed Nasir berkata, pada mula-nya kongres tersebut di-jadual berlangsong pada 16 November tahun lalu tetapi telah di-tanggohkan kerana sebab2 yang tertentu.

Beliau berkata, tujuan kongres itu ia-lah untok membahathkan laporan mengenai konsep dan pelaksanaan Universiti Kebangsaan yang telah di-siapkan oleh jawatankuasa2 kechil yang di-lantek oleh jawatankuasa penaja.

Di-samping itu kongres tersebut juga akan membulatkan lagi sokongan rakyat terhadap chita2 penubohan Universiti Kebangsaan yang akan di-lakukan pada tahun 1970.

Sa-buah jawatankuasa kongres yang di-ketuai oleh Professor Taib Osman sedang menjalankan persiapan2 mengenai kongres itu.

Syed Nasir berkata, orang ramai di-pelawa menyertai kongres tersebut.

Beliau merayu supaya orang ramai dan badan2 yang mempunyai minat dan menyokong penubohan Universiti Kebangsaan supaya turut menghadhiri kongres tersebut.

# UNIVERSITI KEBANGSAAN: PEMBENAAN TETAP DLM TAHUN 1970 —JAMINAN

25/2/69

ALOR SETAR, Isnin. — Ketua Penerangan Jawatan Kuasa Bertindak Universiti Kebangsaan Kedah, Enche Zainul Abidin bin Johari, mengalu2kan jaminan Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi, Dr. Mahathir bin Mohammed, bahawa Universiti Kebangsaan tetap di-tubohkan tahun depan.

Enche Zainul Abiddin berkata: "Ada-lah menjadi harapan ra'ayat jaminan itu tidak hanya jaminan sahaja, kerana ra'ayat sa-lama ini benar2 mengharapkan pelaksaan pembenaan Universiti tersebut.

Terlaksana-nya pembenaan universiti kebangsaan itu dapat melapangkan dada ra'ayat yang chintakan bahasa kebangsaan yang telah menjadi bahasa rasmi dalam negara ini."

Dr Mahathir, dalam satu kenyataan baru2 ini berkata bahawa Jawatan Kuasa Majlis Pelajaran Tinggi akan bersidang pada 7 Mach ini untok membinchangkan soal Universiti Kebangsaan.

Beliau berkata pehak-nya akan mengemukakan beberapa shor kapada Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari sa-telah mengkaji laporan jawatan kuasa penggubal pertembagaan Universiti Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Hakim Tan Sri Suffian.

Menurut-nya, soal tempat bakal di-dirikan Universiti itu dan mata pelajaran-nya belum ditetapkan lagi.

"Tetapi Universiti Kebangsaan tetap di-tubohkan tahun depan," kata beliau.

# Malam Universiti Kebangsaan

## NYANYIAN BERAMAI ACHARA PEMBUKAAN

8/3/69

LAGU "Universiti Kebangsaan" nyanyian beramai pelajar2 Maktab Perguruan Bahasa di-bawah pimpinan Abu Hasan bin Ali akan menjadi achara pembukaan Malam Universiti Kebangsaan yang bakal di-adakan di-Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam 15 Mach.

Lagu tersebut di-chipta khas oleh Arif Ahmad dengan lirik-nya oleh Usman Awang.

Menurut Usman Awang, Pengerusi Malam Universiti Kebangsaan, pertunjokan pentas itu merupakan bahagian dari erti dan semangat Kongres Universiti Kebangsaan yang di-adakan di-sabelah siang-nya di-Dewan Kuliah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

"Sa-wajar-nya-lah isi pertunjokan itu di-sumbangkan oleh pelajar2 Sekolah Kebangsaan sendiri — rendah, menengah dan maktab — kerana mereka-lah bakal pengisi Universiti Kebangsaan yang penubohan-nya di-harapkan segera menjadi kenyataan," kata Usman Awang.

Antara Sekolah2 Kebangsaan yang menyumbangkan tenaga pada Malam Universiti Kebangsaan itu ia-lah:

- Sekolah Aminuddin Baki
- Sekolah Alam Shah
- Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Jalan Kolam Ayer
- Maktab Perguruan Bahasa
- Sekolah Universiti (aliran Melayu)
- Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Bangsar.

Malam tersebut akan di-isi dengan taridera, derama dalam sajak, tarian, nyanyian, deklamasi sajak, tablo dan derama bersajak.

Sementara itu Badan Kesenian akan menyumbangkan sa-buah taridera bertemakan Universiti Kebangsaan di-bawah pimpinan Azmin Hasim.

PESENI menyumbangkan tarian 'Sintaria' chiptaan Raja Osman Zainal dan Keluarga Seni Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan sumbangan deklamasi dan nyanyian.

Manakala pelakon2 kelas derama Kementerian Kebudayaan pula akan menyumbangkan satu derama bersajak bertajok 'Dewi Omega'.

Sa-orang pensharah wanita dari Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Siti Hawa Salleh, akan menyanyikan sa-buah lagu seriosa dan penyanyi terkenal Jamaluddin Alias akan menyanyikan sa-buah lagu yang bertemakan Universiti Kebangsaan yang di-chipta khas untok malam tersebut oleh Ariff Ahmad dengan lirik-nya oleh Usman Awang. — Oleh A. Zainol.

# Kongres Varsiti Kebangsaan tetap 15 Mach

9/3/69

## LEBEH 1,000 WAKIL DI-JANGKA HADHIR

KONGRES Universiti Kebangsaan tetap akan di-adakan pada hari Sabtu 15 Mach ini bertempat di Fakulti Pendidekan Universiti Malaya.

KUALA LUMPUR, Sabtu

Kongres tersebut akan di-buka oleh Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari manakala Pengerusi kongres ia-lah Setiausaha Tetap Kemlu, Tan Sri Ghazali Shafie.

Lebeh dari 1,000 orang perwakilan dan pemerhati di-jangka hadhir dalam kongres tersebut, demikian di-nyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penaja UK, Tuan Syed Nasir Ismail hari ini.

Tuan Syed Nasir berkata, kongres itu nanti akan mendebatkan laporan Universiti Kebangsaan sa-tebal 105 muka yang di-sediakan oleh 49 orang cherdek pandai Melayu.

### Soal bentok

Mereka ia-lah anggota2 lima jawatankuasa kechil yang di-lantek oleh jawatankuasa penaja. Jawatankuasa2 kechil itu ia-lah:

- Jawatankuasa Kechil Konsep dan Ilmiah;
- Jawatankuasa Kechil Pentadbiran;
- Jawatankuasa Kechil Tenaga Pengajar dan Latenan;
- Jawatankuasa Kechil Perpustakaan dan
- Jawatankuasa Kechil Kewangan.

Kata Tuan Syed Nasir, antara perkara2 yang akan di-sentoh dalam kongres itu nanti ia-lah bentok Universiti Kebangsaan, kursus2 yang hendak di-ajar, rancangan2 pembangunan lepas tahun 1970, sistem pentadbiran-nya dan juga langkah2 yang perlu di-ambil bagi mendapatkan tenaga pengajar dan sa-bagai-nya.

Tuan Syed Nasir berkata: "Dengan ada-nya kongres ini ada-lah diharapkan sokongan ra'ayat akan lebeh besar ka-arah hasrat kita bersama untok memujudkan Universiti Kebangsaan ini.

Ini juga, merupakan satu usaha untok menchipta satu tradisi baharu dalam bidang pendidekan pelajaran tinggi di-negeri ini.

# Universiti kebangsaan: J-kuasa Khas di-bentok

10/3/69

KUALA LUMPUR, Ahad.

MAJLIS Peranchang Pelajaran Tinggi telah membentok sa-buah jawatankuasa khas Juma'at kelmarin untok mengkaji butir2 mengenai Universiti Kebangsaan.

Demikian di-beritahu oleh sa-orang ahli Jawatankuasa Majlis itu, hari ini.

Kata-nya, Jawatankuasa itu kelak akan mengkaji dan membuat shor2 kapada Majlis Peranchang Pelajaran Tertinggi untok di-sampaikan kapada Menteri Pelajaran.

Dalam meshuarat Juma'at kelmarin, anggota2 Majlis telah di-beritahu bahawa kumpulan pertama sa-ramai 230 orang pelajar Sekolah Politeknik, Ipoh akan memulakan kuliah bulan Jun tahun ini.

Mereka akan di-tempatkan di-Pusat Latehan Harian sementara menunggu Sekolah Politeknik itu siap di-bena.

Pehak UNESCO akan menyediakan 10 orang pensharah untok bertugas sa-lama lima tahun apabila sekolah itu dibuka nanti.

Anggota2 Majlis itu juga di-beritahu bahawa Universiti Pulau Pinang akan memulakan kursus-nya pertengahan tahun ini.

Kira2 60 orang pelajar jurusan sains akan memulakan kursus mereka di-bangunan sementara ia-itu di-Maktab Perguruan di-Gelugor.

# Laporan-nya sudah siap untok di-binchang

11/3/69

KUALA LUMPUR 10 Mach — Sa-buah buku laporan mengenai Universiti Kebangsaan telah pun di-siapkan untok di-binchangkan di-dalam Kongres Universiti Kebangsaan yang pertama kali di-adakan di-sini pada 15 Mach depan.

Laporan tersebut yang di-bahagikan kapada enam bahagian telah disiapkan oleh Jawatankuasa Penaja Universiti itu dan juga lima buah jawatankuasa2 kechil-nya.

## *Pentadbiran, pengajian, tenaga pelajar di-antara isi laporan-nya*

Sementara itu pendaftaran bagi sa-siapa yang ingin mengambil bahagian di-dalam kongres tersebut maseh terbuka sa-hingga hari kongres itu di-jalankan.

Demikian di-terangkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan Enche' Abu Bakar Hamid, ketika di-temui di-pejabat-nya di-universiti di-sini hari ini.

Menurut Enche' Abu Bakar kongres tersebut akan di-adakan di-Dewan Kuliah Jabatan Pendidekan Universiti Malaya, dan Menteri Pelajaran Enche' Mohd Khir Johari telah pun menyatakan persetujuan untok merasmikan pembukaan kongres itu pada pukul 9 pagi 15 Mach.

Sementara itu, tambah Setiausaha Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan itu, Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri, telah di-pileh untok menjadi pengerusi kongres tersebut.

Mengenai kertas2 kerja pula, Enche' Abu Bakar berkata: "Sa-benarnya kongres itu nanti akan membinchangkan satu laporan mengenai Universiti Kebangsaan."

### Bersama

Menurut-nya, laporan tersebut di-bahagikan kapada enam bahagian dan telah di-siapkan bersama oleh Jawatankuasa Penaja dan Jawatankuasa Kechil Universiti Kebangsaan.

Keenam2 bahagian laporan itu ia-lah: Pendahuluan dan konsep, pentadbiran, pengajian, tenaga pelajar, perpustakaan dan yang ke-enam ia-lah kewangan.

Menurut Enche' Abu Bakar, tiap2 sa-orang peserta kongres akan di-berikan sa-buah buku laporan itu.

Di-tanya tentang sambutan yang di-terima sa-jauh ini, Enche' Abu Bakar menyatakan bahawa sa-takat ini sambutan dari semua golongan ada-lah sunggoh2 memuaskan.

### Daftar

"Sementara itu pendaftaran bagi orang ramai yang ingin menyertai kongres maseh lagi terbuka sa-hingga hari kongres itu di-jalankan dan orang2 dewasa di-kenakan bayaran sa-banyak $5 sementara penuntut2 di-kenakan bayaran $1," jelas beliau.

Enche' Abu Bakar menerangkan bahawa mereka yang ingin mendaftar boleh-lah menghubongi Enche' Hassan Ibrahim, di-Dewan Latehan Pegawai2 Kerajaan, Enche' Ali Isa di-Maktab Perguruan Harian, dan Raja Mokhtaruddin Daim di-Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Pendaftaran boleh juga di-buat terus menerus di-Fakulti Pendidekan Universiti Malaya dari 14 Mach sa-hingga hari kongres ia-itu 15 Mach.

Sementara itu, di-sabelah malam 15 Mach, akan di-adakan 'Malam Universiti Kebangsaan', di-Balai Budaya, mulai dari jam 8.30 malam, dan ia-nya ada-lah terbuka kapada orang ramai.

# Kolej Islam dan Universiti Kebangsaan

# Persiapan hampir selesai

11/3/69

KUALA LUMPUR, Isnin

ADA tiga pilehan yang dapat di-ambil oleh Kolej Islam Malaya dalam hubongan-nya dengan Universiti Kebangsaan yang akan di-wujudkan tahun depan.

Pertama, Kolej Islam di-jadikan sa-bagai salah sa-buah Maktab Universiti yang mempunyai kuasa2 otonomi (swantra dalam Universiti Kebangsaan).

Kedua, Kolej Islam menjadi sa-buah Universiti Islam yang merupakan pusat pengajian tinggi Islam yang tersendiri; dan

Ketiga, Kolej Islam menjadi sa-buah fakulti Ugama dalam Universiti Kebangsaan.

Demikian di-kemukakan dalam kata pendahuluan untok laporan mengenai Universiti Kebangsaan yang akan di-bentangkan dalam Kongres-nya Sabtu ini.

Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengerusi Jawatan-kuasa Penaja Universiti Kebangsaan yang menulis kata pendahuluan itu menyatakan bahawa pilehan yang pertama "lebeh munasabah."

Ini di-buat dengan pengertian bahawa tidak ada halangan bagi pusat pengajian Islam itu untok berkembang menjadi sa-buah universiti Islam yang tersendiri kelak, kata-nya.

Tegas-nya: "Memang sesuai sekali bahawa negeri yang menganggap ugama Islam sa-bagai ugama rasmi-nya mempunyai sa-buah pusat pengajian tinggi Islam."

Syed Nasir menyebut bahawa dengan penubohan Universiti Kebangsaan tidak berarti bahawa usaha2 untok 'mengkebangsaankan' Universiti Malaya yang ada sekarang dan Universiti Pulau Pinang yang akan di-dirikan itu, harus di-hentikan.

Kata-nya: "Sistem pendidekan kebangsaan tidak mengenal sa-suatu yang tidak bersifat kebangsaan

## Peluang

"Universiti Kebangsaan harus di-anggap sa-bagi pelopor dalam usaha menyediakan pengajaran tinggi berchorak kebangsaan."

Sementara itu, Setia-usaha Penaja Universiti itu, Enche A. Bakar Hamid menyatakan bahawa persiapan2 untok Kongres sudah selesai.

Peserta2 Kongres akan membinchangkan sa-buah laporan yang di-tulis oleh pakar2 pendidekan, termasok tulisan Allahyarham, Proff Dato (Dr.) Ungku Omar bin Ahmad,

Laporan itu berbentok sa-buah buku yang di-bahagikan kapada enam bahagian — pendahuluan dan konsep, pentadbiran, pengajian, tenaga pengajar, perpustakaan dan kewangan.

Sa-banyak 5,000 naskhah laporan itu telah di-chetak dan sedang di-kirimkan ka-pada peserta2 yang telah mendaftarkan diri untok hadhir ka-kongres dari seluroh Malaysia, kata-nya.

## Pelopor

Peluang untok menyertai kongres itu maseh terbuka hingga hari Kongres bersidang, dan peserta2 biasa boleh berdaftar samada datang sendiri atau menghubongi pehak Kongres dengan bayaran sa-kurang2-nya $5.

"Para pelajar yang mahu menyertai kongres boleh berdaftar dengan bayaran sa-kurang2-nya $1," kata Enche A. Bakar.

Dan Kongres itu, kata-nya akan membinchangkan tiga bahagian pertama pada sa-belah pagi dan tiga bahagian lagi sa-belah petang sa-belum membuat rumusan2-nya.

Enche A. Bakar menyeru orang ramai dan para pelajar menghadhiri kongres yang bersejarah itu, dan mereka boleh mendaftarkan diri hari Juma'at jam 4.30 hingga 6 petang dan pagi Sabtu, di-Fakulti Pendidekan, Universiti Malaya.

# Universiti Kebangsaan: Fakulti sains di-tubohkan

12/3/69

KUALA LUMPUR, Selasa.

DUA fakulti akan di-tubohkan dalam Universiti Kebangsaan tahun 1970 — fakulti sastera dan sains, dan fakulti Ugama Islam.

Pada tahun 1973, di-tubohkan pula fakulti2 Pertanian, perubatan, pergigian sementara pada tahun 1974 di-tambah fakulti pendidekan dan kejuruteraan, dan fakulti undang2 tahun berikut-nya.

Dan biaya yang berulang2 untok Universiti Kebangsaan sepanjang tahun2 itu di-anggarkan berjumlah $48,348,818.

Demikian menurut laporan yang akan di-kemukakan dalam kongres Universiti Kebangsaan yang bakal di-rasmikan oleh Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari, Sabtu ini.

Kongres itu akan berlangsong sa-hari suntok di-Dewan Kuliah, Fakulti Pendidekan, Universiti Malaya di-sini.

Mengikut laporan itu, beberapa jabatan perlu di-tubohkan pula dalam Fakulti Sastera dan Sains, termasok Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Jabatan Bahasa2, Ilmu Linguistik, Kajimasharakat, Kajimanusia dan Ilmu Alam.

## Jabatan2

Jabatan2 lain yang perlu ia-lah: Sejarah, Ilmu Politik, Ilmu Kesenian, Ekonomi, Pentadbiran Perniagaan dan Perdagangan, Kimia, Fizik, Kajihayat, Ilmu Kira2, Ilmu Perangkaan, Ilmu Jiwa dan Falsafah.

Jumlah pengambilan penuntut pada permulaan ini sa-ramai 500 orang untok fakulti Sastera dan Sains,- 350 orang untok Sastera dan 150 untok Sains.

Sa-ramai 67 orang pensharah perlu di-sediakan tahun permulaan itu; 134 untok tahun 1971; 213 tahun 1972; 287 untok tahun 1973 dan untok 1974 sa-ramai 393 orang.

Pensharah2 itu akan di-chari dari dua kumpulan — siswazah2 warga negara Malaysia dan sarjana2 sebrang Laut.

## Pensharah2

Pensharah2 sambilan perlu di-ambil untok memenohi keperluan tenaga pengajar terutama pada beberapa tahun permulaan-nya.

Mereka akan di-jemput dari kalangan pensharah2 yang sedang berkhidmat di-Universiti Malaya atau di-pusat2 pengajian tinggi lain saperti di-Kolej Islam Malaya; pegawai2 Kerajaan yang berkelulusan dan berpengalaman.

Setiausaha Penaja Universiti Kebangsaan, Enche A. Bakar Hamid sementara itu menyatakan bahawa tenaga pengajar tidak begitu sukar untok fakulti2 yang berkenaan itu.

Beliau menekankan supaya tapak untok Universiti Kebangsaan di-chari dan di-usahakan di-sekitar Ibukota juga untok kemudahan menchari tenaga pengajar.

Kata-nya: "Hanya di-Kuala Lumpur sahaja terdapat kemudahan untok melakukan penyelidekan, pengajian, kerana di-sini-lah terdapat kutubkhanah2 yang lengkap termasok Arkib Negara.

"Kuala Lumpur juga mempunyai tenaga pengajar yang di-perlukan saperti pegawai2 Kerajaan yang berkelulusan dan berpengalaman, akitek, jurutera dan lain2."

### Universiti Kebangsaan:

# Mesti atasi faham kaum

13/3/69

KUALA LUMPUR, Rabu.— Universiti Kebangsaan harus di-beri kedudokan tinggi yang mengatasi faham perkauman dan politik kepartian di-negeri ini.

Ia harus di-naongi oleh sa-saorang yang dapat di-terima oleh semua golongan sa-bagai lambang kebesaran dan perpaduan, demikian menurut laporan mengenai Universiti Kebangsaan.

Laporan itu menchadangkan supaya Yang Di-Pertuan Agong sudi menjadi penaong Universiti Kebangsaan itu.

Chadangan itu akan di-kemukakan bila Kongres mengenai-nya di-adakan Sabtu ini di-Bilek Kuliah, Fakulti Pendidekan Universiti Malaya di-sini.

## *Pegawai2*

Dalam bahagian "pegawai2 Universiti Kebangsaan", laporan itu mengeshorkan supaya Universiti itu mempunyai sa-orang Chanselor yang bertugas sa-bagai pengerusi kapada semua majlis2 istiadat universiti saperti Majlis Pengurniaan Ijazah.

Ia tidak ada jabatan "Ketua Persatuan Chanselor" di-bawah Majlis Universiti saperti yang ada di-Universiti Malaya.

Dan Naib-Chanselor hendak-lah di-lantek oleh Majlis dan di-persetujui oleh Chanselor serta bertanggongjawab kapada Majlis Universiti.

Tugas Naib Chanselor di-bantu oleh enam orang pengarah, tidak sa-perti Universiti Malaya yang kebanyakan tanggongjawab di-bebankan kapada Naib Chanselor.

Enam pengarah itu ia-lah:

● Pengarah Hal Ehwal Ilmiah — bertanggongjawab menguruskan segala hal berkaitan dengan perkara ilmiah di-Universiti saperti peperiksaan, pengajaran, penyemakan ijazah2 luar, soal taraf ilmiah antara jabatan2 pengajian;

● Pengarah Hal Ehwal Penyelidekan — bertugas menguruskan hal2 yang berhubongan dengan penyelidekan termasok menchari dan mengawal bekalan wang untok projek2 penyelidekan;

● Pengarah Hal Ehwal Mahasiswa — mempunyai tugas utama sa-bagai penasihat dan pembimbing mahasiswa, termasok menasihati Naib-Chanselor tentang tindakan2 yang perlu di-ambil terhadap mahasiswa.

## *Pentadbiran*

● Pengarah Perkhidmatan Pentadbiran — bertanggongjawab terhadap kelichinan perjalanan pentadbiran Universiti, di-samping bersikap sa-laku Setiausaha kapada Majlis Universiti;

● Pengarah Perkhidmatan Kewangan — merupakan pegawai kewangan Universiti, termasok menguruskan penanaman modal untok Universiti; dan

● Pengarah Perkhidmatan Perpustakaan bukan sahaja merupakan tenaga pengurus dan perancang perpustakaan, tetapi juga ia harus membantu menyediakan bahan2 untok penyelidekan.

Laporan itu menyebut bahawa pengajian di-Universiti Kebangsaan berhad-tugas "semester" — dua semester pada tiap2 tahun.

Tiap2 semester mengandongi 18 minggu, dan semua pengajian dalam sa-tahun ia-lah 36 minggu — lebeh enam minggu dari apa yang di-jalankan oleh Universiti Malaya yang mengandongi 30 minggu dengan tiga penggal-nya.

## *Pengajian*

Konsep pengajian pula ia-lah: dua tahun pertama ia-lah tahun [illegible] di-mana lapan kumpulan mata pelajaran yang di-sediakan dalam tahun2 itu mesti di-ikuti oleh semua mahasiswa.

Dua tahun terakhir merupakan tahun2 penumpuan di-mana mahasiswa2 akan menumpukan pengajian mereka dalam apa juga disiplin yang mereka pileh atau yang mereka berkebolehan memileh-nya sa-bagai lanjutan dari pilehan mereka di-tahun2 peringkat pengasasan.

Dan peperiksaan akan di-adakan pada akhir tiap2 semester. Mata2 pelajaran yang sudah di-periksa tidak akan di-periksa lagi pada akhir semester yang berikut-nya, bagi tiap2 tahun.

# Laporan jawatan kuasa penaja di-umum

# Chalun2 tanpa HSC boleh masok Varsiti Nasional

14/3/69



Syed Nasir

KUALA LUMPUR 13 Mach — Chalun2 yang tidak mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan, tetapi mempunyai kemahiran dalam satu2 jurusan akan berpeluang masok ka-Universiti Kebangsaan yang akan di-tubohkan tahun hadapan.

Mereka akan di-wajibkan mengambil peperiksaan Persiswaan (Matriculation Examination Universiti) Universiti Kebangsaan khas, dan apabila lulus akan di-benarkan menuntut di-universiti itu.

Ini di-nyatakan dalam laporan khas yang di-buat oleh jawatankuasa penaja Universiti Kebangsaan, yang di-edarkan kapada umum hari ini.

Laporan jawatankuasa yang di-pengerusikan oleh Syed Nasir Ismail dan intelek2 lain termasok Dr. Mahathir Mohamad Iskandar, Syed Jaafar Albar, pensharah2 Universiti Malaya itu akan di-bentangkan dalam Kongres Universiti Kebangsaan yang di-adakan pada 15 Mach ini.

Laporan itu menyatakan orang ramai di-benarkan menuntut di-Universiti Kebangsaan sa-kira-nya mereka mempunyai salah satu daripada tiga kelulusan yang di-perlukan.

Pertama, mereka yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan, kedua lulus Peperiksaan Persiswaan dan ketiga mereka yang lulus lain peperiksaan yang di-akui sa-taraf dengan peperiksaan Persiswaan Universiti Kebangsaan.

## Tempat

Jawatankuasa itu menjangka universiti baharu itu akan memulakan kuliah-nya pada bulan Mei tahun hadapan dengan penuntut awalan-nya sa-banyak 300 orang.

Sa-bagai permulaan ini 67 orang tenaga pengajar akan di-ambil dan jumlah ini di-jangka akan menjadi 393 dalam tahun 1974 apabila penuntut2 di-jangka akan meningkat kapada 2,713 orang.

Laporan itu menyatakan bahawa universiti ini besar kemungkinan akan di-bena di-Kem Terendak, kerana telah ada tawaran untok menjadikan tempat itu sa-bagai pengajaran tinggi memandangkan kelengkapan yang sedia ada di-situ.

Untok permulaan ini Universiti Kebangsaan akan memerlukan $3.9 juta perbelanjaan dan akan meningkat sa-hingga $15.6 juta pada tahun 1974. Kesemua perbelanjaan di-permulaan ini akan di-berikan oleh kerajaan pusat dan penderma2 yang telah menjanjikan derma mereka.

Universiti ini akan memulakan kuliah dengan fakulti Sastera, Sains dan Ugama Islam pada tahun 1970 dan kemudian akan di-ikuti dengan pertanian, perubatan dan pergigian 1973, pendidekan dan kejuruteraan 1974 dan undang2 tahun 1975.

## Sedia

Laporan itu mengatakan pengajian universiti ini akan menuju kapada ijazah sarjana muda dan selanjut-nya kapada tingkatan sarjana dan kedoktoran.

Di-samping itu ia-nya juga menyediakan kursus2 untok sijil dan diploma baik sa-bagai kursus preshwazah atau pun lanjutan-siswazah.

Sa-tiap penuntut akan di-kenakan tahun pengasasan bagi tahun pertama dan kedua, dan kemudian akan di-salorkan kapada fakulti2 tertentu yang di-pileh oleh mereka pada tahun ketiga dan keempat.

Di-antara mata pelajaran2 yang akan di-ajar dalam tahun2 pengasasan ia-lah perhubongan, pengakulan kuantitatif, Pembangunan negara, kemanusiaan, sains jadian, ilmu kemasharakatan bahasa Inggeris, pendidekan jasmani dan mata2 pelajaran iktisas.

Universiti Kebangsaan ini akan mempunyai penaong, dan penaong itu di-chadangkan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang mengatasi fahaman perkauman dan politik kepartian negeri ini.

Sementara Chanselor pula akan bertugas sa-bagai



Dr. Mahathir

pengerusi kapada semua majlis2 istiadat universiti saperti Majlis Pengurniaan Ijazah.

## Sesuai

Ada-lah di-chadangkan juga universiti ini mempunyai pr-chanselor, naib-chanselor dan enam orang ketua2 bahagian yang bertanggongjawab kapada naib-chanselor mengenai pertadbiran bahagian masing2.

Laporan itu menchadangkan supaya Universiti Kebangsaan ini di-adakan di-Kuala Lumpur memandangkan segala kelengkapan dan kemudahan yang di-dapati di-ibukota ini, dan kemudahan untok mendapatkan tenaga2 pengajaran sama ada tetap atau sambilan.

Oleh kerana universiti ini di-chadangkan di-tubohkan pada tahun 1970, maka pengambilan penuntut2 akan di-jalankan dalam bulan Mei tahun itu.

Pensharah2-nya pula ada-lah di-jangka orang yang mempunyai ijazah yang tinggi walau pun mereka yang mempunyai kelulusan kepujian (honours) akan di-terima jika di-anggap sesuai.

Kakitangan2 universiti ini akan mendapat gaji yang sama taraf-nya dengan Universiti Malaya. Professor akan mendapat $1,770, di-ikuti dengan pensharah kanan $1,350, pensharah $1,040, penolong pensharah $800 dan tutor $600 dan dengan kenaikan tahunan yang lumaian.

Laporan itu menjangka bahawa dalam kursus empat tahun itu pada tahun pertama 5 peratus akan gagal, kedua 10 peratus dan tahun ketiga 5 peratus.

Fakulti2 dalam jangka panjang yang akan di-jalankan di-universiti ini ia-lah sastera sains, Islam, pertanian, perubatan, pergigian, pendidekan, kejuruteraan dan undang2.

Menurut jawatankuasa tersebut Universiti Kebangsaan ini perlu di-adakan memandangkan tidak ada universiti yang akan menjalankan pertadbiran-nya dalam bahasa kebangsaan di-negeri ini.

Ini juga untok menampong sa-makin banyak-nya penuntut yang lulus daripada sekolah2 menengah dan sekolah2 tinggi Melayu, yang hanya kira2 0.03 peratus daripada sekolah menengah Melayu masok ka-universiti berbanding dengan 2.5 daripada aliran Inggeris dan 1.3 daripada aliran China.

Ia-nya juga bertujuan memberikan pendidekan dan latehan serta membuat penyelidekan dalam bidang sains dan teknoloji dan dalam bidang ilmu kemanusiaan, ilmu kemasharakatan dan pembangunan negara.

Ia-nya akan mendidek supaya rakyat Malaysia terutama mereka yang berasal dari daerah luar untok bersedia menghadapi dan berjaya menempoh zaman kemajuan sains dan teknoloji ini.

# 600 orang akan hadhir Kongres Varsiti Kebangsaan

15/3/69

KUALA LUMPUR 14 Mach — Seramai kira2 600 orang di-jangka akan menyertai Kongres Universiti Kebangsaan yang akan di-adakan esok di-Dewan Kuliah Pendidekan Universiti Malaya.

Sa-takat ini, lebeh daripada 200 orang peserta telah pun mendaftarkan diri mereka untok menyertai kongres tersebut.

Demikian di-nyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Syed Nasir Ismail hari ini.

## Penaja

Di-antara mereka yang telah mendaftarkan diri itu, termasok-lah tiga orang pensharah bukan Melayu dari Universiti Malaya

Kongres satu hari itu akan di-adakan mulai jam sembilan pagi hingga jam lima petang.

Di-antara perkara2 yang akan di-binchangkan, di-samping membinchangkan laporan jawatankuasa penaja ia-lah soal kewangan.

Menurut bendahari nya Tan Sri Syed Jaafar Albar sa-takat ini, wang yang telah terkumpul ia-lah sa-banyak $40,449.28.

Salah satu perkara yang akan di-binchangkan nanti ia-lah soal bagaimana mendapatkan wang dari berbagai segi, kata-nya.

Soal kewangan juga, kata-nya, ada-lah salah satu item di-dalam laporan jawatankuasa penaja itu.

Beliau lalu menyeru semua pehak supaya memberikan sokongan yang penoh serta menderma kapada Universiti Kebangsaan.

**UCHAPAN TUAN SYED NASIR BIN ISMAIL DI-UPACHARA PEMBUKAAN KONGRES UNIVERSITI KEBANGSAAN SEMALAM**

# Universiti Kebangsaan akan melahirkan manusia patriotik peneroka zaman

16/3/69

16/3/69

SA-BELUM melanjutkan uchapan saya izinkan-lah saya mendzahirkan perasaan duka-chita dari pehak ahli2 Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan atas kehilangan dua orang di-antara ahli2 jawatankuasa kami ia-itu Allahyarham Dr. Ungku Omar bin Ahmad dan Allahyarham Dr. Zainal Abidin bin Sarih.

Kedua Allahyarham itu tidak ada bersama2 kita pada hari ini. Kedua2-nya telah menyelesaikan tugas untok mengisi Universiti Kebangsaan yang menjadi chita2-nya. Kedua-nya telah memberikan khidmat yang penghabisan kapada sa-buah universiti yang menjadi chita2 bangsa-nya sejak lama dahulu.

## Jasa

Mengenang jasa2 sa-miliang Allahyarham Dr. Ungku Omar maka di-sini hanya dapat saya sebutkan bahawa kapada-nya telah kita bebankan tugas2 yang berat, tugas2 yang di-laksanakan-nya dengan rela dan ikhlas sa-mata2 untok masharakat dan bangsa-nya. Tugas mengisi penajaan Universiti Kebangsaan hanya-lah sa-bahagian dari tugas2 kebangsaan yang banyak yang telah di-pikul-nya bersama2 kita. Demikian-lah juga dengan Allahyarham Dr Zainal Abidin.

Kedua2-nya tidak bersama kita lagi, kedua2-nya telah di-panggil oleh Tuhan dalam usia yang maseh muda, dalam sa'at bangsa kita bagitu memerlukan kedua-nya.

Kapada kedua2 Allahyarham yang telah memberikan sumbangan besar kapada laporan Universiti Kebangsaan yang ada di-tengah tuan2 itu, kita mendo'akan sa-moga Tuhan merahmati roh-nya, dan saya minta dengan ikhlas tuan2 dan puan2 hadhirin sakalian bertafakur sejenak, bersedekah fatihah kapada roh kedua2-nya.

Pada hari yang bersejarah dan sa'at yang bertuah ini, saya dengan sa-penoh ikhlas dan sa-penoh gembira mengalu2kan kehadhiran tuan2 dan puan2 sakalian teristimewa sa-kali kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, moga2 kehadhiran beliau akan membawa berkat, ia-itu sa-bagai mengalamatkan sempena baik bagi pelaksanaan chita2 murni kita sakalian mengenai penubohan Universiti Kebangsaan.

## Jantong

Sa-bagai pehak yang menganjorkan pertemuan 50 orang untok mengkonkritkan chita2 dan hasrat yang berkobar2 di-dada dan jantong ahnak Melayu yang chintakan kemajuan pelajaran dan pendidekan bangsa-nya, dan sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan yang menganjorkan Kongres pada hari ini, boleh-lah saya menyatakan bahawa segala suatu yang telah kami sebutkan bukan-lah hanya mewakili lafadz dan hasrat dari bangsa Melayu itu sahaja, tetapi juga memenohi hasrat, semangat dan chita2 kebangsaan Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Jawatankuasa Universiti Kebangsaan ini ada-lah sa-bagai menunaikan kewajipan yang di-tugaskan oleh chita2 perpaduan negara yang dari pehak orang Melayu sendiri telah memberi pendapat dan kepercayaan mereka bukan di-atas kertas bertulis bahkan dengan hati dan jantong mereka sendiri.

Hal ini dapat di-buktikan dari sambutan yang di-berikan kapada kami sa-lepas sahaja pengumuman di-buat mengenai penubohan Jawatankuasa ini dan chita2 untok menubohkan Universiti Kebangsaan.

Jawatankuasa ini telah menerima undangan untok memberi cheramah dari sa-genap tempat, dari sa-genap bandar, pekan, dan kampong sekolah, pertubohan dan lain2 lagi.

## Beribu

Jawatankuasa ini telah mengedari beribu kata, telah berchakap kapada beribu2 orang, telah menemui beribu2 pendukong dan pejuang lapangan pelajaran dan pendidekan yang semangat dan hasrat-nya tidak kurang semarak-nya dengan semangat pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sejak bertahun2 lama-nya.

Kapada kami telah di-sampaikan derma wang yang datang menchurah2. Dan jika saya menyebutkan perkataan "menchurah2" ini tidak-lah menunjokkan banyak-nya wang tetapi banyak-nya orang; kebanyakan-nya ada-lah ra'ayat biasa dari pekerja2 yang berpendapatan rendah.

Saya terharu oleh sambutan bagini, saya terharu oleh derma mereka ini, kerana seperti kita tahu bangsa kita yang pada umum-nya berpendapatan kechil ini, telah sanggup menyerahkan sa-tinggi dua yang bagitu besar erti-nya bagi mereka, untok di-dermakan kapada Universiti Kebangsaan.

Sa-sunggoh-nya saya lebeh terharu bila anak2 sekolah yang maseh kechil, maseh dalam darjah rendah sa-chara beramai2 mengumpulkan sa-puloh dua puloh sen dari wang saku sekolah-nya untok di-dermakan kapada dana Universiti Kebangsaan.

Apabila saya menyebutkan sambutan ini bukan-lah untok menyatakan sanjongan kapada kami ahli2 Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, tetapi untok membuktikan semangat dan hasrat yang saya katakan bersemarak menyala-nyala di-hati dan jantong bangsa kita untok wujud-nya sa-buah Universiti yang menjadi penyambong dan berada di-punchak sistem pelajaran kebangsaan kita.

Semangat yang di-tunjokkan oleh ra'ayat dari golongan yang miskin ini memberikan semangat yang lebeh besar dan kuat lagi kapada ahli2 jawatankuasa, bukan untok berchakap ka-sana ka-mari dan bukan untok menghebohkan dalam akhbar2, tetapi untok bekerja menyiapkan bentok dan chorak, isi dan pertadbiran sa-buah Universiti Kebangsaan.

Bagi kami ahli2 jawatankuasa yang telah di-perchayakan oleh perjumpaan 50 orang pada bulan Ogos itu, soal Universiti Kebangsaan ini bukan hanya kenduri dan pameran sa-mata2, tetapi harus serentak dan sa-kali lanchar usaha2-

● Memusatkan kegiatan2 mengenai Universiti Kebangsaan yang berselerak di-tanah ayer

[illegible] rana emosi.

Semangat kebangsaan yang tulen saperti yang ada pada orang Melayu dan ra'ayat Malaysia zaman pembangunan kebangsaan ini tidak lagi dapat di-chap2 dengan pepatah "hangat2 tahi ayam."

Jawatankuasa ini dengan tidak banyak heboh2 telah berjaya menggunakan segala waktu dan fikiran yang ada pada mereka untok menyiapkan sa-buah laporan lengkap untok penubohan sa-buah Universiti Kebangsaan dalam masa yang singkat.

Jarang juga sa-buah laporan lengkap dan bertanggong-jawab mengenai penubohan di-bentangkan dalam kongres universiti, saperti yang akan di-bentangkan dalam kongres ini kelak, dapat di-siapkan orang dalam masa yang bagitu singkat

## Sedar

Sa-perkara lagi, kami sedar juga tentang ada-nya ulasan yang mengatakan bahawa Jawatankuasa ini membuat laporan dengan chara yang tidak bijak kerana tidak menunjokkan jalan apa-kah pekerjaan yang akan di-berikan kapada mahasiswa2 yang akan keluar dari Universiti Kebangsaan itu kelak.

Rasa-nya semua orang tahu bahawa Universiti tidak pernah menyediakan pekerjaan untok siswa2-nya, sa-bagaimana sa-buah universiti itu tidak menyebutkan bahawa siswazah2-nya akan di-masokkan ka-lapangan itu dan ini, bekerja sa-bagai pentadbir atau sa-bagai petani.

Sa-buah universiti ada-lah pusat ilmu pengetahuan dan penyelidekan — bukan di-anggap sa-bagai pejabat pendaftaran pekerja2.

Sa-buah Universiti Kebangsaan tidak di-maksudkan untok melahirkan sa-saorang pegawai pentadbir atau sa-bagai-nya, tetapi melahirkan manusia yang mempunyai kesanggupan berfikir, yang merubah taraf masharakat kita kapada kedudokan yang lebeh baik, merubah bentok petani dan nelayan kapada suatu kehidupan yang sempurna dan terjamin sa-bagaimana yang di-anggap sempurna dan terjamin bagi sa-orang siswazah yang menjadi pegawai pentadbir.

Saya suka menyatakan di-sini bahawa pembahagian razki dan pekerjaan kapada ra'ayat dalam satu2 negara tidak di-tentukan oleh penubohan universiti tetapi oleh sistem ekonomi dan sosial-nya. Penubohan universiti di-perlukan untok menjamin bahawa manusia di-dunia umum-nya, dan di-Malaysia ini khusus-nya, tidak tinggal dalam kejahilan tetapi maju terus mengikut perkembangan alam fikiran dan pergetahuan.

## Ma'alum

Kita sedia ma'alum betapa ramai-nya bilangan penuntut2 kita yang sedang belajar di-pusat2 pelajaran tinggi dan di-universiti2 luar negeri, ini menunjokkan kurang-nya pada kita kemudahan2 peringkat [illegible]an tinggi termasok-lah Universiti di-tanah ayer kita ini.

Dan kita juga telah ma'alum mengenai penubohan atau projek penubohan beberapa buah pusat pelajaran tinggi di-negeri ini dan beberapa buah kolej lagi yang sedang menunggu masa untok penubohan-nya, segala-nya itu tidak timbul atau di-timbulkan so'al takut kapada pengangguran, tetapi saya sunggoh hairan mengapa pula dalam [illegible]siti Kebangsaan tiba2 sahaja perkara penub[illegible]han Univ[illegible] timbul dan di-suakan momok pengangguran di-kalangan intelek itu?

Momok ini tidak harus me[illegible] Melayu tahun pertama Universiti Malaya dalam jurusan sains.

Keputusan itu sunggoh memeranjatkan, kerana daripada 26 orang penuntut yang masok peperiksaan tahun pertama itu, hanya dua orang sahaja yang lulus, dua orang lagi mengadap peperiksaan atas satu mata pelajaran, 4 orang terpaksa mengulang belajar sa-tahun lagi, manakala 18 orang gagal dan di-buang.

Sakalian penuntut2 yang saya sebutkan ini ada-lah yang terbaik sa-kali dari aliran Melayu dan perkara utama menyebabkan kegagalan ini nyata-lah kerana peralehan bahasa pengantar.

Saya yakin kira-nya mereka itu mendapat kemudahan meneruskan pelajaran dalam Bahasa Melayu, kajadi sa-umpama ini tidak akan berlaku.

Bagitu juga penuntut2 dari aliran Melayu yang mengambil peperiksaan di-peringkat pre-medical, daripada 5 orang kelima2-nya gagal dan pada peringkat tahun pertama 3 orang yang masok peperiksaan gagal kesemua-nya.

Memandang kapada keadaan saperti yang saya sebutkan tadi, tentu-lah ada satengah2 orang mengemukakan hujah ia-itu lebeh baik jurusan sains itu di-ajarkan terus menerus dalam Bahasa Inggeris.

Tetapi dalam so'al ini hendak-lah kita faham sunggoh2, ia-itu jika kita lakukan demikian hanya membawa erti bahawa kita sa-mata2 mengejar pengetahuan sahaja, dengan tidak memberi peluang memajukan bahasa Melayu untok menjadi bahasa ilmu pengetahuan.

Sikap saperti itu ada-lah sikap "escapisme", melarikan dari tugas yang benar kerana sa-suatu halangan lalu mengambil jalan yang tidak sa-lari dengan tujuan dan kebenaran.

[illegible] mengadakan Kongres Universiti Kebangsaan ini.

Kapada Y. B. Enche' Khir Johari, Menteri Pelajaran Malaysia, yang sudi hadhir merasmikan pembukaan sidang kongres ini, kami Jawatankuasa Penaja dan Jawatankuasa Kongres menyampaikan ribuan terima kaseh. Demikian juga kapada sahabat saya Tan Sri Ghazali Shafie yang sudi menjadi pengerusi sidang kongres ini, saya menguchapkan terima kaseh.

## Tahniah

Kapada Jawatankuasa Kechil Kongres yang di-Pengerusikan oleh Prof. Dr. Taib Osman, saya menyatakan penghargaan dan terima kaseh kerana usaha dan kerja yang berat mempersiapkan Kongres ini.

Kapada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menchetak laporan Universiti Kebangsaan dalam bentok buku serta kerjasama2-nya yang lain kami menyampaikan sa-tinggi2 terima kaseh.

Kapada Jawatankuasa Malam Universiti Kebangsaan yang dalam waktu sa-bagitu singkat mempersiapkan isi dan achara pertunjokan pentas Malam Universiti Kebangsaan di-Balai Budaya pada malam ini nanti, kami juga menguchapkan tahniah dan terima kaseh.

Tuhan-lah membalas jasa dan bakti tuan2. Dan kapada Allah juga-lah saya menadahkan tangan dan dengan sa-penoh hati saya mendo'akan semoga Kongres ini berjaya dan dengan hidayah-nya-lah sa-buah Universiti Kebangsaan yang benar2 beraliran dan berchorak kebangsaan akan di-tubohkan menjelang bersinar-nya matahari tahun 1970.



ENCHE KHIR . . . jaminan di-Kongres Varsiti Kebangsaan

# UNIVERSITI NASIONAL TETAP LAHIR 1970

14/3/69

Oleh HADZRAMI A.R.
KUALA LUMPUR, Sabtu

**PENUBOHAN Universiti Kebangsaan tidak berganjak dari tahun 1970, Menteri Pelajaran, Enche Khir Johari mengumumkan hari ini.**

Kata-nya, tapak yang paling baik akan di-pileh untok-nya supaya sa-imbang taraf-nya sa-bagai sa-buah Universiti Kebangsaan.

Dan biaya untok Universiti itu tidak perlu di-bimbangkan "kerana Kementerian Pelajaran-lah satu2-nya Kementerian yang kaya sekali," kata-nya.

Enche Khir menyatakan ini ketika merasmikan Kongres Universiti Kebangsaan di-Fakulti Pendidekan, Universiti Malaya disini pagi ini.

Tepokan kedengaran menyambut pengumuman itu dari lebeh 600 orang hadhirin, termasok wakil2 kedutaan2 asing, pegawai2 tinggi Kerajaan dan perwakilan2 dari pelbagai badan seluroh Malaysia.



TAN SRI SUFFIAN
Ketua Gubal
Perlembagaan

## Ijazah sa-taraf

Tegas Enche Khir: "Kita mahu menjadikan projek Universiti Kebangsaan satu kejayaan yang tidak ada tolok banding-nya."

Beliau menchadangkan supaya satu usaha bersama memungut derma di-seluroh negara di-lancharkan dan "saya sendiri akan mengetuai pungutan itu sa-lepas pilehan-raya umum nanti."

Enche Khir mahu Universiti Kebangsaan merupakan:

- Sa-buah Universiti bukan untok orang2 Melayu atau untok golongan2 yang tertentu atau jenis2 penuntut yang tertentu;
- Sa-buah Universiti yang akan mendatangkan faedah dan kegunaan besar keseluruhan-nya kapada negara;
- Sa-buah Universiti yang bukan kelas tiga yang menampong penun-

## JANGAN BIMBANG SOAL BELANJA. KHIR JAMIN

tut2 kelas tiga dan bukan menjadi tempat untok pelajar2 yang terkandas mendapatkan grade untok membolehkan mereka masok katempat2 lain; dan

Ijazah2 yang akan di-keluarkan-nya akan setaraf dengan ijazah2 yang di-keluarkan oleh yayasan2 pelajaran tinggi yang lain di dalam dan luar negeri.

## Bekerja

Enche Khir memuji2 Kongres yang di-langsongkan hanya sa-hari, dan ini menjadi satu bokti yang nyata bahawa "kita telah dapat mengatasi masa berchakap2 sahaja.

"Sekarang ini kita mesti bekerja lebeh dan kurang berchakap.

"Kita mesti-lah mempunyai fikiran yang tenang untok meranchangkan apa yang kita kehendaki kerana kita mahu menjadikan projek ini satu kejayaan yang tidak ada tolok bandingnya."

Enche Khir berkata bahawa tidak mustahak untok melantek bakal Naib-Chancellor Universiti Kebangsaan di-peringkat ini kerana perkara ini maseh lagi dalam perengkat permulaan.

Enche Khir menyebut bahawa Jawatankuasa Perlembagaan Universiti Kebangsaan di-bawah Tan Sri Hakim Suffian telah memulakan kerja dan menjemput orang ramai memberikan pendapat2 mereka.

"Saya berharap orang ramai dan juga pertubohan2 akan mengemukakan pendapat2 dan shor2 kapada Jawatankuasa ini kerana bentok dan susunan Universiti Kebangsaan bergantong sabahagian besar atas chadangan2 jawatankuasa ini."

Beliau menjangka perkara2 sa-umpama itu akan di-binchangkan dalam Kongres dan mengemukakan kemudian-nya kapada jawatankuasa itu.

## Kursus

Enche Khir juga meminta pendapat peserta2 Kongres mengenai kemungkinan kursus pengajian yang akan di-adakan di-Universiti Kebangsaan saperti yang di-ura2kan oleh Majlis Pelajaran Tinggi.

Majlis Pelajaran Tinggi pimpinan Dr. Mahathir telah melantek sabuah Jawatankuasa untok membinchangkan kemungkinan kursus pengajian sa-umpama itu. kata-nya.

Menyentoh tentang tapak. Enche Khir menyatakan ia tidak mungkin mengumumkan sekarang kerana banyak kemungkinan yang sedang di-pertimbangkan.

Tegas-nya "Tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa hanya tapak yang paling baik akan di-pileh supaya saimbang-lah taraf-nya sabagai Universiti Kebangsaan."

Mengenai kewangan pula, Enche Khir menyatakan tidak mustahak mengadakan peruntokan di-dalam anggaran tahun 1969 ini kerana jumlah wang yang di-jangka akan di-belanjakan tahun ini sangat sadikit

Dan perbelanjaan untok Universiti Kebangsaan boleh-lah di-keluarkan dari peruntokan sekarang Kementerian Pelajaran dan dengan demikian jangan-lah hendak-nya bimbang mengenai hal itu.

Enche Khir mengingatkan bahawa sa-bahagian besar perbelanjaan penubohan Universiti Kebangsaan akan datang ia-lah dari puncha2 Kerajaan.

"Tetapi kerana projek ini projek orang ramai maka ada-lah mustahak untok mendapatkan seberapa ramai yang boleh ra'ayat negeri dari segenap lapisan masharakat menderma kapada-nya."

"Saya sendiri akan mengetuai pungutan tersebut salepas pilehanraya umum nanti, kalau menang.

"Saya telah mengetatkan peratoran2 memungut derma untok Universiti Kebangsaan kerana saya tidak mahu nama baik Universiti itu terchemar dengan apa juga bentok sa-belum ia lahir."

# 500 ekar tanah di-Kuala Lumpur untok tapak Universiti Kebangsaan



● Empat tokoh di-pentas Kongres, dari kiri: Pr
Khir Johari, Tan Sri Ghazali Shafie dan Prof.

16/3/69

16/3/69

Oleh SHAFIE NOR dan HAMIDON BAHARI

KUALA LUMPUR, Sabtu.

SA-RAMAI 35 orang anggota akan di-lantek dudok dalam Majlis Universiti Kebangsaan kelak.

Demikian di-putuskan oleh Kongres Universiti itu di-Universiti Malaya hari ini. Ia akan terdiri dari:

● Sa-orang Naib Chanselor empat orang wakil Kerajaan Pusat yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong; 13 orang wakil yang di-lantek oleh Raja2 Melayu dan Gabnor2.

● Dua orang wakil Dekan2; dua orang wakil yang di-pileh oleh Dewan Senate Universiti itu; Dua orang wakil dari tenaga pengajar salain dari professor.

● Sa-orang wakil dari Kementerian Pelajaran dan sa-orang dari Kementerian Kewangan; empat orang wakil yang di-pileh siswazah.

● Dua orang wakil mahasiswa dan tiga orang wakil yang di-pileh oleh Majlis Universiti sendiri dari orang2 kenamaan dalam bidang perusaan dan pertanian.

Badan ilmiah yang yang tertinggi untok Universiti Kebangsa-

## 35 orang 'ahli' dan tokoh untok Majlis Universiti kelak



● Sa-bahagian dari lebeh 600 orang yang memenohi Kuliah Fakulti Pendidekan, Universit
pembukaan Kongres Universiti Kebangsaan pagi semalam.—Gambar Berita Minggu.

an ia-lah "senate" yang bertanggong jawab penoh dalam bidang pengajaran, penyelidekan, pepereksaan dan pengurniaan ijazah, diploma dan sijil.

Menurut yang di-putuskan oleh Kongres, Senate Universiti Kebangsaan hendak-lah di-anggotai oleh:

## Lantekan2

- Naib Chansellor sa-bagai pengerusi; Pengarah2 hal ehwal ilmiah, penyelidekan, pentadbiran, perpustakaan, Dekan2 fakalti, ketua2 jabatan pengajian dan tidak lebeh dari tiga orang wakil professor yang bukan ketua jabatan atau dekan.
- Tidak lebeh dari lima orang wakil tenaga pengajar.

Peguam Negara, **Tan Sri Kadir Yusuf** yang mula membuat usul mengenai anggota Majlis Universiti itu berkata:

"Memandang kapada keperluan2 tertentu, kita perlu melantek wakil2 dari Kerajaan yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dan Raja2 Melayu serta Gabnor2.

## Sokongan

"Tujuan-nya ia-lah supaya tiap2 sa-buah negeri di-Malaysia ini mempunyai wakil dalam Majlis Universiti nanti. "Ini ia-lah untok mendapat sokongan dan bantuan yang lebeh kuat dari negeri2 tersebut," tegas-nya.

Kemudian bangun **Enche Sanusi Osman**, wakil dari Parti Rakyat yang kesal kerana wakil2 mahasiswa tidak tercatet langsong dalam laporan Universiti itu.

Beliau lalu mengusulkan supaya di-lantek 8 orang wakil mahasiswa dudok dalam Majlis Universiti dan Senate Universiti.

**Enche Harun Awal**, wakil dari Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) mengingatkan peserta2 kongres bahawa tidak adil kalau mahasiswa di-ketepikan dari Majlis Universiti itu.

**Enche Mohamad Wali bin Haji Abu** dari Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM) telah menyokong sunguten Enche Harun.

**Enche Kahar Bador**, Pensharah Kajimanusia dan kajihayat Universiti Malaya bertanya ada-kah kuasa Pengarah2 Universiti Kebangsaan nanti terhad sahaja.

**Enche Saleh Ahmad** yang menjawab bagi pehak Jawatankuasa Kechil Pentadbiran Universiti itu berkata:

"Jawatan Pengarah Universiti tersebut kelak mempunyai tanggong jawab sendiri dalam satu2 perkara yang khusus."

## Mahasiswa

Beliau menolak chadangan Enche Senusi mengenai wakil mahasiswa di-lantek dudok dalam Senate kerana bilangan yang di-putuskan oleh Jawatankuasa Penaja sudah menchukopi.

Enche Saleh juga menolak chadangan Enche Saleh Haji Yusuf supaya di-lantek wakil kesatuan sekerja dalam Majlis Universiti.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti itu, Tuan Syed Nasir Ismail berkata, usaha2 sedang di-jalankan bagi mendapatkan tapak Universiti Kebangsaan berhampiran dengan Bandar Kuala Lumpur.

Kata-nya, tanah saluas 500 ekar telah pun di-dapati berhampiran dengan Kuala Lumpur. Chuma rundingan dengan pehak yang berkenaan bagi mendapatkan tanah ini belum selesai lagi.

Tuan Syed Nasir menyatakan ini ketika membentangkan laporan Universiti itu dalam kongres universiti tersebut di-Universiti Malaya, hari ini.

## Tawaran2

Bagaimana pun beliau tidak menyebut di-mana letak tanah itu kerana bimbang ada pehak2 lain akan berusaha mendapatkan-nya yang akan menyebabkan harga tanah itu menjadi mahal.

Tuan Syed Nasir berkata, sa-tengah2 Kerajaan negeri telah menawarkan tanah untok tapak Universiti Kebangsaan dan sa-tengah2 orang menchadangkan di-Kem Trendak, Melaka.

"Tetapi kita berpendapat Universiti Kebangsaan patut terletak di-sakeliling Ibukota kebangsaan kita. Ini bukan sahaja sesuai dengan taraf Universiti itu tetapi juga memberi banyak Kemudahan kapada Universiti tersebut."

Tuan Syed Nasr sa-lanjut-nya berkata, bahawa pehak-nya sedang memikirkan siapa yang layak bakal menjadi naib-chanselor bagi menggantikan Allahyarham Prof. Dato Dr. Ungku Omar, yang telah di-chadangkan dulu.

# *Laporan Varsiti Nasional akan di-bawa ka-atas dengan segera*

12/3/69

KUALA LUMPUR, Isnin.

LAPORAN mengenai Universiti Kebangsaan yang di-luluskan oleh Kongres Sabtu lalu akan di-kirimkan sa-berapa segera ka-pehak2 berkenaan "sa-telah di-perkemaskan."

Laporan tersebut akan di-kirimkan ka-Majlis Pelajaran Tinggi yang di-ketuai oleh Dr. Mahathir, Kerajaan Pusat dan Kerajaan2 Negeri.

Berlaut itu, Jawatan-kuasa Penaja Universiti Kebangsaan akan mengadakan meshuarat-nya akhir minggu depan, demikian Pengerusi-nya, Tuan Syed Nasir Ismail memberitahu hari ini.

## Pertemuan

Beliau mengumumkan bahawa Jawatankuasa itu juga akan mengadakan pertemuan dengan Naib-Chanceller Universiti Malaya Prof. Ungku Aziz untok merunding-kan beberapa masaalah berhubong dengan penubohan Universiti Kebangsaan.

Tuan Syed Nasir memberitahu bahawa sa-bahagian kechil dari laporan itu perlu di-perkemaskan berikutan dari beberapa chadangan dalam Kongres Universiti Kebangsaan Sabtu lalu.

Beliau menegaskan, Kongres itu telah menchapai kejayaan yang besar di-lihat dari perbinchangan peserta2 yang tidak banyak dapat "menchelah laporan itu."

## Langkap

Kata-nya: "Laporan itu sudah lengkap dan susah hendak di-kritik lagi."

Kongres Sabtu lalu bersetuju sa-bulat suara supaya laporan yang di-sediakan oleh 40 orang cherdek pandai itu di-terima untok menjadi dasar Universiti Kebangsaan.

Tuan Syed Nasir berkata, chadangan2 yang di-terima itu akan di-masokkan ka-dalam laporan yang sa-tebal 72 halaman itu.

"Chadangan2 yang di-kemukakan dalam hal menchari wang menubohkan fakulti pendidekan lebeh awal dari yang di-rangkakan dan lain2 juga akan di-pertimbangkan," kata-nya.

saan.
Tuan Syed Nasir berkata, chadangan2 yang di-terima itu akan di-masokkan ka-dalam la-

# Lagi derma untok Tabong Universiti Kebangsaan

25/3/69

MUAR 24 Mach — Guru, murid2 dan pekerja2 di-sekolah Kebangsaan Bukit Gambir, 16 batu dari sini telah berjaya mengumpulkan wang sa-banyak $178 unto kderma Tabong Universiti Kebangsaan.

Pungutan derma itu telah di-lancharkan baru2 ini atas inisitip guru besar sekolah itu, Che'gu Osman Ma'on.

Che'gu Osman memberitahu Utusan Malaysia bahawa usaha yang di-buat itu merupakan usaha pertama dan kalau keadaan mengizinkan nanti kami akan menghulorkan derma lagi kerana Universiti Kebangsaan.

Beliau bangga kerana usaha2 kerajaan hendak mengadakan Universiti Kebangsaan negeri ini sedang giat di-jalankan sekarang dan kita perchaya seluroh bangsa Melayu ada-lah bersama2 memberikan do'a restu agar berjaya hendak-nya.

# Belia 3G derma kapada Varsiti

31/3/69

KUALA LUMPUR, Ahad. — Sa-ramai 40 orang ahli Persatuan Belia Gema Getiga Gentam (3G) Kuala Pilah telah melawat pejabat Berita Harian di-Kuala Lumpur hari Sabtu kelmarin.

Lawatan itu di-ketuai oleh Yang di-Pertua persatuan itu, Enche Mohamed Kassim bin Lajin.

Dalam lawatan itu ahli2 persatuan itu telah menyampaikan derma sa-banyak $14.60 untok Tabong Universiti Kebangsaan.

● Gambar menunjokkan Enche Mohamed Kassim (kanan) sedang menyampaikan derma itu kapada pemberita BH Enche Zainuddin Bendahara. Kelihatan juga ia-lah ahli jawatankuasa persatuan itu.—Gambar Berita Harian.

# Universiti Nasional janji kosong: Tudohan tokoh PAS

KUALA LUMPUR, Ahad.—Langkah Kerajaan Perikatan menyokong penubohan Universiti Kebangsaan telah di-sifatkan sabagai "satu janji kosong" kapada orang2 Melayu oleh sa-orang bekas Senator PAS malam tadi.

Beruchap dalam satu perhimpunan yang di-hadziri oleh kira2 6,000 orang di-padang Sulaiman Kelab, Kampong Bahru di-sini, pengerusi jawatan-kuasa pilehanraya PAS Enche Amaluddin Darus berkata, Kerajaan Perikatan tidak membiayai projek tersebut, kerana tidak ada peruntokan yang di-buat dalam belanjawan yang telah di-luluskan oleh kerajaan tidak lama dulu.

"Oleh yang demikian janji Kerajaan menyokong projek Universiti Kebangsaan itu ada-lah satu janji kosong belaka kapada orang Melayu."



ENCHE AMALUDDIN
Tak ada peruntokan untok tahun ini

Sa-terus-nya Enche Amaluddin berkata bahawa pehak Perikatan telah menjalankan berbagai chara untok menumbangkan Kerajaan PAS di-Kelantan, kerana ia takut Kelantan akan lebeh kaya dari negeri2 lain.

Mengenai chadangan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman hendak melantek dua orang Timbalan Perdana Menteri, bekas Senator itu menyatakan kebimbangan-nya bahawa perselisehan mungkin berlaku sa-telah Perdana Menteri tidak ada.

Beliau bertanya, "Apa-kah akan berlaku jika Perdana Menteri tidak ada lagi. Siapa yang akan menggantikan-nya?"

— Bernama.

# Varsiti Nasional: Tiga memo saja di-terima

KUALA LUMPUR, Ahad. —Jawatankuasa perlembagaan Universiti Kebangsaan baru menerima hanya tiga buah memorendam dari orang ramai, demikian setiausaha jawatankuasa tersebut, Enche Ahmad Zabri bin Ibrahim berkata hari ini.

Menurut-nya, jawatankuasa yang di-pengerusikan oleh Hakim Tan Sri Suffian Hashim itu telah membuat seruan kapada orang ramai pada 10 Februari lalu supaya memajukan buah fikiran dan pendapat mereka.

Beliau berkata pehak-nya telah juga menulis kapada ahli2 Parlemen, ahli2 Dewan Undangan Negeri, anggota2 lembaga tertinggi, majlis dan senate Universiti Malaya dan orang2 persaorangan yang boleh memberikan buah fikiran dan shor2 mengenai penggubalan perlembagaan Universiti Kebangsaan.

Enche Ahmad Zabri berkata beliau merasa agak kechewa dengan sambutan yang kurang baik dari orang ramai terutama-nya golongan cherdek pandai.

Bagaimana pun, beliau berharap banyak lagi memorendam akan di-terima sa-belum tarikh tutup pada 31 Mei.

Mengenai tiga buah memorendam yang telah di-terima itu, Enche Zabri berkata kesemua-nya mengandongi buah fikiran dan shor2 yang baik dan membena.

Menurut-nya, memorendam2 itu ia-lah dari sa-orang pensharah dan sa-orang anggota lembaga tertinggi Universiti Malaya dan dari sa-orang anggota masharakat.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan bermeshuarat sa-lepas 31 Mei untok membinchangkan memorendam2 yang di-terima. Bernama.

7/4/69

PEGAWAI KHAS UNTOK UNIVERSITI KEBANGSAAN

# Pensharah2 Indonesia akan di-minta membantu

17/6/69

**Oleh HARUN TAIB**
**K. Lumpur, Isnin**

INDONESIA akan di-minta mengadakan pensharah2 untok berkhidmat dengan Universiti Kebangsaan, demikian di-nyatakan oleh Menteri Pelajaran, Dato Abdul Rahman Yaacob hari ini.

Beruchap di-upachara menerima sumbangan sa-banyak $2,000 untok Universiti Kebangsaan dari Sharikat Kerjasama Pekerja2 Loko dan Gerabak Keretapi di-sini pagi ini, Dato Abdul Rahman juga menyebut hal2 berikut:

- Sa-orang pegawai Kerajaan akan di-lantek mulai 1 Julai ini untok mentadbir urusan2 mengenai penubohan Universiti itu. Pegawai itu kelak akan menjadi Pendaftar yang pertama bagi universiti itu.
- Kementerian Pelajaran sedang menchari sa-orang yang layak menjadi Naib Chancellor Universiti tersebut.
- Dewan Bahasa dan Pustaka akan di-perkemaskan lagi sesuai dengan kehendak universiti itu.

Menurut Dato Abdul Rahman, pehak-nya sekarang giat berusaha ka-arah penubohan universiti itu sejajar dengan kehendak ra'ayat.

Rundingan2 telah di-jalankan dengan semua pehak yang berkenaan termasok Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Syed Nasir Ismail dan pegawai2 Kementerian.

Beliau memberitahu bahawa Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah bersetuju supaya sa-orang pegawai Kerajaan di-tempatkan di-Kementerian Pelajaran bagi menyelenggarakan urusan2 universiti itu.

Menurut Dato Abdul Rahman, ia juga telah berunding dengan pegawai2 Kementerian untok mendapatkan pensharah2 dari Indonesia.

Pehak-nya sekarang sedang meneliti bilangan pensharah2 yang di-perlukan dan langkah untok mendapatkan perkhidmatan mereka akan di-ambil dengan segera.

Kata-nya, orang ramai boleh mengemukakan chadangan nama bakal2 pensharah yang di-fikirkan boleh memberi khidmat kapada universiti itu.

## Pengalaman

Beliau juga menyebut tentang perlu di-perkemaskan lagi Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat memainkan peranan lebeh besar untok menampong keperluan2 universiti itu.

ini termasok-lah melipat-gandakan usaha mengeluarkan buku2 teks dalam Bahasa Kebangsaan bagi semua mata pelajaran.

Beliau memberitahu bahawa sa-orang Pengarah baru Dewan Bahasa dan Pustaka akan di-lantek sa-chepat mungkin.

Bakal pengarah baru itu hendak-lah sa-orang yang banyak pengalaman dan mempunyai hubongan yang baik, bukan saja dengan kakitangan2-nya tetapi juga dengan pegawai2 Kementerian.

(Pada masa ini jawatan Pengarah di-pangku oleh Enche Hassan Ahmad).

Beliau juga memberitahu bahawa nama pengerusi dan anggota2 Lembaga Pentadbir Dewan Bahasa yang baru akan di-umumkan esok.

Beliau menyeru orang ramai supaya terus memberi sumbangan kapada Universiti Kebangsaan.

Kata-nya: "Sumbangan yang di-terima hingga ini sangat menggalakkan. Tetapi saya harap banyak lagi akan di-terima terutama dari kalangan ahli2 perniagaan di-negeri ini."

Sa-tiap kepentingan bersama itu hendak-lah di-pikul bersama supaya "berat sama di-pikul dan ringan sama di-bimbing.

Kata-nya, hingga ini Kementerian telah menerima sumbangan sa-banyak $352,000 dari orang ramai.

## Sa-orang naib chancellor di-chari — Dato Rahman

# Langkah penubohan (Universiti Kebangsaan) di-segera

17/6/69

KUALA LUMPUR 16 Jun. — Menteri Pelajaran, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob hari ini mengumumkan beberapa langkah untok menyegerakan penubohan Universiti Kebangsaan sedang di-jalankan sekarang.

Kata-nya, antara langkah2 yang sedang di-jalankan bagi memperchepatkan penubohan Universiti Kebangsaan itu ta-lah:

- Menchari sa-orang Pegawai Kanan Kerajaan untok di-lantek menjadi sa-orang Pegawai Pendaftar
- Menchari sa-orang Naib Chancellor bagi Universiti Kebangsaan itu, dan.
- Menimbangkan untok mengambil pensharah2 dari Indonesia.

Beliau mengumumkan ini ketika menerima derma $2,000 dari Sharikat Jimat-chermat dan Pinjam Meminjam Pekerja2 Gerabak Keretapi Tanah Melayu untok Tabong Universiti Kebangsaan di-pejabat-nya hari ini.



Dato' Rahman Yaakob, Menteri Pelajaran

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Naib Yang di-Pertua sharikat tersebut Enche' Dhalip Singh bersama2 dengan beberapa orang ahli2 jawatankuasa yang lain.

Pada 12 Jun lalu terang-nya, beliau telah pun menghantar surat kapada Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak untok meminjamkan kapada-nya sa-orang Pegawai Kanan Kerajaan berkhidmat di-kementerian-nya bagi melaksanakan kerja2 penubohan Universiti itu.

Pegawai yang akan di-lantek menjadi Pegawai Pendaftar itu mesti-lah sa-orang yang mempunyai semangat kebangsaan dan dapat bekerja sapenoh masa, ujar-nya.

Pehak kami juga sekarang, tambah beliau, sedang menchari sa-orang yang benar2 sesuai untok di-lantek menjadi Naib Chancellor Universiti tersebut.

### TINDAKAN

Mengenai chadangan menchari pensharah2 dari Indonesia, Dato' Abdul Rahman berkata kementerian-nya akan mengambil tindakan sa-baik2-nya bila sahaja bilangan pensharah2 yang di-kehendaki itu di-ketahui.

Semua langkah2 ini tegas-nya telah pun di-rundingkan dengan pegawai2 dari Kementerian Pelajaran juga Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Syed Nasir Ismail baru2 ini.

Beliau kemudian-nya mengumumkan derma yang telah di-terima satakat ini untok Tabong Universiti Kebangsaan ia-lah $332,000.

Beliau kemudian mengulangi lagi bahawa Universiti Kebangsaan itu akan di-tempatkan buat sementara di-Maktab Perguruan Persekutuan di-Lembah Pantai mulai tahun hadapan.

Terdahulu dari itu beliau telah menyatakan rasa bangga-nya atas sumbangan derma yang telah di-sampaikan oleh sharikat kerjasama tersebut.

Beliau kemudian-nya telah menyeru golongan2 pedagang dan orang2 berada di-negeri ini menghulorkan derma-nya untok Tabong Universiti Kebangsaan.

Penubohan Universiti Kebangsaan itu kata-nya, ada-lah sa-jajar dengan hasrat rakyat dan negara untok kepentingan semua kaum di-negeri ini.

# Bakal Naib Chancellor Universiti Kebangsaan sudah ada

18/6/69

**Oleh HARUN TAIB: Kuala Lumpur, Selasa**

ORANG yang bakal menjadi Naib Chancellor pertama Universiti Kebangsaan telah di-dapati dan nama-nya akan di-kemukakan kapada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak untok di-persetujui.

Demikian di-umumkan oleh Menteri Pelajaran, Dato Haji Abdul Rahman Yaacob pagi ini.

Beliau membuat pengunuman itu sa-lepas menemui Enche Abu Bakar Hamid dan Tengku Shamshul Baharin — Setiausaha2 Bersama Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan di-Kementerian-nya.

Dato Abdul Rahman juga menyambut hal2 berikut:

- Pelajar2 Maktab Guru2 Malaya (MTC) di-Lembah Pantai akan di-pindahkan ka-tempat lain sa-baik saja kuliah pertama Universiti Kebangsaan di-mulakan di-situ awal tahun depan.



DATO HAJI ABD RAHMAN

## Orang yang berani

- Laporan mengenai mata pelajaran, buku2 teks dan kewangan Universiti Kebangsaan di-jangka siap dua bulan lagi.

Kata Dato Abdul Rahman, jawatan Naib Chancellor hendak-lah di-sandang oleh orang yang benar2 berani menghadapi chabaran masa depan tanpa mengikatkan diri kapada sistem2 lama.

Pehak Jawatankuasa Penaja telah menchadangkan sa-orang yang mempunyai kelayakan dan kelulusan tinggi menjadi Naib Chancellor.

"Saya sendiri bersetuju dengan chadangan itu kerana orang itu memang sangat layak memegang jawatan tersebut.

"Bagaimana pun saya akan mengemukakan perkara itu kapada Tun Razak supaya persetujuan-nya di-buat dengan segera," kata-nya.

## NAMA-NYA DI-KEMUKAKAN UNTOK KELULUSAN TUN

Beliau berharap laporan mengenai kewangan, mata pelajaran dan buku2 teks bagi Universiti itu akan siap hujong bulan depan untok di-sampaikan kapada Kerajaan supaya tindakan dapat di-ambil dengan segera.

### Laporan

Laporan itu di-susun oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zahiruddin Hassan dan Pengetua Maktab Pertanian, Dr. Mohamed Rashdan.

Dato Abdul Rahman menegaskan bahawa pehak Indonesia akan di-minta bukan saja menyediakan pensharah2 tetapi juga buku2 teks yang di-fikirkan sesuai di-gunakan untok Universiti Kebangsaan.

Sa-lain dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan2 Negeri pehak-nya juga akan meminta bantuan dari yayasan2 untok universiti itu.

Di-tanya tentang bangunan tetap universiti itu, Dato Abdul Rahman berkata ia lebeh suka universiti itu di-dirikan di-luar ibukota, walau di-Pantai Timor sa-kali pun.

Ini ia-lah ranchangan jangka panjang kerana pada masa ini telah banyak pusat2 pengajian tinggi berpusat di-Kuala Lumpur.

Beliau memberitahu bahawa pertemuan-nya dengan dua orang ahli Jawatankuasa Penaja itu ia-lah untok bertukar2 fikiran.

Kata-nya, kebanyakan ahli Jawatankuasa Penaja terdiri dari pendidek2 yang mempunyai pengetahuan luas dalam masa'alah pelajaran.

"Kerana itu kita patut menerima pandangan dan pendapat2 mereka," kata-nya.

Beliau menghargai usaha2 yang di-jalankan oleh Jawatankuasa itu untok menjayakan penubohan universiti tersebut.

# Bakal Naib Chancellor: Menteri berunding

18/6/69

KUALA LUMPUR 17 Jun — Menteri Pelajaran, Dato' Haji Rahman Yaakob hari ini mengumumkan bahawa orang yang bakal di-lantek menjadi Naib Chencellor Universiti Kebangsaan ia-lah sa-orang yang banyak kaitan-nya dengan penubohan universiti itu.

Bakal Naib Chencellor itu mempunyai pelajaran tinggi, mempunyai inisiatif, bersemangat kebangsaan dan tidak ragu2 untok menjalankan sa-barang ranchangan baru.

Ini ada-lah perlu supaya Universiti Kebangsaan itu nanti dapat di-satarafkan dengan Universiti Malaya, kata Menteri itu.

Dato' Haji Rahman Yaakob berkata demikian sa-telah mengadakan rundingan-nya dengan Setiausaha bersama Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Enche' Abu Bakar Hamid dan Tengku Shamsul Baharin, di-pejabat-nya pagi tadi.

Walau bagaimana pun beliau enggan memberitahu nama bakal naib Chencellor itu.

## DI-LANTEK

Sementara itu beliau memberitahu bahawa Pegawai Kanan Kerajaan yang akan di-lantek menjadi Pegawai Pendaftar akan di-umumkan pada 30 Jun ini untok membolehkan beliau bertugas mulai 1 Julai depan.

Berchakap mengenai rundingan-nya dengan kedua2 orang setiausaha bersama itu, beliau berkata kedua2-nya bersetuju dengan segala ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh pehak kementerian.

"Saya telah memberitahu mereka segala ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh pehak kementerian dan mereka pada keselurohan-nya ada-lah bersefahaman dengan kami," tegas beliau.

Perkara2 yang mereka rundingkan tadi ia-lah mengenai pemilehan Naib Chencellor, Pegawai Pendaftar, pengambilan pensharah2 dari Indonesia dan lain2 bantuan dari negeri itu.

Mengenai buku2, perbelanjaan dan pensharah2, Dato' Haji Rahman berkata draf sukatan pelajaran dan peruntokan bagi tahun pertama mesti-lah di-siapkan terlebeh dahulu.

Tugas untok menyiapkan draf dan pembelanjaan itu di-serahkan kapada Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zaharuddin dan Pengetua Maktab Pertanian, Dr. Rashdan.

Sa-telah draf itu di-siapkan baru-lah pehak kementerian dapat membuat anggaran dan mengkaji sama ada bantuan dari Indonesia di-perlukan.

Dato' Haji Rahman suka kalau persediaan dan anggaran perbelanjaan itu dapat di-siapkan pada akhir bulan Julai ini.

Menteri Pelajaran itu telah juga menyatakan rasa gembira-nya kerana ada-nya hubongan rapat antara jawatankuasa penaja dengan pehak kementerian.

Mengenai bangunan universiti itu yang beliau chadangkan supaya di-dirikan di-Pantai Timor, Dato' Haji Rahman berkata Pantai Timor ada-lah tempat yang sesuai kerana maseh lagi terdapat kawasan2 yang luas di-sana.

"Tidak-lah sa-mesti-nya tiap2 pusat pelajaran tinggi itu di-dirikan di-Ibu Kota," tegas-nya.



DATO ABDUL RAHMAN..."Kita perlu memajukan Pantai Timor

# Ura2 Universiti Kebangsaan di-Pantai Timor di-sambut

24/6/69

TIGA buah Kerajaan Negeri di-Pantai Timor — Trengganu, Pahang dan Kelantan telah di-minta memberi sokongan moral dan malabenda untok menjayakan projek Universiti Kebangsaan kira-nya di-bena di-salah sa-buah negeri itu kelak.

Permintaan ini di-buat oleh Yang di-Pertua Majlis Pelajaran Melayu Kelantan (MPMK) Dato Wan Mohammad bin Yusoff.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pelajaran Dato Abdul Rahman bin Ya'akub yang menegaskan bahawa pehak-nya suka kira-nya universiti itu di-dirikan di-Pantai Timor.

KOTA BAHARU, Isnin

Dato Wan Mohammad berkata: "Hasrat Menteri Pelajaran itu sudah sa-patut-nya di-sambut baik oleh seluroh masharakat Malaysia — bukan sahaja di-Pantai Timor ini."

"Ini merupakan satu gagasan baharu untok menolong mengurangkan jurang perbezaan kemajuan sa-genap lapangan — terutama-nya di-bidang pelajaran antara negeri2 sa-belah Pantai Timor dengan Pantai Barat sekarang."

Beliau berharap dalam soal pemileham tapak bangunan Universiti Kebangsaan, Kerajaan sa-harus-nya berdasarkan faktor2 ekonomi dan semangat universiti itu dengan tidak menghampirkan sentimen2 kedaerahan dan fahaman politik.

### *Penuntut*

Dalam satu kenyataan kapada sa-buah akhbar, Menteri Pelajaran Dato Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau lebeh suka kira-nya universiti itu di-dirikan di-Pantai Timor.

"Kita perlu memajukan Pantai Timor dengan mendirikan Universiti Kebangsaan supaya semua penuntut yang belajar di-aliran Melayu di-sana akan menerima faedah-nya," ujar beliau.

Dato Wan Mohammad berchaya dengan ada-nya universiti itu akan memberi kesedaran kapada ra'ayat di-kawasan ini — terutama anak2 mereka untok berlumba2 menchapai taraf pelajaran tinggi.

Kata-nya: "Saya perchaya Universiti Kebangsaan akan menampong sa-bilangan ramai mahasiswa di-negeri2 Pantai Timor khusus-nya Kelantan yang sekarang masih mendudoki sekolah2 rendah dan menengah."

Beliau memberi angka2 bilangan penuntut sekolah rendah dan menengah di-Kelantan, Trengganu dan Pahang sa-banding yang terchatat dalam laporan Rombongan Jeng.

Menurut laporan itu bilangan penuntut sekolah rendah di-Kelantan sa-ramai [illegible] orang; di-Trengganu [illegible] orang, di-Pahang [illegible] orang.

Sekolah menengah pula di-Kelantan [illegible] orang di-Trengganu [illegible] orang dan di-Pahang [illegible] orang.

### *Chadangan*

"Sa-bilangan ramai daripada mereka dalam aliran Melayu mempunyai peluang untok melanjutkan pelajaran ka-Universiti Kebangsaan kelak," tambah Dato Wan Mohammad lagi.

Yang di-Pertua MPMK itu menyatakan bahawa biar di-mana universiti itu di-dirikan sa-kali pun, pehak-nya berharap supaya fakulti kolej diadakan di-tiap2 buah negeri.

Beliau menchadangkan supaya fakulti2 pertanian dan haiwan di-adakan di-Gong Kedak—bekas lapangan terbang tentera sa-luas 300 ekar dekat Pasir Puteh.

"Kawasan tersebut amat sesuai sa-kali di-jadikan kedua2 fakulti tersebut," ujar-nya.

"MPMK," kata-nya lagi, "akan mengemukakan chadangan itu kapada Naib Chanselor Universiti Kebangsaan apabila di-lantek nanti."

Kesatuan Guru2 Melayu Kelantan (KGMK) juga turut mengalu2kan ranchangan mendirikan projek universiti itu di-kawasan sa-belah sini.

Setiausaha Agong KGMK Enche Shafie bin Salleh berkata: "Pembenaan Universiti Kebangsaan di-Pantai Timor sangat wajar sa-kali kerana di-sini-lah ramai orang Melayu tinggal."

### *Biasiswa*

"Oleh kerana taraf hidup di-sini rendah, maka perbelanjaan sa-saorang pelajar tentu-lah lebeh murah lagi dan harga biasiswa pun boleh di-kurangkan pula."

"Ini berarti KGMK boleh mengeluarkan lebeh banyak biasiswa dan dermasiswa kapada anak2 ahli-nya yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi."

Menurut keterangan beliau, KGMK akan melancharkan pungutan derma seluroh ahli2 untok tabong Universiti Kebangsaan.

"Derma itu akan di-pungut satu persen daripada gaji ahli2 KGMK terdiri 1,700 orang."

"Derma itu di-jangka akan di-pungut melalui guru besar di-sekolah masing2," kata Enche Shafie lagi.

# Dr. Rasdan mungkin Naib Chanselar Universiti K'saan

25/6/69

KUALA LUMPUR 24 Jun — Pengetua Kolej Pertanian Serdang Dr. Mohamad Rasdan bin Baba besar kemungkinan orang pertama akan di-lantek sa-bagai Naib-Chansellor Universiti Kebangsaan.

Universiti itu yang akan memulakan penggal pertama pengajian-nya pertengahan tahun depan akan di-adakan di-Maktab Perguruan di-Lembah Pantai di-sini.

Menurut puncha2 yang tahu, Dr. Rasdan ada-lah merupakan orang yang paling layak kerana memenohi sharat2 yang di-perlukan bagi jawatan itu.

Menteri Pelajaran, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob mengumumkan baru2 ini bahawa kementerian-nya telah bersetuju melantek sa-orang yang berkelayakan untok jawatan itu dan nama-nya akan di-kemukakan kapada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak untok di-pertimbangkan.

Sharat utama untok di-lantek sa-bagai Naib-Chansellor itu ia-lah sa-orang yang mempunyai kaitan dengan usaha2 penubohan Universiti Kebangsaan.

Di-samping itu, orang itu juga mesti mempunyai kelulusan akedemik yang tinggi, semangat kebangsaan sejati dan mempunyai ketegasan bagi menchari jalan baru bagi mengatasi sa-barang masaalah pentadbiran.

Utusan Malaysia di-fahamkan hari ini bahawa Dr. Rashdan ada-lah orang yang memenohi sharat itu. Beliau ada-lah salah sa-orang ahli jawatankuasa penaja Universiti Kebangsaan.

Dr. Rashdan telah di-tugaskan baru2 ini merangka sukatan pelajaran di-Universiti Kebangsaan itu di-samping perkara2 kewangan serta kakitangan yang di-perlukan bersama Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zahiruddin.

Sementara itu, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob memberitahu pemberita2 di-Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini bahawa beliau akan mengumumkan nama pendaftar Universiti Kebangsaan pada 30 Jun ini.

# Pendaftar Varsiti Nasional di-lantek

1/7/69

KUALA LUMPUR 30 Jun — Menteri Pelajaran, Dato' Abdul Rahman Yaakub, hari ini mengumumkan perlantekkan Enche' Abdullah Salleh sa-bagai Pendaftar bagi Universiti Kebangsaan.

Enche' Abdullah Salleh, sa-hingga ini bertugas sabagai Setiausaha Rendah Kabinet dan Perlembagaan di-Jabatan Perdana Menteri, akan melaporkan diri untok tugas baru-nya esok di-Kementerian Pelajaran.

Universiti Kebangsaan akan memulakan kuliah2-nya pada bulan Mei tahun hadapan di-bangunan sementara-nya di-Maktab Perguruan Malaya, di-Lembah Pantai, di-sini.

Dato' Abdul Rahman mengumumkan perlantekan Enche' Abdullah itu di-dalam satu sidang akhbar yang di-adakan salepas beliau menghadhiri sidang pertama Ketua2 Pelajaran Negeri, di-Lembaga Pemereksaan, di-sini pagi tadi.

Menurut Dato' Abdul Rahman, Enche' Abdullah akan di-bantu oleh jawatankuasa2 kechil, yang telah di-bentok untok Universiti Kebangsaan, dalam mengator segala persiapan2 yang di-perlukan untok pembukaan universiti tersebut.

Beliau mensifatkan Enche' Abdullah Salleh sabagi orang yang paling layak sa-kali untok memegang jawatan Pendaftar Universiti Kebangsaan.

Perlantekan-nya telah di-setujui oleh Pengarah Gerakan, Tun Abdul Razak.

Di-tanya tentang Naib Chancellor untok universiti itu, Dato' Abdul Rahman menyatakan bahawa sa-takat ini maseh lagi belum melantek sa-siapa untok jawatan itu.

"Pehak kementerian saya sedar bahawa jawatan itu memerlukan orang yang betul2 sesuai dan berpengaroh, tetapi bagaimana pun kita akan chuba menchari-nya dengan sa-chepat mungkin," jelas beliau.

Buat sementara waktu ini, tambah-nya keutamaan mesti-lah di-berikan kapada perkara2 yang patut di-utamakan untok universiti yang akan memulakan kuliah2-nya pada bulan Mei tahun hadapan.

Mengenai perlantekan Pengarah baru bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato' Abdul Rahman menegaskan bahawa sa-takat ini beliau sedang menganalisa langkah2 yang hendak di-ambil bagi perlantekan Jawatankuasa Pengelola dewan yang baru.

Menurut beliau, jawatankuasa lama yang di-pengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Ahmad telah tamat tempoh perkhidmatan-nya hari ini.

"Jawatankuasa baru akan di-lantek dan ia akan mengadakan sidang-nya dengan sa-berapa segera bagi menchari orang yang layak untok memegang jawatan pengarah itu, dan saya akan menimbangkan chadangan mereka itu," tambah Dato' Abdul Rahman.

# Abdullah Salleh Pendaftar Varsiti Nasional

1/7/69

SETIAUSAHA Rendah Kabinet dan Perlembagaan di-Pejabat Perdana Menteri, Enche Abdullah bin Mohamed Salleh hari ini telah di-lantek menjadi Pendaftar Universiti Kebangsaan.

K. LUMPUR, Isnin

Perlantekan Enche Abdullah telah di-umumkan oleh Menteri Pelajaran, Dato Rahman Ya'akob dalam satu sidang akhbar di-Lembaga Pepereksaan di-sini hari ini.

Enche Abdullah akan melaporkan diri kapada Dato Rahman di-Kementerian Pelajaran esok.

Dato Rahman menyatakan bahawa kuliah2 Universiti Kebangsaan akan di-mulakan dalam bulan Mei 1970 depan dengan tempat sementara-nya di-Maktab Latehan Guru di-Lembah Pantai.

Tambah beliau lagi, bakal Naib-Chanselor Universiti Kebangsaan akan di-umumkan tidak lama lagi.

Dato Rahman berkata: "Buat masa ini, Enche Abdullah-lah akan menjalankan urusan2 untok menubohkan Universiti Kebangsaan itu.

"Buat masa ini saya tidak dapat mengumumkan nama Naib-Chanselor lagi. Biar-lah kita berjalan setapak demi setapak."

Di-tanya mengapa Enche Abdullah Salleh yang di-pileh, Dato Rahman berkata: "Saya dapati beliau-lah yang sesuai dan Timbalan PM Tun Razak juga bersetuju."

Di-tanya mengenai tenaga2 pengajar di-Universiti Kebangsaan, Dato Rahman berkata mula2 pensharah2 tempatan akan di-chari dan salebeh-nya akan di-usahakan dari mana2 saha-ja.

## Di-iktiraf

Dato Rahman yakin ijazah2 yang akan di-keluarkan oleh Universiti Kebangsaan akan di-'iti-raf juga di-luar negeri.

Kata beliau lagi, kursus2 yang akan di-adakan di-Universiti Kebangsaan itu ia-lah jurusan sains dan juga sastera.

Ketika di-hubongi di-pejabat-nya petang ini, Enche Abdullah Salleh berkata: "Sa-bagai saorang pegawai Kerajaan saya terima-lah perlantekan itu dengan senang hati.

"Buat masa ini saya akan menghubongi jawatankuasa2 yang di-tuboh-kan untok mengator langkah2 melahirkan Universiti Kebangsaan dan menchari penolong2 saya."

Menteri Pelajaran ulangi ikrar-nya

# Universiti K'saan tetap tahun depan

12/7/69

PARIT BUNTAR 11 JULAI

UNIVERSITI Kebangsaan akan tetap di-tubohkan pada tahun hadapan, demikian di-tegaskan oleh Menteri Pelajaran, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob di-sini hari ini.

Ikrar ini telah di-ulangkan oleh Dato'Rahman ketika beliau berchap merasmikan Sekolah Menengah Penglima Bukit Gantang.

Beliau berkata bahawa pada tahun hadapan kerajaan akan menubohkan Universiti Kebangsaan sabagai kemunchak dari sistem sekolah2 Kebangsaan.

Dato' Rahman menyatakan bahawa pelajaran melalui bahasa Malaysia telah berkembang bagitu pesat dengan tingkatan enam dapat di-adakan di-beberapa tempat di-negeri ini.

"Bukan itu sahaja Universiti Malaya telah pun mengeluarkan siswazah2 melalui bahasa pengantar bahasa Malaysia," tambah-nya.

Menyentoh tentang nilai pelajaran di-sekolah2 beliau berkata bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah mengadakan guru2 yang terlateh di-tiap2 sekolah.

Menurut-nya, Kementerian Pelajaran juga mengadakan beberapa kursus dalam perkhidmatan bagi guru2 yang telah terlateh.

"Pada tahun ini sahaja sa-banyak $300,000 telah pun di-untokkan bagi tujuan itu," kata-nya.

## KURSUS

Dato' Rahman berkata bahawa kursus2 itu meliputi Kursus Sains Rumah Tangga, Kursus Sains dan Ilmu Hisab, Kursus Kerjaraya dan Pengajaran Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua bagi guru2 di-Sekolah Menengah.

Beliau berkata bahawa dengan kursus2 demikian yang di-jalankan sa-masa chuti sekolah ada-lah diharapkan mutu pelajaran di-sekolah2 akan bertambah tinggi.

Dato' Rahman bagaimana pun menyatakan dukachita-nya kerana di-samping kemudahan2 yang diberikan di-sekolah2 maseh ada pelajar2 yang berhenti sekolah dengan alasan tidak mahu belajar.

Beliau menggesa ibu2 bapa yang berkenaan supaya berikhtiar menghantar anak2 mereka kembali kasekolah2 untok meneruskan pelajaran mereka.

Menteri Pelajaran itu merasa bangga dengan kemajuan Sekolah Menengah Panglima Bukit Gantang itu di-mana keputusan pepereksaan tingkatan lima telah meningkat dari 38% pada tahun 1967 kapada 69% pada tahun lalu.

"Tetapi saya dukachita kerana keputusan SRP telah merosot pada tahun lalu jika di-bandingkan dengan tahun 1967," tambah-nya.

# 'Jika mahu Universiti berjaya jangan sokong di-mulut saja'

20/7/69

SEMUA pehak yang ingin melihat projek Universiti Kebangsaan berjaya jangan-lah hendak-nya menyokong di-mulut sahaja tetapi dengan 'amalan saperti menghulorkan derma atau sebagai-nya.

Demikian di-nyatakan oleh Menteri Pelajaran, Dato Rahman Ya'akob salepas menerima derma

**K. LUMPUR, Sabtu**

$5,000 dari Kesatuan Kebangsaan Guru2 Sekolah Kebangsaan (KKGSK) di-pejabat-nya hari ini.

Kata Dato Rahman, derma untok Universiti Kebangsaan sekarang berjumlah $362,000 dan maseh banyak yang di-harapkan dari setiap ra'ayat yang menyokong projek kebangsaan ini.

## Derma

Turut serta dalam upachara tersebut Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh.

Dato Rahman memberitahu bahawa nama Naib-Chanselor Universiti Kebangsaan akan di-umumkan di-hujong bulan ini.

Presiden KKGSK, Enche Ahmad Abdul Rahman yang menyampaikan derma tersebut berkata bahawa derma tersebut ada-lah sebagai permulaan dan kesatuan-nya akan menderma lagi di-masa akan datang.

Beliau juga menyatakan sokongan penoh kesatuan-nya atas sikap Kementerian Pelajaran bahawa muiai tahun depan hanya chalun2 yang faseh bertutor dan pandai menulis Bahasa Malaysia akan di-pileh sebagai chalun2 guru.

Gambar menunjokkan Dato Rahman sedang berjabat tangan dengan Enche Ahmad sa-lepas penyampaian derma tersebut.

## Hassan Ahmad di-lantek Pemangku Pengarah DBP

# Dr. Rashdan di-lantek (UNIVERSITI KEBANGSAAN) N. Chanselar

31/7/69

KUALA LUMPUR 30 Julai — Dr. Mohamad Rashdan Baba, Pengetua Kolej Pertanian Serdang mungkin di-lantek sa-bagai orang pertama memegang jawatan Naib Chanselar Universiti Kebangsaan.

Sementara Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Enche' Hassan Ahmad besar kemungkinan di-lantek menjadi Pemangku Pengarah dewan itu.

Menteri Pelajaran, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob di-jangka membuat pengumuman ini salepas merasmikan meshuarat Lembaga Pengelola baru Dewan Bahasa dan Pustaka esok.

Menurut puncha2 yang tahu bahawa nama Dr. Rashdan telah di-kemukakan kapada Pengarah Majlis Gerakan Negara, Tun Abdul Razak dan Tun telah memberi persetujuan-nya.

Pendaftar pertama Universiti Kebangsaan ia-lah Enche' Abdullah Salleh yang mula menjalankan tugas-nya 1 Julai lalu.

Dr. Rashdan di-katakan orang yang paling layak memegang jawatan Naib-Chanselar itu bukan saja kerana kelayakan-nya tetapi juga mempunyai kaitan dengan usaha penubohan Universiti Kebangsaan.

Dr. Rashdan ada-lah salah sa-orang ahli Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan.

Beliau telah pun di-tugaskan merangka sukatan pelajaran di-Universiti Kebangsaan bersama Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zahiruddin.

Universiti Kebangsaan di-jangka memulakan kuliah-nya bulan Mei tahun depan di-Maktab Perguruan Lembah Pantai.

Mengenai jawatan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, puncha2 itu menerangkan bahawa Enche' Hassan Ahmad akan di-lantek sa-bagai Pemangku Pengarah bagi tempoh sa-tahun sa-belum beliau di-lantek penoh sa-bagai pengarah.

### KOSONG

Jawatan pengarah itu telah di-kosongkan oleh Enche' Ali Haji Ahmad yang meletakkan jawatan tersebut kerana di-lantek menjadi Menteri Muda Kewangan.

Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob di-katakan bersetuju dengan Enche' Hassan sa-bagai Pemangku Pengarah Dewan itu.

Utusan Malaysia di-beritahu juga bahawa Menteri Pelajaran akan melawat Indonesia mulai 3 Ogos [illegible].

Beliau akan di-iringi oleh Dr. Rashdan Pendaftar Universiti Kebangsaan Enche' Abdullah Salleh dan Timbalan Pengarah Dewan Bahasa Enche' Hassan Ahmad.

Tujuan lawatan tersebut ia-lah untok memperbinchangkan dengan pemimpin2 Indonesia mengenai beberapa perkara penting bagi kepentingan kedua negara.

Ini termasok pelaksanaan ejaan bersama, pengambilan guru2 dan pensharah2 Ugama Islam Indonesia, buku2 pelajaran dan penghantaran pelajar2 Malaysia ka-Ripablik itu.

Puncha2 itu berkata, penubohan Universiti Kebangsaan mungkin menjadi masaalah utama pemergian itu.

# Rasmi: Rashdan ketuai varsiti baru

4/8/69

KUALA LUMPUR
3 OGOS

PENGETUA Maktab Pertanian Serdang, Dr. Rashdan bin Baba telah di-umumkan sa-bagai Naib Chanselar Universiti Kebangsaan.

Pengumuman ini di-buat oleh Menteri Pelajaran, Dato' Haji Abdul Rahman Yaakub di-sini sabelum berlepas ka-Jakarta hari ini.

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman telah pun bersetuju di-atas perlantekan itu, kata Dato' Haji Abdul Rahman.

Mengenai lawatan-nya itu, Dato' Haji Abdul Rahman berkata bahawa lawatan-nya itu ada-lah untok membinchangkan perkara2 pengambilan penaharah bagi Universiti Kebangsaan itu.

## Masaalah

Itu-lah sebab-nya saya membawa Dr. Rashdan turut sama ka-Jakarta.

Kata Dato' Haji Abdul Rahman, saya juga berharap untok menemui pemimpin2 penuntut Malaysia untok mengkaji masaalah2 mereka.

Beliau berharap untok melantek sa-orang pegawai kebajikan penuntut2 di-sana tidak lama lagi.

Kata-nya, ini ada-lah mustahak memandangkan bilangan penuntut2 Malaysia yang sa-makin bertambah di-negeri itu.

Beliau akan menerangkan kapada penuntut2 Malaysia itu mengenai langkah yang di-ambil oleh kerajaan mengenai pelajaran.

Antara perkara2 lain yang akan di-binchangkan oleh menteri itu termasok-lah soal menetapkan tarikh pelaksanaan ejaan bersama Malaysia/Indonesia.

Dato Haji Abdul Rahman telah di-iringi oleh Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche' Abdullah Salleh dan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Enche' Hassan Ahmad.

# Dato Rahman ka-Jakarta: Kita perlu pensharah2

4/8/69

## *UNTOK UNIVERSITI KEBANGSAAN DAN RAMAI LAGI GURU*

KUALA LUMPUR, Ahad

MENTERI Pelajaran, Dato Abdul Rahman Ya'akob bertolak ka-Jakarta hari ini untok mendapatkan pensharah2 bagi Universiti Kebangsaan yang akan di-buka tahun depan.

Beliau juga akan berunding dengan Kerajaan Indonesia bagi mendapatkan pensharah2 untok Kolej Islam dan lebeh ramai lagi guru2 sains dan ilmu hisab untok sekolah2 menengah kebangsaan.

Ikut sama dalam rombongan Menteri itu ia-lah Naib-Chancellor Universiti Kebangsaan, Dr. Mohamed Rashdan Baba Pendaftar Universiti tersebut, Enche Abdullah Salleh dan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Enche Hassan Ahmad.

Lawatan-nya sa-lama kira2 lima hari, ia-lah atas undangan Menteri Pelajaran Indonesia, Dr. S. H. Mashuri yang telah di-sampaikan kapada-nya oleh Kedutaan Indonesia di-sini.

### Berunding

Dato Abdul Rahman memberitahu pemberita2 di-lapangan terbang antarabangsa Subang bahawa beliau akan berunding dengan Kerajaan Indonesia dalam semua bidang pelajaran.

Kata-nya, perkara penting yang akan di-rundingkan ia-lah bagi mendapatkan pensharah2 yang sesuai untok Universiti Kebangsaan.

"Kami berharap pehak Indonesia dapat mengadakan pensharah2 dan guru2 yang kami perlukan," kata-nya.

Satu lagi masa'alah penting yang akan di-rundingkan-nya ia-lah soal ejaan dan istilah antara kedua negara.

"Kami akan chuba mendapatkan satu tarikh yang sesuai bagi dua negara itu untok melaksanakan sistem ejaan Malindo," kata-nya.

### Menyetujui

Malaysia dan Indonesia telah menyetujui pada dasar-nya bentok sistem ejaan baru itu.

Sa-masa di-Jakarta Dato Abdul Rahman akan mengadakan satu perjumpaan dengan pelajar2 Malaysia di-Indonesia untok memberi laporan atas dasar pelajaran baru di-negeri ini.

Kata-nya bilangan pelajar2 Malaysia yang melanjutkan pelajaran ka-Indonesia bertambah dari masa ka-samasa.

Beliau menambah, saorang pegawai kebajikan pelajar2 akan di-lantek untok pelajar2 tersebut tidak lama lagi.

# Tugas chari pensharah2: Dr. Rashdan, Abdullah sa-bulan di-Jakarta

12/8/69

KUALA LUMPUR, Isnin. — Naib Chanselor pertama Universiti Kebangsaan, Dr. Rashdan Baba, di-jangka berada di-Indonesia sa-lama sabulan untok mendapatkan beberapa bantuan termasok pensharah2 untok Universiti Kebangsaan.

Bersama-nya nanti ia-lah Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh.

Demikian Berita Harian di-beritahu oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Enche Hassan bin Ahmad yang pulang ka-sini malam tadi.

Enche Hassan menyertai rombongan Menteri Pelajaran, Dato Abdul Rahman Ya'akub, sa-ramai empat orang, termasok Dr. Rashdan dan Enche Abdullah ka-Indonesia minggu lalu.

Dato Rahman di-jangka pulang Khamis ini satelah selesai lawatan rasmi-nya ka-Indonesia dan sekarang berada di-sana atas urusan peribadi.



DR. RASHDAN

## Kuliah

Sa-belum ini laporan dari Indonesia menyatakan bahawa Presiden Suharto sendiri bersetuju mengirim 20 orang pensharah Indonesia untok Universiti Kebangsaan.

Pensharah2 tersebut terdiri dari Universiti Indonesia, Jakarta dan juga Institute Teknoloji Bandung.

Universiti Kebangsaan akan memulakan kuliah pertama-nya di-Maktab Perguruan Persekutuan, Lembah Pantai di-sini Mei tahun depan.

Proses2 untok kelengkapan Universiti itu, termasok fakulti-nya yang pertama, jumlah pensharah-nya yang di-kehendaki dan perbelanjaan-nya sedang berjalan lanchar.

Di-fahamkan bahawa laporan yang di-susun oleh Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan yang telah di-luluskan pula oleh Kongres Universiti Kebangsaan awal tahun ini sedang di-semak oleh sa-buah jawatankuasa khas.

Anggota2 Jawatankuasa itu ia-lah Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Tan Sri Syed Zahiruddin bin Syed Hassan dan Dr. Rashdan bin Baba sendiri.

# Universiti Kebangsaan

1/8/69

## PEMIMPIN2 INDONESIA MEMANDANG TINGGI USAHA KITA, KATA DATO ABDUL RAHMAN YA'AKOB

KUALA LUMPUR, Juma'at.

KIRA2 100 orang pelajar akan di-pileh untok mengikuti kuliah pertama Universiti Kebangsaan awal tahun depan.

Demikian di-nyatakan oleh Menteri Pelajaran, Dato Haji Abdul Rahman Yaakob hari ini.

Untok permulaan Universiti itu akan mengadakan kuliah dalam jurusan sains dan sastera.

Kata-nya, pengambilan pelajar2 akan di-ator sa-baik saja Naib Chancellor Universiti itu, Dr. Rashdan Baba pulang dari Jakarta sadikit hari lagi.

### Hasrat Melayu

Dato Abdul Rahman pulang ka-Kuala Lumpur pagi ini dari lawatan 10 hari ka-Indonesia.

Kata-nya, pemimpin2 Indonesia termasok Presiden Suharto memandang tinggi usaha menubohkan Universiti itu.

Mereka mensifatkan usaha itu lahir dari hasrat orang2 Melayu yang ingin melihat Bahasa Malaysia mendapat kedudokan sa-wajar-nya.

Kata-nya, ia telah di-beri jaminan bahawa Kerajaan Indonesia akan memberi apa saja pertolongan.

Ini termasok-lah permintaan medapatkan 200 orang guru dari Indonesia untok sekolah2 menengah tahun depan dan 20 orang mahaguru untok Universiti Kebangsaan.

Beliau memberitahu bahawa pehak-nya sedang memperchepatkan usaha mengadakan sa-buah perpustakaan untok universiti itu.

Mengenai bantuan yang di-janjikan oleh Kerajaan2 Negeri untok universiti itu, Dato Abdul Rahman berkata:

"Perkara mendapatkan bantuan itu tidak sulit. Apabila tertuboh universiti itu kelak, kita akan meminta Kerajaan2 Negeri menunaikan janji mereka.

"Sa-tengah2 Kerajaan Negeri pun telah memberi sumbangan mereka," kata-nya.

# 100 orang siswa pelupor untok Universiti Kebangsaan

16/8/69

Dato' Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 15 OGOS

MENTERI Pelajaran, Dato Haji Abdul Rahman Yaakob mengumumkan hari ini bahawa seramai 100 orang pelajar permulaan akan di-ambil untok memasoki Universiti Kebangsaan yang akan di-buka pada tahun depan.

Pelajar2 itu akan mengikuti pelajaran2 sastera dan sains di-universiti tersebut

Dato' Abdul Rahman memberitahu Bernama bahawa Kerajaan Indonesia telah pun memberikan jaminan memberikan pensharah2 yang di-perlukan untok Universiti Kebangsaan itu.

Jaminan ini telah di-berikan oleh Presiden Suharto sendiri serta Menteri Pendidekan dan Kebudayaan, Mr. Mashuri.

Dato' Abdul Rahman baru saja pulang dari Indonesia sa-lepas melawat Indonesia kira2 saminggu mulai 3 Ogos lalu.

## Pertemuan

Menurut beliau dalam pertemuan-nya dengan Presiden Suharto pada 4 Ogos lalu, Ketua Negara itu telah berjanji berusaha memberikan pertolongan kapada kita dalam menubohkan Universiti Kebangsaan dan memberikan tenaga guru2 dari Indonesia.

Dato' Haji Abdul Rahman menyatakan puas hati-nya dengan jaminan2 yang telah di-berikan oleh pemimpin2 Indonesia dalam usaha menjayakan Universiti Kebangsaan itu.

Menurut-nya, rakyat dan pemimpin2 Indonesia menyanjong tinggi hasrat Kerajaan Malaysia mendirikan Universiti Kebangsaan itu.

Dato' Abdul Rahman menambah bahawa dalam pertemuan-nya dengan Menteri Pelajaran Indonesia "Saya telah memohon supaya pemerentah Indonesia menghantar 100 orang guru ka-Malaysia untok mengajar di sekolah2 menengah pada tahun depan."

"Saya ,uga telah meminta seramai 20 orang mahaguru2 dari mereka," kata-nya lagi.

Dato' Haji Abdul Rahma ntelah juga mengadakan rundingan2 dengan Chansellor2 Universiti2 Teknoloji Bandung, Gajah Mada dan Universiti Indonesia di-Jakarta.

"Saya tidak sangka dalam rundingan2 itu mereka telah memberikan perhatian utama terhadap penubohan Universiti Kebangsaan," kata-nya lagi.

## Bantuan

Dato' Haji Abdul Rahman menambah bahawa Mr. Mashuri telah membayangkan beberapa chara bantuan yang boleh di-berikan bagi menjayakan Universiti Kebangsaan itu.

Menteri Pelajaran itu menyatakan bahawa ada gulongan2 order lama di-Indonesia yang mahu menggunakan persoalan menghantar guru2 dari Indonesia ka-Malaysia sabagai persoalan politik dalam negeri.

Mereka mengatakan bahawa penghantaran guru2 ini akan merugikan Indonesia kerana kehilangan cherdek pandai dan ahli pendidek yang mahir.

Dato' Haji Abdul Rahman juga menyatakan bahawa Naib Chansellor Universiti Kebangsaan, Dr Rashdan dan Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche' Abdullah Salleh akan berada di-Indonesia beberapa hari lagi untok mengadakan pertemuan dan bertukar2 fikiran dengan bakal2 chalun dan professor2 Universiti Kebangsaan. — Bernama.

# Varsiti Kebangsaan: Pengumuman Menteri Pelajaran di-alu2kan

KUANTAN 20 OGOS

21/8/69

BEBERAPA buah badan2 belia, tokoh2 parti politik, kesatuan2 sukarela dan kesatu2 sa-kerja mengalu2kan pengumuman Menteri Pelajaran Dato' Haji Abdul Rahman Yaakob mengenai penerimaan mahasiswa yang pertama untok Universiti Kebangsaan mulai tahun depan.

Kalangan itu juga merasa lega dan mengalu2kan mengenai ura2 Universiti Kebangsaan itu akan di-dirikan di-Pantai Timor Malaysia Barat.

Dato' Haji Abdul Rahman sa-kembali-nya dari Indonesia mengumumkan seramai 100 orang mahasiswa jurusan sastera dan sains akan di-terima mulai tahun depan.

Setiausaha Persatuan Kelab Belia Malaysia Negeri Pahang, Daing Ahmad Abdullah berkata, "antara yang paling gembira dengan pengumuman Menteri Pelajaran itu ia-lah rakyat negeri2 di-Pantai Timor."

Kata-nya, tentu-lah ibu bapa di-Negeri2 Pahang yang terdiri dari 80 peratus orang Melayu, Trengganu 95 peratus dan Kelantan 95 peratus merasa lapang dada mereka dengan pengumuman yang paling berharga itu.

Sa-orang pemimpin PAS, yang juga menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Trengganu, Haji Mohamad Taib bin Haji Ismail berkata:

"Kalau di-tinjau dari segi ekonomi bangsa Melayu memang-lah patut Universiti Kebangsaan itu di-dirikan di-Negeri Pantai Timor untok memberi peluang yang lebeh luas kapada anak2 Melayu yang kurang mampu di-sabelah sini untok masok ka-Universiti Kebangsaan itu."

# Varsiti Nasional di-Pantai Timor 'tidak lojik...'

22/8/69

**KOTA BAHARU, Khamis.**

**SA-ORANG tokoh Pelajaran dari Kelantan hari ini tidak bersetuju dengan kenyataan Menteri Pelajaran Dato Abdul Rahman Ya'akub tentang kemungkinan mendirikan Universiti Kebangsaan di-Pantai Timor.**

Tokoh pelajaran itu tidak bersedia nama-nya di-siarkan kerana sebab2 perjawatan, sa-balek-nya menggesa Kerajaan Pusat membena universiti itu di-Ibu Kota.

Kata - nya: "Di-Kuala Lumpur adalah tempat sa-baik2-nya Universiti Kebangsaan di-dirikan.

Beliau memberi tiga sebab utama kenapa universiti itu patut di-dirikan di-Kuala Lumpur dan tidak di-Pantai Timor.

**PERTAMA:** Dari segi perhubongan:

Kalau di-bena di-Kuala Lumpur, pehak universiti itu senang berhubong dengan pemimpin2 kerajaan — khusus-nya Menteri Pelajaran sendiri untok keperluan kelengkapan universiti itu.

Perhubongan itu boleh menggunakan talipon atau menemui sendiri dengan tidak payah berchuti berhari2 untok menyampaikan laporan keperluan universiti.

**KEDUA:** Imej Universiti Kebangsaan:

Sa-bagai sa-buah Universiti Kebangsaan — Universiti itu harus di-letakkan lebeh tinggi dari lain2 universiti suatu hari kelak.

Untok menchapai taraf itu, mustahil dapat di-lakukan kalau universiti itu di-bena di-luar Kuala Lumpur atau di-Pantai Timor.

Bagaimana Kerajaan dan ra'ayat seluroh - nya hendak memandang tinggi kapada universiti itu kalau ia terletak di-kawasan yang mundor.

Sedangkan universiti itu sendiri bukan kepunyaan satu2 kaum sahaja, kerana ia merupakan lambang dan kemunchak chita2 dasar Pelajaran Kebangsaan negara ini.

**KETIGA:** Kemajuan pelajaran mahasiswa:

Kata orang, kalau betul2 mahu berjuang biar-lah di-medan-nya dan Ibukota Kuala Lumpur adalah tempat yang sa-baik2-nya untok berlumba2 mengejar ilmu pengetahuan dengan fikiran terbuka.

Kita tidak harus meninggalkan tempat itu kerana di-situ juga menjadi nas kita bersama dan tidak-lah lojik memileh kawasan yang mundor untok berlumba2 dengan orang lain yang telah maju," kata-nya.

Tambahan pula, alam sa-keliling boleh mempengarohi siswa2 universiti itu.

Beruchap kapada pelajar2 Malaysia di-Jogjakarta dalam lawatan-nya ka-Indonesia minggu lalu Dato Abdul Rahman Ya'akub telah membayangkan kemungkinan bangunan universiti itu akan di-dirikan di-Pantai Timor Malaysia Barat untok mengubah sikap mental dan suasana di-kawasan tersebut yang di-dapati kurang maju.

Beliau berharap Menteri Pelajaran menimbang sa-mula chadangan untok membena Universiti Kebangsaan di-Pantai Timor demi kepentingan universiti itu sendiri.

"Saya pernah mengemukakan pendapat saya kenapa universiti itu patut di-bena di-Kuala Lumpur tidak lama dahulu," kata-nya.

Mengenai soal ekonomi siswazah2 dari Pantai Timor untok belajar di-universiti itu, beliau berkata bahawa hak2 istimewa orang2 Melayu boleh di-gunakan untok mengatasi pekara itu.

# Universiti Nasional: MPM merangka memorendam baru

25/8/69

KOTA BAHARU, Ahad.

MAJLIS Pelajaran Melayu Kelantan sedang merangka sabuah memorendam kapada Kementerian Pelajaran berhubong dengan penubohan Universiti Kebangsaan.

Jurubichara MPM Kelantan memberitahu bahawa memorendam itu akan mengandongi chadangan2 dan di-antara-nya meminta Kementerian Pelajaran mendirikan universiti itu di-Pantai Timor ini.

## Fakulti pertanian

"Kalau tidak pun biar-lah fakulti pertanian universiti itu di-tempatkan di-Kelantan sesuai dengan ada-nya projek pertanian Kemubu," kata-nya.

Menurut beliau MPM Kelantan dalam meshuarat jawatankuasa-nya kelmarin telah menyokong 100% Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang.

Beliau menambah kata: "Meshuarat itu juga telah menetapkan hari meshuarat agong MPM Kelantan pada 10 Oktober hadapan.

"Meshuarat itu akan membinchangkan undang2 tuboh baharu MPM Kelantan untok membolehkan orang persaorangan menjadi ahli bersendirian."

"Sa-lama ini MPM Kelantan hanya menerima persatuan2 dan pertubohan2 bergabong. Sa-banyak 17 buah persatuan dan pertubohan telah bergabong dengan MPM Kelantan sejak di-tubohkan tahun 1964 dahulu."

## Kegiatan

Menerangkan kegiatan2 MPM Kelantan beliau menyatakan bahawa pehak-nya akan memperlengkapkan asrama MPM Kelantan di-Jalan Telipot di-sini dengan kemudahan2 tertentu.

"Sekarang asrama ini mempunyai 23 pelajar dari tingkatan lima dan enam yang menuntut di-Maktab Sultan Ismail."

"Jawatankuasa MPM Kelantan akan mengadakan kelas2 pelajaran kapada pelajar2 yang tinggal di-asrama itu di-bawah pimpinan khas tidak lama lagi," demikian menurut jurubichara itu.

Menurut keterangan beliau Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Ismail dan beberapa orang kenamaan telah menyumbangkan bantuan memperlengkapkan asrama itu dengan kerusi meja dan lain2.

# Makin ramai ibubapa2 menghantar anak2 ka-sekolah Kebangsaan

28/8/69

KUALA LUMPUR, Rabu. — ramai ibubapa2 di-negeri ini hendak menghantar anak2 mereka belajar di-sekolah2 kebangsaan pada tahun depan — 20,000 lebeh dari bilangan pada tahun lepas.

Demikian jurubichara Kementerian Pelajaran. Enche Mohamad Kaus bin Haji Salleh memberitahu hari ini.

Kata-nya, daripada jumlah 178,000 orang kanak2 yang telah di-daftar baru2 ini, sa-ramai 110,000 memileh untok belajar di-sekolah2 rendah kebangsaan pada tahun 1970.

Sa-jumlah 68,000 orang lagi di-daftar untok belajar di-sekolah2 rendah jenis kebangsaan (Inggeris).

## Puas hati

Menurut Enche Kaus, pehak Kementerian merasa puas atas meningkat-nya jumlah kanak2 yang hendak belajar di-sekolah2 rendah kebangsaan.

Enche Kaus juga mengumumkan bahawa Kementerian telah selesai menjalankan satu kajian mengenai jumlah guru2 sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan (Inggeris) yang chekap dan tidak chekap dalam bahasa Malaysia.

Menurut-nya, hanya sa-bilangan kechil saja guru2 sekolah rendah yang tidak chekap dalam bahasa Malaysia tidak lebeh dari 10 peratus dari jumlah guru2.

Guru2 yang tidak chekap dalam bahasa Malaysia itu akan di-beri kursus perchuma oleh Kementerian untok membolehkan mereka mengajar mata2 pelajaran dalam bahasa Malaysia mulai tahun depan.

Pehak Kementerian Pelajaran telah membuat persiapan2 untok memulakan kursus itu dalam chuti penggal ketiga tahun ini.

Kursus2 itu akan di-adakan di-maktab2 perguruan terutama di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Baharu.

Guru2 yang di-kenakan menyertai kursus itu akan di-beritahu tidak lama lagi.

# Universiti Nasional: Tiga faktor untok jaya

31/8/69

KUALA LUMPUR, Sabtu.

MENTERI Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Dato Abdul Samad Idris, hari ini menyebut tiga faktor penting untok menjadikan Universiti Kebangsaan sa-taraf dengan pusat2 pengajian tinggi lain di-negeri ini.

Pertama Universiti Kebangsaan mesti-lah mempunyai chukup tenaga pengajar.

Kedua ia mesti-lah mempunyai bahan2 bachaan asas dalam bahasa Melayu sa-kurang2-nya chukup untok penuntut2 mengikuti kursus sarjana muda. Dan ketiga, bahasa Melayu hendak-lah di-jadikan satu bahasa yang ilmiah, moden dan praktis.

Dato Abdul Samad yang juga menjadi pengerusi lembaga pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka baharu berkata demikian ketika beruchap di-perjumpaan para sarjana, ahli2 sains, penterjemah2 luar dan penulis buku2 teks pengajian tinggi dalam bahasa Melayu di-Balai Budaya DBP petang ini.

Dato Abdul Samad berkata: "Universiti Kebangsaan tetap akan di-wujudkan tahun depan. Jadi kita perlu membuat banyak persediaan untok memenohi kehendak2 universiti itu.

## Chabaran

"Kelahiran universiti ini ada-lah merupakan satu chabaran kapada kita dan terserah-lah kapada kita untok menentukan kejayaan-nya.

"Kita terpaksa menyusun langkah2 atau ranchangan2 yang konkrit mulai dari sekarang."

Tambah Dato Abdul Samad, Dewan tersebut memikul tugas yang amat berat untok mewujudkan dua dari tiga faktor itu ia-itu mengadakan buku2 dan menjadikan bahasa Melayu satu bahasa yang moden, progresif dan ilmiah.

"Untok melaksanakan tugas2 yang amat besar itu-lah perjumpaan serupa ini di-adakan untok mewujudkan satu kerjasama rapat yang berkekalan.

"Saya yakin tanggong-jawab bersama kita ini akan berjaya. Pehak Dewan Bahasa dan Pustaka sedia mengadakan segala rupa kemudahan untok usaha ini."

# Gagal menyampai derma Universiti Kebangsaan

1/9/69

TELOK ANSON 31 Ogos — Kegagalan Sharikat Orang2 Melayu Kerajaan Hilir Perak untok menyampaikan derma sa-banyak $5,000.00 kapada Tabong Universiti Kebangsaan akan merupakan satu perkara yang hangat yang akan di-binchangkan dalam meshuarat agong sharikat itu yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Demikian di-nyatakan oleh beberapa orang ahli sharikat itu kapada Utusan Malaysia di-sini hari ini.

Mereka juga menyesali sikap jawatankuasa sharikat itu yang tidak mahu bertanggongjawab untok menjalankan keputusan meshuarat agong dengan menjalankan ikhtiar supaya derma untok Tabong Universiti Kebangsaan itu dapat di-sampaikan segera.

Sharikat tersebut telah membuat keputusan dengan sa-bulat suara hendak menderma sa-banyak $5,000.00 kapada Tabong Universiti Kebangsaan dalam meshuarat agong sharikat itu yang di-adakan di-Dewan Kwang Tong, di-sini, pada 27 Oktober tahun lalu.

Wang itu ada-lah sa-bahagian daripada keuntongan berseh yang di-perolehi oleh sharikat itu berjumlah sa-banyak $65,430.93.

Derma untok Tabong Universiti Kebangsaan itu tidak dapat di-sampaikan kerana bertentangan dengan tambahan peratoran sharikat itu yang di-bolehkan mengeluarkan derma sa-banyak 10% sahaja daripada keuntongan berseh yang di-perolehi-nya.

# Sumbangan guru2 bagi penubohan Universiti Kebangsaan di-puji

9/10/69

KANGAR
8 OKTOBER

GURU2 Sekolah Kebangsaan telah memainkan peranan yang penting dan aktif dalam usaha penubohan Universiti Kebangsaan di-negeri ini.

Demikian di-tegaskan oleh Ketua Pegawai Pelajaran, Negeri Perlis, Enche' Idris Haji Tain, ketika beruchap merasmikan Persidangan Agong Tahunan Kesatuan Kebangsaan Guru2 Sekolah Kebangsaan (KKGSK) chawangan Perlis, di-sini, baru2 ini.

Kata-nya, "Tidak dapat kita nafikan bahawa guru2 sekolah kebangsaan telah memainkan peranan yang besar dalam usaha2 pendidekan dan pelajaran di-negeri ini dan sanggup pula memberi derma yang banyak terhadap penubohan Universiti Kebangsaan."

Beliau berkata, dalam bidang hendak mengatasi kelemahan2 pelajaran di-sekolah2 kebangsaan hari ini tidak kurang usaha2 yang di-jalankan oleh pehak2 yang berkenaan terutama sa-kali di-kalangan guru2 sendiri dengan mengadakan seminar2, foram2, dis-kus, perbinchangan2 dan lain2.

Tambah-nya lagi "masaalah ini ada-lah di-antara masaalah2 yang patut kita binchangkan, fikirkan dan renongkan supaya dapat di-kumpul satu tenaga kolektif untok menghapuskan kelemahan2 itu atau pun dapat mengurangkan daripada yang ada."

Beliau menegaskan bahawa kerjasama guru2 di-sekolah2 kebangsaan sekarang amat-lah mustahak bagi memikul tanggongjawab untok di-jadikan asas menchapai pelajaran tinggi melalui pendidekan2 aliran kebangsaan di-masa2 akan datang.

Beliau berharap dengan ada-nya persidangan guru2 yang sa-umpama itu, akan dapat memberikan idea2 atau chahaya2 baharu berasaskan dengan usaha2 yang telah di-jalankan pada masa2 lampau.

# Universiti Kebangsaan perlukan 20 jawatan

5/11/69

KUALA LUMPUR 4 Nov — Lebeh 20 jenis jawatan di-perlukan untok Universiti Kebangsaan yang akan di-buka pada awal tahun depan.

Jawatan2 tersebut termasok-lah jawatan Bendahari, Pegawai Perpustakaan, Penolong Pendaftar, Pembantu Kewangan, dan Pensharah2.

Demikian di-nyatakan oleh Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche' Abdullah Salleh pada Bernama hari ini.

Mereka yang hendak memohon jawatan2 ini hendak-lah terdiri dari warga negara Malaysia.

Beberapa jawatan penting dalam Universiti Kebangsaan itu nanti memerlukan pemohon2 yang lulus dalam Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-taraf dengan-nya.

Enche' Abdullah menambah kata pengambilan pelajar2 pertama untok universiti tersebut akan di-lakukan pada awal tahun depan.

Pelajar2 itu akan mula mengikuti kuliah mereka pada bulan Mei depan ia-itu sama saperti pelajar2 Universiti Malaya.

Menurut beliau sa-bagai permulaan hanya pelajar2 jurusan sains dan sastera sahaja yang akan di-ambil belajar di-universiti tersebut.

Kata-nya bangunan Maktab Perguruan Persekutuan di-Lembah Pantai tetap akan di-jadikan Universiti Kebangsaan nanti.



Enche' Abdullah

Enche' Abdullah berkata yang hendak memohon jawatan bendahari hendak-lah mempunyai kelulusan iktisad (professional) yang di-iktirafkan dan pengalaman yang luas dalam pentadbiran kewangan dan lulus dalam Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-taraf dengan-nya.

Mereka yang di-pileh nanti akan mendapat tangga gaji $1,620 sampai $1,920.

Sementara Pegawai Perpustakaan mesti-lah mempunyai ijazah dari universiti yang di-iktirafkan dan pengetahuan yang chukup dalam Bahasa Melayu.

Lain2 jawatan yang di-perlukan ia-lah Penolong Pendaftar, Pembantu Perpustakaan, Pembantu Pentadbir, Pembantu Kewangan, dan Pembantu Makmal dan lain2 pegawai lagi.

Mereka juga akan di-berikan kemudahan mengikut kadar yang di-beri kapada kakitangan2 yang sa-rupa jawatan-nya di-Universiti Malaya.

## BAKAL

Sementara itu satu rombongan mahasiswa Universiti Malaya sekarang sedang mengadakan penyiasatan di-kawasan sa-ribu ekar tanah di-Jalan Sungai Lembing Pahang berhampiran dengan Bukit Goh, yang di-katakan bakal menjadi tapak Universiti Kebangsaan.

Badan2 belia dan kesatuan2 yang menghadhiri satu meshuarat di-sini semalam telah sa-bulat suara mendesak Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran supaya Universiti Kebangsaan itu di-dirikan di-Kuantan.

Di-antara badan2 yang hadhir dalam meshuarat itu ia-lah Gabongan Kelab2 Belia Malaysia, Pahang, Persatuan Bekas Perajurit, Wakil2 Penuntut, pengakap, Palang Merah dan Kesatuan2 Guru disini.

UNTOK MENGAJAR SEMUA

# Universiti Kebangsaan memerlukan banyak pensharah

8/11/69



ENCHE ABDULLAH

**KUALA LUMPUR, Juma'at**

BERPULOH2 orang kakitangan untok mengisi pelbagai jawatan di-Universiti Kebangsaan di-kehendaki sekarang dengan tangga gaji mereka sama saperti di-Universiti Malaya.

Mereka terdiri dari professor2, pensharah2, bendahari, pegawai perpustakaan, penolong pendaftar, pembantu perpustakaan, pembantu pentadbir, pembantu kewangan, setiausaha, kerani, pembantu ma'amal dan juru2-taip.

Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh memberitahu hari ini bahawa gaji kakitangan yang di-kehendaki itu sama saperti gaji kakitangan Universiti Malaya.

Kata-nya, professor2 dan pensharah2 di-perlukan untok mengajar ilmu fizik, kimia, mathematik, kajihayat, kajibumi, bahasa dan kesusasteraan Melayu, kajimasharakat dan kajimanusia, sejarah, ilmu asim, ekonomi, bahasa dan kesusasteraan Inggeris.

Gaji permulaan untok professor2 dari $1,770 hingga $2,130 — boleh di-lantek ka-mana2 tangga gaji antara gaji yang di-tetapkan itu mengikut kelulusan dan pengalaman.

Gaji permulaan untok pensharah2 kanan pula ia-lah: $1,350; pensharah2 pula $920 dan penolong2 pensharah: $800.

Gaji permulaan untok bendahari dan pegawai perpustakaan dari $1,620 hingga $1,920.

Penolong Pendaftar pula dari $750 hingga $1,100 — dan chalun2 boleh di-lantek ka-mana2 tangga gaji mengikut pengalaman.

Pembantu Perpustakaan dalam perchubaan sa-banyak $504, dan yang berkelulusan, $600.

Pembantu Kewangan dan Pembantu Pentadbir di-tawarkan tangga gaji permulaan sa-banyak $504 hingga $860, sementara Setiausaha pula dari $650 hingga $723.

## Sharat2

Gaji untok kerani dan pembantu ma'amal sa-banyak $140 dan jurutaip dari $126 hingga $230, mengikut kelulusan chalun2.

Iklan sa-chara besar2an telah di-terbitkan melalui akhbar2 dengan keterangan lengkap sharat2 yang di-kehendaki oleh pehak Universiti Kebangsaan.

Enche Abdullah belum dapat menerangkan berapa jumlah kakitangan dari pelbagai peringkat itu yang di-kehendaki.

Kata-nya, pensharah2 dan kakitangan itu di-untokkan bagi Universiti Kebangsaan yang akan di-buka Mei tahun depan bertempat di-Maktab Perguruan Perempuan Lembah Pantai di-sini.

Dan permohonan2 untok semua jawatan itu hendak-lah di-buat melalui borang2 yang di-sediakan (4 salinan) yang boleh di-dapati dari Timbalan Setiausaha (Tambahsentara) Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur.

Satu sampul surat berukuran 9in. x 4in. bertulis alamat sendiri hendak-lah di-kirimkan kapada Timbalan Setiausaha itu dan permohonan akan di-tutup pada 9 Disember.

'Kebanyakan teks yang di-siapkan oleh DBP terjemahan belaka'—Hassan



# Ejaan baru di-pakai dalam buku2 Universiti Kebangsaan

KUALA LUMPUR, Isnin.

EJAAN2 Malaysia-Indonesia akan di-gunakan dalam buku2 keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka untok Universiti Kebangsaan.

Demikian di-beritahu oleh Pemangku Pengarah DBP, Enche Hassan Ahmad dalam satu sidang akhbar hari ini.

Oleh HARUN TAIB

Kata-nya, hingga ini 20 buah buku sastera untok kegunaan Universiti itu telah siap untok di-chetak.

Sa-banyak 30 buah lagi kebanyakan-nya buku2 sains sedang di-sunting manakala 60 buah lagi sedang di-terjemahkan.

Menurut Enche Hassan, keperluan buku2 teks untok tahun pertama Universiti itu yang memulakan kuliah-nya tahun depan telah di-sediakan oleh DBP.

Persiapan untok keperluan buku2 bagi tahun kedua dan sa-terus-nya sedang di-buat.

Beliau mushkil kerana kebanyakan buku2 yang akan di-gunakan oleh Universiti Kebangsaan itu ada-lah terjemahan belaka.

Ini ia-lah kerana belum ada karangan2 asli dalam Bahasa Malaysia oleh anak2 negeri ini untok di-gunakan oleh universiti itu.

### Kekosongan

Kata-nya, di-negeri ini ramai anak2 Melayu yang mempunyai pengetahuan tinggi tetapi mereka belum lagi menyumbangkan buku2 yang di-perlukan untok pelajaran tinggi.

Beliau merayu golongan cherdek pandai supaya bekerjasama dengan pehak-nya untok mengisi kekosongan buku2 pengetahuan dalam Bahasa Malaysia.

Kata-nya, penerbit2 buku di-London dan Amerika telah memberi hak untok menterjemah buku2 penerbitan mereka ka-dalam Bahasa Malaysia untok universiti itu.

### Kaji balek

Sa-belum ini Enche Hassan memberitahu bahawa DBP telah menubohkan sa-buah jawatankuasa peranchang jabatan pengarang untok mengkaji masa'alah2 penerbitan Dewan.

Jawatankuasa itu juga bertanggong jawab untok menyemak sa-mula buku2 yang di-terbitkan masa2 lalu untok di-baiki sesuai dengan keadaan sekarang.

Kata-nya lagi, pehaknya sekarang sedang menyusun satu sistem kerja yang lebeh berkesan supaya masa'alah2 dan tanggong jawab yang lebeh berat di-masa depan dapat di-atasi dengan mudah.

# 2,000 memohon jawatan 'am Varsiti Nasional

27/11/69

KUALA LUMPUR, Rabu. — Lebeh 2,000 orang telah memohon jawatan2 'am, termasok kerani dan jurutaip di-Universiti Kebangsaan yang akan memulakan pengajian-nya Mei tahun depan.

Demikian di-umumkan oleh Pendaftar Universiti itu, Enche Abdullah Salleh hari ini.

Sementara itu pelateh2 guru di-Maktab Perguruan Persekutuan di-Lembah Pantai sekerang akan di-pindahkan ka-Maktab Perguruan Ilmu Khas di-Cheras tahun depan.

Sa-orang juruchakap Kementerian Pelajaran memberitahu bahawa pensharah2 dan kakitangan Maktab Perguruan Persekutuan itu turut di-pindahkan.

Kata-nya: "Mulai Januari tahun depan bangunan Maktab Perguruan itu dan kawasan-nya akan di-ambil aleh dan di-jadikan bangunan sementara sementara Universiti Kebangsaan."

Kata-nya, sa-ramai 29 orang pelajar di-maktab itu yang sedang mengikuti latehan guru, akan menyambong pelajaran mereka di-Maktab Ilmu Khas di-Cheras.

Bangunan Maktab Perguruan itu berharga $5.4 juta, di-bena tujoh tahun dahulu sa-bagai salah satu bahagian dari ranchangan kilat Kementerian Pelajaran untok melateh guru2 dalam Bahasa Malaysia.

## Sambutan

Enche Abdullah Salleh pula memberitahu bahawa sambutan orang ramai untok menjadi kerani dan juru2taip di-universiti Kebangsaan itu "amat memuaskan."

Lebeh 1,000 orang memohon kerja sa-bagai jurutaip dan hampir 1,000 pula untok kerani sa-telah di-tutup iklan semalam, kata-nya.

Permohonan untok jawatan pensharah, penolong pensharah dan professor2 (dalam bahagian akademik) akan di-tutup 9 Disember, kata-nya lagi.

Beliau memberitahu bahawa permohonan2 untok jawatan2 'am lain saperti berikut: 19 orang sa-bagai penolong pendaftar; 18 orang sa-bagai pembantu pentadbir; tiga sa-bagai pegawai perpustakaan; sembilan sa-bagai bendahari; enam sa-bagai pembantu perpustakaan dan 10 sa-bagai penolong Kewangan.

Beliau memberitahu bahawa iklan untok mengambil pelajar2 pertama bagi Universiti Kebangsaan akan di-buat awal tahun depan dan jumlah-nya belum di-tetapkan lagi.

PEGAWAI DARI INDONESIA AKAN KA-SINI

# Ambilan pensharah Universiti Nasional di-runding

9/1/70

KUALA LUMPUR, Khamis.

SA-ORANG pegawai dari Kementerian Pendidekan Indonesia akan datang ka-sini pada 16 Januari bagi merundingkan soal pengambilan pensharah2 dari negara itu untok Universiti Kebangsaan.

Demikian Menteri Pelajaran, Dato Abdul Rahman Yaakub, memberitahu pemberita2 sa-lepas menerima derma dari Sharikat Mobil Oil Malaya Sdn. Bhd. berjumlah $10,000 — $5,000 untok Universiti Kebangsaan dan $5,000 untok Universiti Malaya, di-pejabat-nya hari ini.

Pengarah Urusan Sharikat itu, Enche R.P. Maxon, telah menyampaikan chek2 derma tersebut. Ikut hadhir dalam majlis itu, Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh, dan Naib Chanselor Universiti Malaya, Prof. Ungku Aziz.

## Dalam proses

Dato Rahman belum dapat memberitahu berapa ramai pensharah2 dari Indonesia itu akan di-ambil nanti.

Menurut-nya, pehak-nya sekarang sedang dalam proses pengambilan kakitangan dan pensharah2 tempatan disamping mengpruskan pengambilan pensharah2 dari Indonesia itu.

Kata-nya lagi, satengah2 pemohon yang berjaya di-dalam temudega telah pun ditawarkan jawatan yang mereka pohon.

Beliau menegaskan bahawa Universiti Kebangsaan tetap akan memulakan kuliah-nya bulan Mei depan di-Maktab Perguruan Persekutuan di-Lembah Pantai di-sini.

## Kuliah2 sains

Kira2 100 orang pelajar akan di-ambil untok mengikuti kuliah2 dalam jurusan sains, sastera dan Islam.

Dato Abdul Rahman berkata, bantuan2 kewangan sangatlah di-kehendaki untok membangunkan Universiti ini.

Sa-takat ini Tabong Universiti Kebangsaan baharu menerima derma berjumlah kira2 $375,000.

Sa-takat ini tempat yang tetap bagi Universiti itu belum lagi di-putuskan.

Bagaimanapun, kata-nya, ia lebeh bersetuju jika Universiti itu di-tempatkan di-Pantai Timor, misal-nya di-Pahang.

"Tetapi soal ini terpulang kapada Kerajaan Pusat yang berhak memutuskan-nya," kata beliau.

# 'Saya mahu Universiti Kebangsaan di-dirikan di-Pahang' — Rahman

9/1/70

KUALA LUMPUR 8 Jan — Menteri Pelajaran Dato' Abdul Rahman Yaacob menyatakan bahawa beliau sendiri mahukan Universiti Kebangsaan di-dirikan di-Pahang.

Bagaimana pun, kata-nya, perkara ini terpulanglah kapada Kerajaan Pusat untok membuat keputusan yang muktamad.

Dato' Abdul Rahman menyatakan ini kapada pemberita2 sa-lepas menerima sumbangan derma sa-banyak $10,000 dari Pengarah Urusan Sharikat Mobil Sendirian Berhad, Enche' R.P. Maxon untok Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya.

Chek2 itu kemudian-nya telah di-serahkan oleh Dato' Rahman kapada Naib Chanselor Universiti Malaya, Prof. Ungku Aziz, $5,000 dan Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche' Abdullah Salleh ($5,000).

Menteri Pelajaran itu memberitahu bahawa Universiti Kebangsaan akan memulakan kuliah2-nya pada bulan Mei ini dengan pengambilan penuntut2 di-perengkat pertama seramai kira2 100.

Bagi perengkat permulaan ini hanya kuliah2 sains, sastera dan pengajian Islam sahaja akan di-ajar di-universiti tersebut.

Beliau memberitahu bahawa pengambilan penuntut2 yang lebeh ramai lagi akan di-lakukan sa-kira-nya tenaga2 mengajar di-universiti itu menchukupi.

## INDONESIA

Dato' Abdul Rahman mengatakan bahawa kementerian-nya sedang mengadakan rundingan di-perengkat akhir dengan pehak yang berkenaan di-Indonesia untok mendapatkan pensharah2 dari negeri itu.

Menurut beliau, dua orang pegawai kanan dari Kementerian Pendidekan dan Kebudayaan Indonesia akan tiba di-sini pertengahan bulan ini untok mengadakan rundingan yang lebeh lanjut mengenai perkara tersebut.

Beliau menegaskan bahawa Universiti Kebangsaan memerlukan pensharah2 yang berkelayakan dan peluang2 ini terbuka luas kapada warganegara sendiri.

## MOHON

Menurut beliau, sa-hingga ini ramai juga warganegara negeri ini yang memohon jawatan2 pensharah di-universiti itu, di-antara-nya terdapat sa-ramai tujoh orang memohon untok menjadi pensharah dalam jurusan ilmu alam.

Permohonan2 mereka itu tambah beliau, akan di-timbang dengan sa-adil2-nya mengikut kelayakan masing2 oleh pehak universiti tersebut.

Menurut Dato' Abdul Rahman lagi, pehak universiti itu juga pada masa ini sedang mengambil pegawai2 untok jabatan2 lain bagi memenohi keperluan-nya.

Menyentoh tentang tapak untok bangunan Universiti Kebangsaan itu, Dato Abdul Rahman berkata, "saya lebeh suka universiti ini di-dirikan di-kawasan Pantai Timor saperti di-Pahang."

Bagaimana pun tambah beliau lagi, masaalah tapak untok universiti itu akan di-binchangkan dengan lebeh teliti lagi.

# Varsiti Nasional: Tiga fakulti di-buka

21/1/70

KUALA LUMPUR 20 Jan. — Universiti Kebangsaan yang akan di-buka dalam bulan Mei ini akan di-mulakan dengan tiga fakulti.

Fakulti2 tersebut ia-lah fakulti Islam dan sastera dan sains, demikian Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche' Abdullah Salleh memberitahu Bernama hari ini.

Lebeh 100 orang di-jangka di-ambil untok belajar di-universiti tersebut dalam tahun pertama nanti.

## PELAJAR2

Kata-nya, pengambilan pelajar2 akan di-mulakan bila keputusan pepereksaan Sijil Pelajaran Tinggi di-ketahui kira2 akhir bulan depan.

Enche' Abdullah menerangkan bahawa Universiti Kebangsaan tidak menghadapi kesukaran untok mendapatkan tenaga2 pengajar di-universiti itu nanti.

"Yang menjadi persoalan sekarang ia-lah apa-kah kita akan mendapat chukup pelajar2 yang layak dan mempunyai sharat2 yang di-kehendaki untok belajar di-universiti itu nanti," kata-nya.

Kementerian Pelajaran telah pun menyerahkan Bangunan Maktab Perguan Lembah Pantai yang berharga $5.4 juta itu kapada Universiti Kebangsaan sejak awal bulan ini.

Sa-bilangan kakitangan2 universiti tersebut telah pun mula bertugas di-situ.

Pemindahan seluroh kakitangan dan pegawai2 universiti tersebut di-jangka akan di-buat menjelang bulan Mei sa-belum pelajar2 memulakan kuliah-nya.

## PENSHARAH2 AKAN DI-AMBIL DARI LUAR TERUTAMA DARI INDONESIA



DR. RASHDAN

# Universiti Kebangsaan di-buka serentak bulan Mei

24/1/70

KUALA LUMPUR, Juma'at.

UNIVERSITI Kebangsaan akan di-buka serentak dengan Universiti Malaya pertengahan Mei nanti.

Rangka kasar sukatan pelajaran Universiti Kebangsaan sudah di-siapkan dan akan di-binchangkan bersama professor2 dan pensharah2-nya sa-belum di-ajar kapada mahasiswa-nya.

Demikian Naib Chanselor Universiti itu, Dr. Rashdan bin Baba memberitahu Berita Harian hari ini.

Beliau mengalu2kan jaminan Prof. Ungku Aziz yang mahu terus mengambil pelajar2 aliran Melayu memasoki Universiti Malaya sa-sudah Universiti Kebangsaan di-tubohkan.

Kata-nya: "Itu bagus sekali, kerana Universiti Kebangsaan akan mengambil pelajar sa-chara terhad bilangan-nya untok peringkat pertama ini."

### Bersetuju

Pelajar2 yang akan di-ambil itu ia-lah dari aliran Melayu untok jurusan2 Sains, Sastera dan Islam—dan tempat pengajian-nya ia-lah di-Maktab Perguruan Persekutuan, Lembah Pantai di-sini.

Universiti Kebangsaan akan mengambil pensharah2 dan professor2-nya dari dalam dan luar negeri, terutama dari Indonesia.

Prof. Ungku Aziz, Naib-Chanselor Universiti Malaya telah mengumumkan bahawa Universiti-nya bersama Universiti Kebangsaan dan Universiti Pulau Pinang bersetuju untok mengadakan dasar yang sama mengenai penerimaan mahasiswa2.

### Kerjasama

Persetujuan tersebut terkandong dalam satu perjanjian yang di-buat dalam pertemuan pendaftar2 Universiti itu, kata-nya.

Ketiga2 universiti tersebut akan bekerjasama mengatasi masa'alah2 biasa yang sama2 di-hadapi supaya kemajuan pengajian tinggi di-Malaysia terchapai.

Pehak2 pentadbir universiti2 itu akan berunding dari sa-masa ka-sa-masa bagi mengatasi masa'alah2 bersama

# Badan khas memileh siswa2 untok Universiti Kebangsaan

10/3/70

KUALA LUMPUR, Isnin.

SA-BUAH lembaga untok memileh mahasiswa masok Universiti Kebangsaan akan di-bentok tidak lama lagi.

Anggota2 lembaga tersebut terdiri dari kakitangan Universiti Kebangsaan sendiri yang akan di-lantek kelak. Tugas-nya ia-lah memileh mahasiswa ka-Universiti itu.

Demikian Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah bin Mohamad Salleh mengumumkan dalam satu pertemuan dengan Berita Harian.

Sa-ramai 200 orang mahasiswa pertama akan di-pileh dan belajar di-Universiti tersebut bulan Mei.

Pemilehan itu, kata-nya, akan di-buat kira2 dua minggu dari sekarang—dua minggu sa-lepas keputusan Sijil Persekolahan Tinggi (HSC) di-umumkan.

Keputusan HSC dari semua aliran di-umumkan kelmarin sa-telah tertangguh beberapa kali.



EN ABDULLAH

**CHATATAN:** Universiti Kebangsaan akan memulakan pengajian dalam tiga fakulti—Fakulti Islam, Fakulti Sastera dan Fakulti Sains. Kursus2 di-ajar dalam Bahasa Malaysia, tetapi bahasa Inggeris ada-lah mata pelajaran yang di-wajibkan. Pengajaran akan di-beri juga dalam bahasa Arab di-Fakulti Islam.

## Pilehan

Pehak-nya, tambah-nya, akan membuat satu pengumuman khas mengenai tahun pelajaran di-Universiti Kebangsaan "supaya pelajar2 dapat membuat pilehan mereka dengan baik untok memasoki Universiti Kebangsaan."

Tambah-nya, Universiti Kebangsaan akan menubohkan Lembaga Pemileh sendiri untok memileh mahasiswa2 yang memasoki-nya.

"Unit Pusat Universiti2 hanya menyediakan senarai permohonan2 dari seluroh Malaysia, dan kemudian-nya mengasingkan lis2 itu untok universiti2 yang berkenaan," kata-nya.

## Komputer

Universiti2 yang bekerja-sama mengumpulkan permohonan2 tersebut ia-lah Universiti Malaya, Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan.

Pengasingan senarai dan lis permohonan2 itu akan di-buat dengan komputer.

Enche Abdullah akan menguruskan supaya mahasiswa2 Universiti Kebangsaan dapat menggunakan Perpustakaan Universiti Malaya buat sementara Perpustakaan-nya sendiri lengkap.

# Universiti Kebangsaan ambil dua pensharah dari luar negeri

18/4/70

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Sa-ramai 17 orang pensharah telah menerima tawaran berkhidmat di-Universiti Kebangsaan yang akan di-buka 18 Mei depan dengan 170 orang mahasiswa.

Antara pensharah2 itu termasok dua orang dari luar negeri — sa-orang dari-nya lulus Ph. D. jurusan ekonomi di-Amerika dan sa-orang lagi lulus dalam jurusan sains kajibumi di-Jerman.

Dan dari 170 mahasiswa pertama yang sian di-pileh pula, 100 dari-nya jurusan sastera, 40 sains dan 30 pengajian Islam.

Demikian di-umumkan oleh Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh dalam satu pertemuan dengan Berita Harian hari ini.

## Tawaran

Enche Abdullah lalu memberitahu b a h a w a chalun2 yang di-terima atau tidak ka-Universiti Kebangsaan akan mendapat surat2 tawaran paling lewat 25 April ini.

Kata-nya, semua pelajar2 yang di-terima di-Universiti Kebangsaan akan tinggal di-asrama, dan tawaran tender untok membekalkan makanan telah pun di-keluarkan.

Kata-nya, Universiti Kebangsaan telah menerima 487 permohonan untok memasoki jurusan sastera" dan kita telah pileh 100 yang terbaik dari-nya.

Oleh HADZRAMI A.R.

"Pelajar2 jurusan sains dan Pengajian Islam juga di-pileh dari yang terbaik," tambah-nya.

Pemilehan mu'tamad bagaimanapun akan di-ketahui sa-lepas pendaftar2 Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Pulau Pinang bersidang sahari dua ini.

Pendaftaran pelajar Universiti Kebangsaan, kata-nya ia-lah sa-hari atau dua sa-belum 18 Mei, dan mula belajar 18 Mei.

"Tetapi mahasiswa2 itu akan belajar pada 21 Mei kerana hari 18 Mei hingga 20 Mei itu hari chuti," tambah-nya lagi.

Kata-nya lagi, Universiti Kebangsaan telah membuat 20 tawaran untok jawatan pensharah dan penolong pensharah tidak lama dahulu.

"Sa-ramai 17 orang telah pun menerima-nya dan sa-bahagian mereka mula bertugas sekarang. Yang lain2 beransor2 datang," kata-nya.

# Pelajar Islam mahu UK tetap di-K.L.

22/4/70

KUALA LUMPUR, Selasa. — Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPIM) tetap mahu universiti kebangsaan di-tubohkan di-Kuala Lumpur kerana di-sini terdapat semua kemudahan2 dan kelengkapan2 yang di-perlukan.

Pemangku yang di-pertua persatuan itu, Enche Mansor bin Abdul Rahman berkata bahawa ada-lah lebeh praktik universiti itu di-tubohkan di-Ibukota dan tidak di-Kuantan sa-bagaimana di-shorkan oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Malaysia (PKPM).

Beliau menjelaskan bahawa Kuala Lumpur sudah mempunyai kelengkapan dan persediaan2 untok penubohan universiti itu di-samping mempunyai tenaga pelajar, tenaga pensharah serta bahan2 bachaan dan kajian serta alat perhubongan yang baik.

## Pendapat

PKPIM, kata-nya, berpendapat bahawa Universiti Kebangsaan ada-lah merupakan pusat pengajian tinggi yang akan menyelaraskan dasar pelajar kebangsaan Malaysia.

"Dengan sebab itu kami mahu pusat-nya di-tempatkan di-kawasan yang stratejis, ia-itu di-Kuala Lumpur," kata-nya.

PKPIM bagaimanapun tidak keberatan kalau kolej2 atau chawangan2 universiti tersebut di-tubohkan di-Pantai Timor atau di-mana2 sahaja yang perlu apabila universiti tersebut telah tertuboh dengan tegoh dan kukoh.

# Tapak tetap Universiti Kebangsaan: PKPM gesa bentok badan khas

28/4/70

KUALA LUMPUR, Isnin.

PERSATUAN Kebangsaan Pelajar2 Malaysia (PKPM) hari ini menggesa pehak berkuasa Universiti Kebangsaan membentok sa-buah badan bebas untok mengkaji soal tapak yang tetap bagi Universiti itu.

Dan Menteri Pelajaran, Dato Abdul Rahman Yaakob sendiri hendak-lah mempengerusi badan itu, kata-nya dalam satu kenyataan hari ini.

Badan itu hendak-lah meminta pandangan2 dan memorandum dari badan2 serta orang2 persaorangan mengenai perkara itu, kata-nya.

Persatuan itu membuat chadangan ini sa-telah Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Islam Malaysia (PKPM) mendesak supaya Universiti itu di-tempatkan di-Kuala Lumpur. Ini juga anjoran dari Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris.

PKPM pula mahu ia di-tempatkan di-Kuantan.

PKPM mendakwa mendapat sokongan dari: Kesatuan Pelajar2 Institut Teknoloji MARA, Persatuah Mahasiswa2 Universtuan Mahasiswa2 Universiti Malaya; Persatuan Pelajar2 Maktab Perguruan Teknik;

## Chadangan

Kesatuan Penuntut2 Maktab Perguruan Pulau Pinang; Persatuan Pelajar2 Kolej Pertanian dan Persatuan Siswa2 Maktab Teknik.

PKMP berkata, ini berarti sokongan dari 11,000 orang penuntut di-maktab2 dan Universiti yang inginkan Kuantan sabagai tapak tetap Universiti Kebangsaan.

Kenyataan PKPM hari ini yang di-tandatangani oleh Presiden-nya yang baru, Enche Sidek Nontak menyeru badan2 lain supaya menyokong chadangan menubohkan badan bebas itu.

Kata Enche Sidek: PKPM berpendapat bahawa soal tapak tetap Universiti Kebangsaan ada-lah suatu soal nasional."

Kenyataan itu menyatakan lagi sebab2-nya Kuantan paling sesuai sabagai tapak tetap Universiti itu, antara-nya:

- Kuantan tempat paling sesuai untok jurusan2 pengajian di-Universiti itu nanti.
- Ia paling sesuai untok sekolah pertanian, sekolah perikanan, sekolah perkayuan, sekolah perlombongan dan lain2 sa-umpama-nya.

# Tapak UK: Selangor sedia 400 ekar

4/5/70

KUALA LUMPUR, Ahad. — Sa-bidang tanah 400 ekar siap sedia untok Universiti Kebangsaan, kata Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris, petang ini.

Kata-nya, tanah itu sa-takat ini belum dapat di-jelaskan tempat-nya, tetapi Kerajaan Selangor sedia memberi kalau pehak Universiti Kebangsaan menghantar permohonan.

Dato Harun mengulangi tawaran ini sa-waktu meraikan 45 orang pelajar Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri, di-tempat kediaman-nya petang ini.

Dato Harun berkata, tidak menjadi masa'alah sekarang tentang tempat Universiti itu tetapi biar-lah ia terbentok di-Ibukota.

"Soal tempat bukan-lah perkara pokok tetapi yang penting ia-lah taraf-nya yang harus di-jaga dan paling sesuai Universiti itu di-adakan di-Kuala Lumpur demi menjaga taraf-nya.

### Di-tubohkan

Sa-bagai Universiti ta-elok-lah di-tubohkan dekat dengan Ibukota negara ini dan kalau di-luar daerah biar-lah dalam negeri Selangor.

"Saya sedia memberi 400 ekar tanah Selangor untok Universiti Kebangsaan tetapi saya menunggu permohonan dari pehak yang berwajib Universiti itu.

"Saya rasa pada masa akan datang Sekolah2 Universiti boleh-lah di-bentok di-tempat2 lain sa-bagai chawangan Universiti Kebangsaan.

"Saya tidak bermaksud untok memperkechilkan tawaran negeri2 lain untok menubohkan Universiti Kebangsaan tetapi tawaran Selangor berdasarkan kepentingan dan taraf universiti itu," kata-nya.

Mereka telah mendengar penerangan mengenai Pembangunan Negeri Selangor di-Bilek Gerakan Penerangan Negeri pagi tadi.

# PM Tengku binchang kegiatan kesatuan

PULAU PINANG, Ahad — Tengku Abdul Rahman hari ini mengadakan perbinchangan tidak rasmi dengan Enche Harm G. Buiter, setia-usaha agong Gabongan Antara Bangsa Kesatuan2 Sa-kerja Bebas (ICFTU) mengenai beberapa aspek kegiatan2 kesatuan sa-kerja dalam negeri ini.

Enche Buiter yang terbang ka-sini dari Kuala Lumpur pagi ini juga membinchangkan dengan Tengku kedudokan politik dalam negeri ini di-Hotel Palm Beach di-Batu Feringhi, 10 batu dari bandar.

Kemudian-nya Enche Buiter telah mengunjongi Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu dan membinchangkan dengan-nya beberapa masa'alah kesatuan sa-kerja, termasok chadangan membena kolej ICFTU di-Pulau Pinang.

"Ketua Menteri telah menyuarakan sokongan penoh dan kerjasama Kerajaan-nya bagi menjayakan kolej yang di-chadangkan itu di-Pulau Pinang" kata Enche Buiter kapada wartawan sa-belum balek ka-Kuala Lumpur.

Beliau menyatakan bahawa belum ada keputusan muktamad oleh Majlis Kerja ICFTU untok memindahkan kolej yang sekarang ini ada di-New Delhi ka-Pulau Pinang.

# 34 di-terima ka-Varsiti Kebangsaan belum dapat biasiswa lagi

10/5/70

KUALA LUMPUR, Sabtu.—

SA-RAMAI 34 orang bakal mahasiswa fakulti Islam Universiti Kebangsaan maseh belum mendapat biasiswa mereka.

Mereka ada-lah antara 37 orang yang di-tawarkan mengambil jurusan pengajian Islam di-universiti tersebut.

Antara mereka ia-lah sembilan orang pelajar perempuan.

Menurut sharat, mereka mesti melaporkan diri masing2 di-universiti itu hari Khamis ini.

Di-fahamkan, tiga orang pelajar yang telah mendapat biasiswa dari Kerajaan Negeri masing2 itu ia-lah:

Abdul Manan bin Andul, dan Ahmad Bazali dari Pahang serta Mohamad Azmi bin Haji Mohamad dari Negeri Sembilan.

## Pertemuan

Berita Minggu hari ini sempat menemui empat dari 34 orang pelajar yang maseh belum mendapat biasiswa itu.

Auni bin Haji Abdullah, berumor 21 tahun dari Kota Baharu Kelantan berkata: "Saya tidak tahu apa yang jadi kapada saya kelak kalau tidak mendapat biasiswa."

Halimah binte Haji Abdul Samad, berumor 21 tahun pula berkata: "Sa-



Oleh
SHAFIE NOR

ya pun belum mendapat jawapan tentang biasiswa yang saya minta dulu."

Halimah memohon Biasiswa Persekutuan (Kementerian Pelajaran).

M shkurah binti Haji Mohamad Yasin, 20 tahun berkata ia sangat2 mengharapkan biasiswa "kerana keluarga saya miskin dan kurang mampu."

## Tawaran

Ab ng-nya, Mohamad Noor, 23 tahun juga berjaya mendapat tawaran mengambil pengajian Islam di-Universiti Kebangsaan itu, "tetapi bagaimana kalau saya tidak mendapat biasiswa kelak?"

Mereka tel h pun menghubongi Pendaftar Universiti Kebangsaan, Enche Abdullah Salleh mengenai perkara itu dan akan menghubongi Kementerian Pelajaran minggu depan.

Sementara itu 70 orang dari 105 orang pelajar lelaki perempuan telah mendaftark n diri untok belajar dalam tingkatan enam (bawah) di-Kolej Islam hari ini.



MASHKURAH
'Keluarga miskin'

Pengetua Kolej Islam, Ta i Sri (Dr.) Abdul Jalil Hassan memberitahu, 35 orang akan mengambil jurusan sastera, 35 pengajian Islam dan 35 orang jurusan sains.

Sa-ramai 23 orang pelajar yang berjaya belajar di-Kolej Isl m itu ia-lah bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kolam Ayer di-sini.

# Universiti Kebangsaan untok ra'ayat berbilang kaum

13/5/70

UNIVERSITI Kebangsaan akan lahir Khamis ini atas dasar untok meluaskan khidmat-nya kapada sesiapa sahaja yang mahu menchari sa-suatu yang lebeh.

Dan siswazan-nya nanti akan sanggup menghadapi sa-barang keadaan, kata Naib Chanselor Universiti itu, Dr. Rashdan Baba, hari ini.

K. LUMPUR, Selasa

Beliau lalu berharap sa-tiap mahasiswa universiti itu akan bersama2 menanamkan semangat muhibbah dan berazam untok berkhidmat kapada negara menerusi bilek2 kuliah dan kegiatan2 luar kuliah.

"Dan Universiti Kebangsaan bukan-lah sa-bagai satu kumpulan masharakat tertentu, malah ia menjadi hak negara dan untok semua ra'ayat berbilang kaum.

## Berusaha

"Universiti ini akan memberi peluang kapada sa-tiap warganegara yang mempunyai kelayakan dan mereka yang berusaha memajukan diri sendiri," tegas-nya.

Dalam satu sidang akhbar pagi ini, Dr. Rashdan tersenyum, tetapi tegas memberi jaminan, bahawa fakulti sains di-universiti itu tidak akan rendah taraf-nya.

"Taraf dan kedudokan satu2 fakulti itu bergantong kapada mahasiswa dan kakitangan universiti sendiri untok berusaha menyediakan makmal2 yang baik."

Kata-nya, Universiti Kebangsaan akan memulakan kuliah-nya dengan 171 orang mahasiswa — 98 orang untok jurusan sastera, 37 orang sains dan 36 fakulti Islam.

## Fakulti

Antara-nya termasok lima orang mahasiswa bukan Melayu—empat orang dalam jurusan sastera dan sa-orang untok jurusan sains.

Antara 98 orang mahasiswa jurusan sastera itu termasok 32 orang perempuan. Sa-ramai 12 orang mahasiswa perempuan juga akan mengambil pengajian Islam dan lima orang untok jurusan sains.

Dr. Rashdan berkata, bagi kuliah tahun pertama ini, bahasa Inggeris dan ilmu hisab akan di-wajibkan dan mahasiswa jurusan sastera pula akan mengambil mata2 pelajaran sains dan ilmu hisab bagi tahun pertama.

Menurut-nya, pelajaran sains dan pelajaran2 tentang hal perikemanusiaan juga di-wajibkan kapada mahasiswa fakulti Islam.

Dr. Rashdan menjelaskan bahawa kuliah pengajian bagi tiap2 jurusan akan memakan masa sa-lama empat tahun untok mendapat ijazah sarjana muda dengan kepujian (BA Hons).

Mahasiswa yang tamat kuliah-nya sa-lama tiga tahun hanya akan mendapat ijazah am.

## Berumding

Di-tanya mengenai kesatuan pelajar, beliau berkata, ia lebeh setuju kalau di-bentok badan pelajar sahaja atau majlis pelajar tanpa menggunakan nama kesatuan.

Tentang tapak universiti itu pula, Dr. Rashdan berkata, perkara itu terlalu awal di-kaji sekarang dan apa yang perlu ialah menyelesaikan masa'alah yang sedang di-hadapi dulu.

"Bagaimana pun, sabelum keputusan di-buat mengenai-nya, kami berharap pehak Universiti akan di-panggil berunding sama nanti," tegas-nya.

Akhir-nya Dr. Rashdan berharap hubongan erat akan terjalin antara mahasiswa dan kakitangan universiti dan kedua pehak akan menghargai masa'alah yang di-hadapi bersama nanti.

# 5 gadis perintis sains di-Universiti Kebangsaan

16/5/70

KUALA LUMPUR, Jum.

LIMA orang gadis termasok sa-orang dari Sarawak menjadi mahasiswa perintis dalam jurusan sains Universiti Kebangsaan.

Dan sa-orang bukan Melayu antara 32 orang mahasiswa lelaki yang akan belajar dalam jurusan tersebut.

Masing2 yakin akan berjaya kelak, "kerana kami ingin membuktikan Bahasa Malaysia boleh memenohi kehendak pelajaran tinggi, terutama dalam jurusan sains."

Mahani Omar, anak sa-orang tukang gunting rambut dari Kampong Dadang Miri, Sarawak berkata:

"Saya harap dapat mengikuti kuliah kelak, walaupun saya sa-orang pelajar aliran Inggeris."



ROKAYAH
Mahu jadi ahli kimia



KOH AIK
Belanja sendiri

Mahani ia-lah bekas pelajar Maktab Tanjong Lubang Miri dan abang-nya, Fahmi sedang mengambil kursus satistik di-Institut Teknoloji MARA, Petaling Jaya.

"Saya amat gembira sa-kali kerana menjadi pelajar wanita yang tunggal dari Sarawak dalam kumpulan pertama ini," kata Che Mahani yang mendapat biasiswa Kerajaan negeri-nya.

Koh Aik Khoon, 22 tahun, pelajar bukan Melayu yang tunggal dalam jurusan sains.

Koh ia-lah anak kedua kapada sa-orang pekerja lombong dan ia belajar dengan perbelanjaan sendiri.

"Saya memileh Universiti Kebangsaan kerana yakin atas usaha Kerajaan untok mendaulatkan Bahasa Malaysia," tegas-nya.

## Berchita2

Koh berasal dari Kampong Pinang, Taiping dan bekas pelajar St. Georges Institution, Taiping.

Maimon Abdullah, 21 tahun, dari Parit Stongkat, Muar, pula berkata: "Saya berchita2 nak jadi guru bila berjaya kelak."

Maimon ia-lah bekas pelajar Sekolah Perempuan Sultan Abu Bakar dan Sekolah Tinggi, Muar.

Ia ia-lah anak ketiga dari 11 orang adek beradek dan bapa-nya sa-orang guru ugama di-kampong-nya.

Ia gembira kerana menjadi orang ketiga dari kampong-nya berjaya melanjutkan pelajaran ka-universiti.



MAIMON - - - ketiga dari kampong-nya.

Rokayah Aman, 19 tahun, anak sa-orang peniaga berharap akan berjaya kelak menjadi ahli kimia.

Ia mendapat biasiswa Persekutuan sa-telah belajar di-Kolej Islam, Petaling Jaya.

Lain mahasiswa wanita yang mengambil jurusan sains, Zuriati Abdullah, Wan Zainon Wan Yusuf menyatakan mereka kemari dengan penoh azam dan harapan.

## Nelayan

Sa-orang mahasiswa lelaki tunggal dari Sarawak, Abdullah Sruji, 20 tahun akan mengambil jurusan sastera.

Ia berasal dari keluarga nelayan dari Rajang, Sarawak dan bekas pelajar Maktab Tanjong Hawang.

Sa-belum ini Abdullah menjadi guru sementara di-kampong-nya dan belajar dalam tingkatan enam melalui pos sahaja.



MAHANI
Anak tukang gunting

Esok Naib Chenselor Universiti Kebangsaan, Dr. Rashdan Baba akan menyampaikan amanat penting kapada semua mahasiswa.

Lepas itu mereka akan mendengar satu penerangan ringkas dari Ketua Perpustakaan, Enche Abdul Aziz bin Sheikh Maidin.

# 29 PENSHARAH BERKHIDMAT DNG VARSITI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, Isnin. — Sa-ramai 29 orang pensharah akan berkhidmat dengan Universiti Kebangsaan mulai 21 Mei ini.

Sa-ramai 16 orang pensharah lagi dari Indonesia akan ka-mari segera untok bertugas dalam fakulti sains dan sastera.

Dan Universiti Kebangsaan telah menawarkan gelaran Professor kapada:

Tan Sri (Dr.) Abdul Jalil Hassan, Pengetua Kolej Islam yang akan bertugas dalam fakulti Islam.

Dr. Syed Muhamad Naguib Al-Attas, bekas Dekan Fakulti Sastera Universiti Malaya yang akan bertugas dalam jurusan kesusasteraan dan Bahasa Melayu.

Sa-takat ini mereka belum memberi jawapan mengenai lantekan itu.

Pensharah2 lain ia-lah:

## Nama2

Dr. Abdul Halim Haji Ismail (ekonomi), Enche Ariffin Suhaimi (kajihayat), Enche Bagindo Sofjan Muchtar (dari Indonesia, ekonomi), Enche Maulud Yusuf (antropoloji dan Sosioloji), Enche Abdul Manaf Ahmad (kajihayat).

Dr. Mohamad Ghazali Haji Abdul Rahman (kajihayat), Che Noramly Muslim (kimia), Dr. Tengku Iskandar Alibasjah (pensharah kanan kesusasteraan dan Bahasa Melayu), Enche Thia Hong Djin (dari Indonesia, pensharah kanan kajibumi), dan Che Siti Hawa Saleh (kesusasteraan dan Bahasa Melayu).

Dan penolong2 pensharah pula ia-lah: Enche Halim Ali (antropoloji/sosioloji), Enche Abdul Hamid Abdullah (ilmu alam), Enche Ali Ahmad (kesusasteraan), Che Margaret Ann Milne Shearer (bahasa dan kesusasteraan Inggeris), Enche Mohamad Haji Saleh (bahasa dan kesusasteraan Inggeris).

## Penolong

Enche Mohamad Aris Haji Othman (antropoloji), Enche Mohamad Sham Haji Mohamad Sani (ilmu alam), Sharifah Zainah Syed Khalid (bahasa Melayu), Che Yohani Haji Mohamad Yusuf (bahasa Melayu), Enche Zakaria Awang Soh (ilmu alam).

Penulong2 Pensharah fakulti Islam ia-lah: Enche Hassan Saleh, Enche Ibrahim Yasin, Enche Mohamad Haji Abu Bakar, Enche Osman Khalid dan Enche Ramlee Haji Ismail.

# Semua mengalu2 Tun Chanselor Universiti Kebangsaan

14/7/70

KUALA LUMPUR, Rabu. — Saperti sireh pulang ka-gagang kalau Tun Razak di-lantek menjadi Chanselor Universiti Kebangsaan.

Sa-bagai orang yang mula2 sa-kali, menchipta Dasar Pelajaran Kebangsaan, Tun Razak "paling layak" menyandang jawatan tersebut, kata Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat (KGGMB), hari ini.

KGGMB yakin Tun Razak bukan sahaja dapat meninggikan imej Universiti Kebangsaan, malah beliau akan menjadi pendorong kuat kapada anak2 Malaysia yang belajar dalam persekolahan aliran Melayu sekarang dan akan datang.

Setiausaha KGGMB, Enche Kasim Harun, meramalkan masa depan Universiti Kebangsaan akan lebeh terjamin kiranya Tun Razak di-lantek memenohi jawatan tersebut.

Semalam Pengerusi Lembaga Pengelola Universiti Kebangsaan, Dato Sheikh Hussein bin Sheikh Mohamed berkata tarikh untok menghantar surat lantekan itu belum di-tetapkan dan Lembaga akan mengadakan sidang bulanan-nya tidak lama lagi.

### *Setuju*

Kata Enche Kasim: "Sa-siapa sahaja yang menyokong kelahiran Universiti Kebangsaan, tentu 100 peratus bersetuju dan berpuas hati Tun Razak menjadi Naib Chanselor-nya."

Dan beberapa orang pejuang2 bahasa Melayu serta penyokong2 Universiti Kebangsaan bila di-hubongi hari ini sapendapat mahukan Tun Razak mengambil tugas yang penting itu.

Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Malaysia (PKPM) juga amat gembira kalau Tun Razak di-lantek menjadi Chanselor yang pertama Universiti Kebangsaan itu.

"Tun Razak bukan sahaja layak memenohi kehendak ra'ayat, malah beliau akan dapat menjamin kedudokan dan perkembangan Universiti Kebangsaan.

"Kami bersetuju dan menyokong penoh lantekan-nya kelak," kata Yang di-Pertua PKPM, Enche Sidek Noniak.

# Universiti Kebangsaan akan ambil 430 pelajar

15/1/70

K. LUMPUR, Isnin

UNIVERSITI Kebangsaan akan mengambil kira2 430 orang pelajar baru, tahun depan. Dan sa-kurang2-nya 30 orang pensharah sedang di-chari untok menampong tenaga pengajar di-universiti itu kelak.

Demikian Berita Harian di-fahamkan hari ini.

Menurut ranchangan, bilangan pelajar universiti itu akan meningkat hingga 520 orang tahun depan, termasok 191 orang pelajar yang sedang mengikuti kuliah tahun pertama sekarang.

Sa-ramai antara 150 hingga 200 orang akan di-ambil untok fakulti sastera, 100 orang untok jurusan sains dan antara 60 hingga 70 orang bagi fakulti Islam.

"Memandang bertambah-nya bilangan pelajar nanti, kami memerlukan sa-kurang2-nya 30 orang pensharah baru untok ketiga2 fakulti itu," kata sa-orang juruchakap universiti tersebut.

## Di-bentok

Menurut-nya, tiap2 fakulti yang mempunyai 19 jabatan lain, akan memerlukan sa-kurang2-nya dua orang pensharah tahun depan.

Pensharah2 universiti tersebut sekarang seramai 36 orang —16 di-fakulti sastera, 14 di-fakulti sains dan 6 orang di-fakulti Islam.

Juruchakap itu menyebut bahawa langkah sedang di-ambil untok menubohkan satu yunit lagi untok pengajian bahasa Arab di-samping yunit pengajian bahasa Inggeris sekarang.

Kata-nya, yunit2 pengajian bahasa lain juga akan di-bentok kelak mengikut keperluan dan perkembangan baru nanti.

Sementara itu di-fahamkan, rangka perbelanjaan Universiti Kebangsaan tahun depan telah pun di-bentangkan kapada Kementerian Pelajaran.

Ia akan di-umumkan sa-lepas Kabinet meluluskan-nya kelak.

BILA TAHUN AKADAMI BARU DI-MULAKAN

# Varsiti Kebangsaan akan mengambil 30 lagi pensharah

16/11/70

UNIVERSITI Kebangsaan akan mengambil kira2 30 orang pensharah lagi tahun depan apabila tahun akadami baru di-mulakan.

Universiti itu baru2 ini telah mempelawa permohonan untok jawatan2 itu dan sekarang sedang mengator untok memanggil pemohon2 bagi di-temu duga.

## Fakulti2

Universiti Kebangsaan sekarang mempunyai 37 orang Pensharah dalam ketiga buah fakulti-nya, Islam, Sains dan Sastera.

Pendaftar Universiti itu, Enche Abdullah bin Saleh, memberitahu hari ini bahawa usaha2 akan di-jalankan pada tahun hadapan untok menguatkan lagi kedudokan pelajaran di-fakulti2 tersebut.

K. LUMPUR, Ahad

Mereka belum lagi meranchang untok menambahkan fakulti2 atau jabatan-nya pada tahun hadapan.

Universiti itu akan menjalankan usaha2 untok mengambil mahasiswa2 baru bagi tahun hadapan sa-telah keputusan pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan di-umumkan sa-rentak dengan pengambilan untok Universiti Malaya dan Universiti Pulau Pinang.

Naib2 Chanselor dari ketiga2 buah universiti itu, Professor Ungku Abdul Aziz, Professor Hamzah Sendut, dan Dr. Rashdan bin Baba, di-jangka akan membinchangkan perkara itu.

Sa-ramai 190 orang mahasiswa di-universiti itu akan mengambil pepereksaan pertama dalam bulan Januari ini.

Sementara itu, kira2 8,000 orang mahasiswa Universiti Malaya akan juga mengambil pepereksaan dalam berbagai jurusan di-kampus Universiti Malaya dari 29 Disember hingga 23 Januari.

# Fakulti Islam UK akan sukar mendapat siswa2 baru

28/11/70

KUALA LUMPUR, Ahad.

BESAR kemungkinan Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan tidak dapat mengambil mahasiswa2 yang chukup saperti yang di-kahendaki, pada tahun depan.

Ini di-sebabkan pelajar2 tingkatan enam jurusan pengajian Islam yang mengambil pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan tahun ini di-jangka memasoki maktab perguruan yang akan di-mulai tahun depan.

Sa-bahagian lagi di-duga akan memasoki Universiti Malaya jika mereka mendapat sijil penoh, atau memasoki fakulti2 lain dari Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan.

Beberapa orang pelajar tersebut memberitahu Berita Harian bahawa langkah2 yang mereka ambil itu di-sebabkan "kami kurang yakin lagi terhadap Fakulti Islam."

"Kami di-beritahu oleh kawang kami yang memasoki Fakulti tersebut bagaimana gelisah-nya mereka dengan kedinginan pehak yang berwajib di-Fakulti itu untok memajukan pengajian dan masa depan-nya," kata sa-orang pelajar wanita.

Mereka "tidak mahu menjadi mangsa kechualan yang sa-demikian rupa, dan tidak mahu terhina hingga pelajaran mereka nanti gagal."

Sa-orang pengharah tingkatan enam jurusan ugama pula memberitahu pehak-nya menduga saramai 30 orang pelajar tersebut di-jangka di-terima mengikuti maktab perguruan yang akan di-tubohkan.

## Menolak

Pelajar2 tersebut ada-lah yang tercherdek dan yang muda2, kata-nya.

Beliau menjangka separoh dari 155 pelajar jurusan Islam itu yang mengambil peperiksaan STP tahun ini akan mendapat sijil penoh.

"Memandang dari pendapat murid2-nya itu, saya rasa mereka akan menolak Fakulti Islam," kata-nya.

Fakulti Islam berchadang akan mengambil antara 60 hingga 70 orang mahasiswa tahun ini. Ia sudah mempunyai 37 orang mahasiswa sekarang.

Pengambilan mahasiswa2 baru itu sa-mata2 dari tingkatan enam jurusan ugama dari bakal bekas Kolej Islam dan sa-bahagian lagi dari Ma'ahad Mahmud, Kedah.

# Universiti Kebangsaan di-kemas hadapi masa depan

10/12/70

UNIVERSITI Kebangsaan sedan g di-perkemas lagi sekarang untok menghadapi perkembangan2 di-masa depan-nya.

Pengemasan itu termasok-lah melateh tutor2, kakitangan akademik, memperkemas bentok fisikal universiti, penyusunan Perlembagaan dan mempertinggi trraf jabatan2-nya.

Menurut Laporan Universiti itu, sa-ramai 12 orang tutor telah pun berada di-luar negeri untok melanjutkan pelajaran mereka di-bidang masing2.

Enam orang dari mereka dari Fakulti Sastera dan enam lagi dari Fakulti Sains.

Sembilan orang lagi, enam dari Fakulti Sains akan menuntut di-luar negeri.

Dari Fakulti Sains itu terdiri dari Enche Othman Abu Bakar, Enche Ismail Onan dan Enche Najib Sheikh Mahmood, ka-London; Enche Mokhtar Bidin, ka-Newcastle-upon-Tyne; Che Khalijah Mohd. Salleh dan Enche Baharuddin Yatim ka-Kent, England.

## Bentok

Tiga orang lagi ia-lah Enche Mustapha Hj. Jar (Kajimasharakat), ka-Northwestern, Illinois, Nik Abdul Rashid Ismail (Ekonomi) ka-Indiana dan Syed Othman bin Hussein Alhabshi (Ekonomi), ka-Wisconsin.

Tiga orang kakitangan akademik juga telah ke-luar negeri.

Mereka ia-lah Enche Mohamad Haji Salleh dari Yunit Bahasa, ka-Michigan; dan Enche Afifin Suhaimi (Kajihayat), ka-Reading.

Dalam usaha memperkemas bentok fisikal universiti, pehak pendaftar sedang memperbaikki bilek2 kuliah, bilek2 makmal, perpustakaan dan bilek2 bagi pensharah.

Perlembagaan Universiti yang sedang di-susun sekarang di-harap akan dapet di-luluskan oleh Parlemen, apabila bersidang pada bulan Febru-ari akan datang.

## Pusat

Tatatertib dan peratoran2 mengenai hal ehwal akademik juga sedang di-gubal.

Laporan itu berkata, dalam jangka lima tahun Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu akan di-pertinggikan taraf-nya menjadi satu institut atau pusat penyelidekan bagi bahasa dan sastera Melayu, di-samping tetap menjalankan fungsi-nya mengurus kulah di-tingkat pra-siswazah.

Jabatan Ekonomi dan Perdagangan juga akan menjadi Fakulti pada masa akan datang, manakala Jabatan Kajimasharakat dan Kajimanusia pula di-harapkan akan menjadi Fakulti Ilmu Kemasharakatan.

**KUALA LUMPUR, Rabu**

Universiti Kebangsaan sekarang mempunyai 4 professor, 3 penasharah kanan, 15 pensarah, 13 penolong pensharah, dan 21 tutor termasok 2 profesor, 1 pensharah kanan dan 7 pensharah dari Indonesia.

Bilangan mahasiswa ia-lah 190 orang manakala tenaga pentadbiran 134 orang.

# Varsiti Kebangsaan berjaya tetapka tarikh sa-benar Batu Bersurat

20/1/71

## Kejayaan besar hasil dari penyelidekan Prof. Syed Naguib

UNIVERSITI Kebangsaan hari ini mengumumkan satu kejayaan yang chemerlang mengemukakan teori2 baru dan menetapkan tarikh sa-benar mengenai Batu Bersurat di-Trengganu.

Ini-lah kejayaan pertama Universiti itu yang berusia 10 bulan dan hasil penyelidekan yang di-lakukan oleh Prof. Syed Naguib Al-Attas itu terkandong dalam sa-buah buku mengandongi 25 halaman yang di-terbitkan oleh Muzium Negara.

Pengumuman itu di-buat bersama oleh Dekan Fakulti Sastera Universiti Kebangsaan, Prof. Syed Naguib Al-Attas dan Pengarah Muzium Negara, Enche Shahrum bin Yub dalam satu sidang akhbar di-Muzium Negara di-sini.

Hasil penyelidekan itu telah berjaya MENETAPKAN tarikh tertulis Batu Bersurat itu — Hari Juma'at 4 haribulan Rajab tahun 702 Hijrah, bersamaan 22 Februari tahun 1303 Masehi.

### Bibas

Batu Bersurat yang menggemparkan dan menjadi puncha penyelidekan demi penyelidekan untok menentukan kedatangan Islam ka-Tanah Melayu itu, di-jumpai tahun 1887 di-tebing Sungai Kuala Berang, Trengganu.

Pada tahun 1902, Syed

**K. Lumpur, Selasa**

Hussin bin Ghulam Al-Bukhari, sa-orang Melayu dari Riau Lingga dan Engku Pengiran Anom dari Kuala Trengganu, ketika melawat ka-masjid dekat situ, telah tertarek dengan tulisan jawi pada batu itu.

Sa-lepas mendapat izin dari Penghulu serta Bilal Masjid, Batu itu di-bawa dengan perahu dan di-persembahkan kapada Sultan Zainal Abidin yang kemudian-nya meletakkan-nya di-suatu kubu lama Melayu di-Bukit Puteri di-muara Sungai Trengganu.

Tulisan huruf Jawi pada Batu itu sa-lama beberapa tahun tiada yang dapat membacha-nya bagi di-fahami maksud-nya.

Sa-telah beberapa penyelidekan oleh pakar2 dari Barat dan beberapa salinan di-kirimkan ka-tempat2 penyelidekan penting di-Singapura dan London, iapun di-tafsirkan pada tahun 1924.

Tafsiran tersebut di-kemukakan oleh Major H. S. Paterson, sa-orang pegawai MCS yang sedang berkhidmat di-Trengganu dan Dr. C. O. Blagden, sa-orang pakar Bahasa Melayu.

### Gempar

Bagaimana pun tarikh mu'tamad mengenai Batu itu belum lagi di-buat orang hingga sekarang, kechuali dugaan2 belaka yang berlainan dari satu sama lain.

Pada tahun 1970, sa-telah mengadakan penyelidekan beberapa lama, Professar Бahasa dan Kesusasteraan Melayu di-Universiti Kebangsaan, Syed Naguib telah berjaya buat pertama kali-nya menetapkan tarikh di-tulis (di-pahat) pada batu itu 84 tahun lalu.

Enche Shahrum Yub berkata, kejayaan-nya itu bukan sahaja untok menetapkan tarikh tahun Batu di-tulis, bahkan juga tarikh haribulan sebenar-nya.

Prof. Syed Naguib pula menegaskan bahawa nyata-lah bahawa tulisan2 dan penyelidekan sejarah sa-lama ini tidak ubah di-peringkat "garis2 kasar belaka, dan menunggu untok di-isikan."

Tegas-nya: "Ahli2 sejarah atau pakar2 Islam sendiri yang harus menulis semula sejarah kedatangan Islam khas-nya ka-Tenggara Asia, dan sejarah lain 'am-nya."

### Dugaan2

Beliau membidas pakar2 dari Barat juga sa-bahagian timor yang menempatkan sejarah kedatangan Islam ka-Tanah Melayu pada buku2 mereka dalam dua tiga halaman sahaja.

"Sedangkan mengenai Hindu dan Budha pula beratus halaman," kata-ny.

Tambah-nya, kedatangan Budha dan Hindu sa-benar-nya tidak berjaya mengubah chorak hidup dan pandangan orang Melayu ka-arah kemajuan.

"Bila datang Islam, timbul-lah perubahan sifat intelektual untok memandang dunia dengan filsapah2 yang rasional dan maju," kata-nya.

Dan kedatangan Barat hanya menyambong pandangan tersebut sahaja, kata-nya lagi.

Prof. Syed Naguib akan memberikan cheramah-nya menghuraikan pendapat-nya itu di-Oditorium Universiti esok (20 Januari) mulai pukol 8 malam dan terbuka kapada orang ramai.

# MAHASISWA UNIBERSITI KEBANGSAAN MENUNGGU KEPUTUSAN

DENGAN selesai-nya tahun pengajian pertama Universiti Kebangsaan pada 30 Januari 1971, maka universiti itu yang kini hanya berumor kira2 sa-puloh bulan telah menyelesaikan tugas awal-nya untok membuktikan bahawa Bahasa Malaysia boleh di-gunakan dalam pusat2 pengajian tinggi.

Kejayaan atau kegagalan sa-terus-nya belum-lah dapat di-lihat sekarang kerana nilaian itu hanya dapat di-beri sa-telah mahasiswa2 kumpulan pertama-nya keluar dari universiti itu. Namun sa-takat ini, memang tidak boleh di-nafikan lagi bahawa Bahasa Malaysia memang berkebolehan untok menjadi bahasa pengantar bagi ilmu pengetahuan di-perengkat tinggi!

### Selesai

Pepereksaan akhir tahun pertama, yang menjadi batu penguji kapada mahasiswa2, juga baharu sahaja selesai. Kawasan kampus Universiti Kebangsaan kini lengang dan sepi. Mahasiswa2-nya telah kesemua-nya pulang ka-kampong masing2 sa-telah untok beberapa lama bergelumang dengan buku2 dan kuliah2, sa-bagai usaha untok mem perlengkapkan diri untok menghadapi peperiksaan akhir.

Dengan tammat-nya sahaja peperek-saan akhir tahun pertama itu, maka mahasiswa2 Universiti Kebangsaan telah menyelesaikan satu tugas awal yang besar, untok menjadi kumpulan mahasiswa pertama yang akan bersama2 melaksanakan tugas mendokong chita2 Bahasa Kebangsaan dan juga mendokong aspirasi ra'ayat untok melihat lahir dan tegoh-nya satu universiti yang betul2 menggambarkan identiti nasional.



Sa-bahagian dari mahasiswa2 pertama Uniberaiti Kebangsaan asbek mendengar pesanan Dr. Rashdan di majlis pembukaan bulan Mei lalu.

Oleh Chamhuri Siwar

# Kejayaan sa-buah Unibersiti bukan hanya terletak pada bilangan mahasiswa-nya yang ramai tetapi....

10/3/71

Kejayaan sa-buah universiti bukan hanya terletak pada bilangan mahasiswa2-nya yang ramai keluar dengan ijazah kelas pertama tetapi harus pula di-lihat sa-jauh mana mahasiswa2 yang keluar nanti dapat menyambut chabaran2 untok menjadi pemimpin masharakat yang betul2 jujur, gigih dan dinamis dalam melaksanakan tugas memimpin masharakat, terutama dalam satu masharakat yang sedang dalam peralehan dari chorak sistem feudal kapada permodenan dan dari sistem tradisional kapada kapitalis.

Dato' Abdul Rahman Ya'akob ketika merasmikan pembukaan Universiti Kebangsaan pada awal tahun pengajian 1970/71 telah melahirkan hasrat-nya ingin melihat sa-jauh mana nanti semangat kebangsaan tertanam dalam jiwa mahasiswa2-nya. Semangat ini sangat perlu terutama bagi membangun masharakat Melayu yang sa-lama ini hanya 'ibarat bueh di-atas ayer'. Masharakat Melayu sangat2 dahagakan puchok kepimpinan dari orang2 yang betul2 bersemangat sesuai dengan perubahan dan kehendak2 dalam zaman yang serba membangun dan menchabar ini.

Mahasiswa2 Univer-

Nilaian kejayaan atau kegagalan kumpulan mahasiswa pertama ini hanya bisa di-perkatakan bila keputusan peperiksaan akhir tahun pertama di-umumkan kira2 pada bulan Mach atau April. Pada masa itu semua ra'ayat jelata yang mempunyai minat dan perhatian kapada universiti ini, akan menumpukan mata dan perhatian kapada universiti ini untok bersama2 memberi ukoran2 dan nilaian2 kejayaan atau kegagalan awal bagi mahasiswa2 kumpulan pertama itu.

## Berdebar

Memang untok mana2 peperiksaanpun, mereka yang merasa telah membuat dengan baik akan merasa keamanan jiwa dan fikiran, manakala mereka yang telah menjawab dengan kurang baik akan sentiasa merasa satu kehampaan yang menekan jiwa dan fikiran mereka.

Lantas dalam masa chuti panjang ini, mahasiswa2 Universiti Kebangsaan akan menunggu keputusan peperiksaan tahun pertama itu dengan dada yang berdebar2, tertanya2 diri sendiri, ada-kah mereka akan dapat terus melanjutkan pelajaran ka-tahun kedua.

Apa-kah reaksi yang terdapat kapada mahasiswa2 Universiti Kebangsaan hasil dari sistem pendidekan 'liberal' yang di-perkenalkan di-universiti ini. Universiti Kebangsaan menyediakan sistem pendidekan yang berchorak 'liberal' dengan membuka peluang2 yang luas bagi mahasiswa2-nya untok memahami lapangan2 dan bidang2 ilmu dengan lebeh bebas lagi.

Tegas-nya, mahasiswa2 fakulti Sastera dan Pengajian Islam di-beri peluang untok memahami disiplin2 dalam bidang sains fisika. Mata2 pelajaran Ilmu Hisab dan Sains Umum ada-lah di-wajibkan — bagi mahasiswa2 dari Fakulti Sastera dan Pengajian Islam.

## Bersedia

Bagi mahasiswa2 dari fakulti Sains pula, mereka ada-lah di-wajibkan untok mengambil mana2 satu dari mata pelajaran 'arts'. Tujuan dari sistem pendidekan liberal ini ia-lah untok membentok satu panduan dari disiplin2 'arts' dan sains, supaya nanti mahasiswa2 yang keluar dari universiti ini tidak hanya berpengetahuan dalam bidang2 tertentu sahaja, ia-itu khusus dalam disiplin2 sains, sastera atau pengajian Islam sahaja, tetapi dapat memahami juga bidang2 ilmu yang lain.

Dengan ini ada-lah di-harapkan mahasiswa2 Universiti Kebangsaan akan mempunyai pandangan yang luas terhadap bidang2 kehidupan dan akan bersedia menerima apa2 sahaja tugas yang akan di-tuntut oleh masharakat dari bidang apa sakalipun.

Memang bagi mahasiswa2 fakulti Sastera dan Pengajian Islam, mata2 pelajaran dari disiplin sains yang di-wajibkan kapada mereka ada-lah satu beban yang sangat berat dan menakutkan. Dan bagi mahasiswa fakulti Sains pula, mata2 pelajaran dari disiplin sastera juga memberi kesan yang sama. Ini amat2 di-rasakan kerana sa-lama ini di-sekolah mereka telah di-lateh dalam bidang2 tertentu sahaja. Juga pada peringkat tingkatan enam pengkhususan dalam bidang masing2 menjadi sa-makin nyata.

Pengkhususan ini telah menyebabkan mahasiswa2 dari aliran sastera yang pengajian Islam kurang mempunyai asas dalam mata2 pelajaran aliran sains dan juga sa-balek-nya, mereka2 yang dari aliran sains kurang mempunyai asas dalam mata2 pelajaran aliran sastera.

## Rungutan

Kesan dari sistem 'liberal' ini memang dapat di-rasai dari rungutan2 mahasiswa2 dari tiap2 aliran. Di-akhir peperiksaan jelas terdengar rungutan2 dari mahasiswa2 terutama dari fakulti sastera dan pengajian Islam tentang sukar-nya kertas peperiksaan mata2 pelajaran Ilmu Hisab dan Sains Umum.

Dari mahasiswa2 fakulti sains pula terdengar rungutan2 bahawa mereka kurang masa untok mengadakan pembachaan yang banyak terhadap mata2 pelajaran aliran sastera sedangkan mata2 pelajaran aliran sastera menghendaki pembachaan yang banyak. Ini sangat berlainan dengan kehendak2 dari disiplin2 sains yang kebanyakan-nya hanya menghendaki rumus2 yang tertentu dari satu2 hukum atau tiori.

siti Kebangsaan mempunyai tugas2 yang berlapis, pertama untok memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang chukup untok melayakkan diri mendudoki pusat pengajian tinggi ini dan kedua, untok melaksanakan puchok pimpinan dalam masharakat, dalam sa-buah negara yang sedang membangun. Untok ini soal2 kemasharakatan, saperti pergolakan politik, sosial dan ekonomi ada-lah di-harapkan untok mendapat perhatian dari mahasiswa2-nya. Soal2 kebangsaan dan keugamaan juga perlu mendapat tinjauan sa-chara chergas dan keritis.

Universiti Kebangsaan mendokong chita2 dari identiti nasional yang murni. Segala chiri2 dari identiti kaum penjajah akan di-ketepikan. Oleh itu hasil dari Seminar Ilmu Pengetahuan di-Malaysia, anjoran Fakulti Sastera Universiti Kebangsaan, telah di-anjorkan supaya segala bidang ilmu pengetahuan mendapat pandangan dan reorientasi kembali.

Dalam Ilmu Sejarah, telah di-anjorkan supaya kita lebeh mempunyai pandangan sejarah yang Malaysia-senterik dan menilai kembali pandangan2 sejarah yang Eropah-senterik. Dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Melayu telah sering di-perkatakan dari universiti ini untok menilai kembali chiri2 permodenan sastera Melayu yang di-hubongkan dengan kedatangan Barat.

Juga dalam kajimanusia dan kaji masharakat, di-katakan bahawa pembaratan bukan berma'ana permodenan, malah di-perkatakan bahawa Islam lebeh awal telah memberi asas kapada permodenan masharakat Nusantara.

Kejayaan dalam bidang penyelidekan telah terbukti, walaupun universiti ini hanya berumor kira2 sapuloh bulan. Professor Syed Naguib al-Attas, Dekan Fakulti Sastera Universiti Kebangsaan baru2 ini telah berjaya menetapkan tarikh batu bersurat Trengganu yang sa-lama ini menjadi keraguan bagi ahli2 sejarah dan kesusasteraan tentang tarikh yang sabenar-nya.

Dengan penetapan tarikh itu, dekan fakulti itu berharap supaya akan tersingkap lembaran2 sejarah mengenai Islam di-Nusantara ini yang sa-lama ini maseh kosong lagi.

## Kelas2

Mahasiswa2 Universiti Kebangsaan juga sedar akan identiti yang di-dokong oleh universiti ini. Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan, sa-lain daripada menjadi badan yang memberi khidmat kapada mahasiswa2 ada-lah juga bertanggong jawab untok memberi tugas terhadap masharakat umum terutama sa-kali masharakat desa.

Pada masa chuti panjang ini persatuan ini mengadakan kelas2 bimbingan kapada badan2 yang memerlukan-nya. Juga kempen2 pergerakan sedar di-adakan di-beberapa tempat untok menerangkan imej dan identiti yang mahu di-perkenalkan oleh universiti ini.

Kegiatan2 mahasiswa-nya yang sa-lama ini berat tertumpu kapada buku2 dan kuliah2 sa-bagai menyediakan diri untok menerima didekan, telah sekarang di-tumpukan kapada kebajikan2 untok membangun masharakat.

Bila pengga. kedua dari universiti ini bermula sa-mula pada bulan Mei, mahasiswa2-nya akan kembali ka-kampus untok terus bersama2 melaksanakan chita2 dari kehendak ra'ayat itu. Sa-hingga ini tugas awal-mereka telah selesai. Tetapi tugas ini tidak akan selesai sa-lagi chita2 dari kehendak ra'ayat itu belum kesemuanya terchapai.

Nilaian awal mengenai kejayaan ilmiah mahasiswa2-nya hanya dapat di-buat bila keputusan pepereksaan tahun pertama di-umumkan. Sahingga satu nilaian dapat di-perkatakan, kita sama2-lah menunggu.

# Universiti Kebangsaan ranchang bentok Fakulti Kejuruteraan

KUALA LUMPUR, Juma'at

UNIVERSITI Kebangsaan ada mempunyai ranchangan untok menubohkan sa-buah Fakulti Kejuruteraan, tetapi tarikh-nya belum di-tetapkan lagi.

Demikian Setiausaha Parlemen Kementerian Pelajaran, Enche Mohamed Rahmat memberitahu Dewan Ra'ayat ketika menjawab soalan Enche Mohamed Tahir Manan (Per: Kapar) petang kelmarin.

Kata-nya, penubohan itu akan di-lakukan sa-baik sahaja tenaga pengajar dan workshop untok fakulti itu di-peroleh.

Beliau menafikan bahawa penubohan fakulti itu di-Universiti Kebangsaan kerana universiti Malaya yang juga mempunyai fakulti kejuruteraan gagal mengeluarkan ramai jurutera Bumiputera.

Menurut Enche Mohamed, mulai tahun ini Universiti Malaya telah memulakan kursus Pre-Universiti untok bakal mahasiswa kejuruteraan.

Sa-ramai 35 orang pelajar sedang mengikuti kelas tersebut, kata beliau.

Sa-belum itu Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Tun V. T. Sambanthan memberitahu bahawa Kementerian-nya sedang menjalankan satu ranchangan bagi memperbaiki kedudokan orang2 Melayu dalam perkhidmatan kejuruteraan.

## *Untok atasi*

Beliau berkata demikian ketika menjawab satu lagi soalan dari Enche Mohamed Tahir yang ingin tahu apakah tindakan yang akan di-ambil untok mengatasi kekurangan jurutera2 Bumiputera.

Kata Tun Sambanthan, mengikut ranchangan itu pembantu2 teknik Melayu yang mempunyai kelayakan boleh di-hantar mengikuti kursus2 kejuruteraan di-bawah peratoran khas.

Maksud ranchangan ini, tegas beliau ia-lah untok menambahkan bilangan orang2 Melayu yang boleh di-lateh menjadi jurutera supaya bilangan mereka itu boleh bertambah dan memperbaiki kedudokan yang tidak sa-imbang dalam perkhidmatan kejuruteraan.

Pemberian biasiswa di-bawah ranchangan ini dan juga untok menghantar chalon2 yang berkelayakan sedang di-timbangkan oleh pehak jabatan perkhidmatan awam, tambah beliau.

Tun Sambanthan juga memberitahu biasiswa2 Kerajaan Persekutuan, ranchangan Colombo dan Kerajaan Negeri sentiasa terbuka kapada pembantu2 teknik yang sedang berkhidmat.

Ini untok membolehkan mereka mengikuti kursus2 hingga mendapat diswazah atau kelulusan professional lain yang sa-taraf dengan ijazah.

Beliau menambah, dari jumlah 37 tawaran yang di-buat tahun 1970, empat buah telah di-berikan kapada pembantu2 teknik.

"Pada tahun ini Kementerian saya telah mengadakan satu ranchangan biasiswa khas yang akan di-utamakan untok pembantu2 teknik.

"Di-bawah ranchangan ini, 117 orang (dari jumlah ini 50 ada-lah pembantu2 teknik Melayu) telah memohon," tegas beliau.

Ketika menjawab soalan dari Enche Abu Bakar Umar (PAS-Kubang Pasu Barat) yang ingin tahu jumlah nazir2 sekolah di-Malaysia barat dan tugas2 mereka, Setiausaha Parlemen Kementerian Pelajaran, Enche Mohamed Rahmat menjawab bahawa jumlah nazir2 itu ia-lah 38 orang.

Kata-nya, nazir2 ini terpaksa melawat kira2 5,000 buah sekolah dan ini bermakna sa-orang nazir itu terpaksa melawat kira2 tiga buah sekolah dalam masa sa-minggu.

Antara tugas2 yang di-jalankan mereka ia-lah menilai kerja sa-sabuah sekolah, menasehat sekolah2 dalam bidang iktisad, menilai perbekalan untok pergerakan2 pendidekan.